NOVEL SEJARAH ISLAM
ABDUL LATIP TALIB
PTS
Litéra Utama
PERANG
SALIB
PERTAMA
JATUHNYA BAITULMUQQADIS

Perang Salib Pertama

Jatuhnya Baitulmuqaddis

Perang Salib Pertama

PTS LITERA UTAMA SDN. BHD
2013

PTS LITERA UTAMA SDN. BHD. (742921-T)
No 12 & 12A, Jalan DBP
Dolomite Business Park
68100 Batu Caves, Selangor, Malaysia
Tel: +6 03 61880316 Faks: +6 03 61890316
Laman web rasmi PTS: www.pts.com.my
Kedai buku online PTS: www.bookcafe.com.my
Facebook: www.facebook.com/bukupts
Twitter: www.twitter.com/bukupts

Cetakan pertama 2013

Perpustakaan Negara Malaysia   Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Abdul Latip Latib, 1954-
Perang Salib Pertama / Abdul Latip Latib
ISBN : 978-967-408-153-9
1. Islamic stories, Malay. I. judul.
297.18

***Pengarah Penerbitan**: Fauzul Na'im Ishak*
(fauzuln@pts.com.my)
***Pengurus Besar Penerbitan**: Mohd Ikram Mohd Nor Wazir*
(ikram@pts.com.my)
***Penasihat Bahasa**: Profesor Emeritus Abdullah Hassan*
(profabdullah@pts.com.my)
***Pengurus Penerbitan**: Wan Zuhairi*
(wanzu@pts.com.my)
***Timbalan Pengurus penerbitan**: Norashikin Wahid*
(ashikin@pts.com.my)
***Pengarah Seni**: Hisham Salmin*
(hishamsalmin@pts.com.my)
***Pengurus Kreatif** : Nor Azri Nor Azmi*
(azri@pts.com.my)
***Editor**: Bahruddin Bekri (bahar@pts.com.my)*
***Editor**: Rafiza Rahman*
***Ilustrasi Kulit**: Nor Azri Nor Azmi*

Diedarkan oleh:
PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
Tel: 03-6188 0316 Faks: 03-6189 0316
E-mel: sales@pts.com.my

Dicetak oleh:
BS Print (M) Sdn. Bhd
No 10, Jalan Indrahana,
Off Jalan Kuchai Lama,
58100 Kuala Lumpur

Kandungan

Berkenaan Novel Sejarah

Novel ini ditulis berdasarkan buku-buku tentang Perang Salib yang merupakan sumber sekunder. Sesuai dengan sifatnya sebagai sebuah novel, penulisannya diselitkan imaginasi penulis yang bersifat fiksyen.

Tujuannya, selain melancarkan pembacaan dan memberi manfaat kepada pembaca, ia juga bagi menanamkan minat pembaca kepada sejarah Islam.

Diharapkan pembaca dapat menilai novel ini hanya sebagai 'pintu' kepada 'rumah' sejarah Islam yang lebih besar dan luas.

Kami menggalakkan supaya pembaca tidak berhenti pada buku ini sahaja, sebaiknya teruskan kepada buku-buku sejarah yang berat sifatnya.

Bagi tujuan akademik yang lebih mendalam, pembaca dinasihatkan supaya terus kepada sumber-sumber penulisan akademik yang bersifat non-fiksyen.

PENDAHULUAN

Perang Salib adalah permusuhan, pertempuran dan pertumpahan darah yang berlaku antara umat Islam dengan Kristian.

Sebelum berlaku Perang Salib pertama pada 1095, keadaan umat Islam tidak bersatu kerana fahaman politik dan perbezaan mazhab. Baghdad diperintah olehkerajaan Abbasiyah, Mesir diperintah kerajaan Fatimiyah, Syam diperintah oleh golongan Ismailiyah, Andalus diperintah oleh Kerajaan Bani Umaiyah yang diasaskan Abdul Rahman Ad Dakhil, dan Turki diperintah oleh kerajaan Seljuk. Mereka tidak bersatu, malah saling bermusuhan.

Kerajaan Abbasiyah di Baghdad sudah lemah dan tidak dapat lagi mengawal negeri-negeri di bawah

jajahannya. Orang-orang Ismailiyah yang memerintah Syam, dilaporkan sering melakukan pelbagai kejahatan seperti merompak, membunuh, memperkosa malah sanggup membunuh mereka yang sedang bersembahyang di masjid, hanya kerana dianggap penentang kerajaan.

Kerajaan Fatimiyah yang memerintah Mesir pula sanggup menjalin hubungan baik dengan negara-negara Eropah, malah meminta bantuan mereka bagi menghancurkan golongan Salajiqah, musuh utama kaum Fatimiyah. Keadaan umat Islam di Mesir ketika itu juga berpecah belah, akibat pertentangan mazhab antara Ahli Sunah dan Syiah.

Sebab-Sebab Berlakunya Perang Salib Pertama

Kerajaan Rom Timur Byzantine atau Kota Konstantinopel, sering diancam tentera Islam yang berusaha menawannya sejak zaman Khalifah Muawiyah Abu Sufian. Kerana itu mereka meminta bantuan dari orang-orang Kristian Barat.

Sebab kedua tercetusnya Perang Salib, apabila tersebar khabar angin yang mengatakan pemerintah Islam berlaku zalim terhadap penganut agama Kristian. Mereka dibunuh, kaum wanita diperkosa dan kanak-kanak dijadikan hamba. Tersebar pula berita orang-orang Kristian yang mahu ke Baitulmuqaddis diserang, dibunuh, dan harta mereka dirampas. Antara tokoh yang menyebarkan khabar angin itu adalah Pope Urban 11, ketua besar penganut agama Kristian. Tanpa menyelidik kesahihannya, pemimpin Eropah terus mempercayainya kerana khabar itu disampaikan oleh ketua agama mereka.

Sebab ketiga, kerana masyarakat Eropah ketika itu terutama orang awam berada dalam keadaan yang amat menyedihkan kerana kezaliman pemerintah. Mereka diwajibkan membayar pajak dan kerja paksa. Keadaan menjadi lebih sulit apabila berlaku kebuluran dan kemiskinan.

Golongan atasan yang diharapkan membela nasib rakyat, bertindak sebaliknya dengan memeras ugut rakyat bawahan dan dipaksa menjadi tentera.

Ada juga usaha menghidupkan semangat jihad penganut Kristian. Mereka ditawarkan pengampunan dan syurga apabila pergi berjihad.

Sebab yang terakhir, apabila golongan Fatimiyah yang memerintah Mesir menjalin hubungan baik dengan pemerintah Eropah, malah meminta bantuan mereka bagi menghapuskan kaum Salajiqah yang menjadi musuh Fatimiyah.

1

Api Dendam

Debu-debu pasir di tengah gurun yang kering-kontang berterbangan ditiup angin. Di padang pasir itu kedengaran riuh-rendah dengan kedatangan rombongan penziarah Kristian. Mereka berarak diiringi bunyi ketukan gendang dan tiupan seruling.

Kumpulan penziarah Kristian itu terdiri daripada golongan bangsawan, dan para kesateria yang datang dari segenap pelosok Eropah. Mereka datang dalam jumlah yang besar, dengan membawa obor dan pedang seperti tentera yang sedia berperang. Kota Baitulmuqaddis yang terletak jauh di Timur Tengah menjadi destinasi mereka bagi menunaikan ibadah ziarah.

Suasana hiruk-piruk itu tiba-tiba menjadi gempar. Sekumpulan lelaki Arab berkuda dan bersenjata mengejar kumpulan penziarah itu. Para penziarah lari bertempiaran menyelamatkan diri. Malangnya, di tengah-tengah padang pasir yang luas itu, mereka tidak punya tempat bagi bersembunyi. Rombongan penziarah itu terkepung, dan terpaksa melawan pasukan berkuda itu.

Dalam pertempuran itu, ramai penziarah Kristian tercedera dan terbunuh. Segala harta penziarah dirampas.

Tindakan pasukan berkuda itu, adalah tindak balas daripada serangan kaum Kristian yang sering menyerang dan membuat huru-hara terhadap orang Islam. Penziarah Kristian itu terdiri daripada kesateria Eropah Barat, yang terkenal dengan sikap suka bergaduh dan berperang. Penduduk tempatan pula sudah tidak mampu menahan kemarahan lagi, kerana sudah kerap sekali kejadian serangan seperti itu berlaku.

Sultan Alp Arslan memandang serius hal yang berlaku. Beliau sedar, suatu tindakan perlu diambil sebelum berlakunya kejadian yang lebih dahsyat.

"Apakah cadangan kamu bagi mengatasinya?" tanya Sultan itu kepada perdana menterinya, Nizam al-Mulk.

"Tuanku, sebelum Baitulmuqaddis ditadbir oleh Bani Seljuk, kaum Kristian dibenarkan menjalani ibadah ziarah atas dasar toleransi. Tetapi keadaan semakin bahaya kerana para penziarah yang datang lengkap bersenjata, dan bertindak ganas terhadap penduduk tempatan. Jadi patik berpendapat lebih baik sekiranya mereka tidak lagi dibenarkan menunaikan ziarah, supaya keselamatan

penziarah Kristian dan keamanan negara kita lebih terjamin." Nizam al-Mulk memberi pandangannya.

"Sebagai pemerintah, sudah menjadi tanggungjawab beta menjaga keselamatan rakyat jelata, dan juga tetamu luar daripada ancaman bahaya. Jadi, beta bersetuju dengan cadangan itu. Maklumkan kepada penziarah Kristian supaya ibadah ziarah itu dihentikan serta-merta," titah Sultan Alps Arslan.

"Perintah dijunjung, Tuanku." Perintah itu segera dilaksanakan.

Sultan Alp Arslan dilahirkan dengan nama Muhammad ibn Daud di wilayah Parsi, empayar Arab Khurasan pada tahun 1026 Masihi. Beliau adalah putera kepada Daud Chaghri Beg, iaitu seorang komander tentera Turki di Khurasan. Beliau juga adalah cicit kepada Penghulu Turkomans Ghuzz yang terkenal sebagai pemimpin tentera, dan digelar Hero Lion.

Alp Arslan adalah Sultan kedua Dinasti Seljuk. Beliau mewarisi kekuasan di daerah Khurasan daripada ayahnya pada tahun 1059 masihi. Daerah Oran pula diwarisi daripada bapa saudaranya pada tahun 1063 masihi. Lalu Sultan Alp Arslan menjadi penguasa tunggal dari sungai Oxus sampai ke Tigris.

Beliau dibantu oleh Nizam al-Mulk, seorang perdana menteri yang cekap. Kombinasi dua pemimpin itu menjadikan pemerintahan Dinasti Seljuk berkembang dengan baik. Bahkan dengan kebijaksanaannya, beliau berhasil menundukkan puak-puak yang saling bertelingkah sehingga wilayah kekuasaannya aman dan damai.

Sultan Alp Arslan sudah menduga tindakannya itu akan mengundang rasa tidak puas hati daripada penziarah Kristan. Apabila pulang ke tanah air, para penziarah memburuk-burukkan kerajaan Seljuk, dengan bercerita yang mereka dianiaya dan dizalimi semasa menunaikan ibadah ziarah.

Pada abad-abad sebelumnya, tidak banyak penziarah Kristian dari Eropah Barat yang berkunjung ke Baitulmuqaddis. Namun, selepas penguasaan Islam yang mengamalkan pemerintahan bertoleransi, penduduk yang beragama Kristian tidak pernah diganggu. Jadi, tempat-tempat suci dan peninggalan Kristian menjadi tempat yang selalu dikunjungi.

Selain itu, orang-orang Yahudi yang dilarang tinggal di situ semasa pemerintahan Kristian, sudah dibenarkan kembali menetap dan beribadah di kota suci itu. Hidup mereka harmoni dan penuh muafakat. Baitulmuqaddis menjadi kota suci bagi ketiga-tiga agama iaitu Islam, Kristian, dan Yahudi. Bahkan, agama-agama itu bebas menunaikan ibadah tanpa sebarang halangan.

Peperangan Yarmouk adalah pertempuran yang berlaku antara tentera Islam dengan tentera Rom Byzantine di Jordan. Ketika itu tentera Islam yang dipimpin oleh Khalid Al-Walid, berjaya menewaskan kontinjen Rom Byzantine yang lengkap dengan senjata. Kekalahan tentera Rom Byzantine di Yarmouk membuka peluang penguasaan umat Islam di Baitulmuqaddis.

Empayar Rom Byzantine mahu menyerahkan kota itu. Namun, Patriarch Sophronius iaitu ketua agama Kristian Baitulmuqaddis memberi syarat, supaya Khalifah Umar Al-Khattab sendiri yang datang ke kota Baitulmuqaddis dan memberi jaminan keselamatan.

Pada sangkaan Sophronius, umat Islam akan menolak syarat itu dan merampas kota suci seperti yang dilakukan kepada empayar Parsi dan Rom Byzantine. Ternyata jangkaannya meleset apabila Abu Ubaidah bin Jarrah yang sedang mengepung Baitulmuqaddis, memenuhi permintaan Sophronius. Beliau menjemput Khalifah Umar Al-Khattab ke Baitulmuqaddis.

Khalifah Umar Al-Khattab berangkat ke Baitulmuqaddis tanpa membawa kehebatan kerajaannya. Beliau hanya menunggang seekor unta dengan ditemani seorang khadam. Bahkan perjalanan Umar dan khadamnya dari Madinah ke Baitulmuqaddis hanya berbekalkan air, roti, dan kurma.

Sebelum sampai ke destinasi, Umar Al-Khattab melalui khemah tentera-tentera Islam yang dipimpin oleh Abu Ubaidah bin Jarrah di Jabiya. Abu Ubaidah bin Jarrah adalah antara sahabat Rasulullah, yang termasuk dalam golongan sepuluh orang yang dijanjikan syurga. Turut bersama-sama Abu Ubaidah ketika itu adalah Khalid Al-Walid. Tentera-tentera Islam menyambut kedatangan khalifah itu dengan penuh penghormatan.

Apabila Abu Ubaidah terlihat kaki Khalifah Umar yang dipenuhi debu-debu tanah, dan luka kerana perjalanan jauh, lalu beliau berkata,

"Wahai Amirul Mukminin, sekiranya kamu memerintahkan supaya kami memapah dan memandu perjalananmu, nescaya kami akan lakukan. Mereka (penduduk Al-Quds) tentu melihat kemegahan kamu sebagai Khalifah."

Umar Al-Khattab berkata, "Demi Allah, sekiranya bukan engkau yang mengucapkannya nescaya aku menghukummu sebagai pengajaran buat umat ini. Sesungguhnya kita semua ini adalah hina lalu kita dimuliakan Allah dengan Islam, sekiranya kita mencari kemuliaan selain Islam sudah tentu kita akan dihina oleh Allah." Cadangan Abu Ubaidah itu ditolak. Umar bersama-sama khadamnya meneruskan perjalanan, dan meninggalkan perkhemahan tentera Islam di Jabiya.

Mereka bergilir-gilir menaiki unta. Kota Baitulmuqaddis berwarna madu sudah kelihatan, menandakan mereka semakin hampir. Khadamnya berpesan supaya Umar terus berada di atas unta, sementara dia memegang tali unta. Tetapi Umar enggan dan menegaskan kepada khadamnya itu, bagi terus mengikut gantian yang ditetapkan. Kebetulan, apabila mereka berdua hampir tiba di gerbang Kota Al-Quds, giliran Umar memegang tali unta itu.

Ribuan tentera Rom Byzantine dan rakyat Al-Quds beragama Nasrani sudah memenuhi kota itu. Mereka ternanti-nanti dan tidak sabar melihat sendiri, pemimpin yang dikatakan sebagai pembuka pintu Al-Quds. Mereka sangat terkejut apabila melihat seorang lelaki berpakaian lusuh dan berdebu, serta kedua-dua kakinya berlumpur sedang memegang tali unta.

Umar berhenti apabila menjejaki gerbang Dimashq, iaitu satu antara pintu masuk ke kota Baitulmuqaddis. Unta dan khadamnya ditinggalkan di situ, dan beliau terus berjalan dengan penuh rendah diri dalam wajah bersinar-sinar. Kekaguman mereka terhadap lelaki itu terserlah, kerana mereka menyangka bahawa Umar akan tiba dengan bala tentera dan segala kemewahan. Tetapi, khalifah itu hanya ditemani seorang khadam.

Seluruh rakyat dan pembesar di Baitulmuqaddis memberi penghormatan kepada Umar sambil menundukkan kepala. Kemudian Umar berteriak keras.

"Alangkah malangnya kamu semua! Angkat kepala kalian, sesungguhnya kamu tidak perlu menundukkan kepala (sujud) seperti ini kecuali kepada Allah."

Patriarch Sophronius bersama-sama uskup-uskup yang sedia menanti Khalifah Umar terasa malu, kerana memakai pakaian yang mewah-mewah bergemerlapan. Sedangkan orang yang mahu diberikan penghormatan hanya berpakaian seperti rakyat biasa.

Sophronius teruja dan menitiskan air mata melihat kesederhanaan Umar. Beliau termanggu apabila teringat tanda-tanda pemilik sebenar kota Al-Quds yang disebutkan dalam Injil. Sophronius mara bertemu Umar sambil di tangannya memegang kunci kota itu. Kemudian Sophronius berkata kepada Umar.

"Sesungguhnya orang yang akan aku serahkan kunci kota Al-Quds, seterusnya menguasai Baitulmuqaddis memiliki tiga tanda. Tanda-tanda itu jelas disebutkan dalam kitab Injil kami. 'Pertama, orang itu akan berjalan

manakala khadamnya menunggang kenderaan miliknya. Kedua, orang itu datang dalam keadaan kedua-dua kakinya diselaputi debu-debu tanah (lumpur). Dan ketiga, orang itu datang dalam keadaan bajunya penuh dengan tampalan.'"

"Aku tidak sedih memberikan kunci kepada Umar, kerana kalian masuk ke kota ini sebagai orang yang memiliki kriteria itu, kamu menakluki perbendaharaan dunia ini sedang kami dalam kawalan kalian. Kamu tentu menguasai kota ini selamanya dengan aqidah Islam, pentadbiran Islam dan juga akhlak Islam."

Khalifah Umar menerima penyerahan kunci kota suci itu secara rasmi daripada Sophronius. Kemudian Umar memberi jaminan keamanan terhadap penganut Kristian yang tinggal di Baitulmuqaddis.

2

Tercetusnya Perang

Di singgahsana itu, Maharaja Romanos IV duduk megah dan berpakaian lengkap dengan bintang-bintang kebesaran. Beliau diapit oleh para pembesar di kiri dan kanannya.

“Beta ingin mengumumkan sudah tiba masanya kita menyerang Turki Seljuk bagi merampas kembali tanah jajahan kita. Bagaimana pula pandangan Jeneral dalam hal ini? Adakah kamu berasa kita cukup hebat bagi menentang kekuatan Turki Seljuk?” tanya Maharaja Romanos IV, merenung tepat jeneral perang di hadapannya.

“Pada pandangan saya, bagi merampas semua wilayah itu kita memerlukan pasukan yang berkebolehan dan kuat. Dengan pasukan yang kuat, pertempuran tidak

menjadi sia-sia dan kemenangan akan berpihak kepada kita," jawab Jeneral perang.

"Pada tahun 1068 Masihi, beta mengambil alih kuasa dan mengubah beberapa pembaharuan demi meningkatkan taraf ketenteraan. Beta juga sudah mengamanahkan Manuel Komnenus sebagai panglima tentera dan melancarkan perang terhadap Turki Seljuk. Atas kebijaksanaan beta ini, walaupun ditentang oleh para pembesar, akhirnya kita berjaya mengalahkan tentera Turki Seljuk dan menawan bandar Hierapolis Bambyce berhampiran Aleppo di Syria itu."

"Tuanku memang bijaksana. Serangan Turki Seljuk terhadap Iconium digagalkan oleh tentera Rom Byzantine yang membalas serangan dari Syria, dan pertempuran itu berakhir dengan kemenangan kita. Tetapi kempen itu berakhir apabila Panglima Manuel Komnenos dikalahkan dan ditawan oleh tentera Turki Seljuk."

"Sekarang sudah tiba masanya kita bertindak semula. Melihat bilangan pasukan tentera Turki Seljuk yang sedikit, membuatkan beta yakin dengan kelebihan tentera Rom Byzantine. Beta mahu menebus kembali kekalahan demi kekalahan sebelum ini, akibat kepemimpinan Constantine X."

"Semasa pemerintahannya kebanyakan anggota tentera terdiri daripada Sclavonian, tentera upahan Armenia, Bulgaria, dan Frank yang tidak berdisiplin, tidak teratur dan tidak ada semangat juang. Oleh itu, beta mahu mengembalikan angkatan tentera yang digeruni semua musuh seperti sebelum ini," jelas Maharaja Romanos IV dengan penuh semangat.

"Adakah Tuanku yakin kita akan menang? Sedangkan banyak wilayah kita sudah ditawan Turki Seljuk. Kehebatan Sultan Alp Arslan, sang singa liar sudah terbukti apabila beliau berjaya menawan Georgia dan Armenia, hingga Raja Georgia mengakui kekuasaan Turki Seljuk," tutur seorang jeneral perang.

"Sudah tentu!" jawabnya angkuh. "Tahukah kamu, bilangan pasukan tentera semakin bertambah dan mereka lebih berdisiplin? Bahkan, persiapan kali ini lebih teratur kerana strategi yang lebih baik. Keupayaan kita sudah pun teruji dalam beberapa siri pertempuran," ujar Maharaja Rom Byzantine itu.

"Kebanyakan wilayah sudah ditakluki Turki Seljuk. Jadi, pada pandangan Tuanku, wilayah manakah sepatutnya kita tawan dahulu?" tanya jeneral perang itu lagi.

"Kita akan mula berarak ke sempadan tenggara empayar. Saya sudah mengaturkan beberapa strategi yang akan digunakan sebaik mungkin," jawab Maharaja Rom Byzantine dengan tegas dan bersemangat.

Panji-panji Rom Byzantine berkibaran megah. Seluruh tentera yang dilengkapi senjata tercanggih sudah bersiap sedia. Penduduk kota mengiringi tentera Rom Byzantine dengan harapan serta doa supaya memperoleh kejayaan. Dalam perjalanan, Maharaja Romanos IV mengubah haluan ekspedisi menuju ke arah Lykandos, apabila mendapat maklumat yang tentera Turki Seljuk sudah menyerbu Pontus dan merampas Neocaesarea.

Maharaja Romanos IV mengatur strategi dengan bergerak dalam pasukan kecil. Hal ini bagi memudahkan

perjalanan melalui Sebaste dan pergunungan Tephrike. Mereka akan memintas perjalanan pasukan Turki Seljuk, seterusnya menyerang pihak lawan.

Pada masa sama, tentera Turki Seljuk dalam perjalanan pulang selepas berjaya menawan wilayah itu, dengan membawa tahanan dan harta rampasan yang banyak.

Kemunculan tentera Rom Byzantine yang tidak diduga itu, memerangkap tentera Turki Seljuk. Berlaku pertempuran antara kedua-dua pasukan tentera itu. Tentera Turki Seljuk hampir tewas, dan memaksa pasukan itu meninggalkan barang rampasan dan membebaskan tahanan. Sejumlah besar tentera Turki Seljuk berjaya melarikan diri.

Sesudah itu, Maharaja Romanos IV kembali semula ke selatan dan menyertai tentera utama. Mereka terlebih dahulu melalui Gunung Taurus ke utara Germanicia, dan meneruskan perjalanan menyerang Emiriah dari Aleppo seperti yang dirancang. Malangnya, maharaja itu ditangkap di Hierapolis, tetapi dilepaskan dengan jaminan.

Kemudian Maharaja Romanos IV terlibat pula dalam pertempuran dengan orang Islam di Aleppo, tetapi beliau tewas dalam pertempuran itu. Maharaja Rom Byzantine kembali ke utara melalui Alexandretta dan Cilician Gates Podandos. Sewaktu berada di sana, beliau dinasihatkan supaya menyerang Amorium iaitu sebuah bandar di Phrygia, Asia Kecil yang diasaskan oleh 'Hellenistik'.

Maharaja Rom Byzantine itu tidak berbuat demikian dan kembali semula ke pangkalan. Beliau bersama-sama

pasukannya sampai ke Konstantinopel pada Januari 1069 Masihi.

"Beta akan memeterai perjanjian dengan Maharaja Romanos," ujar Sultan Alp Arslan kepada para pembesar dan panglima perangnya.

"Satu tindakan yang wajar. Tuanku perlu bertindak cepat sementara mereka dalam keadaan terdesak," sokong pembesar.

"Beta tidak menganggap Rom Byzantine satu ancaman besar, dan tidak berminat melibatkan diri dengan mereka. Beta tidak perlu mengepung dan menawan Manzikert dan Archesh," tutur Sultan Seljuk itu.

"Wahai Tuanku, masakan Tuanku tidak mahu menawan Manzikert dan Archesh?" Pembesarnya kehairanan.

"Beta tidak akan menyerang dua kota itu. Sebaliknya menawarkan pertukaran Manzikert dan Archesh dengan Hieropolis di Syria. Beta mahu menumpukan perhatian memerangi Fatimiyah Mesir yang menjadi musuh utama beta," jawab Sultan itu.

Maharaja Ramanos IV terpaksa bersetuju dengan perjanjian damai itu. Perjanjian itu ditandatangani antara

empayar Rom Byzantine dengan Turki Seljuk pada tahun 1069 Masihi.

Februari, 1071 Masihi

Dua tahun sudah berlalu, Maharaja Romanos IV menghantar utusan menemui Sultan Alp Arslan bagi memperbaharui gencatan senjata pada tahun 1069 Masihi. Utusan Maharaja Romanos IV menemui Sultan Seljuk di luar Edessa, sebuah bandar di utara Mesopotamia yang sedang dikepung. Bandar yang terletak dalam wilayah Armenia itu adalah bandar penting bagi empayar Rom Byzantine. Majoriti penduduknya terdiri daripada penganut Kristian Gereja Timur yang menyokong doktrin agama di Konstantinopel.

Ketibaan dan tawaran oleh Maharaja Rom Byzantine disambut baik oleh Sultan Alp Arslan. Komander dan panglima tentera Islam yang setia datang menghadap Sultan Seljuk itu.

"Dengan perjanjian damai ini, kontinjen utara tentera kita dapat dihindarkan daripada serangan balas tentera Byzantine. Justeru pada hemat beta, kita patut menerima terma genjatan senjata ini, dengan izin Allah."

"Kami menurut perintah. Selepas ini, kita dapat menumpukan perhatian pada ancaman Fatimiyah pula," jawab panglima perang.

"Persiapkan angkatan tentera, kita akan berangkat segera ke Aleppo," perintah Sultan Alp Arslan.

Selepas termeterai perjanjian itu, angkatan perang Sultan Alp Arslan meninggalkan kepungan di Edessa. Kini tumpuan mereka adalah menyerang saki-baki kerajaan Fatimiyah di bandar Aleppo, Mesir. Ketika itu kerajaan Fatimiyyah masih memerangi 'sahabat' mereka di wilayah Daulah Abbasiyyah.

3

Perang Manzikert

Sultan Alp Arslan dalam perjalanan pulang ke ibu kota Thabaristan selepas bertempur di Iconium. Selepas mengharungi peperangan yang perit, kemenangan akhirnya berpihak kepadanya. Semua tentera Turki Seljuk kepenatan, malah ramai yang terkorban dan cedera. Sekitar 15 000 orang tentera sahaja yang terselamat dalam pertempuran itu.

Maharaja Romanos IV gembira, apabila mendengar berita Sultan Alp Arslan dan para tentera Turki Seljuk pulang dalam bilangan yang sedikit, serta berada dalam keadaan keletihan. Beliau lantas memanggil para pembesar dan panglima perang bagi berbincang sesuatu.

"Berita ini menggembirakan beta dan ini peluang kita memerangi mereka" titah Maharaja Romanos.

"Ampun Tuanku, adakah Tuanku yakin kita mampu memerangi mereka?" tanya seorang pembesar. "Dalam hal ini, ada baiknya kita berhati-hati kerana mereka tidak pernah kalah dalam mana-mana pertempuran."

"Adakah kamu takut?" duga Maharaja itu.

"Bukan itu maksud saya. Seperti yang saya katakan tadi, kita perlu berhati-hati kerana Sultan Alp Arslan terkenal dengan kehandalannya, dan mempunyai bala tentera yang berani," terang pembesar itu lagi.

"Disebabkan itu beta mahu menyerang ketika mereka masih dalam keletihan. Beta merancang merampas tanah jajahannya, sebelum menawan ibu kota Sultan Alp Arslan." Maharaja Romanos IV dengan yakin menyatakan hasratnya itu, tetapi ramai pembesar masih bimbang kerana keupayaan maharaja itu masih belum terbukti.

"Wahai panglima-panglima Rom Byzantine, ayuh persiapkan bala tentera kita yang kuat itu, kita akan berangkat memerangi kerajaan Turki Seljuk," perintahnya dengan penuh semangat.

Panglima perang menyambut seruan itu dengan semangat berkobar-kobar. Ditambah dengan genjatan senjata terkini, ia membuka peluang kepada angkatan perang Maharaja Romanos IV bagi menyediakan satu angkatan perang yang lebih besar.

Pada pertengahan tahun 1071 Masihi, Maharaja Rom Byzantine itu berangkat dengan tentera yang terdiri daripada bangsa Kurkh, Georgia, Frank, Saxon, dan

sebahagian penduduk di wilayah Rom Byzantine Timur, yang belum dikuasai kaum Muslimin.

Selepas melalui perjalanan yang jauh, ekspedisi pertama itu tiba di Sebasteia, yang terletak berhampiran Thedosiopolis pada bulan Jun 1071 Masihi, dan membina khemah di situ sebelum meneruskan perjalanan.

"Kami mencadangkan agar kita meneruskan perarakan ke wilayah Turki Seljuk, dan menangkap Sultan Alp Arslan sebelum beliau bersedia," cadang beberapa orang jeneral kepada Maharaja Romanos IV, ketika berbincang arah tuju perjalanan mereka.

Namun cadangan itu dibantah oleh jeneral yang lain, termasuk Nikephoros Bryennios. "Kami pula mencadangkan supaya kita menunggu dan mengukuhkan kedudukan pasukan, sebelum memerangi mereka."

"Memandangkan Sultan Alp Arslan berada di medan perang, inilah peluang keemasan bagi kita menawan semula kawasan Anatolia dan wilayah-wilayah jajahannya," kata jeneral daripada kelompok pertama.

Maharaja Romanos IV mengambil kira kedua-dua pandangan itu. Kemudian beliau mengambil kata putus dan berkata, "Melihat daripada kekuatan bala tentera Rom Byzantine, beta bersetuju meneruskan perjalanan sehingga ke kubu lawan. Beta yakin dengan bala tentera kita ini, kita mampu merampas kembali tanah jajahan Sultan Alp Arslan."

"Saya setuju dengan cadangan, Tuanku." Ramai jeneral bersetuju dengan keputusan itu.

Perjalanan diteruskan semula. Dalam perjalanan itu, pasukan tentera Rom Byzantine menyerang wilayah-wilayah Turki Seljuk. Kawasan Anatolia dirampas, termasuk Kapadokia, separuh wilayah Khurasan, dan sebahagian wilayah Iraq sehingga ke Syam. Dengan penuh bongkak mereka merampas seluruh harta kekayaan orang Islam di daerah itu. Kemenangan itu dianggap sebagai kejayaan besar buat Maharaja Rom Byzantine. Kemudian mereka bergerak menuju ke Tasik Van, dan merancang mengambil kembali Manzikert serta kubu berhampiran Khliat dengan segera.

Tanpa disedari, Sultan Alps Arslan berada di kawasan itu dengan kekuatan bala tentera seramai 30 000 orang, termasuk pasukan berkuda dari Aleppo dan Mosul. Perisik Sultan Alp Arslan sudah mengetahui kedudukan pasukan Rom Byzantine. Sedangkan hal itu tidak disedari oleh pihak lawan.

Berita serangan ke atas wilayahnya membuatkan Sultan Alp Arslan benar-benar terkejut dan marah. Ternyata Maharaja Romanos IV tidak mengotakan syarat gencatan senjata. Bahkan, Maharaja Rom Byzantine itu juga sudah merampas kembali beberapa kota strategik yang ditawan oleh tentera Seljuk sebelum ini.

Sambil berjalan mundar-mandir, Sultan Alp Arslan berfikir akan kekuatan serangan pasukan Rom Byzantine itu. Jiwanya bergelodak bak seekor singa jantan. Tanpa menoleh ke belakang lagi, Sultan Alp Arslan memerintahkan bala tenteranya yang kian berkurangan itu menuju ke Manzikert.

Pada masa sama, Maharaja Romanos IV membentuk dua pasukan. Sebuah pasukan diketuai oleh Yusuf Tarchaneiotes, iaitu seorang Islam Turki. Yusuf akan membawa pasukan tentera dan pengawal Varangians, bagi mengiringi orang Pechenegs dan Frank menuju ke Khliat. Dalam perjalanan menuju ke Khliat, pasukan itu bertembung dengan tentera Turki Seljuk, dan berlaku pertempuran hebat. Pasukan Yusuf Tarchaneiotes berjaya dikalahkan oleh tentera Turki Seljuk.

Kekalahan pasukan Yusuf Tarchaneiotes tidak diketahui Maharaja Romanos IV, yang terus mara ke Manzikert bersama-sama tentera Rom Byzantine.

Ogos, 1071 Masihi

Pasukan Rom Byzantine sampai di Manzikert, dan dengan mudah menawan wilayah itu tanpa pertempuran sengit. Pada masa itu, Maharaja Romanos IV tidak menyedari yang Sultan Alp Arslan dan tenteranya berada tidak jauh dari situ.

Mereka berhenti di kawasan tanah lapang dan membina markas sementara. Pasukan tentera yang berada dibawah kawalan Jeneral Bryennios ditugaskan mencari makanan, dan bertembung dengan tentera Seljuk. Maklumat itu segera dilaporkan kepada Maharaja Romanos IV.

"Mustahil!" herdiknya marah. "Beta tidak percaya tentera Seljuk sudah berada di sini."

“Tetapi Tuanku, sekiranya bukan tentera Seljuk, pasukan apa pula yang berada berhampiran dengan tempat ini? Bahkan pasukan itu cukup besar.” Jeneral Bryennios yakin pasukan yang dilihatnya itu tentera Seljuk.

"Bukankah bilangan tentera Seljuk cuma sekitar 15 000 orang, jadi mustahil itu pasukan Sultan Alp Arslan,” sangkal Maharaja itu.

“Ampun Tuanku, pada pandangan saya ada baiknya kita hantar pasukan lain bagi mengesahkannnya,” cadang Andronikos Doukas pula.

Maharaja Romanos IV memanggil Jeneral Basilakes dari Armenia. Jeneral itu dengan penuh taat setia datang menghadap.

“Kerahkan pasukan kamu menyiasat, adakah benar pasukan Seljuk berada berhampiran tempat ini,” perintah Maharaja Romanos IV dengan tegas.

Jeneral Basilakes segera menyiasat, malangnya pasukan itu diserang dan tertewas. Basilakes berjaya ditawan.

Selepas seharian menunggu, Maharaja Romanos IV mulai bimbang dan menghantar Jeneral Bryennios bersama-sama pasukannya bagi menyiasat kedudukan Jeneral Basilakes. Semasa dalam perjalanan, Bryennios bertembung dengan tentera Seljuk dan pasukan itu terpaksa berundur.

Tentera Seljuk bersembunyi di sebalik bukit-bukit berdekatan pada waktu malam. Hal itu menyukarkan Maharaja Rom Byzantine bagi menghantar bantuan.

Ogos, 1071 Masihi

Sultan Alp Arslan menghantar utusan kepada Maharaja Romanos IV, bagi mengadakan perjanjian damai. Tetapi Maharaja Rom Byzantine menolak perjanjian itu, kerana beranggapan kerajaannya masih mampu menewaskan musuhnya.

Maharaja Rom Byzantine itu ligat menyusun posisi tenteranya, dan beliau sendiri mengetuai bahagian tengah. Bahagian kiri diketuai oleh Jeneral Bryennios, sementara pertahanan sebelah kanan pula dikawal ketat oleh Jeneral Theodore Alyates.

Dalam pada itu, sedang Sultan Alp Arslan sibuk mempersiapkan angkatan tenteranya, tiba-tiba beliau didatangi seorang tenteranya.

"Tuanku, mereka sudah datang."

"Kita akan mendatangi mereka," balasnya penuh yakin.

Sesudah memikirkan keputusannya, beliau memasuki tenda dan menyarung baju besi. Kemudian beliau membalut tubuhnya dengan kain kafan. Sesudah itu, beliau keluar dan tampil ke hadapan bala tenteranya.

"Pada hari ini, agama Islam sedang diancam bahaya besar, dan segenap kaum Muslimin pun juga sedang diancam bahaya besar. Beta begitu khuatir sekiranya kalimat *Laa Ilaaha Illallah* terkikis di muka bumi ini."

Kemudian Sultan itu berteriak dengan lantang, “Wahai kaum Muslimin, tolonglah Islam, tolonglah Islam! Beta sudah membungkus tubuh ini dengan kain kafan. Barang siapa yang menginginkan syurga, perlu beliau melakukan perkara yang sama seperti beta lakukan. Kita harus bertarung di bawah panji Laa Ilaaha Illallah sehingga kita mati syahid, ataupun dapat meninggikan kalimat Laa Ilaaha Illallah.”

Lantas seluruh pasukan tenteranya, yang hanya berjumlah 15 000 orang itu turut membalut seluruh tubuh mereka dengan kain kafan.

Ahli faqih, Syeikh Abu Nashr Muhammad bin Abdul Malik Al-Bukhari yang sentiasa mendampingi Sultan Alp Arslan berkata, “Wahai Tuanku, saya sarankan supaya pertempuran dilakukan pada hari Jumaat, selepas matahari condong, iaitu sebaik selesai solat Jumaat tatkala para khatib sedang mendoakan pasukan mujahidin.”

Sultan Alp Arslan menuruti tanpa mempersoalkan saranan itu. Waktu yang disarankan oleh ahli faqih itu pun tiba, dan kedua-dua pasukan itu saling berhadapan. Seluruh pasukan tentera Turki Seljuk bersedia dengan berani sambil tubuh mereka berbungkus kain kafan. Pemandangan itu menimbulkan kehairanan tentera Rom Byzantine. Belum pernah mereka berhadapan dengan bala tentera yang sebegitu. Ketika itu juga, bala tentera Rom Byzantine sudah memenuhi separuh daripada kawasan yang terbentang luas itu, cukup ramai berbanding dengan tentera Turki Seljuk.

Kini Sultan Alp Arslan sudah bersedia. Pahlawan Islam itu turun dari kudanya lalu sujud kepada Allah.

Beliau berdoa dan meminta pertolongan kepada Allah. Kemudian, beliau dan pasukannya terjun dalam arena pertempuran sambil mengucapkan doa, "Wahai Rabb-ku, aku merindukan perjumpaan dengan-Mu supaya Engkau reda kepadaku!"

"Allahuakbar! Allahuakbar! Allahuakbar!"

Laungan takbir itu menggerunkan tentera Rom Byzantine. Seluruh langit bergema sehingga para tentera kafir itu terpinga-pinga dan tertanya-tanya, seruan apakah itu hingga semangat dan hati mereka menjadi kecut dan goyah?

Sultan Alp Arslan memperlihatkan kepintarannya, dengan menyusun posisi tentera berbentuk bulan sabit. Sebaik perintah serangan bermula, peperangan meletus dengan sengit. Tentera Turki Seljuk memulakan pertempuran dengan menghujani ribuan anak panah ke arah tentera Rom Byzantine. Hujan anak panah membuatkan tentera Rom Byzantine terpaksa menahan dengan perisai. Sudah ramai tentera musuh rebah ke tanah.

Kali ini tentera Turki Seljuk menggunakan taktik serang dan lari. Sementara bahagian tengah pasukan Turki Seljuk berundur, bahagian kiri dan kanan bergerak bagi mengepung tentera Rom Byzantine.

Ketika sedang bertempur, pasukan Rom Byzantine melihat tentera Turki Seljuk seolah-olah berundur. Melihat keadaan itu, bahagian kanan dan kiri tentera Rom Byzantine meninggalkan kumpulan dan cuba mengejar. Tanpa mereka sedari, hal itu hanyalah sebahagian daripada taktik Turki Seljuk.

Taktik itu membawa malapetaka kepada tentera Rom Byzantine. Dalam sekelip mata, banyak kepala berterbangan dan darah berhamburan. Titisan darah membanjiri medan pertempuran.

Maharaja Romanos IV melihat situasi itu mengelirukan mereka. Lalu, beliau mengarahkan semua tenteranya supaya berundur. Namun, Jeneral Andronikos Doukas mengabaikan arahan itu dan terus berusaha menggempur tentera Turki Seljuk. Tindakannya itu dibalas dengan hujanan anak panah. Melihat keadaan itu, Jeneral Bryennios segera membawa keseluruhan pasukan sayap kiri bagi membantu. Malangnya mereka turut ditewaskan. Kini sayap-sayap pasukan Rom Byzantine sudah musnah.

Jeneral Andronikos Doukas mengambil kesempatan dengan mengkhianati Maharaja Romanos IV. Beliau menyatakan yang Maharaja Rom Byzantine itu sudah terbunuh. Khabar angin itu melemahkan semangat tentera Rom Byzantine. Lantas Jeneral Andronikos Doukas bersama tenteranya yang berjumlah 30 000 orang itu segera berundur.

Apabila melihat keadaan itu, tentera Turki Seljuk menjadi lebih bersemangat. Mereka segera mengatur serangan yang lebih hebat.

Maharaja Romanos IV cuba memulihkan keadaan. Beliau berjuang dengan berani sehingga kuda tunggangannya mati dan beliau tersungkur ke tanah. Disebabkan itu, tangannya tidak lagi berdaya memegang hulu pedang. Beliau terbaring kesakitan.

Sultan Alp Arslan mengambil kesempatan itu dengan mengarahkan tenteranya mara, dan menyerang bahagian tengah yang tidak dikawal. Tentera Rom Byzantine tersepit dan akhirnya kecundang.

Banyak sekali tentera musuh terbunuh. Ternyata peperangan itu terang-terangan berpihak kepada pasukan Sultan Alp Arslan.

Sultan Alp Arslan mengucap syukur dengan kemenangan itu. Beliau kemudiannya didatangi beberapa orang tentera, dan membawa bersama seorang tawanan yang kotor dan berdebu. Lelaki itu melutut di hadapan Sultan Alp Arslan, dalam keadaan cedera dan tidak berdaya. Pada mulanya, sultan itu sukar mengecam dan tidak percaya yang lelaki itu adalah Maharaja Rom Byzantine.

Maharaja Romanos IV mencium kaki Sultan Seljuk, sebagai penghormatan sebelum disuruh bangun.

Kemudian dengan angkuh, Maharaja Romanos IV cuba menebus dirinya dengan emas berjumlah satu juta dinar setengah. Tetapi Sultan Alp Arslan enggan menerima tebusan itu, kerana maharaja itu sudah membunuh ribuan orang Islam.

Sultan Alp Arslan menjadikan Maharaja Romanos IV isebagai tawanan. Beliau juga memerintahkan Maharaja Rom Byzantine itu dilayan dengan baik sebagai seorang raja. Maharaja itu turut disediakan dengan meja makan khusus. Ternyata Sultan Seljuk itu bukan sahaja handal dan digeruni di medan perang, tetapi bersikap bertimbang rasa kepada musuhnya sendiri.

Sementara itu, tawaran perjanjian damai oleh Sultan Alp Arslan kepada Maharaja Romanos IV masih terbuka. Sultan itu meminta wilayah Antakioh, Edessa, Hierapolis, dan Manzikert bagi dijadikan kawasan pemerintahan Turki Seljuk.

Sementara itu, pasukan Sultan Alp Arslan kembali menyusun kekuatan dan bersiap-siaga menghadapi serangan balas. Sultan Alp Arslan masih berhati-hati dengan tindakan pasukan musuh yang sering tidak berpuas hati dengan kemenangan kerajaan Islam.

Lapan hari menjadi tawanan, Maharaja Romanos IV dibenarkan pulang ke Konstantinopel. Atas perintah Sultan Alp Arslan, Maharaja Rom Byzantine itu diiringi 100 kesateria Mamluk berserta bekalan makanan sepanjang perjalanan. Kemulian dan kemurahan hati Sultan Seljuk itu membuatkan Maharaja Rom Byzantineanus IV kagum, lalu mengahwinkan seorang anak perempuannya dengan sultan Seljuk itu.

Sekembalinya ke Konstantinopel, Andronikos Doukas yang mengkhianati Maharaja Romanos menjalankan satu komplot menggulingkan Maharaja Romanos IV. John Doukas dan Psellos Michael memaksa Permaisuri Eudokia bersara dan tinggal di sebuah biara. Kemudian mereka melantik Michael VII sebagai Maharaja Rom Byzantine yang baru.

Namun Maharaja Romanos IV enggan menyerahkan takhta itu dengan mudah. Disebabkan itu berlaku pertempuran di Dokeia, antara Andronikos Doukas dengan Maharaja Romanos IV. Malangnya pasukan Maharaja Rom Byzantine itu dikalahkan, dan terpaksa

berundur ke benteng Tyropoion dan sekali lagi berundur ke Adana, Cilicia. Akhirnya Maharaja Romanos IV terpaksa menyerah kerana tidak dapat bertahan, dan menerima jaminan keselamatan peribadi.

Andronikos Doukas membuat tawaran kepada Maharaja Romanos IV, sekiranya beliau meletak jawatan, beliau akan ditempatkan di biara. Maharaja Romanos IV bersetuju dengan perjanjian itu, tetapi John Doukas pula memungkiri perjanjian tersebut.

Jun, 1072 Masihi

Andronikos Doukas menghantar Maharaja Rom Byzantine itu ke Laut Marmara. Ketika dalam tawanan, Maharaja itu mengalami masalah penglihatan dan tanpa bantuan perubatan matanya menjadi buta. Akibat mengalami kesakitan yang berpanjangan, akhirnya Maharaja itu mati dalam buangan. Maharani Eudokia dibenarkan menghormati mayat suaminya dengan menghadiri upacara pengebumian yang penuh meriah.

4

Kejatuhan Turki Seljuk

Raut wajah Malik Shah muram. Usianya masih muda dan tidak berpengalaman. Namun begitu, hasil didikan ayahandanya dan minat yang mendalam terhadap bidang politik, sedikit sebanyak membantunya menguruskan negara. Malik Shah juga dibimbing oleh Nizam Al-Mulk, perdana menteri yang memegang kuasa mutlak dalam pemerintahan.

"Wahai perdana menteri, beta sedih kerana ramai para pembesar mempertikaikan pelantikan beta sebagai pewaris takhta, mereka menganggap kekanda Ayaz yang lebih layak. Lebih mengeruhkan keadaan, Pak Cik Kavurt turut mempertikaikan pelantikan beta," ujar Sultan muda itu dengan nada bergetar.

"Wahai Tuanku, usah Tuanku bimbang dengan perkara yang berlaku ini. Lebih penting sekiranya Tuanku tunaikan tanggungjawab sebagai pemerintah yang adil dan bijaksana," kata Perdana Menteri itu lembut. Beliau mengerti pergolakan jiwa Sultan muda itu.

"Pak Cik Kavurt sudah mempersiapkan bala tenteranya, dan beta terpaksa memerangi bapa saudara sendiri. Dalam hal ini, apa pandangan perdana menteri?"

"Adalah satu perkara menyedihkan apabila bermusuhan dengan saudara sendiri, sehingga memaksa kedua-duanya terjun ke medan tempur. Bagi pendapat saya, sekiranya hal itu memberi ancaman kepada Tuanku, dan selagi berada di pihak yang benar, seharusnya Tuanku berada di barisan hadapan." Perdana Menteri itu memberikan pandangan yang jujur.

Malik Shah memahami maksud kata-kata perdana menterinya itu. "Baiklah, sekiranya begitu persiapkan angkatan perang kita bagi menghadapi sebarang serangan daripada mereka."

"Baik, Tuanku," balas Perdana Menteri Nizam al-Muluk.

16 Mei, 1073 Masihi

Dibawah sinar pagi, langit terbentang luas. Angkatan tentera Sultan Malik Shah sudah menuju ke medan perang. Pasukan itu berhenti berhampiran Hamadan, dan bersiap sedia menghadapi peperangan. Anggota tentera Sultan Malik Shah terdiri daripada Gulams, tentera

Kurdis, dan tentera Arab. Sementara itu, tentera Kavurt pula terdiri daripada tentera Turkmenistan.

Kini kedua-dua pasukan saling berhadapan. Sebaik sahaja panji dijulang, seluruh tentera mara ke hadapan. Langit Hamadan menyaksikan pertempuran sengit antara kedua-dua belah pihak. Selepas melalui pertempuran yang panjang, tentera Turkmenistan berpaling tadah, dan akibatnya Kavurt berjaya ditewaskan.

Pembelotan itu mengejutkan Kavurt. Kavurt cuba melarikan diri, malangnya beliau berjaya ditangkap. Sultan Malik Shah mula memperkukuh dan membentuk pasukan tentera yang unggul, sehingga digeruni pihak musuh sekaligus menjadi penerus kegemilangan Sultan Alp Arslan.

Kini kerajaan Seljuk pimpinan Malik Shah sudah terbukti keunggulannya. Kerajaan itu dengan gah menakluki tanah-tanah jajahan Rom Byzantine.

Rakyat Rom Byzantine pula ternyata tidak menyenangi pemerintahan Maharaja Micheal VII, kerana beliau tidak mementingkan keperluan rakyat jelata yang tersepit dan menderita. Bahkan pemerintahannya menambah beban rakyat yang terpaksa menanggung nilai pajakan yang semakin meninggi.

Selain itu, pihak pemerintah juga menyekat pengeluaran gandum kepada penduduk di Konstantinopel. Kemarahan rakyat lebih memuncak apabila harta kekayaan gereja turut dirampas. Rasa

tidak puas hati ini bukan sahaja timbul dalam kalangan rakyat biasa, bahkan ramai tentera mulai tidak setia kepada pemerintah, dan semakin tidak berdisiplin dalam menjalankan tugas.

Pada tahun 1072 Masihi pula, selepas dua tahun memerintah, Maharaja Micheal VII masih berusaha memerangi Turki Seljuk. Empayar Rom Byzantine menghantar tentera pimpinan Ishak Komnenos, tetapi pasukan itu dapat dikalahkan dan komandernya ditangkap. Masalah itu menjadi semakin buruk apabila tentera upahan, yang diketuai Caesar John Doukas berakhir dengan kegagalan dan komandernya juga ditawan.

Nikephoritzes sudah mampu tersenyum gembira. Penantiannya sudah menampakkan hasil. Selepas John Doukas ditangkap, beliau dilantik oleh Maharaja Micheal VII sebagai perdana menteri, dan Micheal Psellos pula dipecat. Pengaruhnya bertambah kuat terhadap Maharaja muda itu, yang lebih suka menghabiskan masanya dengan berfoya-foya, dan tidak mempedulikan hal ehwal negara.

Sepanjang menjadi perdana menteri, Nikephoritzes mengabaikan Asia Kecil. Beliau lebih senang mengumpul pengaruh dan harta kekayaan dengan memeras rakyat jelata.

"Ampun Tuanku, sejak kebelakangan ini kita sering mengalami kekalahan. Hal ini memberi kesan buruk kepada pemerintahan Tuanku, terutamanya selepas kekalahan John Doukas. Oleh itu, kita mesti berbuat sesuatu bagi memulihkan kembali kuasa Tuanku."

Nikephoritzes mengutarakan kebimbangannya sambil menunjukkan sikap mengambil berat terhadap pentadbiran. Sedangkan itu hanyalah kepura-puraannya sahaja.

"Jadi, apakah cadangan Perdana Menteri dalam menangani masalah ini?" tanya Maharaja Micheal VII.

"Pada pendapat saya, satu-satunya cara yang ada, kita minta bantuan daripada kuasa besar."

"Kuasa besar? Siapa yang Perdana Menteri maksudkan? Cuba terangkan kepada beta," pinta Maharaja yang kelihatan berminat.

"Kuasa dari Eropah Barat. Pope Greogry VII baru dilantik sebagai paus, iaitu ketua Gereja Kristian Barat. Seharusnya kita meminta bantuan daripada beliau. Dengan demikian, kita tidak perlu bersusah payah memerangi tentera Seljuk."

"Jadi, apakah alasan kita bagi meminta bantuan daripada mereka?" balas maharaja ragu-ragu.

"Selepas kekalahan kita dalam Perang Manzikert, empayar Rom Byzantine dilihat tidak lagi mampu menjadi pelindung penziarah Kristian di Timur Tengah. Mungkin mereka melihat kes ini sebagai satu peluang bagi menghulurkan bantuan." Tambahnya lagi.

"Adakah pihak gereja Barat mempunyai kuasa yang begitu besar?"

"Gereja Katolik Barat mahu muncul sebagai kuasa mutlak dan unggul di barat dan di Timur Tengah. Mereka sebenarnya bermatlamat menyatukan semua

gereja yang dahulunya berpecah kepada gereja Barat dan gereja Timur," terangnya panjang lebar.

Maharaja Micheal VII menunjukkan rasa yakin dengan cadangan itu lalu berkata, "Perdana Menteri yakin Paus Barat benar-benar dapat membantu kita?"

"Paus Gregory VII antara pemimpin yang berkuasa, dan berkelayakan bagi memerangi Turki Seljuk."

Bimbang memikirkan sebarang kemungkinan, akhirnya Maharaja Micheal VII bersetuju. Baginda mengutus sepucuk surat kepada Paus Gregory.

Surat kepada Paus Gregory VII sudah pun diterima. Surat yang diutuskan oleh Maharaja Rom Byzantine itu membuka mata Paus Gregory VII, mengenai masalah umat Kristian di timur Mediterranean. Beliau segera mengadakan mesyuarat.

"Apa keputusan Tuan tentang isu yang berlaku Rom Byzantine?" tanya seorang kardinal. Kardinal mempunyai kedudukan tertinggi selepas paus, diikuti oleh archbishop, biskop, priest, deacons, monk, abbot, vicar, dan yang terbawah adalah nuns. Mereka tergolong dalam dewan penasihat yang akan membincangkan setiap permasalahan yang berlaku.

"Masih dalam pertimbangan. Apa pula pandangan kalian?" tanyanya pula.

"Pada pendapat kami, empayar Rom Byzantine itu musuh kita. Jadi permintaan mereka itu mungkin

ada muslihat di sebaliknya. Ataupun mungkin juga memberi kelebihan kepada Gereja Katolik Barat, bagi menundukkan Gereja Ortodoks Timur yang cukup berkuasa di sebelah Timur," jawab kardinal itu.

"Maksud kardinal?"

"Kerajaan Seljuk menakluki sebahagian empayar Rom Byzantine, dan akibatnya mereka terumbang-ambing. Kini, mereka memerlukan sokongan padu daripada kuasa besar bagi memperkukuhkan kekuasaan mereka."

"Mereka tiada pilihan dan terpaksa meminta bantuan kita, dengan menggunakan alasan penziarah Kristian Barat dizalimi. Tambahan pula, Gereja Ortodoks Timur juga mengalami kemerosotan. Mungkin ini peluang kita menguasai kuasa gereja di Rom Byzantine Timur." Pandangan itu dipersetuju ramai anggota dewan.

"Sekiranya saya bersetuju membantu empayar Rom Byzantine, adakah peperangan dapat mengembalikan kekuasaan mereka?" tanya Paus Gregory VII lagi.

Kemudian seorang archbishop bangkit bersuara, "Santos Augistine dari Hippo menggunakan kekerasan untuk berkhidmat kepada Tuhan. Bagi penganut Kristian pula, perang yang adil dapat meninggikan kedudukan darjat seorang pemimpin," tambahnya lagi.

"Paus kini mula dianggap penting. Beliau menjadi pemimpin semua aliran Kristian, baik di Barat mahupun di Timur. Peluang ini adalah jambatan kita ke Timur Tengah dengan mudah."

Pandangan anggota Dewan Penasihat itu diterima oleh Paus Gregory walaupun beliau meraguinya.

"Pada mulanya, saya ragu-ragu bagi mengorbankan darah penduduk awam dalam perang agama. Tetapi keraguan saya hilang apabila tindakan perang ini dilihat sebagai keganasan yang bersebab. Antaranya, penyeksaan kaum Islam terhadap orang-orang Kristian. Melalui peperangan ini, kita dapat menyatukan dua pengaruh gereja yang berbeza, dan mengambil kembali Tanah Suci yang berada dibawah pemerintahan Islam."

Katanya lagi, "Menurut laporan dari empayar Rom Byzantine, mereka juga mempunyai pasukan yang sedia membantu di Timur Tengah."

Dinginnya cuaca Eropah tidak mampu meredakan bahang pergolakan yang sudah pun tercetus. Waktu itu adalah zaman gelap bagi Gereja Katolik. Kerabat Diraja turut mencampuri permasalahan gereja, serta urusan uskup dan kardinal. Hal ini amat tidak disenangi oleh Paus Gregory VII.

"Nampaknya kerabat Diraja tidak menyenangi pentadbiran Tuan. Tambahan pula, kontroversi istiadat pengurniaan pingat kepada raja Frank, jelas menimbulkan masalah yang besar terhadap kedudukan Tuan sebagai paus." Para kardinal meluahkan rasa kebimbangan.

"Berdoalah untuk saya, kerana Tuhan menghantar ujian kepada saya." Beliau sedar, tanpa doa tiada perkara yang dapat diselesaikan dengan baik.

Dari jendela pejabat gereja, Paus Gregory hanya memerhati hampa. Orang ramai berhimpun di luar perkarangan sambil berteriak. Ada yang menyokong pelantikannya, dan tidak kurang juga bertindak sebaliknya. Akibatnya berlaku pergaduhan dalam kalangan mereka. Pertelingkahan kontroversi istiadat pengurniaan mencetus suasana tegang.

Selama 25 tahun, beliau menolak daripada dipilih. Tetapi, selepas Paus Alexendar II mangkat, para kardinal bersepakat memilih Hildebrand sebagai paus yang baru.

“Bantuan yang diminta oleh Maharaja Rom Byzantine terpaksa kita tolak. Dalam keadaan begini, mustahil kita dapat membantu mereka,” putus Paus Gregory VII sesudah memikirkan situasi yang sedang berlaku. Semua ahli Dewan Penasihat bersetuju.

“Tuan, nampaknya Raja Henry masih berkeras meneruskan usahanya supaya Paus pilihannya itu dilantik sebagai ketua biskop, sedangkan pilihannya itu diragui. Tambahan lagi beliau tidak berhak mencampuri urusan gereja,” bantah para kardinal berang.

“Raja Henry sengaja membelakangkan kekuasaan dan kesucian gereja, demi kepentingan sendiri. Namun, kita mesti mempertahankan kekuasaan gereja. Sekiranya tidak, kita ini hanya menjadi boneka. Jika keadaan ini berterusan, mungkin saya terpaksa melepaskan jawatan ini.” Dewan bersidang menjadi riuh-rendah seketika.

Paus Gregory VII cuba menenangkan keadaan dengan berkata, “Mereka membawaku ke takhta suci. Protes-protesku tidak mereka hiraukan. Kegentaran memenuhi hatiku, dan kegelapan sepenuhnya melingkupi

aku," ucapnya sambil memegang erat rantai Salib yang tergantung kemas di lehernya.

Ahli Dewan Penasihat terdiam mendengar kata-katanya itu. Namun kebimbangan masih merajai mereka.

"Raja Henry sanggup melakukan apa sahaja. Mungkin keselamatan Tuan dalam bahaya sekiranya keinginannya tidak tercapai."

"Tuhan sudah memilih saya. Saya memilih haluan yang diredai Tuhan. Saya sudah mengambil langkah-langkah yang perlu bagi menghindari campur tangan negara terhadap urusan gereja. Namun, usaha saya itu sukar kerana semua pembesar termasuk Raja Henry menentang perubahan yang dibawa. Walaupun sebahagian mereka sudah mulai bekerjasama, tetapi ternyata perkara ini bukan satu kerja yang mudah," kata Paus Gregory VII.

Raja Henry IV dari Jerman bertindak keras, dan tidak mahu berhenti daripada mencampuri urusan gereja. Lantaran pengaruh dan ketegasan Paus Gregory VII yang sukar digugat, Raja Jerman itu mengambil tindakan diluar batasan apabila menghantar orang-orangnya menangkap 'Bapa Suci' itu.

5

Maharaja Alexius Comnenus I

Mendung terus menyelubungi empayar. Kemarahan Maharaja Micheal VII seperti guruh meraung di langit. Kekecewaannya bukan kepalang, apabila surat yang dibalas oleh daripada Paus Gregory VII membawa perkhabaran duka. Para pemimpin dan golongan bangsawan turut kecewa.

Kedengaran keluhan Maharaja Micheal VII lebih dalam dan berat. Fkirannya buntu. Kekuatan tentera Rom Byzantine kian merudum. Rakyatnya pula memberontak. Kebangkitan tentera Turki Seljuk juga begitu hebat, hingga benar-benar merobek jantungnya. Beliau tahu empayarnya bakal runtuh sekiranya keadaan itu berterusan. Tetapi lebih malang, apabila beliau

digulingkan oleh Nikephoritzes, perdana menterinya sendiri.

Maharaja Alexius Comnenus I duduk di atas singgahsana indah yang diperbuat daripada emas. Usaha beliau merampas takhta daripada Nikephoros Botaneiates III sudah berjaya. Selepas tiga tahun Rom Byzantine bernaung dibawah pemerintahan Nikephoros Botaneiates, empayar itu berada diambang kegelapan apabila ekonomi dan ketenteraan jatuh merudum. Sejak mengambil alih takhta daripada lelaki diktaktor itu, Maharaja Alexius I mula mengatur hal ehwal negara. Baginya, waktu itu bukan masa untuknya bermegah-megah.

Sifat kepimpinan Maharaja Rom Byzantine itu cukup terserlah. Lahir daripada keluarga bangsawan, Maharaja Alexius Comnenus I adalah hasil perkahwinan John Komnenos dengan Anna Dalassena. Beliau juga merupakan anak saudara kepada Isaac I Komnenos, yang pernah menjadi Maharaja Rom Byzantine pada tahun 1057 Masihi sehingga 1059 Masihi.

Di balai menghadap, sekalian pembesar sudah sedia masuk. Beliau perlu tahu semua hal ehwal pemerintahan negara dan kepincangan yang berlaku, supaya ia dapat diperbaiki.

“Wahai Tuanku, Rom Byzantine sedang diancam, dan Tuanku sendiri terpaksa menghadapi serangan hebat daripada orang Norman, yang diterajui oleh Robert Guiscard dan anak lelakinya Bohemund. Mereka sudah

berjaya mengambil Dyrrhachium, Corfu di barat Greece, dan mengepung Larissa di Thessaly. Kini empayar Rom Byzantine sudah terbatas sehingga pantai barat Anatolia sahaja." Perdana Menteri melaporkan perkembangan empayar selepas diminta oleh maharaja itu.

"Nampaknya keadaan empayar tenat sekali. Menjadi tanggungjawab beta mengembalikan semula kegemilangan empayar Rom Byzantine yang hilang itu."

"Benar, Tuanku. Hanya kebijaksanaan Tuanku yang dapat menyelamatkan empayar kita. Semasa pemerintahan Nikephoros Botaneiates pula, lebih banyak wilayah jatuh ke tangan Turki Seljuk," lapor Perdana Menteri itu lagi.

Maharaja Alexius I bertanya pula kepada jeneral yang berada dihadapannya.

"Wahai jeneral, bagaimanakah pula dengan kekuatan angkatan tentera kita? Adakah pasukan tentera sudah tidak mampu menyekat kemaraan pihak musuh?"

"Sejak pemerintahan Maharaja Micheal VII dan Nikephoros Botaneiates, pasukan tentera Rom Byzantine begitu lemah. Kita perlu memperkukuhkan angkatan tentera sebelum memerangi musuh-musuh kita."

"Selain diancam Turki Seljuk, Rom Byzantine juga menerima ancaman daripada mazhab-mazhab bidaah orang Bogomils dan Paulician, yang memberontak di Thrace. Thrace turut diancam orang Pechenegs," terang jeneral itu.

"Pada hemat beta, sebelum kita memerangi Turki Seljuk, ada baiknya kita menghapuskan ancaman orang

Norman dan Pechenegs terlebih dahulu. Selepas itu, barulah kita mencari jalan bagi menghadapi ancaman Turki Seljuk pula."

Semua bersetuju dengan pandangan maharaja itu.

Era pemerintahan Maharaja Alexius I bermula. Segala kepincangan yang berlaku segera diselesaikannya. Namun usaha Maharaja Rom Byzantine masih belum mencukupi. Sudah beberapa kali mereka menentang orang Norman tetapi masih gagal. Ancaman orang Pechenegs sekali lagi mengundang ancaman, dan pasukan Rom Byzantine gagal menangkis serangan itu kerana kelemahan pertahanan. Ternyata bukan mudah membentuk pasukan tentera yang mantap dalam masa yang singkat.

Maharaja itu sedar, beliau memerlukan sekutu yang sangat berkuasa bagi mengalahkan musuhnya. Tetapi beliau masih ragu-ragu dan perlu mendapatkan persetujuan daripada semua pembesar. Lalu cadangan itu disampaikannya kepada mereka.

"Bantuan dari luar? Siapa yang Tuanku maksudkan?" tanya Perdana Menteri.

"Raja Henry VII," jawab beliau, lalu menyambung lagi, "Dalam keadaan seperti ini, kita perlu adakan satu pakatan dengan raja Jerman. Mereka sangat kuat daripada segi ketenteraan, sedangkan kita memerlukan masa bagi memperkukuh angkatan tentera kita."

"Tetapi bagaimana caranya, Tuanku? Sekiranya ada sekalipun, adakah raja Jerman akan bersetuju? Setahu saya, raja Jerman itu tidak mudah memberi bantuan." Perdana menteri kelihatan masih ragu-ragu.

"Benar. Tetapi mereka tidak akan menolak sekiranya mendapat tawaran yang lumayan. 360 000 keping emas jika mereka menyerang Norman di Itali. Apabila negara mereka diserang, pasti mereka akan kembali mempertahankan negara sendiri, dan tidak akan menyerang kita lagi. Beta yakin usaha ini akan berjaya," kata maharaja itu.

Perdana Menteri dan para pembesar akur, kerana itu sahaja pilihan yang mereka ada sebagai langkah mempertahan empayar Rom Byzantine daripada rebah.

Strategi itu berjaya. Raja Henry VII bersetuju menerima tawaran itu. Serangan Jerman ke atas orang Norman di Itali membuatkan orang Norman memberi tumpuan kepada pertahanan negara sendiri. Walaupun begitu masih ada sebahagian pengikut Robert Guiscard yang terus menyerang Rom Byzantine. Semasa pertempuran sengit dengan orang Norman berlangsung, Maharaja Alexius I merangka strategi dengan membawa masuk tentera laut Venice sebagai bantuan.

Serangan serentak dari bahagian darat dan laut membuatkan orang Norman sukar menangkis serangan. Dengan kuasa tentera laut, akhirnya Maharaja Alexius I dapat mengusir pasukan Norman.

Empat tahun kemudian, permusuhan dan ancaman Norman berakhir dengan kematian Robert Guiscard. Maharaja Alexius I kembali dengan membawa kejayaan. Sebagai ganjaran, Venice mendapat hak perdagangan penting dengan empayar Rom Byzantine.

Sembilan tahun sudah berlalu. Kini cahaya kegemilangan kembali menyinari tanah Rom Byzantine. Empayar itu telah menempuhi zaman kegelapan yang panjang. Maharaja Alexius I kini tersenyum gembira melihat usahanya bagi memulih semula empayar yang suram itu hampir berjaya. Namun, masih terdapat banyak ruang yang perlu diperbaiki, atas kesilapan para pemimpin terdahulu. Selain itu, beliau turut menumpukan perhatian kepada masalah ekonomi yang lumpuh, disamping memperkukuhkan kembali pasukan tentera.

"Ampun Tuanku, apakah yang sebenarnya menganggu fikiran Tuanku?" tanya Perdana Menteri, apabila melihat maharaja itu seolah-olah menanggung masalah yang berat.

Maharaja Alexius I diam seketika sebelum bersuara, "Takhta 'Gembala Metropolitan di Asia' berada di tangan Turki Seljuk, yang ketika ini semakin hampir dengan ibu kota Konstantinopel. Hal inilah yang membimbangkan beta. Masalah ancaman Pechenegs juga masih belum berakhir. Sekiranya dibiarkan, empayar Rom Byzantine akan kembali tergugat."

"Di bawah pemerintahan Tuanku, kerajaan kita sudah semakin pulih dan sudah mendapat beberapa kejayaan, tetapi ternyata ketenteraan kita masih belum cukup kuat bagi memerangi kerajaan Turki Seljuk itu. Oleh itu, kita sepatutnya mendapatkan sokongan dari negara yang kuat, yang dapat membantu kita memerangi kerajaan Turki Seljuk."

"Sokongan kuat daripada siapa?"

"Jiran terdekat empayar Rom Byzantine di Eropah Barat, rakan seagama. Kita dapat meminta bantuan daripada mereka."

"Tetapi bukankah Gereja Kristian Barat dan Gereja Ortodoks Timur saling bermusuhan? Mustahil mereka mahu membantu kita."

"Benar kata Tuanku. Sebelum ini, Maharaja Micheal VII pernah cuba mendapatkan bantuan, tetapi gagal. Mungkin kali ini Tuanku berpeluang mendapatkan bantuan daripada mereka, memandangkan Tuanku mempunyai hubungan baik dengan Raja Henry."

"Satu cadangan yang bijak." Maharaja itu bersetuju. "Tetapi apakah alasan kita meminta bantuan daripada mereka?"

"Kita laporkan perihal penderitaan orang-orang Kristian di Timur. Tanpa bantuan dari Barat, penduduk Kristian akan terus menderita. Sudah pasti mereka tidak akan berdiam diri. Selama ini pun mereka memang memusuhi Islam."

"Cadangan yang bagus. Kami setuju," sahut para pembesar yang lain.

"Baiklah. Pertama, beta perlu mengambil langkah-langkah perdamaian dengan kepausan barat dahulu. Sesudah kedua-dua pihak berdamai, barulah kita mendapatkan sokongan barat bagi memerangi Seljuk." Cadangan Maharaja itu dipersetujui.

Maharaja Alexius Comnenus I marah. Orang Pechenegs kembali menyerang Thrace. Cadangan meminta bantuan dari pihak Barat terpaksa ditangguhkan. Maharaja Alexius I sendiri mengetuai pasukannya menentang orang Pechenegs. Beliau berangkat bersama pasukan tentera menuju ke Thrace, dan melintasi Moesia bagi membalas serangan tetapi gagal mengambil Dorostolon (Silistra). Apabila menyedari kekalahan pasukan tenteranya, beliau segera berundur. Semasa pengunduran itu, Maharaja Rom Byzantine itu dikepung dan berjaya ditawan.

Orang Pechenegs memberi beberapa syarat sekiranya ingin Maharaja Alexius I dibebaskan. Antaranya, beliau mesti menandatangani gencatan senjata dan membayar wang perlindungan. Maharaja Rom Byzantine itu tiada pilihan lain selain akur dengan syarat-syarat itu.

Namun serangan orang Pechenegs tidak berhenti begitu sahaja. Pada tahun 1090 Masihi, mereka tetap menyerang Thrace. Tzachas pula mengambil kesempatan dengan melancarkan serangan laut, dan cuba mengepung Konstantinopel bersama-sama orang Pechenegs. Maharaja Alexius I segera mengatur strategi bagi mempertahankan ibu kota empayar. Usaha pihak musuh akhirnya menemui kegagalan dan terpaksa berundur.

April, 1091 Masihi

Setahun kemudian, sekali lagi tercetus pertempuran antara pasukan Rom Byzantine dengan orang Pechenegs di Levounion, Thrace. Pasukan Rom Byzantine mendapat

bantuan daripada 40 000 tentera dari Cumanssul. Hasil bantuan itu pasukan Rom Byzantine berjaya menghancurkan orang Pechenegs, seterusnya berjaya mendapatkan sempadan Timur Laut.

6
Persidangan Piacenza

Kota Konstantinopel seolah-olah berpesta. Kemangkatan Sultan Malik Shah dirai dengan meriah. Maharaja Alexius I turut gembira. Kemangkatan Sultan Malik Shah dan Perdana Menterinya Nizam Al-Mulk itu ibarat bulan jatuh ke riba.

"Tuanku, dengan kemangkatan Sultan Malik Shah, sudah tiba masanya kita meminta bantuan dari Eropah dan mengambil semula tanah milik kita."

Maharaja Alexius I ketawa gembira. "Bagi beta, pedang berkilauan lagi tajam yang membenamkan kerajaan Rom Byzantine ke dalam 'zaman kegelapan', kini sudah patah menjadi abu. Empayar kita sudah

bebas. Beta cukup yakin kerajaan Turki Seljuk akan berpecah-belah."

"Benar. Inilah masanya kita serang mereka," sahut para pembesar menyatakan sokongan padu.

"Wahai Tuanku, pada pandangan saya, dalam hal ini kita mesti menyiasat keadaan mereka terlebih dahulu, bimbang ini satu muslihat." Kata-kata pembesar tua mematahkan suasana yang sedang gembira itu. Sejak tadi pembesar tua itu hanya mendengar dan mendiam diri.

"Maksud Tuan?" tanya Maharaja Alexius I. Hairan.

"Dalam keadaan sekarang, kita jangan leka, perlu berjaga-jaga dan terus memperketat kawalan keselamatan. Walaupun mereka sudah berpecah, tidak mustahil mereka akan berlumba-lumba menunjukkan kekuasaan masing-masing, dengan menawan Konstantinopel yang gagal ditawan oleh Sultan Malik Shah dahulu," jelas pembesar tua itu sebelum menyambung,

"Disebalik permintaan kita kepada pihak barat, sudah pasti mereka akan meminta ganjaran yang bukan sedikit sebagai balasan. Maka Tuanku harus bijak membuat keputusan."

Maharaja Alexius I terdiam. Kata-kata pembesar tua itu ada benarnya.

Kemudian perdana menteri mencelah, "Kota Antokiah dan kota Nicea sudah jatuh ke tangan kerajaan Seljuk, jangan sampai seluruh empayar Byzantine ditawan barulah kita mahu meminta bantuan Barat. Kita mesti bertindak sebelum keadaan menjadi lebih teruk."

"Tetapi persoalannya, bagaimanakah kita mahu mendapatkan bantuan mereka? Sedangkan kita tidak mempunyai hubungan baik dengan Barat?" celah yang lain pula.

"Dikhabarkan pemimpin Barat, Robert Frisian sedang menunaikan ziarah ke Baitulmuqaddis. Ini peluang terbaik kerana beliau dapat menjadi orang tengah, antara kita dengan pihak Barat. Sudah tentu beliau sendiri melihat dan mendengar kisah-kisah penziarah Kristian Eropah yang dizalimi ketika berada di sana."

Maharaja Alexius I mengangguk, bersetuju. "Aturkan pertemuan beta dan pemimpin itu."

Walaupun timbul pertelagahan antara pembesar, sama ada mahu meminta bantuan ataupun sebaliknya, tetapi akibat desakan kuat Maharaja Rom Byzantine, mereka bersetuju dan nekad meminta bantuan dari Barat.

Ketika dalam perjalanan pulang daripada menunaikan ziarah di Baitulmuqaddis, Robert Frisian dari Flanders dipelawa bertemu dengan Maharaja Alexius I. Kedatangannya disambut dengan penghormatan besar oleh Maharaja Rom Byzantine. Pertemuan itu membuahkan hasil, apabila Robert Frisian berjanji akan menghantar tentera apabila beliau kembali ke Flanders kelak.

Tiga tahun berlalu dengan pantas. Kerajaan Seljuk semakin menunjukkan taring dengan menawan sebahagian Anatolia. Namun begitu, Robert Frisian masih belum menunaikan janjinya bagi menghantar bantuan ke Timur. Hal ini sangat membimbangkan Maharaja Rom Byzantine. Akibat terdesak, beliau mengutus sepucuk

surat kepada Robert Frisian bagi mengingatkan janjinya itu.

Antara isi kandungan surat kepada Robert Frisian itu bertulis,

"Ingat, anda akan menemui khazanah yang tidak ternilai dan juga kecantikan wanita Greek di Timur yang tiada taranya."

Maharaja Rom Byzantine sengaja menarik minat dan perhatian bangsa Eropah bagi memberikan bantuan.

Pada tahun 1094 Masihi

Maharaja Alexius I kecewa. Sekali lagi seruan bantuan itu terhenti apabila empayar Rom Byzantine diserang oleh orang Cumans. Serangan itu bermula di wilayah-wilayah di Balkan. Selepas ancaman orang Pechenegs berakhir, kini orang Cumans pula ibarat gunting dalam lipatan.

Serangan orang Cumans itu diketuai oleh Laertius Constantine, yang mendakwa dirinya anak kepada Maharaja Romanos IV. Serangan itu juga merupakan tindakan membalas dendam.

Bala tentera Rom Byzantine yang diketuai Maharaja Alexius I berangkat menuju ke Thrace. Sementara itu, orang Cumans melintasi gunung lalu menyerbu ke timur Thrace, dan kedua-dua pasukan itu bertembung, lalu berlaku pertempuran hebat. Dalam pertempuran itu, Laertius Constantine terbunuh di Adrianople, dan berakhirlah ancaman daripada orang Cumans terhadap kerajaan Rom Byzantine.

Mac, 1095 Masihi

Piacenza, bersebelahan dengan Sungai Po terletak di persimpangan penting yang menjadi laluan para pedagang. Suasana di perlabuhan itu sering sibuk dengan kapal-kapal pedagang, dan para penziarah. Persidangan Piacenza akan bermula dari 1 Mac hingga 5 Mac 1095 Masihi, seperti yang dirancang.

Tempat berlangsungnya Persidangan Piacenza, sudah penuh dengan lebih 3 000 orang paderi dan hampir 30 000 orang sukarelawan gereja. Persidangan itu diadakan sempena akhir lawatan Paus Urban II ke Itali dan Perancis, yang bertujuan menegaskan kuasanya selepas kontroversi dengan Raja Henry IV.

Tetamu penting dalam majlis itu adalah utusan empayar Rom Byzantine, yang bertujuan merayu bantuan dunia Kristian menentang orang Islam. Tiga tahun selepas mengutus surat kepada Robert Frisian, pemimpin barat itu meminta Maharaja Alexius I turut hadir ke Persidangan Piacenza.

"Wahai Paus Agung, saya utusan dari empayar Rom Byzantine, yang membawa perutusan daripada Maharaja Alexius Comnenus I. Beliau memohon bantuan daripada pihak gereja Kristian Barat agar membantu kami, orang Kristian Timur yang ditindas dan dianiaya oleh orang Islam Turki Seljuk."

Dalam ucapan itu, utusan Maharaja juga menekankan betapa deritanya rakyat Kristian di Timur Tengah yang diancam oleh orang Islam. Berapa tuduhan palsu yang tidak berasas turut dilemparkan terhadap Islam.

Pada dasarnya, Persidangan Piacenza berjaya. Ucapan utusan empayar Rom Byzantine itu berjaya menarik perhatian Paus Urban II. Permintaan Rom Byzantine itu jelas menunjukkan yang empayar Timur dan Gereja Ortodoks lemah dan memerlukan bantuan ketenteraan. Pada pandangannya, jika bantuan diberikan, pasti gereja-gereja di bawah kuasanya termasuk di Timur Tengah dapat disatukan semula.

Para ahli Dewan Penasihat sudah berkumpul. Topik perbincangan adalah berkenaan permintaan daripada Maharaja Rom Byzantine, selain merungkai kemelut yang sedang bergolak di wilayah Timur Tengah ketika itu.

"Wahai para kardinal yang bijaksana, apakah pendapat kalian berhubung masalah yang mengancam empayar Rom Byzantine?" tanya Paus Urban II kepada ahli Dewan Penasihat.

"Kita semua tahu empayar Rom Byzantine hampir ditakluki kerajaan Turki Seljuk. Mereka meminta bantuan hanyalah bagi mengusir musuh mereka. Kami bimbang sekiranya tujuan itu demi kepentingan empayar semata-mata, bukannya untuk kepentingan orang Kristian khususnya," jawab seorang wakil kardinal menyatakan pandangannya.

"Walau bagaimanapun, masalah yang sedang dihadapi oleh empayar Byzantine tidak boleh didiamkan saja. Terbukti selepas Perang Manzikert, empayar Rom Byzantine tidak mampu lagi melindungi Kristian Timur. Bahkan bagi menjadi pelindung kepada penziarah-penziarah pun sudah tidak berupaya." kata Paus Urban II.

"Tuan, kita juga mempunyai masalah yang sama. Raja Jerman Henry IV juga mempertikaikan pelantikan Tuan sebagai paus. Adakah perkara yang berlaku kepada Paus Gregory akan berlaku sekali lagi? Apa pandangan Tuan?" tanya seorang kardinal.

"Setiap masalah pasti ada penyelesaiannya. Saya tidak ingin pertikaian dengan Raja Henry terus berlanjutan, kerana tidak menghasilkan apa-apa kebaikan. Saya melihat dengan adanya musuh bersama, ini akan membantu menyatukan dunia Kristian, Barat dan Timur," ulas Paus Urban II lagi.

"Maksud Tuan?" para kardinal kurang mengerti.

"Saya sudah fikirkan perkara ini. Pada pandangan saya, permintaan Maharaja Alexius I itu membuka dua peluang kepada kita. Pertama, dengan campur tangan di Timur Tengah, ia dapat mengukuhkan Eropah Barat. Kedua, melalui bantuan ini, ia dapat menyatukan semula Gereja Ortodoks Timur dengan Gereja Katolik di bawah satu pemerintahan," jawab Paus Urban II.

Lalu Paus Urban II membentangkan hujah-hujahnya, berkaitan permasalahan empayar Rom Byzantine itu dengan lebih terperinci.

"Terdapat beberapa faktor yang memperkuat alasan kita bagi membantu mereka. Faktor pertama, sejak Dinasti Turki Seljuk merebut Baitulmuqaddis dari tangan kerajaan Fatimiyah pada tahun 1070 Masihi, pihak Kristian berasa tidak bebas lagi menunaikan ibadah di sana. Hal ini kerana, para penguasa Turki Seljuk menetapkan banyak peraturan yang menyulitkan mereka."

"Bahkan para penziarah yang pulang, sering mengadu akan perlakuan buruk orang-orang Seljuk yang fanatik. Para pemimpin yang silih berganti dalam Dinasti Seljuk, berbeza dengan penguasa Islam Arab yang pernah menguasai kawasan itu sebelum ini." Beliau menyambung lagi.

"Faktor kedua, kerana politik. Ketika ini, kekuasaan Islam sangat rapuh. Dinasti Fatimiyah di Mesir hampir lumpuh, sementara kekuasaan Islam di Sepanyol pula semakin goyah. Situasi bertambah parah akibat pertentangan segitiga antara pemimpin Fatimiyah di Mesir, pemimpin Abbasiyah di Baghdad, dan Amir Umayyah di Cordoba. Keadaan ini memudahkan kita merebut satu per satu daerah kekuasaan Islam, seperti dinasti-dinasti kecil di Edessa (ar-Ruha') dan Baitulmuqaddis."

"Ketiga, atas sebab faktor sosial ekonomi. Pedagang-pedagang besar di kota Venezia, Genoa, dan Pisa berjaya menguasai sejumlah kota-kota dagang di sepanjang pantai timur dan selatan laut tengah. Jadi, pasti mereka dapat membiayai sebahagian dana, asalkan kawasan itu dijadikan pusat perdagangan mereka apabila pihak Kristian Eropah menang."

“Di samping itu, golongan masyarakat Eropah terdiri daripada tiga kelompok, iaitu pihak gereja, kaum bangsawan juga kesateria, dan rakyat jelata. Saya yakin mereka akan menyambut seruan kebangkitan dan berduyun-duyun menyertai peperangan kelak.”

“Sejak tahun 632 Masihi, banyak kota penting dan tempat suci umat Kristian ditakluki oleh umat Islam. Hal ini menyebabkan penyebaran agama Kristian tidak berkembang seperti di Eropah.” Paus Urban II berhenti seketika sambil memandang ke arah ahli Dewan Penasihat, lalu meminta pandangan daripada mereka.

“Kami sedang mendengar. Teruskan,” kata mereka penuh berminat. Mereka berpuas hati dengan hujah-hujah yang dibentangkan Paus Urban II, yang dianggap bijak, telus, berani, dan berpandangan jauh.

“Oleh itu, bantuan kepada empayar Rom Byzantine adalah misi terbesar, iaitu membebaskan kota suci Jerusalem daripada tangan orang Islam. Hal ini juga adalah antara cara mengalih perhatian para kesateria Barat yang terus bergaduh sesama sendiri. Mereka ini kita jadikan tentera suci bagi mengambil semula Jerusalem. Selain itu, misi ini juga dapat mengurangkan masalah kebuluran ketika negara kita sedang bergelut dalam kesukaran. Saya yakin, mereka akan menyahut seruan kita atas nama agama.”

"Satu cadangan yang bagus. Kami setuju.”

“Tetapi Tuan, apakah jaminan yang kita dapat sekiranya Jerusalem berjaya kita rampas? Siapakah yang akan memerintah kota itu? Kita ataupun empayar Rom Byzantine?” soal seorang kardinal.

"Satu perjanjian akan diadakan dengan mereka. Kita akan memberi kata dua sekiranya Maharaja Alexius mahu bantuan daripada kita. Gereja Kristian Ortodoks Timur mesti tunduk kepada Gereja Kristian Barat, supaya hanya satu gereja sahaja menguasai Timur. Sekiranya mereka enggan, kita tidak akan membantu mereka."

"Adakah Tuan rasa mereka setuju?"

"Mereka terdesak, disebabkan itu mereka meminta bantuan dari Kristian Barat. Jadi saya fikir mereka tidak punya pilihan lain, selain bersetuju."

Utusan yang dihantar ke Persidangan Piacenza sudah kembali, dan segera menghadap Maharaja Alexius I yang sudah tidak sabar menanti. Sebaik mendengar syarat yang diminta oleh Paus itu, serta-merta wajahnya berubah.

"Sebelum kami menyatakan pandangan, apakah pendapat Tuanku dengan permintaan mereka?" tanya pembesar tua memecah suasana bungkam.

Pertanyaan itu terus tidak dijawab. Maharaja Alexius I hanya diam sambil memikirkan syarat itu. Kemudian beliau berkata, "Pada pendapat beta, elok kita setuju dengan syarat yang mereka minta."

"Mengapa?" Pembesar tua itu terkejut.

"Kita tiada pilihan, selain merampas kembali tanah jajahan kita dengan apa cara sekali pun. Sekarang adalah peluang terbaik kita, kerana kerajaan Turki Seljuk saling

berperang sesama sendiri. Sekiranya mereka bersatu, lebih sukar kita menentang mereka."

"Saya tidak setuju!" bangkang pembesar tua. "Sepatutnya Tuanku mempertahankan kedudukan kita daripada tunduk kepada kuasa Barat. Bagaimana sekiranya mereka pula merampas hak kita? Sekiranya mereka menguasai Gereja Ortodoks Timur, kita akan kehilangan kuasa."

"Benar, Tuanku," sokong pembesar yang lain. "Kita tidak perlu ikut syarat mereka. Kami bimbang mereka mengambil kesempatan apabila melihat kemakmuran, tanah yang subur dan kekayaan negara, ditambah pula ketidakupayan kita menentang musuh. Lagipun, negara Eropah sendiri mengalami zaman kegelapan, ramai rakyatnya yang bergaduh sesama sendiri dan kekurangan makanan. Sudah tentu mereka melihat negara kita sebuah negara yang sesuai untuk diterokai," hujah pembesar yang ada.

"Saya pula bersetuju," celah perdana menteri. "Memang wajar Tuanku meminta bantuan dari Barat kerana keupayaan mereka melebihi kita bagi memerangi Turki Seljuk. Tidak ada yang lebih penting daripada menyelamatkan wilayah. Sekiranya kita terlewat, bimbang kuasa Tuanku pula yang akan tergugat."

"Barat rakan seagama. Islam pula musuh kita. Beta tidak rela empayar kita ini ditakluki Islam. Sekiranya mereka menawan kota ini, kita semua akan dibunuh! Adakah kalian mahu dibunuh?" herdik Maharaja Alexius I sambil memandang wajah semua pemimpin.

"Tidak!" Semua pembesar mengeleng kepala.

"Kita perlukan bantuan Barat. Mereka sahaja harapan kita. Beta tetap dengan keputusan bagi meminta bantuan daripada mereka," putus Maharaja itu dengan nekad.

Perbincangan yang berlangsung memecahkan para pemimpin kepada dua pihak. Namun Maharaja Alexius I tetap dengan pendiriannya, dan dia mengutus sepucuk surat kepada Paus Urban II bagi menyatakan keputusan yang sudah diambil.

Surat yang dibawa utusan Rom Byzantine itu sudah berada di tangan Paus Urban II. Menurut kandungan surat itu, Maharaja Alexius I bersedia dengan syarat tersebut. Paus menerima berita itu dengan gembira. Beliau juga sedia maklum yang Rom Byzantine pernah menjadi empayar yang cukup hebat di dunia, namun kini terpaksa tunduk akibat tekanan daripada kerajaan Turki Seljuk.

Lalu beliau merancang strategi tersendiri. Perkara utama yang perlu dilakukan adalah membangkitkan kemarahan umat Kristian di Eropah Barat terhadap umat Islam, supaya mereka turut sama bangun berperang.

7
PERSIDANGAN CLERMONT

"Tuan, Persidangan Piacenza sudah mengukuhkan kuasa Tuan di Itali. Ini satu perkembangan yang bagus," kata penasihat Paus Urban II.

Paus Urban II tersenyum gembira, lalu berkata, "Benar. Matlamat saya bagi mengukuhkan kuasa di Itali tercapai. Kini saya dapat memberi tumpuan sepenuhnya kepada Perang Salib."

"Tetapi, Itali bukanlah tempat yang dapat mencetuskan semangat keagamaan, malah jika menggunakan nama 'paus' sekalipun, usaha ini belum tentu berjaya kerana gelaran itu masih dipertikaikan."

"Jadi apa perancangan Tuan?" tanya penasihatnya lagi.

"Saya bercadang mengadakan satu persidangan bagi menyampaikan seruan secara terbuka. Ini bagi membakar semangat golongan bangsawan, dan rakyat jelata bagi menyertai gerakan suci menakluk kota Jerusalem. Selain itu, ada beberapa perkara penting yang akan dibentangkan dalam persidangan itu."

"Di mana persidangan itu akan berlangsung?"

"Saya akan mengutus surat ke Le Puy, bagi menjemput semua pemimpin agama tertinggi supaya hadir ke Majlis Gereja Umum, pada bulan November nanti di Clermont. Persidangan kali ini penting, dan saya yakin gesaan kita pasti mendapat sambutan baik di tanah air sendiri. Saya sasarkan seruan ini kepada golongan bangsawan dan kesateria Perancis."

"Satu keputusan yang bijak. Mengikut jadual tugas, Tuan tiba di Perancis pada bulan Ogos bagi meninjau pembaharuan gereja di sana. Sepanjang September dan Oktober pula, Tuan dijadualkan melawat gereja di seluruh bandar. Kemudian barulah Tuan tiba di Clermont pada pertengahan November, dan itu adalah masa yang sesuai bagi mengadakan persidangan" kata penasihat Paus itu.

"Baiklah, aturkan persidangan itu dan sebarkan kepada semua pihak gereja," perintah Paus Urban II.

November, 1095

Saat yang dinantikan sudah tiba. Paus Urban II naik ke pentas besar di tengah padang. Di hadapan ribuan umat Kristian, beliau mula berkhutbah. Bilangan tetamu yang hadir sudah cukup memuaskan hatinya. Harapannya, supaya persidangan itu dapat membawa satu kebangkitan suci, dan menggerakkan ekspedisi ke hujung timur Mediterranean.

"Wahai orang-orang Frank. Wahai orang-orang di luar pergunungan ini. Wahai orang yang dicintai Tuhan, yang jelas daripada perilaku kalian, yang membezakan diri daripada bangsa-bangsa lain di muka bumi ini, kerana iman dan pengabdian kalian pada gereja suci, ini pesan dan imbauan khusus untuk kalian." Paus itu memulakan hujahnya dengan penuh semangat.

"Khabar buruk sudah tiba dari Jerusalem dan Konstantinopel, sebuah bangsa asing yang terkutuk dan menjadi musuh Tuhan yang tidak lurus hatinya, dan yang tidak setia jiwanya pada Tuhan, sudah menyerbu tanah dan menghancurkan orang-orang Kristian, dengan pedang dan api secara paksa."

"Ramai orang Kristian yang mereka tawan dan dijadikan hamba, sementara sisanya dibunuh. Gereja-gereja pula, sekiranya tidak dihancurkan, mereka jadikan masjid. Altar-altar diporak-perandakan. Orang-orang Kristian disunatkan, dan darahnya pula dituangkan pada altar ataupun tempat-tempat pembaptisan."

"Ada antara mereka dibunuh secara keji, iaitu dengan dibelah perut dan dikeluarkan ususnya. Orang Kristian

ditendang, dan dipaksa berjalan sampai keletihan hingga tersungkur di atas tanah. Mereka dipergunakan sebagai sasaran panah. Ada juga penduduk Kristian yang lehernya dipotong oleh tentera Islam, bagi menguji ketajaman mata pedang mereka. Lebih mengerikan lagi perlakuan mereka terhadap kaum perempuan."

"Kewajiban siapa lagi sekiranya bukan kalian yang harus merebut kembali daerah-daerah itu? Ingat, Tuhan memberi kalian banyak kelebihan berbanding bangsa-bangsa lain. Antaranya semangat juang, keberanian, keperkasaan, dan perasaan yang tidak gentar menghadapi musuh. Ingatlah keberanian nenek moyang kalian, pada Kekaisaran Karel Agung dan Louis, anaknya, serta Raja-raja lain yang membasmi Turki Seljuk dan menegakkan agama Kristian di tanah mereka."

"Kalian harus tergerak oleh Makam Suci Tuhan Jesus, yang kini ada di tangan orang Islam. Kalian harus bangkit berjuang kerana kalian sudah tahu banyak tempat-tempat suci yang sudah dikotori, dan diperlakukan secara tidak senonoh oleh mereka!" Paus Urban II semakin bersemangat.

"Wahai para kesateria yang berani, keturunan nenek moyang yang tidak dijajah, janganlah menjadi lebih lemah daripada mereka, tetapi ingatlah pada ketidakgentaran mereka. Sekiranya kalian ragu-ragu kerana cinta kalian kepada anak-anak, isteri dan kerabat kalian. Ingatlah kata-kata Tuhan dalam Injil."

"Beliau yang mengasihi ayah dan ibunya lebih daripada Aku, jangan biarkan kepunyaan kalian menjadi penghalang. Kalian tidak perlu khuatir dengan

kepunyaan kalian. Negeri kalian padat penduduknya dan ditutupi oleh laut dan pergunungan. Tidak banyak kekayaan di sini, dan tanahnya jarang membuahkan hasil yang mencukupi buat kalian."

"Itu sebabnya kalian sering bertelagah. Hentikan rasa saling membenci dan pertengkaran, hentikan peperangan sesama kalian. Bergegaslah menuju Makam Suci, rebutlah kembali negeri itu daripada orang-orang jahat dan jadikannya milik kalian. Negeri itu, seperti dikatakan dalam al-kitab, berlimpah susu dan madu, Jesus memberikannya kepada anak-anak Bani Israel."

"Jerusalem negeri terbaik, lebih subur daripada lainnya seolah-olah syurga kedua. Inilah tempat Juru Selamat kita dilahirkan, diperintah dengan kehidupan-Nya dan dikuduskan dengan penderitaan-Nya. Marilah berjuang, kalian akan memperolehi penebusan dosa serta pahala di kerajaan syurga." Ucapan Paus Urban II itu mendapat tepukan dan sorakan gemuruh.

"Deus vult! Deus vult! Tuhan mengehendakinya!" laung Paus Urban II lantang sambil mengangkat tangannya ke udara.

"Tuhan mengehendakinya!" Gema teriakan itu disahut orang ramai hingga bergemuruh hebat.

Paus Urban II berasa gembira kerana ucapannya itu berjaya menyemarakkan api semangat rakyat.

Sehari selepas ucapan Pope Urban II di Persidangan Clermont, lambang salib merah dipilih sebagai tanda rasmi bagi para tentera yang menyertai peperangan suci itu. Tanda itu diambil kerana mereka seringkali

melihat diri mereka sebagai orang yang membuat iter (perjalanan) atau peregrinatio (ziarah). Ini kerana, setiap daripada penziarah yang berjaya tiba di Baitulmuqaddis, diharuskan memakai tanda salib berwarna merah pada bahagian hadapan dan belakang pakaian. Tujuan pemakaian tanda tersebut adalah bagi membangkitkan emosi dan semangat keagamaan, sekaligus membezakan pasukan mereka daripada pasukan lain.

Tidak lama selepas itu, Biskop Adhemar dari Le Puy dipanggil menghadap.

"Seperti yang kamu tahu, kita akan menjalankan satu ekspedisi ke Timur Tengah. Oleh itu, saya mahu melantik kamu menjadi seorang daripada biskop, yang akan turut serta dalam ekspedisi itu."

"Wahai Tuan, bukan niat saya mahu membantah, tetapi ramai biskop yang lebih berkelayakan berbanding saya," kata Biskop Adhemar merendah diri.

"Wahai Biskop Adhemar, kamu dipilih kerana bukan sahaja mempunyai ilmu agama yang tinggi, tetapi kamu juga berkemampuan menunggang kuda dan bertempur. Kamu akan bertindak sebagai pemimpin kerohanian dalam ekspedisi ini. Selain itu, kamu juga berperanan mewakili pasukan dalam merunding perjanjian, menyelesaikan pertikaian, dan menyusun hal-hal berkaitan moral pasukan tentera," terang Paus Urban II.

Biskop Adhemar menerima pelantikan itu dengan tenang dan berkata, "Saya bersedia menerima tugas ini demi agama tanpa mempertikaikannya. Bilakah Tuan mahu kami berangkat?"

"Mengikut perancangan dalam musim semi, tetapi sebelum itu kita mesti mendapat sokongan daripada para bangsawan dan kesateria bagi turut serta. Oleh itu, seruan jihad ini perlu disebarkan dengan meluas ke seluruh Perancis supaya mendapat sokongan mereka."

"Saya akan aturkan para biskop bagi menyebarkan seruan ini, dan saya yakin mereka akan menyahut seruan jihad ini," ujar Biskop Adhemar yang tidak asing lagi sebagai ketua agama yang disegani.

Selepas ucapan di Persidangan Clermont, seruan Perang Salib disebarkan oleh para biskop dan pendeta, hingga meluas ke wilayah utara Perancis. Banyak markas didirikan diserata tempat iaitu di Liouz, Angariz, Man, Tours, Bouwatieeh, Bordeaux, Toulouse, dan Neim sebagai sokongan terhadap Perang Salib.

Secara rasminya Paus Urban II, menjadi orang pertama yang menyebarkan idea Perang Salib bagi menawan Tanah Suci kepada khalayak.

Seorang lelaki bertubuh kurus, kecil dan berkulit gelap memikul kayu salib besar. Wataknya warak, kepala angin dan cepat marah, bijak berpidato, berjanggut putih panjang, dan rambutnya jatuh di atas bahu. Orang ramai di jalanan terutama kanak-kanak sering kali menarik rambut, dan beliau hanya membiarkannya. Sesekali beliau akan marah sekiranya keldai kesayangannya itu merengus. Beliau sememangnya terkenal kerana sentiasa menunggang keldai, dan berpakaian sederhana.

Beliau adalah, Peter Si Pertapa atau dalam bahasa Englishnya, Peter Si Pertapa. Beliau seorang pendeta dan penganut Katolik Rom Byzantine yang taat. Dia dilahirkan pada tahun 1050 Masihi. Peter berasal dari Amiens, Perancis. Pada zaman kanak-kanaknya, beliau membesar di Picardy bersama keluarganya. Kehidupan hariannya dihabiskan dengan bekerja di ladang, dan pergi ke gereja.

Apabila dewasa, Peter menjadi tentera, namun kemudian memutuskan menjadi paderi selepas beberapa tahun berkhidmat. Selepas membuat perubahan dalam hidupnya, beliau begitu bersemangat dan taat kepada ajaran agama. Masanya banyak digunakan dengan bertapa selain mengemis makanan. Gereja dan tepi jalan dijadikan tempat tinggalnya.

Semasa persidangan Clermont, beliau turut serta dalam puluhan ribu hadirin yang hadir. Khutbah gerakan ke Tanah Suci oleh Paus Urban II benar-benar menarik minatnya. Sambil menikmati sebuku roti keras, Peter duduk termanggu dan telinganya masih lagi terngiang-ngiang akan laungan suci Paus Urban II.

Peter Si Pertapa seakan-akan mendapat kekuatan, dan perasaan terujanya begitu mendalam apabila mendengarkan khutbah itu. Perkara yang disampaikan dalam persidangan itu, benar-benar menambah tekadnya bagi membebaskan Baitulmuqaddis daripada orang Islam.

Beliau memulakan dakwahnya dengan berpidato di hadapan khalayak ramai, tidak kira tempat, termasuklah di tepi jalan, di gereja, dari rumah ke rumah mahupun

di kedai-kedai. Dalam dakwahnya, beliau sering bercerita bahawa beliau sudah ke Tanah Suci, dan melihat sendiri keadaan para penziarah yang dizalimi oleh tentera Turki Seljuk.

Peter masih ingat lagi. Ketika beliau berumur 15 tahun, berita mengenai penawanan Baitulmuqaddis oleh Turki Seljuk memberi kesan mendalam kepadanya. Situasi itu memberi kesan kepadanya apabila penziarah yang pulang dari Tanah Suci bercerita tentang penganiayaan orang Islam terhadap mereka. Penziarah Kristian terpaksa membayar sejumlah wang bagi melawat makam Nabi Isa. Mereka juga sering dirompak dan sebahagian daripadanya terbunuh. Selain itu, gereja juga tidak lagi diberi penghormatan dan diabaikan

8
Seruan Jihad Peter Si Pertapa

Paus Urban II asyik memikirkan kata-kata semangat yang dilaungkan oleh Peter Si Pertapa, kemudian beliau berkata, "Kamu seorang paderi yang bijak berpidato dan berkarisma. Oleh itu, saya melantik kamu menghadap raja-raja Eropah, supaya mereka bersetuju dengan rancangan kita membantu empayar Rom Byzantine, sekaligus menyelamatkan penziarah-penziarah Kristian daripada dizalimi orang Islam."

Dengan penuh hormat dan bangga, Peter Si Pertapa menjawab, "Saya terima dengan gembira."

"Himpunkan seluruh kekuatan Salib yang ada sekarang juga! Kita akan bebaskan Jerusalem!" Kata-kata Paus itu menambahkan lagi semangat dan

keterujaan. Beliau begitu gembira apabila pemimpin itu menjadikannya sebagai penyampai dakwah utusan Tuhan.

Pengembaraan dakwah Peter Si Pertapa ke seluruh Eropah bagi menemui raja-raja bermula. Dalam perjalanannya menuju ke England, beliau pantas meniupkan api kebencian terhadap kaum Muslimin. Kepintaran berpidato menjadi kelebihan kepadanya. Ramai kalangan mereka yang terpengaruh dengan seruan itu.

"Sesungguhnya kebiadapan orang Islam menjijikkan!" seru Peter kepada orang ramai yang ditemuinya.

"Wahai sekalian manusia, tinggalkan semua pekerjaan kita. Mari bersama saya ke Tanah Suci dan membunuh orang Seljuk yang membinasakan saudara seagama kita. Sekiranya kamu binasa dalam perjalanan ataupun mati dalam pertempuran, kamu akan mewarisi kerajaan Tuhan."

Dakwahnya itu berjaya menarik minat orang ramai yang ditemuinya di jalanan, gereja, dan di mana-mana sahaja. Bilangan sedikit pada mulanya, tetapi lama-kelamaan bilangan sukarelawan yang berminat untuk ikut berjuang semakin bertambah hingga menjangkau ribuan orang.

Akhirnya dia tiba di England. Dengan berpakaian amat sederhana, dan di tangannya memegang kayu salib mengundang syak wasangka daripada pengawal istana. Pada awalnya beliau dihalau, tetapi beliau dibenarkan memasuki perkarangan istana apabila menegaskan beliau adalah utusan daripada Paus Urban II.

Kehadirannya itu disambut oleh raja England. Istana mewah raja England itu tidak sedikit pun menarik perhatiannya. Pada mulanya beliau dipandang rendah kerana penampilan dirinya yang tidak terurus, tetapi mereka menjadi terpesona selepas mendengar kepetahan dan kefasihannya berkata-kata.

"Wahai pendeta, kami terpengaruh dengan ucapan bernas kamu. Bahkan kami menghargai kedatangan kamu ke sini bagi meraih bantuan kepada umat Kristian di Timur. Tetapi ini masih tidak mencukupi bagi kami," tutur Raja England.

"Ini adalah perintah Tuhan!" jawab Peter. Katanya lagi, "Marilah kita umat Kristian bergabung menentang orang Islam dan melindungi Makam Suci."

"Bagi beta, ekpedisi ke Timur memerlukan perbelanjaan yang banyak kerana perjalanannya yang jauh. Kami juga sedang berada dalam kemelut ekonomi yang buruk, ditambah pula dengan masalah kebuluran dan kemiskinan yang berlarutan. Bahkan, kami tidak mempunyai kepentingan di tanah asing itu," terang Raja England yang jelas tidak memberi sokongan kepada seruan Paus Urban II.

Jawapan itu sudah tentu mengecewakan Peter. Pertemuan dengan kerabat Diraja tidak seperti yang diharapkan. Usahanya itu tidak mendapat sambutan golongan pemerintah. Bagi raja-raja, seruan Paus Urban II bukan satu tindakan yang tepat, bahkan keputusan itu diperlekehkan oleh mereka.

Walaupun begitu, Peter Si Pertapa tidak mudah mengalah. Beliau sedar golongan kerabat Diraja

mementingkan wang bagi memulakan perjalanan ke Timur Tengah, tetapi tidak bagi golongan bawahan. Tumpuan dakwahnya mula beralih kepada golongan rakyat sahaja. Baginya, golongan bawahan lebih berminat berjuang kerana sebab-sebab tertentu. Malah, usaha dakwahnya terhadap mereka menunjukkan hasil yang positif.

Keldai kurus Peter merangkak lemah selepas menyusuri perjalanan panjang. Beliau menunggang keldai itu sambil memikul salib besar, yang tidak pernah lekang dari tangannya.

Usahanya itu semata-mata bagi menarik simpati umat Kristian, kerana kerabat Diraja dan golongan bangsawan tidak berminat dengan seruan perang suci itu. Sesudah melalui perjalanan yang melelahkan selama berhari-hari, akhirnya dia tiba di sebuah perkampungan. Suasana kawasan kampung yang berlatarbelakangkan pergunungan Alps itu dingin dan tenang. Penghuni kampung pula melakukan aktiviti harian.

Kedatangan pendeta itu disambut oleh seluruh penduduk kampung dengan penuh hormat. Beliau dikelilingi penduduk kampung sebelum meminta dibawa ke gereja di kampung itu.

Di luar gereja kayu yang kecil dan usang itu, orang ramai datang berpusu-pusu dan melimpahi perkarangan. Lelaki, wanita, orang tua, dan kanak-kanak turut memenuhi gereja yang sebelum ini lengang dan sunyi. Berita kedatangan pendeta itu sudah pun tersebar.

Sambil memegang kayu salib besarnya, beliau berdiri dihadapan penduduk kampung yang kebanyakannya miskin dan bekerja sebagai petani. Misinya, adalah menjadikan penduduk-penduduk kampung itu sebagai bala tenteranya.

"Ayuh, bangkitlah kalian semua supaya menyertai perang bagi membebaskan Jerusalam daripada tangan orang Islam. Umat Islam telah menindas orang Kristian yang seagama dengan kita!" Kata-katanya itu menggalakkan dan mengapi-apikan kemarahan penduduk itu.

"Tuhan mengehendakinya!" teriak Peter menguasai ruang gereja kecil itu.

"Tuhan mengehendakinya!" sahut orang ramai penuh semangat. Seruan semangat itu menjadi slogan Perang Salib, dan terkenal selepas Persidangan Clermont.

"Wahai pendeta, dalam ajaran agama kita, kita dilarang berbunuh-bunuhan, tidakkah nanti kami berdosa?" tanya seorang penduduk.

"Jangan bimbang. Paus Urban II sudah mengumumkan keampunan seluruh dosa kepada sesiapa yang bersedia, dan sukarela mengikuti perang suci ini. Darah orang-orang Islam sudah dihalalkan. Jadi, keluarlah kamu semua menyahut seruan suci ini!"

"Bilakah kita akan berangkat ke sana?" tanya seorang penduduk kampung.

"Musim semi nanti. Saya akan berusaha mengumpul bala tentera, dan bergabung ke sana," ujarnya lagi.

Seusai pertemuan itu, mereka meninggalkan gereja dan pulang ke rumah. Sekumpulan kaum lelaki kampung duduk berkumpul.

"Bagaimana, adakah kamu semua mahu menyertai perang suci itu?" tanya lelaki berjambang liar.

"Rom Byzantine itu terletak di Timur, satu perjalanan yang cukup jauh. Kita pun tidak tahu di mana negeri yang kita akan pergi. Bagaimana nasib kita apabila tiba di sana?"

"Itu tidak penting. Pada saya, tiada guna kita hidup di tanah air sendiri jika masih miskin. Cukai tanah semakin meningkat dan membebankan. Lagipun, undang-undang masyarakat feudal tidak berpihak kepada kita kerana hak waris hanya dimiliki anak sulung. Dengan mengembara ke Timur melalui Perang Salib, kita dapat mengubah hidup kita menjadi lebih baik," jawab lelaki berjambang liar itu.

"Betul. Sekiranya ditakdirkan mati, lebih baik mati suci daripada mati sebagai hamba yang kelaparan dan hina. Sekiranya bernasib baik, kita akan selamat sampai ke Jerusalem pasti ada harapan baru dan kehidupan yang lebih baik daripada negeri sendiri," sokong yang lain pula.

"Saya dengar negara Rom Byzantine itu mempunyai tanah yang subur sebab itu mereka maju, makmur dan kuat sebagai kuasa besar. Apabila kita pergi ke sana nanti, mungkin kita akan dapat memiliki tanah dan memperolehi kekayaan daripada imbuhan peperangan, disamping dapat menebus dosa."

"Bagaimana pula dengan anak-anak dan isteri kita? Tidak mungkin kita tinggalkan mereka di sini sedangkan hidup mereka masih susah."

"Kita bawa ahli keluarga kita. Setahu saya, apabila menjadi tentera kita akan diberi bekalan makanan dan minuman percuma. Kita tidak perlu bekerja, dengan cara ini kita dapat keluar daripada kemiskinan. Lagipula di sini tanaman tidak begitu menjadi dan hasilnya hanya cukup-cukup membayar cukai sahaja."

Semua yang ada sudah bersependapat. Mereka nekad mahu turut serta dalam Perang Salib supaya dapat keluar daripada kemiskinan.

Raja Philip I mundar-mandir seketika sebelum duduk berhadapan dengan Hugh Vermandois, adik lelakinya. Raja Philip dan Hugh adalah putera kepada Raja Henry I dengan Anne Kiev. Beliau dinobatkan sebagai raja pada usia tujuh tahun sehingga umur 14 tahun. Ibunya bertindak sebagai pemangku raja.

Pemulauannya sebagai pemerintah bermula apabila beliau mengahwini Bertha, anak perempuan kepada Pangeran Floris I, Holland pada tahun 1072 Masihi. Tetapi dalam masa yang sama beliau jatuh cinta dengan Bertrade de Montfort, isteri Fulk IV Anjou.

Pada 15 Mei 1092, Raja Philip mengahwini Bertrade selepas menceraikan isterinya, Bertha. Akibat skandal perkahwinan itu, beliau dipulaukan oleh Hugh, Archbishop dari Lyon. Kemudian Paus Urban II pula

mengulangi pemulauan beliau di Persidangan Clermont pada November 1095 Masihi. Awal bulan Februari, Putera Loire di barat Perancis berkumpul dan turut memulaukannya daripada menyertai pasukan Perang Salib. Begitu juga dengan pihak Vatican.

Perkara utama yang mereka bincangkan adalah seruan Perang Salib selepas Persidangan Clermont di Paris. Seruan perang itu kian menular.

“Wahai saudaraku, benarkah keputusan kamu mahu turut serta dalam Perang Salib?” tanya Raja Philip I kepada adiknya, Hugh. Pada mulanya beliau tidak menyokong kerana menghadapi konflik dengan Paus Urban II.

“Ya. Saya akan menyertainya. Mungkin saya perlu memenuhi tuntutan ini seperti yang disarankan oleh pihak gereja,” jawab Hugh. Selepas gerhana bulan pada 11 Februari 1096 Masihi, beliau telah memutuskan akan turut serta.

“Atas dasar apa?” Raja Philip I tahu bahawa Hugh tidak layak menyertai peperangan.

“Timur Tengah mempunyai banyak kekayaan, tanah subur, dan keindahan yang tiada tolok tandingannya. Jadi saya berpendapat, mungkin kita akan mendapat hasil daripada peperangan ini. Pada saya, sekiranya ada kepentingan dan kita pula mempunyai dana pembiayaan yang mencukupi, lebih baik kita lebarkan jajahan kuasa kita di sana,” terang Hugh tentang tujuannya ke sana.

Raja Philip I tidak menentang ataupun menyokong tindakan adiknya itu.

April, 1096 Masihi

Sebelum menjelang Hari Easter, Peter Si Pertapa selamat tiba di Cologne bersama para pengikutnya. Semangat perjuangan yang dimilikinya begitu kental sekali. Di bandar Cologne, Rhine sudah berhimpun kira-kira 15 000 orang pengikut pendeta yang luar biasa itu.

Sebahagian besar daripada mereka memakai baju bersulam dengan salib, ataupun lengan mereka ditatu dengan tanda suci itu. Ada juga yang mempunyai tanda salib yang dibakar di dada mereka dengan besi panas.

Sementara itu, di Poissy, sepasukan rombongan kesateria yang diketuai oleh Walter Sans-Avoir bersama-sama dengan anak buahnya William, Matthew, dan Simon. Reginald Bray pula datang dari sekitar Liege. Walter Sans-Avoir seorang kesateria berbangsa Frank. Beliau sering digelar sebagai Walter the Penniless ataupun 'si rakyat jelata' dan dianggap seorang kesateria yang miskin.

Sebaliknya, beliau bukanlah daripada rakyat biasa. Walter adalah antara kesateria pertama yang menyahut seruan suci itu, dan bekerjasama dengan Peter Si Pertapa bagi menarik pengikut terutamanya daripada kaum Frank supaya turut serta. Beliau berjaya menarik ramai bangsanya yang terkenal dengan sikap suka berperang.

Kini dua pasukan yang besar itu sudah berkumpul. Kedua-dua pasukan itu akan dipimpin oleh Peter Si

Pertapa. Meskipun majoriti pengikut pendeta itu tidak mahir dalam pertempuran, namun mereka mempunyai beberapa kesateria berpengalaman seperti Walter Sans-Avoir.

"Kami tidak mahu menunggu lagi. Ayuh, kita segera ke Tanah Suci!" teriak kesateria Frank yang tidak sabar mahu berperang. Mereka menjadi tidak betah menunggu.

Semangat pengikut Walter Sans-Avoir begitu menjulang-julang seperti api marak. Keadaan itu sudah tidak dapat diredakan lagi. Akibat desakan yang begitu kuat, beliau tiada pilihan selain akur dengan kehendak pengikutnya.

"Wahai Pendeta Peter, Tuan sendiri nampak yang pengikut-pengikut saya tidak sabar memulakan ekspedisi ini. Saya sudah pun meminta mereka supaya bersabar tetapi ternyata mereka sudah tidak dapat menahan kemahuan mereka itu," beritahu Walter Sans-Avoir mengenai kehendak pengikutnya.

"Saya berpendapat, kita perlu menunggu pasukan yang lain dan bergabung sebelum memulakan ekspedisi ini," ujar Peter Si Pertapa tidak bersetuju.

"Keinginan mereka tidak dapat ditahan lagi. Mereka tetap berkeras mahu berangkat segera," kata Walter.

Peter Si Pertapa berfikit sejenak. Jelas riak wajahnya tidak setuju dengan permintaan Walter Sans-Avoir itu. Kemudian beliau berkata, "Tetapi adakah kamu mampu memulakan ekspedisi ini sendirian?"

“Sudah tentu,” jawap Walter yakin. “Pengalaman saya sebagai tentera sebelum ini, membuatkan saya yakin mampu memimpin pasukan ini ke medan perang.

“Baiklah. Sekiranya begitu keputusannya, saya lepaskan pasukan kamu berangkat dahulu ke Jerusalem. Semoga Tuhan memberkati perjalanan kamu semua.” Pendeta Peter memberi restu kepada Walter, lalu meletakkan tangannya ke atas ubun kesateria itu.

“Bagaimana pula dengan pendeta? Bila pendeta akan berangkat menyusul kami?”

“Sejurus mendapat gabungan seperti yang diharapkan, saya akan berangkat ke sana dengan segera,” jawabnya.

Selepas Hari Easter 1096 Masihi, Walter Sans-Avoir bersama-sama pasukannya berangkat dengan semangat berkobar-kobar meninggalkan Cologne. Walter juga kelihatan begitu yakin kerana beliau berkemampuan dalam aspek kewangan bagi membiayai ekspedisi itu.

9
Perang Salib Rakyat

Pope Urban II berasa cukup gelisah. Harapan dan seruannya kepada kerabat diraja dan golongan bangsawan, tidak mendapat balasan seperti yang diharap-harapkannya. Sedangkan ia mendapat sambutan yang mengalakan daripada rakyat biasa.

"Wahai Tuan, jangan khuatir," ujar penasihat kardinal tatkala melihat riak wajah Paus Urban II yang sugul. "Kita masih ada masa bagi menyebarkan seruan ini dengan lebih berkesan."

Kemudian Paus Urban II berkata, " Majoriti daripada golongan kerabat diraja, bangsawan dan kesateria Eropah menganggap mereka tidak berkepentingan di sana. Kita menghadapi kesukaran bagi merealisasikan

peperangan suci ini. Namun, saya tidak akan berputus asa."

"Dengarnya, Pendeta Peter yang bijak berpidato itu juga tidak berjaya mengajak raja-raja Eropah, tetapi beliau tetap berusaha menyebarkan seruan di kalangan orang ramai. Dengarnya, ramai yang mahu ikut serta terutamanya para petani miskin. Kebanyakan mereka tidak berpengalaman dan tidak mempunyai kemahiran berperang. Mereka bakal berhadapan dengan kerajaan Seljuk yang bukan tandingan mereka," ujar penasihat cardinal lagi.

"Kemiskinan, kebuluran, kemarau yang berpanjangan, dan juga pengampunan dosa antara punca yang mendorong mereka bersetuju untuk ikut serta ke Timur. Mereka percaya Tuhan akan membantu mereka. Mungkin ada cara lain yang dapat mempengaruhi raja-raja supaya turut serta, dan secara tidak langsung menghalang pemergian para petani itu," celah Biskop Adhemar pula.

"Perang Salib ini peperangan suci. Sesiapa sahaja dibenarkan turut serta, dan semuanya terletak atas kemahuan mereka sendiri jika mereka sanggup mati demi agama. Saya fikir, hanya ada satu cara bagi menundukkan raja-raja Eropah itu," kata Paus Urban II.

"Bagaimana caranya menundukkan kerabat diraja itu?"

"Kita guna satu-satunya kelemahan mereka, sekiranya terpaksa."

"Maksud Tuan?" tanya mereka lagi kurang mengerti.

“Kuasa,” jawabnya tegas. “Dengan adanya kuasa, saya akan membuatkan mereka tunduk dan tidak menolak. Sekiranya enggan, mereka akan disenaraihitamkan oleh pihak gereja, dan hal ini akan merendahkan martabat mereka di mata rakyat. ”

“Kita patut lakukannya.” Dewan Penasihat bersetuju sebulat suara.

Lantas, beliau mengutus surat kepada raja di seluruh Eropah. Dengan menggunakan kuasa yang ada, kedudukan raja-raja, bangsawan, dan kesateria ditekan supaya turut serta bagi membantu empayar Rom Byzantine.

Musim panas sudah pun berlalu dan kini tiba musim bunga. Kota Perancis indah dihiasi bungaan berwarna-warni. Peter Si Pertapa sudah bersedia dengan bilangan pasukan yang besar, iaitu seramai 12 000 orang. Pengikutnya terdiri daripada para petani dan kesateria bawahan. Mereka sudah bersedia menyahut seruan suci dan sanggup mati.

Pasukan itu digelar pasukan Salib Rakyat. Pasukan itu tidak mempunyai senjata yang baik, apatah lagi kemahiran berperang. Senjata yang mereka bawa hanyalah pedang, cangkul dan tombak. Selain itu binatang ternakan juga dibawa, dan barang-barang mereka ditarik oleh kereta sorong beroda yang diikat pada lembu.

Ketika raja-raja dan para bangsawan bermain tarik tali, golongan rakyat yang miskin tidak memerlukan

persiapan yang terancang. Mereka tanpa ragu-ragu terus menyahut panggilan para pendeta.

Peter Si Pertapa mengetuai pasukan itu dan memulakan perjalanan dengan meninggalkan kota Perancis menuju ke Baitulmuqaddis. Sambil menunggang keldai, Peter bersama-sama pengikutnya melambaikan ucapan selamat tinggal.

"Tuhan mengehendakinya! Tuhan mengehendakinya!" teriak Peter Si Pertapa penuh semangat.

"Tuhan mengehendakinya! Tuhan mengehendakinya!" sahut pengikutnya berkumandang di bawah langit Cologne.

Mengikut perancangan Paus Urban II, tentera Salib akan berangkat pada 15 Ogos 1096 Masihi, iaitu bersempena pesta kenaikan Maryam ke langit. Namun, Peter tidak mahu menunggu lagi kerana sudah berjaya mengumpulkan anggota pasukannya. Keputusan pendeta itu mengecewakan Paus Urban II.

Beliau tidak menyangka yang seruan jihadnya disambut besar-besaran oleh golongan petani miskin yang tidak berpengalaman. Walaupun beliau melarang kaum wanita dan kanak-kanak turut serta tetapi kedegilan mereka tidak dapat dihalang.

April, 1096 Masihi

Walter Sans-Avoir bersama-sama pasukan Salib yang terdiri daripada bangsa Frank dan Jerman menjadi

pasukan pertama meninggalkan Cologne. Mereka berjumlah sekitar 20 000 orang. Perjalanan mereka melalui Sungai Rhine lalu menuju ke sungai Neckar. Kemudian mereka mengikut jalan pintas menuju Sungai Danube.

Perjalanan itu berjalan lancar. Rombongan mereka mendapat kebenaran daripada Raja Colomon, dan maju terus ke Hungary pada bulan Mei 1096 Masihi. Mengikut perkiraan, mereka hanya memerlukan sebulan bagi sampai di Belgrade.

Akhir bulan Mei, iaitu selepas sebulan merentasi tanah asing, rombongan itu menyeberangi wilayah Kekaisaran Rom Byzantine di Belgrade seperti yang dirancang. Perjalanan lancar tanpa sebarang kelewatan. Belgrade adalah ibu kota dan bandar terbesar di Serbia, dan dikenali sebagai Bandar Putih.

Ketibaan pasukan Salib itu mengundang kesulitan kepada penguasa wilayah di Belgrade. Mereka belum pernah menerima kedatangan rombongan sebesar itu. Tambahan lagi mereka tidak mempunyai sebarang persediaan. Mereka menyangka tarikh keberangkatan tentera Salib adalah pada 15 Ogos 1096 Masihi, tetapi keadaan menjadi sebaliknya.

Kedatangan Tentera Salib itu dilaporkan kepada Nicetas, gabenor Rom Byzantine Bulgaria di Nis. Nis adalah sebuah kota terbesar yang terletak di selatan Serbia. Gara-gara birokrasi, kebenaran perintah itu lewat dikeluarkan.

Walter kurang senang dengan hal yang berlaku. Sekiranya perjalanan ditangguhkan, mereka akan

mengalami masalah daripada sudut perbelanjaan dan makanan. Memandangkan mereka masih belum diberi kebenaran melalui wilayah itu, Walter meminta pemimpin kota menyediakan sebuah pasar bagi memenuhi keperluan pasukan tenteranya. Permintaan itu ditolak. Kedatangan mereka seperti tidak dialu-alukan.

"Tuan, bekalan makanan bagi menampung perjalanan ke Konstantinopel sudah habis. Orang-orang kita juga semakin hilang sabar. Mereka mula merompak dan merampas tanaman serta binatang ternakan. Akibatnya, berlaku pergaduhan antara orang kita dengan penduduk tempatan," lapor Simon.

"Saya tidak dapat lakukan apa-apa, kerana kita masih tidak dibenarkan meneruskan perjalanan. Kita sudah meminta menyediakan sebuah pasar tetapi mereka enggan. Orang kita terpaksa buat apa sahaja bagi meneruskan hidup," kata Walter serba salah.

"Saya bimbang hal ini akan memburukkan keadaan, dan boleh mengganggu perjalanan kita nanti." keluh William pula.

Walter hanya mampu mengeluh.

Suasana yang tenang bertukar gamat. Penduduk kampung sekitar Belgrade yang ketakutan lari bertempiaran menyelamatkan diri. Pasukan Salib mula bertindak liar. Mereka merompak dan merampas apa sahaja yang diperlukan. Kebanyakan rumah penduduk

turut dibakar dan dibinasakan. Asap tebal menyelubungi perkampungan itu.

"Tuan... tuan, kita menghadapi masalah!," teriak seorang tentera Walter yang tercungap-cungap.

"Kenapa? Apa yang sudah berlaku?" tanya Walter kurang senang.

"Seramai 16 orang kita ditangkap oleh orang-orang kampung, kerana merompak. Apa yang perlu kita lakukan sekarang?"

"Ayuh, kita ke sana!" arah Walter lalu segera menuju ke perkampungan itu dengan menunggang kuda.

Di sebuah perkampungan kecil berhampiran kota Belgrade, 16 orang kesateria salib berjaya ditangkap kerana merompak. Tindakan kesateria salib sebelum ini membuatkan penduduk berang lalu bersepakat menangkap mereka. Sedangkan bagi kesateria salib tindakan mereka itu tidak salah, kerana mereka hanya mengambil barang-barang yang mereka perlukan.

Setibanya Walter di sana, kesateria Salib yang ditangkap tersebut sudah ditelanjangkan dan senjata mereka digantung di tembok kota, sebagai peringatan kepada tentera Salib lain yang melalui kawasan itu. Penduduk kampung berkumpul dan lengkap dengan senjata. Walter cuba memujuk penduduk kampung supaya melepaskan pengikutnya itu. Malangnya mereka enggan berbuat demikian.

"Kamu semua merosakkan kampung kami, dan kami tidak akan berdiam diri. Kesateria kamu ini akan

menjadi tebusan dan kami tidak akan lepaskan selagi kamu tidak beredar dari sini dengan segera," kata ketua penduduk kampung itu. Penduduk kampung bersorak sambil mengangkat senjata. Mereka benar-benar marah.

"Tetapi, kami tidak dapat beredar dari sini selagi tidak mendapat kebenaran daripada Gabenor Nis. Jadi kami akan berada di sini sehingga dibenarkan menerus perjalanan." Walter memberitahu kedudukan sebenar.

"Tidak!" bantah mereka. "Kamu mesti beredar!" teriak mereka berang.

Walter terus berusaha memujuk supaya melepaskan anggota tenteranya, namun ditolak mentah-mentah oleh mereka. Keadaan menjadi tegang. Kemarahan penduduk sudah memuncak, sekiranya dibiarkan pasti tercetus pertempuran hebat.

Komandan tentera wilayah itu segera melaporkan kejadian itu kepada Gabenor Nis. Pada masa sama, Walter sekali lagi dikejutkan dengan berita yang lebih mengeruhkan keadaan. Sekumpulan pengikutnya membakar sebuah gereja, dan terdapat 60 orang jemaah di dalam gereja itu. Tragedi itu berpunca gara-gara perselisihan faham ketika urusan pembelian bekalan makanan. Kemarahan penduduk Belgrade kian meruncing dan merebak pantas.

"Kita mesti keluar dari kota ini dengan segera," kata Walter kepada ketiga-tiga sahabatnya.

"Tetapi bagaimana? Seluruh kota sudah dikepung!" beritahu Simon cemas.

"Kita akan melalui jalan hutan menuju ke Nis. Kita tiada pilihan lain. Kerah orang-orang kita berangkat," perintah Walter kepada ketiga-tiga rakannya itu.

Tanpa berlengah, Walter bersama pasukannya segera meninggalkan Belgrade menggunakan jalan hutan, supaya pergerakan mereka tidak diketahui penduduk kampung. Tetapi pintu kota Belgrade sudah ditutup, mustahil pasukan itu dapat keluar dengan mudah. Walter sudah tidak mampu lagi mengawal tenteranya.

Akhirnya perintah dari Nis pun dikeluarkan supaya pasukan Salib meninggalkan kota Belgrade, dengan diiringi tentera Rom Byzantine Byzantium. Malangnya, kebenaran itu sudah terlewat. Walter bersama-sama pasukannya sudah pun meninggalkan Belgrade.

Sepanjang perjalanan melalui hutan, pasukan Salib itu berhadapan dengan kesukaran dan kesulitan, namun mereka berjaya tiba di bandar Nis pada 18 Jun selepas merentasi hutan belukar.

Kedatangan mereka disambut baik dan diberi layanan istimewa oleh Gabenor Nis. Sebuah pasar disediakan bagi memudahkan pasukan Salib mendapatkan bekalan makanan. Gabenor Nicetas juga memberi jaminan bekalan sepanjang perjalanan ke Konstantinopel kepada Walter dan pasukannya. Bahkan, pasukan Salib turut diiringi tentera Byzantium sehingga selamat sampai ke Konstantinopel.

Dari Nis, pasukan Salib meneruskan perjalanan dengan selamat dan lancar sehingga tiba ke Konstantinopel. Mereka bersorak gembira, kerana selamat menjejakkan kaki ke bumi asing. Hal ini menambahkan lagi gelojak

semangat mereka untuk berperang. Namun, cuaca, udara, budaya, dan bentuk muka bumi yang berlainan, menjadikan mereka seperti berada di sebuah dunia lain.

"Beta tidak menyangka pihak barat menghantar pasukan tentera yang sebegini rupa! Ini bukan tentera upahan yang kita harapkan." Maharaja Alexius I tergamam dan terkejut melihat tentera salib yang tiba di luar kota. Beliau mengharapkan bala tentera yang datang dengan berbaju besi dan bersenjata, tetapi pasukan yang berada di hadapan kotanya itu, berpakaian lusuh dan bersenjata daif.

"Apa yang perlu kita lakukan dengan mereka itu, wahai Tuanku?" tanya perdana menteri yang turut terkejut.

"Mereka sudah melalui perjalanan yang jauh dan pastinya sukar. Jadi sambut mereka dengan baik. Sediakan kemudahan dan keperluan buat mereka," balas Maharaja Alexius I.

"Baik, Tuanku. Tetapi selepas ini, apa yang perlu kita lakukan dengan mereka ini, Tuanku? Pasukan yang pertama tiba ini sudah ramai, bagaimana pula dengan pasukan seterusnya? Mereka bukannya kesateria handalan seperti yang dijanjikan, tetapi para petani yang miskin dan terdapat juga kaum wanita, orang tua dan kanak-kanak," ujar pembesar penuh gusar.

"Jangan risau, tujuan mereka datang adalah bagi membantu kita memerangi Turki Seljuk. Kita tiada pilihan lain, kerana kita juga yang meminta bantuan dari Barat. Cuma beta bimbang...." Kata-katanya terhenti sambil mengusap dagu.

"Bimbang? Apakah yang Tuanku bimbangkan?"

"Dengan jumlah tentera salib yang begitu ramai, beta bimbang mereka akan menggugat kekuasaan beta. Pasukan salib terdiri daripada orang-orang miskin, jadi tidak mustahil tujuan mereka datang ke sini semata-mata mencari kesenangan kerana kehidupan mereka di sana susah. Tidak mustahil sekiranya mereka berjaya merampas tanah jajahan dari Turki Seljuk, dan kemudian dijadikan milik mereka pula."

"Benar kata Tuanku," sahut Perdana Menteri bersetuju. "Oleh itu, ada baiknya Tuanku berbuat sesuatu."

Maharaja Alexius I mengangguk setuju dengan pandangan Perdana Menterinya itu. Namun begitu, pasukan Salib dibenarkan membina kem diluar pintu kota, selain disediakan sebuah pasar bagi memenuhi keperluan mereka.

10
Tragedi Berdarah Di Hungary

Perjalanan mereka masih jauh menuju ke Timur. Satu perjalanan yang sukar terutamanya bagi kaum wanita dan kanak-kanak. Rombongan Peter Si Pertapa melewati Jerman tanpa sebarang masalah. Mereka berkemampuan membiayai perjalanan sehingga menguntungkan pedagang-pedagang tempatan.

Tangisan dan rengekan kanak-kanak semakin kuat kedengaran. Kaum lelaki mengendong anak mereka yang sudah tidak berupaya lagi berjalan. Kaum wanita pula sudah mengeluh kepenatan, kerana sudah hampir seharian mereka berjalan. Langkah mereka mulai perlahan kerana tidak berdaya. Bagi kaum lelaki pula, kaki mereka mula luka kerana berkaki ayam. Perjalanan

mereka menjadi begitu sukar apabila melalui lereng bukit yang berbatu, licin, dan curam.

Mereka sampai ke wilayah-wilayah dan perkampungan yang belum pernah dikunjungi. Sepanjang jalan, mereka melihat tanah dengan adat resam yang ganjil. Hal tersebut sudah pasti memberi kesan kepada mereka. Ramai di kalangan mereka mulai kesal meninggalkan Eropah Barat terlalu awal, kerana terlepas musim menuai pada musim bunga.

Kaum lelaki mula resah. Mereka bimbang sekiranya keadaan menjadi lebih teruk. Lantas seorang daripada mereka menghampiri Peter Si Pertapa yang berada dihadapan.

"Wahai pendeta, sudah lama kita berjalan, lebih baik kita berhenti rehat. Kaum wanita dan kanak-kanak sudah tidak berdaya," kata lelaki itu.

"Baru setengah hari kita berjalan, sedangkan perjalanan kita masih jauh. Lagi pula kawasan ini tidak sesuai bagi berhenti rehat," balas Peter.

"Orang-orang kita sudah tidak mampu berjalan. Lagi pula hari hampir petang. Lebih baik kita mencari tempat berteduh dan mendapatkan bekalan makanan," celah seorang kesateria.

Peter terpaksa mengalah, "Baiklah. Di hadapan sana ada sebuah perkampungan. Kita akan berhenti di sana."

Sebelum mentari terbenam, pasukan Peter Si Pertapa berhenti di kawasan padang rumput yang luas terbentang. Padang rumput yang hijau itu sudah ditenggelami dengan manusia yang ramai. Bekalan makanan dan minuman

pula semakin berkurangan, sedangkan baru beberapa hari mereka berangkat.

Berita kedatangan rombongan salib itu disambut baik oleh penduduk kampung, tetapi mustahil untuk mereka memberi makanan kepada setiap anggota salib, kerana bilangan yang begitu ramai. Hal ini menimbulkan kesulitan kepada penduduk kampung itu, sedangkan Peter pula tidak pernah melepaskan peluang mempengaruhi penduduk kampung dengan propagandanya. Kesannya, bilangan pengikut pasukan itu kian bertambah.

Kemudian, rombongan Salib itu berangkat meneruskan perjalanan yang belum diketahui nasibnya. Peter Si Pertapa akhirnya tersedar yang dia tidak boleh membawa para pengikutnya tanpa kemahiran berperang yang cukup. Bahkan, membawa kaum wanita, orang tua, dan kanak-kanak semakin menyukarkan perjalanan. Tetapi kesedaran itu sudah terlambat.

Peter sesekali mengeluh panjang. Dia hanya mampu melihat para pengikutnya tanpa mampu berbuat apa-apa. Perjalanan itu menjadi semakin sukar terutamanya kepada golongan kanak-kanak dan kaum wanita. Ramai dalam kalangan mereka yang jatuh sakit kerana terlalu letih dan terpaksa meredah hujan, panas, dan angin sejuk.

Keadaan bertambah parah disebabkan bekalan makanan dan ubat-ubatan yang semakin kekurangan. Mereka juga diselubungi kesulitan, terutamanya ketika mahu mendapatkan bekalan makanan di tempat yang mereka singgah. Penduduk tempatan tidak dapat menampung bekalan makanan dalam jumlah yang besar.

Sebelum ini, mereka menjangkakan bandar-bandar yang mereka singgahi akan memberikan makanan dan bekalan kepada mereka. Mereka juga menganggap bahawa penduduk setempat akan menjual barangan dengan harga yang berpatutan, tetapi sebaliknya yang berlaku. Ada ketikanya kehadiran mereka tidak disambut dengan baik. Pengikut Salib pula kerap bergaduh dengan penduduk kampung, dan bertindak di luar kawalan apabila terpaksa merampas tanaman dan binatang-binatang ternakan. Semuanya gara-gara penduduk kampung enggan memberi makanan kepada mereka.

Peter juga terpaksa meleraikan pergaduhan yang berlaku sesama angota rombongan kerana berebutkan makanan. Bahkan beliau sering memberi motivasi kepada pengikutnya yang sudah mula berputus asa. Disebabkan kepetahannya berkata-kata, mereka terus bersemangat dan kembali kepada tujuan asal, iaitu menawan Baitulmuqaddis.

Dengan kaki yang bertelanjang, pasukan Salib terpaksa menempuhi hutan belukar, tanah lapang serta denai dengan seribu kesukaran. Setibanya di sempadan Hungary, Peter Si Pertapa menghantar utusan bagi meminta kebenaran Raja Colomon I bagi melalui negeri itu. Mereka mendapat kebenaran itu. Jejak laluan pasukan Walter masih dapat dikesan, jadi Peter meneruskan perjalanan tanpa sebarang masalah.

20 Jun, 1096 Masihi

Kira-kira dua minggu selepas keberangkatan Walter dan pasukannya, pasukan Peter pula tiba di Semlin.

Semlin (kini Zemun) adalah sebuah bandar kecil di sempadan Hungary Belgrade yang dipisahkan oleh Sungai Sava. Peter Si Pertapa memberi amaran kepada para pengikutnya supaya tidak mengulangi keganasan terhadap penduduk setempat. Mereka berhenti sementara sebelum menyeberangi Sungai Sava untuk sampai ke Belgrade.

Jarak Semlin dan Belgrade tidak begitu jauh kerana hanya dipisahkan oleh sebatang sungai, tetapi sukar bagi pasukan itu bagi menyeberanginya kerana arus sungai yang deras.

"Mustahil kita dapat menyeberangi sungai yang dalam ini. Kita mesti berbuat sesuatu," kata Peter.

"Kita bina rakit," cadang Geoffrey Burel.

"Tetapi bagaimana?"

"Kita dapatkan kayu-kayu daripada penduduk tempatan. Pokok-pokok sekeliling kita juga boleh ditebang dan dijadikan rakit. Dalam kalangan mereka pasti ada tukang kayu, jadi tidak mustahil bagi membina rakit."

"Sekiranya begitu lebih baik kita segera menebang pokok, seterusnya membina rakit," arah Peter.

Geoffrey Burel ditugaskan menyelia kaum lelaki mencari pokok-pokok bagi ditebang di sekitar sungai. Ada juga yang mencuri kayu dari rumah penduduk kampung. Dengan bilangan tentera yang ramai, kerja membina rakit dapat disiapkan dengan cepat. Kemudian Peter menerima berita yang menakutkan.

"Wahai pendeta, kami mendapat khabar angin daripada pengikut Salib, bahawa Guz dikuasai ketamakan dan sudah mengumpul satu pasukan kesateria bersenjata. Beliau juga mengadakan satu komplot jahat dengan Gabenor Nicetas. Mereka merancangan menyerang dan membunuh pengikut-pengikut Salib," lapor Geoffrey Burel.

"Menurut khabar angin itu lagi, Guz dan orang-orangnya merancang menyerang rombongan Salib yang berada di bahagian belakang, supaya tidak disedari. Pengikut Salib juga bertambah curiga selepas mendengar khabar angin mengenai layanan buruk Gabenor Nicetas terhadap pasukan Walter," tambah Geoffrey Burel lagi.

"Itu hanya dusta. Guz tidak mungkin mengkhianati saya. Saya percaya beliau seorang lelaki yang baik. Saya mahu perkara ini disiasat." Peter masih enggan mempercayai bahawa Guz sanggup berbuat demikian.

"Pendeta jangan bimbang, kami berdua akan memantau keadaan pasukan kita dan sekiranya khabar angin itu benar, kami takkan membiarkan Guz melaksanakan rancangannya itu," kata Geoffrey Burel dengan yakin.

"Benar, Pendeta. Serahkan semuanya kepada kami. Kami berdua akan menyiasat kesahihan khabar angin ini."

Pada masa sama, bekalan makanan sudah habis. Keadaan tambah meruncing apabila penduduk tempatan tidak mahu membantu. Lalu pasukan Salib bertindak merompak perkampungan di situ. Mereka tidak dapat

melawan rombongan Salib yang besar itu, jadi mereka bersembunyi di kawasan gunung. Tindakan pasukan Salib itu tidak ditegah oleh Peter.

Pada masa yang sama kelihatan orang Pechenegs, tentera upahan Raja Colomon mudik menaiki baj bagi mengawasi dan menjaga keadaan kawasan, kerana bimbang dengan rombongan Salib yang ramai itu. Peter tidak senang dengan situasi itu lalu memaksa seluruh pasukannya menyeberang Sungai Sava menjelang tanggal 26 Jun.

“Kita tidak boleh biarkan mereka bertindak sesuka hati di tanah air kita. Mereka itu patut diusir!” teriak penduduk kampung.

“Jadi, apa yang perlu kita lakukan? Bilangan mereka sangat ramai, bagaimana bagi mengusir mereka?” tanya seorang lelaki.

“Kita tidak boleh biarkan mereka berbuat sesuka hati, merampas harta benda dan tanaman yang kita usahakan. Bukan itu sahaja, mereka juga sanggup memperkosa kaum wanita dan membunuh,” kata seorang lelaki tua.

“Setuju!” sahut mereka. “Lagi pula mereka tidak mempunyai kelengkapan senjata, sama seperti kita. Cuma bilangan mereka lebih ramai berbanding kita.”

“Baiklah. Kita tubuhkan satu pasukan perang. Kerahkan kaum lelaki turut sama berjuang. Kita pertahankan segala milik kita daripada orang asing itu. Kita perangi mereka. Kita usir mereka!” seru ketua kampung dengan penuh semangat.

Semua bersorak setuju. Lalu mereka mengangkat senjata dan memerangi pengikut Salib sebagai tindakan mempertahankan diri. Kaum lelaki Semlin mempersiapkan pasukan yang besar bilangannya, walaupun mereka sedar keupayaan mereka tidak setanding dengan pengikut Salib.

Dalam masa yang sama, sedang Peter Si Pertapa duduk berehat menikmati wain dan roti barli keras, beliau didatangi seorang pengikutnya. Peter menjadi cemas sebaik menerima berita yang baru disampaikan kepadanya itu.

"Bagaimana kejadian itu boleh terjadi?" tanya Peter.

"Semuanya gara-gara harga sepasang kasut. Kemudian berlaku salah faham," beritahu lelaki itu cemas.

"Gara-gara sepasang kasut? Apa maksud kamu?"

"Kerana sepasang kasut, orang kita dan penduduk kampung bergaduh. Apa yang perlu kita buat sekarang, pendeta?"

Tanpa menjawab pertanyaan itu, Peter Si Pertapa segera bergegas ke tempat tersebut.

Tidak mereka sedar yang pasukan Semlin sudah mengambil posisi di benteng kota. Mereka hanya menggunakan panah dan beberapa senjata tradisional. Posisi pasukan dipersiapkan sebaik mungkin.

Apabila pengikut Salib yang diketuai Peter Si Pertapa tiba di kampung itu, pasukan Semlin sudah bersedia. Tiba-tiba Peter dan pengikutnya diserang dengan ratusan anak panah. Pasukan Salib terpinga-pinga dan lari

bertempiaran mencari tempat persembunyian. Kemudian pasukan Semlin keluar dari tempat persembunyian lalu kedua-dua pihak bertempur.

Disebabkan bilangan pengikut yang ramai, sukar bagi Peter mengawal anggotanya yang berada di bahagian belakang. Peter tidak mampu berbuat apa-apa. Pertengkaran kecil yang berpunca daripada sepasang kasut, dengan cepat merebak hingga mencetuskan pertempuran.

Namun pasukan Semlin tidak mampu menandingi pasukan Salib, kerana bilangannya yang begitu ramai seperti tidak pernah surut. Sedangkan di pihak Semlin pula sudah ramai terkorban. Akhirnya pasukan Semlin terpaksa berundur.

Kota yang riuh-rendah tadi kembali sepi. Keadaan bandar mengerikan. Mayat-mayat saling bertindih. Bau hanyir darah menusuk hidung. Bilangan yang terkorban tidak terhitung. Geoffrey Burel berjaya membunuh 4 000 orang Semlin, dan menawan sebuah kedai besar yang memberi keuntungan besar kepada mereka.

Raja Colomon murka dengan kejadian yang berlaku itu.

"Panglima, berapa ramai bilangan tentera Salib kali ini?"

"Lebih ramai berbanding sebelum ini. Bilangan mereka yang begitu ramai ibarat air bah melanda daratan. Mereka datang tanpa kelengkapan senjata, tetapi sudah cukup membuat keadaan menjadi porak-peranda. Ramai

rakyat jelata terkorban angkara mereka," lapor panglima perang itu.

"Ayuh, kerahkan semua bala tentera kita memerangi pengikut Salib sebelum mereka melepasi sempadan negeri. Perintahkan tentera upahan menaiki baj, dan halang mereka menyeberangi sungai. Beta yakin mereka akan menuju ke Belgrade yang berada di bawah jajahan Rom Byzantine," perintah Raja Colomon kepada panglima perang.

"Baik, Tuanku. Perintah Tuanku akan saya laksanakan." Panglima perang itu berlalu pergi.

Raja Colomon tahu bilangan rombongan Salib itu mencecah puluhan ribu, tetapi beliau tidak mungkin berdiam diri. Mereka perlu diusir dengan segera. Seluruh tentera dikerah memerangi pasukan Salib. Raja Colomon juga turut melaporkan kejadian itu kepada Nis dan Konstantinopel.

Sementara itu, apabila mengetahui kedatangan bala tentera Hungary, Peter mengarahkan pasukannya segera menyeberangi Sungai Sava ke Belgrade. Rakit-rakit yang dibina digunakan bagi menyeberangi sungai. Kelihatan tentera upahan Hungary, merentangi sungai dengan baj agar dapat menghalang rombongan Salib.

Tentera upahan Petchenegs pula diserang selepas cuba menyekat laluan mereka. Beberapa baj telah ditenggelamkan. Berlaku juga pertempuran antara pasukan Salib dengan tentera Hungry. Tetapi mereka tidak mampu menangani kemaraan pengikut Salib yang begitu ramai. Dengan tertewasnya tentera upahan Pechenegs, pasukan Salib kian mara ke wilayah itu.

Peter Si Pertapa bersama-sama pasukannya berjaya melepasi Sungai Sava ke Belgrade. Mendengar berita ketibaan pasukan Salib, penduduk perkampungan Belgrade yang berdekatan segera melarikan diri dengan bersembunyi di dalam hutan. Mereka bimbang kejadian yang menimpa Semlin akan berulang lagi. Mereka pernah mengalami kejadian yang serupa, tetapi kali ini bilangan pengikut Salib berganda-ganda daripada sebelum ini. Komandan tentera Belgrade pula terlebih dahulu melarikan diri ke Nis.

Suasana perkampungan di Belgrade sunyi dan kosong. Burung-burung yang hinggap di dahan pokok turut berterbangan sebaik rombongan Salib tiba di tempat itu. Peter Si Pertapa bersama-sama pasukannya tiba di bandar yang pernah menghukum 16 kesateria Salib. Terdapat 16 baju besi masih dipaku ke dinding bandar, sebagai peringatan kepada pengikut Salib lain yang melalui kawasan itu.

Keadaan itu memberi peluang kepada pasukan Salib bagi merompak bandar dan menggeledah seluruh desa. Tidak ada sesiapa yang menghalang. Banyak harta rampasan dan ternakan dirampas sebelum seluruh bandar tersebut dibakar. Peter tidak dapat menghalang perbuatan pengikut-pengikutnya itu.

Julai, 1096 Masihi

Sesudah memusnahkan perkampungan di Belgrade, pasukan Peter Si Pertapa meneruskan perjalanan menuju

ke Nis. Mereka tiba di Nis selepas tujuh hari berjalan. Setibanya di sana, pasukannya sudah tidak berdaya kerana kekurangan makanan. Ramai juga dalam kalangan mereka yang tercedera dan tidak dirawat. Mereka membina khemah di luar kota. Peter meminta bantuan makanan daripada Gabenor Nicetas.

Khabar angin sebelum ini mengatakan Gabenor Nicetas berkomplot dengan Guz membuatkan mereka lebih berhati-hati. Sebelum kedatangan pasukan Salib, Gabenor Nicetas sudah memperkuat pertahanan kota. Beliau bimbang, sekiranya hal yang berlaku di Belgrade akan menimpa kota Nis pula.

Gabenor itu tidak membenarkan rombongan Salib berada lama di wilayahnya. Permintaan Peter Si Pertapa bagi mendapatkan makanan tidak semudah seperti yang dijangkakan. Gabenor Nicetas mengadakan satu perjanjian sebagai jaminan pasukan Salib berkelakuan baik sepanjang berada di wilayah itu.

"Apa? Kami dijadikan tebusan sebagai pertukaran makanan? Mengapa kami pula?" Geoffrey Burel dan Walter Breteuil terkejut dengan saranan Peter itu.

"Syarat ini yang diminta oleh Gabenor Nicetas sebagai cagaran. Kamu berdua adalah ketua pasukan Salib dan ini sudah menjadi tanggungjawab kamu berdua. Jangan bimbang, kamu berdua dijadikan sebagai jaminan, supaya pasukan Salib berkelakuan baik dan tidak menimbulkan sebarang masalah sepanjang kita berada di sini," terang Peter.

"Kita boleh mendapatkan bekalan makanan selepas melintasi Nis." Walter Breteuil enggan.

"Kita sudah kehabisan bekalan makanan. Perjalanan ke Sofea pula memakan masa yang lama. Saya tidak mahu pengikut Salib menimbulkan masalah lagi."

"Tetapi bagaimana pula nasib kami? Mungkin kami akan dibunuh!"

"Jangan bimbang. Nicetas berjanji tidak akan mengapa-apakan kamu berdua selagi kita tidak menimbulkan masalah. Beliau juga meminta kita berangkat meninggalkan kota Nis secepat mungkin." Peter Si Pertapa berkata penuh yakin.

Walaupun Geoffrey Burel dan Walter Breteuil tidak setuju, tetapi kebijaksanaan Peter berkata-kata akhirnya membuatkan mereka akur. Ketika berada di Nis, Peter berkesempatan berdakwah kepada penduduk Nis. Kehebatannya berkhutbah telah berjaya menarik beberapa lagi penduduk tempatan bagi menyertai rombongan Salib.

11
Pasukan Salib Jerman

Julai, 1096 Masihi

Rombongan Salib tiba di Sofea, iaitu ibu kota Bulgaria. Kota terbesar itu juga berada di bawah wilayah Rom Byzantine. Peter Si Pertapa dan pasukannya beruntung kerana disambut dan diberi layanan yang baik. Bahkan pasukan Salib diberi perlindungan oleh tentera Rom Byzantine sepanjang perjalanan ke Konstantinopel. Semasa perjalanan itu mereka melalui Philipoppolis.

Kota Philipoppolis, kota kedua terbesar selepas Sofea. Di sana mereka diberi layanan yang baik. Pengikut Salib menceritakan kisah penderitaan dan cabaran yang dilalui kepada penduduk Rom Byzantine, semata-mata mahu ke kota Baitulmuqaddis demi perjuangan suci.

Kisah mereka itu mengundang rasa simpati orang ramai lalu mereka diberi wang, kuda, dan bekalan makanan bagi meneruskan perjalanan.

Dari Philipoppolis, pasukan Salib terus berjalan merentasi wilayah Adrianople. Ketika di sana, Peter menerima surat daripada maharaja. Sebaik selesai membaca surat itu, pendeta itu mengalirkan air mata.

Menurut isi kandungan surat itu, Maharaja Rom Byzantine memutuskan bagi memaafkan segala jenayah yang telah mereka lakukan. Hal ini kerana, mereka sudah cukup terhukum dengan segala kepayahan yang dilalui. Peter Si Pertapa menangis kerana terharu dengan sifat pemurah raja itu.

Memandang ke langit, ufuk mentari kelihatan suram dan awan petang sudah berbalam. Tempat yang dituju masih lagi jauh. Perjalanan yang ditempuh terasa kian sukar. Barisan pasukan Salib Jerman diketuai Pendeta Gottschalk, berbondong-bondong membawa bekalan makanan dengan susah payah.

Rombongan Gottschalk bertolak pada awal musim panas tahun 1096 Masihi. Mereka berangkat dari Cologne beberapa hari selepas keberangkatan Peter Si Pertapa, pada April 1096 Masihi.

Sebelum ini, rakyat Jerman memperkecil-kecilkan pasukan Walter Breteuil dan Peter Si Pertapa, yang menjual harta benda semata-mata mahu pergi ke Baitulmuqaddis. Menurut rakyat Jerman, perjalanan itu

adalah satu pengembaraan yang jauh beribu batu dan tidak masuk akal. Namun, ada sebahagian daripada mereka yang berubah sikap apabila melihat pasukan Walter dan Peter yang melalui negeri mereka.

Gottschalk memulakan perjalanan bersama-sama pegikutnya ke arah Utara, menuju ke Baitulmuqaddis. Perjalanan mereka melalui lembah Rhine dan melalui penempatan Yahudi di Cologne. Kota Speyer terletak di Sungai Rhine, antara sungai terpanjang di Eropah bersama dengan Sungai Donau yang membentuk banyak perbatasan di utara Kekaisaran Rom Byzantine. Sungai itu turut menjadi sumber air terpenting.

Tujuan pasukan ini jauh berbeza dengan matlamat pasukan Salib sebelum ini. Ucapan Paus Urban II di Persidangan Clermont turut menyalakan tradisi anti Semitisme yang sudah berabad-abad lamanya wujud di Eropah. Pemujaan Salib menyebabkan orang Kristian mula membenci Yahudi, yang dianggap bertanggungjawab memfitnah Jesus sehingga dihukum mati di tiang Salib.

Awalnya, misi orang Kristian mengajak orang Yahudi supaya bertaubat dan memeluk Kristian, tetapi bertukar menjadi pergeseran apabila orang Kristian mulai curiga, yang orang Yahudi adalah pengintip kaum Muslimin di Baitulmuqaddis.

Pendeta Gottschalk berdiri di hadapan para pengikutnya ketika berhenti berehat. Kelihatan pengikut-pengikutnya dalam keadaan tidak berdaya dan lemah. Lalu beliau tampil berucap.

"Wahai tentera Salib, bagi pemimpin-pemimpin tertentu, peperangan suci ini bukan untuk memerangi orang Islam sahaja. Tetapi, sebenarnya perang ini juga bertujuan menghapuskan orang Yahudi yang berada di tanah air kita sendiri. Orang Yahudi dan Islam adalah musuh al-Masih yang perlu diperangi, ataupun dipaksa memeluk agama Kristian."

Katanya lagi, "Wahai tentera Tuhan, perangi orang Yahudi kerana mereka musuh kita. Penaklukan Baitulmuqaddis oleh orang Kristian, dan pelantikan maharaja Kristian di sana dikatakan akan memulakan hari kiamat. Orang Yahudi bertanggungjawab terhadap penyaliban Jesus, dan mereka lebih dekat untuk dihapuskan berbanding orang Islam yang berada jauh dari kita. Banyak orang yang tertanya-tanya mengapa mereka perlu mengembara ribuan batu semata-mata memerangi orang yang tidak beriman? Walhal ada orang yang tidak beriman di tanah air sendiri." Ucapan yang panjangnya itu dilaungkan demi membangkitkan semangat para pengikutnya.

Ucapan Gottschalk mendapat sorakan gemuruh. Semangat mereka yang lelah dan senak kembali berada dikemuncak seperti sewaktu mereka berangkat. Saat Paus Urban II menyeru Perang Salib pertama, ramai kesateria Kristian mentafsirkannya sebagai perang melawan sesiapa sahaja yang tidak percaya kepada ajaran Kristian. Sasaran pertama mereka adalah orang Yahudi di Eropah.

Kesateria berbaju perang memacu kuda, dan dibelakangnya terdapat seramai 12 000 orang pengikut. Lelaki itu dikenali sebagai Pangeran Emicho dari Leiningen, yang juga terkenal dengan sifat kejam dan mengaku dirinya adalah kaisar terakhir daripada 'mitos apokaliptik'. Beliau mengumpul pengikut dari Flander dan Inggeris, dan mengetuai pasukan Salib Jerman menuju ke Tanah Suci. Perjalanannya juga mengikut jejak langkah Gottschalk dari selatan melalui lembah Rhine.

Ketika dalam perjalanan di Perancis, Emicho mengambil kesempatan menarik orang ramai supaya turut serta. Dalam perjalanan itu, beliau juga bertemu dengan pasukan Burghers yang terkenal di Jerman. Mereka memusuhi orang Yahudi sejak kaum itu bertapak di tanah air mereka. Apabila mengetahui tujuan Emicho, mereka bersetuju mengadakan satu pakatan dan bergabung membenteras orang Yahudi.

Mei, 1096 Masihi

Sabtu pagi itu indah sekali. Mentari belum terik memancarkan cahayanya, dan hembusan angin begitu nyaman.

Langkah itu menjadi irama yang menakutkan. Bunyi derapan kaki kuda kuat menghentak tanah, dan langkah manusia gagah itu diikuti dengan salakan anjing yang memecah kesunyian hutan tebal itu. Tiba-tiba ketenangan itu bertukar gempar.

Bunyi itu menuju ke arah sebuah perkampungan orang Yahudi yang berada di lembah Rhine Pasukan berkuda Salib Emicho, dan pasukan Burghers yang sudah bergabung merancang mengejutkan orang-orang Yahudi di Speyer, sebagai satu daripada misi perang suci.

Kedengaran lagu-lagu agama yang berkumandang dari rumah ibadat Yahudi. Tiba-tiba muncul seorang lelaki dengan wajah yang cemas. Beliau meluru masuk dengan tergopoh-gapah dan segera mendapatkan pendeta yang berusia separuh abad itu. Beliau memperkatakan sesuatu sehingga wajah pendeta itu turut berubah.

Pagi itu, tidak seperti biasa. Orang Yahudi berdoa awal, dan atas nasihat pendeta mereka diminta segera meninggalkan rumah ibadat sebelum kedatangan pasukan Salib. Keadaan menjadi kelam-kabut. Masing-masing tertanya-tanya sebab mereka diserang oleh pasukan Salib. Namun persoalan itu tidak terjawab.

Ketika para jemaah mula bergerak meninggalkan rumah ibadat, mereka diserang oleh pasukan Salib Emicho dan Burghers. Serangan itu mengakibatkan ramai orang Yahudi terbunuh.

Tragedi tragis itu mendorong Biskop John melindungi orang Yahudi. Tanpa berlengah, beliau segera menghulurkan bantuan kepada masyarakat Yahudi. Beliau menyelamatkan penduduk Yahudi dengan membawa mereka ke dalam gereja. Ramai orang Yahudi berkumpul di tempat perlindungan itu.

Pasukan Salib dan Burghers tiba di perkarangan gereja. Biskop John keluar bagi berbincang dengan

pasukan yang menggelarkan diri sebagai 'Pembela Tuhan' itu. Dengan penuh karisma dan kebijaksanaannya, beliau berjaya meyakinkan gabungan itu supaya menghentikan serangan mereka. Orang-orang Yahudi di gereja itu disembunyikan di menara, sehingga musuh-musuh mereka berlalu. Pasukan gabungan itu kecewa kerana rancangan mereka gagal. Serangan mereka terhadap orang Yahudi berjaya dihalang oleh biskop dan pihak gereja tempatan.

Mei, 1096 Masihi

Hari itu, penduduk Yahudi diselubungi ketakutan. Berita pembunuhan orang Yahudi di Hungary dan Speyer tersebar sehingga ke wilayah Worms. Mereka bertindak pantas supaya peristiwa itu tidak terjadi di Worms. Sebelum kedatangan pasukan Salib, orang Yahudi terlebih dahulu datang menemui biskop bagi memohon perlindungan di gereja. Permohonan mereka dibenarkan oleh biskop atas dasar kemanusiaan.

Orang-orang Yahudi sudah berpecah kepada dua kumpulan. Satu kumpulan melarikan diri ke gereja, dan selebihnya berdiam diri di rumah masing-masing kerana mereka tidak yakin pihak gereja dapat membantu mereka.

Sebahagian orang Yahudi bertindak memberi barang-barang berharga mereka kepada keluarga Kristian yang dipercayai bagi disimpan. Kemudian mereka bersembunyi di rumah dan mula berpuasa serta berdoa.

Sementara orang Kristian pula bersemangat menyambut serta membantu pasukan Salib.

Perkampungan yang tenang mula terasa bahang setibanya pasukan Salib. Tanpa sebarang amaran, perkampungan itu diserang. Sebelum itu, orang Yahudi diberi dua tawaran sama ada dibaptis ataupun dibunuh! Tetapi penduduk Yahudi enggan. Pasukan Salib serta-merta menggeledah rumah-rumah orang Yahudi dan membakarnya. Penghuninya ditikam dengan pedang tanpa simpati. Maka berlaku pembunuhan beramai-ramai di perkampungan itu.

Teriakan lelaki Yahudi, jeritan kaum wanita, dan tangisan kanak-kanak tidak sedikit pun berbekas dalam hati mereka. Kaum wanita dan gadis pula diperkosa, diseksa, dan kemudian dibunuh sehinggakan tidak ada seorangpun penduduk yang tertinggal. Kemudian pasukan Salib menghancurkan kuburan Yahudi, dan membakar sinagog mereka sebelum beredar.

Bau hanyir darah daripada mayat yang bergelimpangan menusuk hidung. Lebih 300 orang Yahudi dibunuh kerana enggan menukar agama. Selepas dua hari menggempur bandar Worms, keadaannya tidak ubah seperti padang jarak padang terkukur.

Ketika mula meninggalkan penempatan yang sudah bermandi darah itu, ketua Burghers berkata lantang kepada para pengikutnya bagi menyemarakkan lagi semangat mereka.

"Lihat, ini masanya kita membalas dendam demi Beliau yang disalib. Orang yang membunuh nenek moyang kita. Sekarang mari kita hancurkan mereka.

Jangan biarkan mereka bernafas meskipun bayi yang sedang menyusu dalam buaian!"

Mei, 1096 Masihi

Dentingan loceng di menara gereja bergema, jelas dan kuat. Itu petanda pasukan Salib sudah tiba. Biskop cuba menenangkan keadaan yang sudah tidak tenteram itu. Mereka mula resah dan takut. Mereka mengintai melalui jendela menara, kelihatan pasukan Salib sudah memenuhi perkarangan rumah Biskop.

"Sesungguhnya orang-orang yang kekal di halaman uskup dan di dalam kamar beliau akan menerima balasan. Mari kita membalas dendam ke atas mereka!"

Sahutan disambut dengan sorakan gemuruh.

"Wahai Tuan biskop, mereka sudah berada di sini. Sudah tentu ramai saudara-saudara kami di luar sana dibunuh. Kini giliran kami pula. Apakah yang perlu kami lakukan?" tanya seorang lelaki Yahudi merayu.

Wajah biskop kendur. Perasaan simpatinya bertambah apabila melihat sekalian orang Yahudi ketakutan. Mereka saling berpelukan.

"Wahai Tuan, apakah cara untuk kami menyelamatkan diri?" tanya lelaki itu lagi. Air matanya sudah bergenang.

"Satu-satunya cara adalah dengan menukar agama kamu kepada agama Kristian," jawab Biskop itu.

Wajah lelaki itu dan yang lain berubah. Tiada jawapan daripada mereka.

"Saya berharap kamu terima walaupun dengan berat hati. Demi keselamatan kamu dan ahli keluarga. Buat keputusan sebelum mereka datang membunuh kamu," pujuk biskop dengan suara lembut.

Tiba-tiba lelaki itu bingkas bangun lalu bersama beberapa orang Yahudi lain membunuh keluarga mereka dengan pisau, dan kemudian mereka membunuh diri. Biskop itu cuba menghalang namun semuanya sudah terlambat.

Pasukan gabungan itu mula mengepung gereja. Emicho tidak dapat menahan gelojak dendamnya. Lalu beliau memerintahkan para pengikutnya menyerbu ke dalam rumah biskop itu. Berlaku pertempuran hebat dengan orang yahudi yang masih hidup. Malangnya kaum lelaki Yahudi tidak dapat menahan serangan ganas pasukan itu yang jauh lebih ramai.

Walaupun biskop cuba menghalang tetapi gagal. Kemudian mereka merampas kanak-kanak daripada keluarga mereka. Teriakan dan rayuan kumpulan ibu ternyata sia-sia. Tanpa belas simpati, kanak-kanak itu disembelih dengan pedang yang tidak mengenal mangsa.

Kemudian, kaum wanita dan anak gadis diperkosa, dan kemudiannya dibunuh dengan kejam. Seterusnya, seluruh orang Yahudi di gereja itu dibunuh.

Biskop di kota Worms sudah berusaha membantu seperti yang dilakukan pihak gereja di Speyer, malangnya

pasukan gabungan itu tetap berjaya membunuh kaum Yahudi atas alasan darah suci.

Dua hari selepas diserang pasukan Salib, kini tidak ada seorang pun orang Yahudi bernafas di bumi Worms. Seramai 800 orang Yahudi disembelih oleh pasukan Salib. Worms kemudiannya ditinggalkan dengan kisah yang mengerikan.

Seterusnya, pasukan Salib bergerak pula ke Mainz. Masyarakat Mainz adalah permata awal Yahudi Eropah Utara, dan turut digelar sebagai 'Mahkota Israel'.

Semangat tentera Salib makin menjulang tinggi. Mereka tiba pada hari Ahad. Ketika itu pintu-pintu kota sudah ditutup rapat. Emicho memerintahkan pengikutnya berkhemah di luar bandar Mainz yang terletak di sepanjang sungai Rhine. Apabila Speyer dan Worms diserang, Archbishop Mainz segera mengambil langkah menutup bandar itu, selepas dibayar oleh orang Yahudi yang memohon perlindungan.

Suasana di dalam kota agak tegang. Orang-orang Yahudi segera merancang dan membentuk dua pasukan sebagai pelindung kota. Sebahagian daripada mereka ditempatkan di dalam kawasan yang dikawal oleh ketua kubu.

Di luar kota, Emicho berdiri memandang kota Mainz dengan pandangan angkuh. Dinding-dinding kota yang berdiri teguh itu tidak mampu dirobohkan. Namun, tidak semudah itu kota Mainz dibiarkan tanpa

sebarang serangan. Kemudian, seorang kesateria datang menghampirinya.

"Wahai pangeran, pintu kota Mainz sudah ditutup. Kami sudah mencari pintu yang dapat dibolosi tetapi tidak berjaya. Nampaknya, mereka membuat persiapan rapi selepas kejadian di Speyer dan Worms," lapor penglima perang itu.

"Adakah mereka mempunyai kekuatan pasukan perang?" tanya Emicho pula.

"Maklumat yang saya terima, orang Yahudi membayar wang kepada biskop supaya melindungi mereka. Kebanyakan orang Kristian kota Mainz tidak menyokong tindakan orang Yahudi, dan mengalu-alukan kedatangan kita ke mari. Jadi, saya yakin mereka tidak akan bertahan lama."

"Teruskan pengepungan. Buat sementara waktu kita tunggu dan lihat. Saya juga yakin mereka tidak dapat bertahan," katanya yakin.

12
Kerakusan Tentera Salib Jerman

Beberapa orang Pendeta Yahudi datang menemui Archbishop Mainz untuk berbincang. Kedua-dua ketua agama itu bersetuju membuat perjanjian dengan pasukan Salib. Mereka sanggup membayar sejumlah wang perak kepada archbishop sebagai perlindungan keselamatan. Mereka juga menghantar emas kepada Emicho sebagai pertukaran, supaya pasukan Salib tidak menyerang orang Yahudi.

"Orang Yahudi menghantar emas sebagai pertukaran supaya kita tidak menyerang mereka. Jadi, apa rancangan Tuan? Adakah kita perlu menawan kota ini ataupun sebaliknya?" tanya panglima perang berwajah bengis.

“Bagaimana dengan pandangan kamu?” tanya Emicho pula.

“Misi kita mahu menghapuskan orang Yahudi. Kita tidak membuat sebarang perjanjian dengan mereka, jadi mengapa kita perlu menuruti kemahuan mereka?" jawab panglima perang itu.

Pangeran itu ketawa sambil berkata, “Benar. Perjanjian yang dibuat hanya untuk membeli kepercayaan mereka sahaja. Hanya dengan cara ini kita dapat memasuki kota.”

“Pangeran memang bijak. Bila kita mahu serang kota itu?”

“Esok pagi. Sebaik terbit matahari, kita serang kota Mainz hingga tidak ada seorang pun Yahudi yang hidup!” Emicho berkata dengan penuh perasaan benci dan dendam.

Mei, 1096 Masihi

Pagi itu, hari kedua pasukan Salib berada di luar kota. Selepas matahari terbit, orang-orang Yahudi dikejutkan dengan kemaraan pasukan Salib ke dalam kota. Pintu yang tertutup rapat tiba-tiba dibuka luas. Emicho berbohong bahawa beliau bersetuju tidak menyerang orang Yahudi.

Orang-orang Yahudi yang berada di kubu melemparkan tombak dan serangan anak panah. Namun kekuatan mereka tidak dapat menandingi pasukan Salib. Dengan mudah pertahanan kota itu dikalahkan.

Kesateria Salib berkuda dengan tangkas melibas pedang mereka ke kiri dan kanan, sehinggakan ada kepala terpisah daripada badan. Ada yang disembelih dan darah memancut membuak-buak. Mayat-mayat bergelimpangan di merata tempat. Rumah-rumah pula dibakar. Asap hitam dan tebal memayungi langit Mainz. Keadaan menjadi huru-hara. Seluruh pelusuk kota pula digeledah, dan tidak ada seorang pun terlepas daripada menjadi korban pasukan Salib.

Melihat keadaan yang tegang itu, archbishop dan pengikut-pengikutnya segera melarikan diri menuju ke pekan Rudesheim, dengan membawa wang perlindungan. Mereka meninggalkan orang-orang Yahudi bersendirian menghadapi musuh. Serangan kali ini lebih buruk daripada Speyer dan Worms. Ramai orang Yahudi dibunuh kerana dikhianati. Namun, orang Yahudi tetap berjuang walau ternyata usaha mereka sia-sia.

Pertempuran itu dengan cepat menular ke gereja yang menjadi tempat perlindungan orang Yahudi. Dari luar istana biskop, Emicho berteriak memberi dua pilihan kepada mereka, sama ada dibaptis ataupun dibunuh! Tetapi tidak ramai menerima tawaran untuk dibaptis. Mereka rela mati dibunuh. Kaum Yahudi di situ mengambil tindakan sama dengan penduduk di kota yang telah ditawan. Ibu bapa bertindak memotong leher anak-anak kecil bagi memastikan mereka tidak jatuh ke tangan pasukan Salib, dan kemudian membunuh pasangan mereka sebelum membunuh diri.

Kaum Yahudi yang berada di dalam gereja tersebut menangis menyaksikan pemandangan yang mengerikan itu. Namun, mereka hanya mampu berdoa. Apabila kaum

Yahudi itu enggan dibaptis, pasukan Salib menyerbu masuk ke dalam istana biskop dan membunuh seluruh orang Yahudi. Antara 700 sehingga 1300 orang Yahudi menjadi mangsa penyembelihan pasukan Salib di Mainz.

Seusai melenyapkan orang Yahudi, pasukan Salib dan Burghers menuju ke rumah pendeta Yahudi, David Ben R. Nathaniel. Hanya tinggal kediaman itu sahaja yang belum dicerobohi. Bunyi derap tapak kuda dan kaki manusia itu menakutkan penghuni rumahnya. Mereka tidak putus-putus berdoa agar diselamatkan.

David memberanikan diri keluar dari rumahnya. Beliau berdiri di hadapan musuhnya itu. Pendeta Kristian daripada pasukan Salib berkata kepadanya, "Ramai orang Yahudi sudah dibunuh, dibuang keluar dan dipijak di jalan-jalan, kecuali beberapa orang yang sanggup dibaptis. Bagaimana dengan kamu? Sekiranya kamu juga dibaptiskan, harta dan semua ahli keluarga kamu akan selamat."

"Beritahu orang-orang kamu dan Burghers supaya datang berjumpa saya," balas David dengan yakin.

"Jadi kamu bersedia menyertai kami," kata pendeta Kristian gembira.

Pendeta Kristian itu segera bertemu dengan ketua pasukan Salib dan memberitahu akan hal itu. Lantas mereka menuju ke rumah pendeta Yahudi itu. Setibanya mereka di rumah pendeta itu, Pendeta David bertanya kepada mereka dengan penuh berani.

"Anda percaya perkara yang lahir daripada nafsu. Tetapi saya percaya kepada Tuhan yang hidup

selama-lamanya. Dialah yang saya percaya hingga ke hari ini. Sekiranya anda membunuh saya, jiwa saya akan rehat di syurga dalam cahaya kehidupan. Tetapi anda akan turun ke jurang yang terendah, kebencian selama-lamanya iaitu ke neraka," tuturnya dengan berani.

Kata-kata pendeta Yahudi itu mengundang kemarahan pasukan Salib. Lantas tanpa banyak bicara mereka membunuh seluruh anggota keluarga pendeta itu.

Berakhirnya kejadian di Mainz, pasukan Salib berangkat pula ke Cologne. Ketika itu musim bunga. Satu pasukan daripada tentera Salib sudah meninggalkan kumpulan utama dan menuju ke kawasan Lembah Moselle. Mereka melancarkan lebih banyak serangan terhadap kaum Yahudi di Trier dan Metz. Sementara itu, Emicho dan para pengikutnya meneruskan perjalanan ke bandar Cologne.

Kaum Yahudi merupakan penduduk terbesar dan terkaya di wilayah Cologne. Peristiwa berdarah di Worms dan Mainz sudah tersebar di Cologne, menyebabkan penduduk Yahudi yang berada tepian Rhine itu ketakutan. Disebabkan itu, ramai penduduk bertindak membunuh isteri dan anak gadis mereka, kerana tidak sanggup melihat ahli keluarga mereka diperkosa dan dibunuh oleh tentera Salib.

"Kita mesti tinggalkan tempat ini dengan segera!" kata seorang lelaki Yahudi ketika mereka duduk berkumpul.

"Keadaan semakin buruk. Akibat takutkan kekejaman pasukan Salib, ramai suami membunuh isteri, dan ayah membunuh anak gadis mereka. Kita mesti bertindak

segera." Tambah seorang lagi penduduk. Wajahnya terpampang kerisauan

"Saya sokong. Kita tidak boleh mengharapkan pihak gereja lagi. Di Worms dan Mainz kaum seagama kita tetap dibunuh, walaupun mendapat perlindungan daripada pihak gereja. Kita perlu keluar dari tempat ini bagi mencari tempat perlindungan lain."

"Jadi, kemanakah tempat yang akan kita pergi? Atau mungkin nasib kita sama seperti sahabat kita di Worms dan Mainz. Kita juga tidak dapat menentang mereka."

"Mari kita dapatkan bantuan dari kenalan di Shavout," cadang seorang daripada mereka.

"Kalian yakin pasukan Salib tidak akan menyerang Shavout?" tanya yang lain, ragu-ragu.

"Tidak," jawab lelaki itu yakin. "Kita mesti segera ke sana sebelum mereka tiba."

Ramai orang Yahudi meninggalkan kediaman dan harta benda mereka menuju ke Shavout.

Jun, 1096 Masihi

Suasana bandar Cologne sunyi sepi. Emicho sangat kecewa apabila ketibaannya disambut oleh bandar yang tidak berpenghuni, tetapi pasukan mereka tetap bergembira. Kesempatan itu diambil oleh pasukan Salib dengan memecah masuk ke rumah-rumah penduduk. Mereka merompak dan merosakkan barang-barang yang

ada. Kemudian mereka memusnahkan rumah ibadat dan merosakkan skrol Taurat dengan memijaknya di atas jalan.

Sekumpulan petani terjumpa kawasan yang menjadi tempat orang Yahudi bersembunyi, lalu mereka memberitahu hal itu kepada pasukan Salib. Segerombolan pasukan Salib mara ke tempat persembunyian yang dimaksudkan. Lalu kaum lelaki, wanita, dan kanak-kanak diseksa dengan harapan mereka akan menukar agama.

Keganasan itu berleluasa di kampung-kampung seluruh Cologne. Pasukan Salib bergerak ke tempat-tempat perlindungan yang ada di wilayah itu. Mereka bertindak membunuh semua penduduk yang berlindung, dan hampir keseluruhan orang Yahudi lenyap dari muka bumi Cologne.

"Wahai pengikut-pengikut Salib, kejayaan ini sangat membanggakan saya. Kita sudah pun menjalankan perintah Tuhan dengan melenyapkan musuh-musuh kita di tanah air ini. Selepas ini, kita akan menuju ke Hungary dan seterusnya mara ke Konstantinopel!" teriak Emicho dengan lantang.

Para pengikutnya menyambut dengan sorakan gemuruh. Mereka sudah seperti kehausan darah orang Yahudi. Di samping itu mereka mengumpul kekayaan dengan merampas harta penduduk Yahudi.

Selepas dua hari berada di Shovaut, orang Yahudi berhasrat untuk pulang ke kota mereka, tetapi masih dibelenggu ketakutan. Namun mereka bersepakat pulang selepas tiga hari bersembunyi. Mereka mendapati

segalanya telah musnah. Bahkan harta benda mereka sudah habis dirampas.

Sementara itu, sebuah lagi pasukan Salib dipimpin Volkmar dari Saxony Selatan melalui Bohemia. Pasukan ini turut melakukan serangan terhadap orang Yahudi, terutama di Magdeburg dan Prague ketika tiba di sana pada bulan Jun. Penduduk asli di dua negeri itu tidak berdiam diri. Walaupun mereka beragama Kristian, tetapi mereka tidak menyenangi tindakan itu. Mereka turut bertindak membalas serangan yang dilakukan oleh pasukan Salib. Terjadilah pertempuran sengit dan pembunuhan yang mengerikan. Orang Yahudi adalah yang paling ramai tertewas.

Akhir bulan Jun, pasukan Volkmar berjaya menyeberangi sempadan menuju ke Hungary, tetapi nasib tidak menyebelahi mereka. Ketika tiba di Nitra, pasukan Salib itu bertempur dengan tentera Hungary yang marah dengan tindakan mereka. Raja Colomon juga berusaha melindungi kaum Yahudi dengan memerangi pasukan itu.

Malah Pasukan Salib Volkmar juga dihalang oleh kaum Paulicia sehingga berjaya dihancurkan. Kemudian pasukan Salib Gottschalk juga dipaksa menyerah oleh tentera Hungary di Panonhalma, selepas kehancuran pasukan Salib Volkmar. Berakhirlah kekejaman mereka lalu gagal ke Tanah Suci.

Dari Cologne, pasukan Salib yang diketuai Emicho meneruskan perjalanan ke Hungary yang bersempadan

dengan Jerman. Ketika berada di sempadan Hungary pasukan Emicho yang berjumlah 20 000 orang itu cuba memasuki negeri itu, tetapi dihalang oleh pasukan tentera Hungary. Emicho tersepit. Mustahil untuk pasukan itu berpatah balik selepas berjaya melenyapkan kaum Yahudi.

Emicho bersama-sama pasukannya tiba di bandar Weisenberg. Berita kedatangan pasukan Salib tersebar dan mengejutkan penduduk Yahudi di bandar itu. Mereka diserang ketakutan apabila mengetahui penyembelihan saudara-saudara mereka di Worms, Mainz, dan Cologne. Orang Yahudi bergegas menuju ke gereja dengan harapan keselamatan mereka dijamin oleh Biskop Ruthard. Bilangan orang Yahudi yang menetap di bandar itu kira-kira 700 orang.

"Wahai Tuan biskop, kami datang bagi memohon perlindungan Tuan daripada kekejaman pasukan Salib. Kami mendapat tahu saudara-saudara kami di Worms dan Mainz dibunuh dengan kejam," rayu seorang lelaki sambil memeluk anak kecilnya.

"Jangan bimbang. Saya akan membantu kalian. Kamu semua bersembunyilah di sini," kata Biskop Ruthard.

Kumpulan orang Yahudi itu berasa lega. Biskop Ruthard membawa mereka ke sebuah dewan yang luas. Menurutnya, tempat itu selamat dan dan terjamin perlindungannya.

Di Weisenberg, pasukan Salib menyerbu dan melakukan pembunuhan. Rombongan itu juga menyebabkan kerosakan di wilayah itu dan ramai penduduk yang terkorban.

Kemudian mereka menuju pula ke rumah Biskop Ruthard. Biskop itu tidak berdaya menghalang kemaraan pasukan Salib. Orang-orang Yahudi menjerit ketakutan. Sekali lagi tidak ada yang dapat menghalang kekejaman itu. Mereka terus membunuh wanita dan anak-anak kecil. Darah pekat membasahi lantai dewan itu. Tidak ada seorang pun yang terselamat.

Enam hari bandar itu ditawan, bandar itu mengalami kerosakan teruk. Keadaan dan rupa bandar itu sudah jauh berubah. Dalam masa yang sama, Emicho berusaha memasuki Hungary tetapi gagal. Sebaliknya, ramai pengikut-pengikutnya yang terkorban.

"Nampaknya kita gagal mencari jalan memasuki Hungary, kerana mereka menutup pintu sempadan. Ramai orang kita terbunuh ketika bertempur dengan tentera Hungary. Saya juga menerima berita pasukan Volkmar dihancurkan di Nitra, dan pasukan Gottschalk pula dipaksa menyerah di Pannonhalma. Apa rancangan Tuan, sekarang?" tanya Panglima Salib itu.

Emicho tidak menjawab. Beliau tidak menjangka rancangannya menemui kegagalan. Kemudian beliau berkata, "Saya tidak mungkin mengalah. Kita serang Hungary seperti yang kita lakukan sebelum ini."

"Trtapi itu mustahil. Sebelum ini dua pasukan Salib sudah dihancurkan oleh tentera Hungary. Mungkin kita akan menerima nasib yang sama."

"Tidak!" jawabnya marah. "Kita tetap akan serang Hungary!"

Panglima perang itu masih cuba memberi pandangannya tetapi tidak dihiraukan. Perintah itu terpaksa dituruti.

Berita berkaitan serangan pasukan Salib itu sampai kepada pengetahuan Raja Colomon. Tindakan pasukan Salib itu membuatkan Raja Hungary nekad menghancurkan pasukan itu seperti yang dilakukannya terhadap tentera Volkmar dan Gottschalk.

"Wahai Panglima, jangan kamu benarkan pasukan Salib memasuki negeri ini. Beta mahu mereka dihapuskan. Usir mereka dari tanah air kita seperti pasukan Salib sebelum ini," perintah Raja Colomon dengan tegas.

Keesokannya, Emicho menghampiri sempadan Hungary. Tentera Hungary sudah siap menanti, lalu berlaku pertempuran hebat antara dua kumpulan itu. Emicho mula cemas apabila melihat pasukannya mulai lemah dan ramai yang kecundang.

Emicho terpaksa berundur tetapi mereka dikejar oleh tentera Hungary yang benar-benar marah. Tentera-tentera Salib lari bertempiaran. Beliau dan beberapa pengikutnya yang terselamat pulang dengan penuh kehinaan, tetapi masih ada sisa-sisa pengikut Salib yang berusaha mencari jalan ke Konstantinopel.

Langit Nis terbentang indah. Keadaan pasukan Salib di negeri itu selamat, perjalanan mereka juga berjalan lancar. Selepas beberapa hari berada di Nis, tiba masanya Peter

Si Pertapa meninggalkan wilayah itu dan meneruskan perjalanan menuju ke Sofea.

Malangnya, ketika pasukan itu mulai bergerak, berlaku satu kejadian. Lambert, seorang pengikut Salib berlari mendapatkan Peter yang sedang menunggang keldai di bahagian hadapan. Berita yang disampaikan itu mengejutkannya. Lantas rombongan utama berpatah balik semula bagi memberikan bantuan.

Kejadian itu bermula apabila pengikut Salib Jerman membakar beberapa buah rumah di situ, sebagai membalas dendam terhadap perbalahan antara mereka dengan seorang penduduk tempatan pada malam sebelumnya.

Gabenor Nicetas benar-benar berang. Baginya Peter Si Pertapa mengkhianati perjanjian. Lantas sepasukan tentera diarah menyerang pengikut Salib di bahagian belakang, dan menawan mereka sebagai tindakan balas.

Peter bergegas dan berpatah semula ke Nis. Beliau bertemu Gabenor Nicetas bagi berunding soal menebus tawanan. Ketika perundingan itu berlangsung, tentera Rom Byzantine keluar dari kota Nis dan menyerang sekali lagi bahagian belakang pasukan Salib. Serangan itu mencetuskan pertempuran hebat.

"Apa? Benarkah apa yang kamu katakan ini? Kita diserang lagi?" Peter benar-benar terkejut apabila diberitahu bahawa rombongannya diserang lagi.

"Benar, pendeta," jawab pengikutnya itu.

"Wahai Gabenor, mengapa pengikut saya diserang sedangkan kita sedang berunding? Jadi benarlah timbul

desas-desus mengatakan Tuan berkomplot dengan orang saya?"

Gabenor Nicetas hanya tersenyum sinis. "Walaupun pengikut Tuan begitu ramai, tetapi sayang mereka bukanlah seperti yang diharapkan. Mereka itu hanya pengikut yang menyusahkan!"

Peter cukup marah. Beliau bergegas kembali semula kepada pasukannya. Ketika itu, pertempuran hebat mengerikan pandangan. Tentera Rom Byzantine mempunyai peralatan perang yang lebih canggih daripada pasukan Salib. Dengan mudah rombongan Salib dapat dikalahkan walaupun bilangan mereka lebih ramai.

Pasukan Salib berjaya diusir keluar. Mereka kehilangan bekalan dan harta benda yang dibawa. Peter Si Pertapa, Rainald dari Breis, Walter Sans-Avoir, dan pengikut Salib berjaya keluar dari medan pertempuran. Mereka lari bersembunyi di kawasan pergunungan sebelum meneruskan perjalanan ke arah selatan. Peter kehilangan kira-kira 10 000 orang pengikut. Satu perempat daripada anggota pasukannya.

13
PETER TIBA DI KOTA NICEA

Ogos, 1096 Masihi

Akhirnya rombongan Peter Si Pertapa tiba di ibu kota Konstantinopel. Udara yang disedut terasa begitu segar. Kedatangan mereka disambut oleh Walter Breuteil yang terlebih dahulu tiba di sana.

Sekali lagi, Maharaja Alexius I terkejut dengan ketibaan rombongan Salib yang bukan terdiri daripada pasukan tentera terlatih. Beliau sendiri tidak tahu matlamat sebenar tentera itu. Bilangan mereka menjadi lebih besar selepas bergabung. Namun begitu Maharaja Alexius I tetap menyambut ketibaan mereka dengan baik.

Maharaja Alexius I tetap berkeras supaya semua tentera Salib tinggal di luar kota. Segala keperluan disediakan, seperti pasar bagi memudahkan mereka mendapatkan bekalan makanan. Namun, tentera Salib mengeluh kerana harga barang-barang yang dijual terlalu mahal.

Sisa pasukan Salib Jerman pimpinan Emicho yang terselamat dalam pertempuran dengan tentera Hungary, tiba dengan kapal dari Itali. Hal ini membuatkan bilangan pasukan Salib semakin bertambah. Perkhemahan di luar kota menjadi semakin ramai dan riuh. Kejadian kecurian dan pergaduhan semakin menjadi-jadi.

"Wahai Tuanku, sejak kedatangan mereka keadaan tidak lagi aman. Ditambah pula dengan pasukan Salib yang baru tiba. Mereka sering memberi masalah dan kerap mencetuskan pergaduhan dengan rakyat tempatan. Sekiranya lebih lama mereka di sini, lagi besar perbelanjaan yang perlu kita tanggung," kata Ketua Gereja Ortodoks, Patriarch Nicholas III.

"Pada pendapat saya, ada baiknya kita hantar mereka memerangi kota Nicea dengan segera. Lagi pula, sememangnya tujuan mereka adalah bagi memerangi Turki Seljuk," kata pembesar pula.

"Saya mendapat berita, bangsawan Eropah baru sahaja memulakan perjalanan ke sini bagi menghantar bantuan kepada kita. Mungkin kali ini pasukan Salib datang bersama kesateria handalan," beritahu perdana menteri itu.

Raut wajah maharaja itu berubah ceria. "Itulah yang beta harapkan. Mungkin pasukan Salib Peter

perlu menunggu rombongan bangsawan tiba sebelum berangkat ke Asia Kecil. Tambahan lagi, mereka membawa kaum wanita dan kanak-kanak yang sudah tentu mudah disembelih oleh orang Sultan Kilij Arslan." Maharaja itu menyambung lagi

"Kelak misi kita menawan Nicea akan mengorbankan banyak nyawa pula," kata Maharaja itu lagi. Dalam masa yang sama beliau sendiri tidak tahu apa yang perlu dilakukan dengan tentera yang cukup ramai itu.

"Kita tiada pilihan selain menghantar mereka terlebih dahulu. Kami bimbang sekiranya mereka tidak dapat dikawal, negeri kita pula yang diserang. Kebanyakan tentera Salib terdiri daripada orang Frank yang gemar berperang. Lebih baik Tuanku bertindak sebelum perkara buruk berlaku," saran Perdana Menteri.

"Panggil Pendeta Peter Si Pertapa datang menghadap beta," perintahnya.

Pandangan mata Peter Si Pertapa tidak berkerdip melihat kemewahan dan kekayaan yang dimiliki oleh Maharaja Rom Byzantine itu. Istananya cukup besar dan dihiasai emas dan permata, jauh lebih hebat daripada istana Raja Eropah. Pakaian maharaja itu pula dijahit daripada sutera mahal dan singgahsananya pula diperbuat daripada emas. Pingat-pingat kebesaran tersemat megah di dadanya.

Penampilan pemimpin Salib itu mengejutkan Maharaja Alexius I dan para pembesar. Mereka memperlekehkan dan memandang sinis terhadap pakaiannya yang lusuh

dan berkaki ayam. Namun begitu, beliau disambut baik oleh Maharaja Alexius I dan dijamu makanan yang enak-enak. Kemudian mereka mengadakan perbincangan tentang misi pertama iaitu menawan kota Nicea.

"Beta mendapat maklumat, pasukan Salib bangsawan dari Eropah dalam perjalanan ke sini, jadi saya cadangkan kamu meneruskan perjalanan ke selatan bersama-sama mereka. Pasukan Salib itu mempunyai kelengkapan senjata dan lebih berpengalaman dalam peperangan. Perkara ini memudahkan kita menentang orang Islam," nasihat Maharaja Alexius.

"Menunggu mereka akan memakan masa yang lama, sedangkan kami mempunyai rancangan tersendiri. Saya percaya dengan kemampuan kami. Ekspedisi ke Nicea akan tetap diteruskan kerana tujuan utama kami adalah memerangi Turki Seljuk yang menganiaya penziarah Kristian. Kami berperang atas nama perang suci, dan kami percaya tujuan kami ini direstui Tuhan," jawab Peter dengan yakin.

"Beta cuma bimbang keadaan wanita dan golongan kanak-kanak. Sudah tentu keadaan itu tidak sesuai untuk mereka."

"Kami sudah melalui perjalanan yang sukar, bahkan sudah beberapa kali bertempur dengan musuh. Jadi, pengalaman yang ada kami jadikan panduan. Lagi pula berapa lama kami akan tinggal di sini? Bila pula pasukan Salib Eropah akan tiba? Kami juga tidak pasti," jawab Peter Si Pertapa.

"Sekiranya kamu masih mahu ke Asia Kecil, beta tidak dapat menghalang dan tidak akan menjamin keselamatan

kalian. Dengan pengikut yang ada ini, beta tidak yakin pasukan Salib akan berjaya, kerana tentera Turki Seljuk bukan tandingan kamu. Beta percaya pelbagai cabaran yang sukar menunggu kamu semua di sana. Tidak mustahil kalian pula akan disalib!" Maharaja Alexius I memberi amaran.

"Adakah Tuanku ragu dengan pasukan saya?"

"Benar. Tentera Turki Seljuk bukan tandingan kamu. Bahkan pasukan tentera beta yang jauh lebih baik daripada kamu tidak dapat menandingi mereka. Kekuatan mereka sukar digugat, disebabkan itu beta meminta tentera bantuan dari barat yang lebih hebat berbanding mereka."

Peter Si Pertapa tetap dengan keputusannya. Maharaja Alexius I akur, dan beliau memutuskan bagi menghantar mereka menyeberangi Selat Boshporus dengan segera.

Selepas pertemuan dengan Maharaja Alexius, Peter Si Pertapa membincangkan perkara itu dengan Walter Sans-Avoir, Rainald, dan Geoffrey Burel. Mereka tetap nekad berangkat ke Nicea. Bahkan mereka sendiri sudah tidak sabar menawan kota itu. Kemudian, Peter bergabung di bawah pasukan Walter Sans-Avoir sebagai pemimpin Salib ke Asia Kecil.

Seluruh pasukan Salib sudah bersiap sedia meninggalkan Konstantinopel, menyeberangi Selat Bosphorus dengan menggunakan baj.

Selat Bosphorus adalah selat yang memisahkan Turki pada bahagian Eropah (Thrace), dan bahagian Asia (Anatolia), juga menghubungkan Laut Marmara dengan

Laut Hitam. Keindahan selat itu memukau pandangan dengan laut biru yang indah terbentang luas. Di kiri dan kanan selat itu dihiasi gunung-ganang menghijau, saujana mata memandang.

Wajah Sultan Kilij Arslan kelihatan tenang tetapi sikapnya tegas. Beliau bertanggungjawab menjaga kota Nicea daripada sebarang pencerobohan. Walaupun dihimpit kesibukan namun beliau tetap taat kepada agama.

Selepas kematian bapanya, iaitu Sultan Suleyman pada tahun 1086 Masihi, dia menjadi tebusan Sultan Malik Shah I tetapi dibebaskan selepas Sultan itu meninggal dunia pada tahun 1092 Masihi. Kemudian, beliau mengepalai pasukan Turki Oghuz Yiva, dan menubuhkan angkatan tentera lalu berjaya menawan kota itu. Beliau menggantikan Amin Al-Ghazni, gabenor yang dilantik oleh Malik Shah I.

Walaupun Sultan Kilij Arslan sendiri pernah menjadi tawanan politik Sultan Malik Syah, tetapi beliau tidak mahu Turki Seljuk dihancurkan oleh Rom Byzantine. Sejak kematian Sultan Malik Shah, kerajaan Seljuk mula berpecah kepada suku-suku. Antaranya, Danishmends, Mangujukids, Saltuqids, Chaka, Tengribirmish, Artuqids, dan Akhlat-Syah.

Sultan Kilij Arslan menikahi puteri pemimpin suku Chaka yang dijadikan sekutunya bagi melawan Rom Byzantine. Pada tahun 1094 Masihi, Sultan Seljuk itu menerima surat daripda Maharaja Alexius I, menyatakan

Chaka iaitu ayah mertuanya berubah haluan politik, dan bergabung dengan Rom Byzantine. Berita itu sangat mengejutkannya.

Suku Chaka ternyata mengkhianatinya. Lalu Sultan Kilij Arslan mula bertindak. Beliau mengundang ayah mentuanya menghadiri sebuah pesta. Dalam majlis itu, ayah mentuanya yang tidak mengetahui muslihat Sultan Kilij Arslan dibunuh ketika sedang mabuk.

Ogos, 1096 Masihi

Mentari bersinar terang. Pasukan Salib merentasi Selat Bosphorus, dan tiba di Asia Kecil yang juga dikenali sebagai tempat terbitnya matahari timur. Asia Kecil dihuni oleh pelbagai bangsa dan budaya, kerana kedudukannya yang terletak pada pusat pertemuan Asia dan Eropah. Kawasan Asia Kecil yang strategik itu pernah menjadi tempat lahir beberapa peradaban.

Kemudian mereka meneruskan perjalanan menuju ke Civetot (Kibotos). Di sana, mereka membina markas di kawasan kem tentera yang terbengkalai. Dalam markas itu, pasukan orang Frank diasingkan dari kumpulan Jerman bagi mengelakkan perselisihan faham antara mereka.

Pasukan Jerman dan Itali pula dipisahkan dengan memilih seorang pemimpin baru iaitu Rainald dari Itali. Bagi pasukan Perancis pula, Geoffrey Burel menjadi pemimpin mereka. Akibatnya, Peter hilang kepimpinan

dalam pasukan itu, kerana sifat Geoffrey Burel yang lebih lantang dan berkeyakinan.

Ketika berada di kem itu, orang Frank mula bertindak ganas dengan merampas bekalan makanan daripada penduduk kampung. Semenjak mereka tiba di Asia Kecil, keadaan yang aman bertukar menjadi huru-hara. Pasukan Salib melakukan kerosakan di bandar-bandar dan perkampungan sehingga ke Nocomdia. Dengan semangat berkobar-kobar mereka bercadang memerangi kota Nicea secepat mungkin.

Hari itu, orang Frank sudah bersiap sedia melakukan serangan. Mereka adalah kelompok pertama yang menuju ke kota Nicea. Peter Si Pertapa hanya melihat tanpa mampu menghalang. Setibanya mereka di luar kota Nicea, orang Frank mula merampas harta benda dan hasil tanaman penduduk. Mereka juga menghancurkan desa-desa di sepanjang perjalanan yang diduduki oleh penduduk Kristian .

Nicea adalah ibu kota dari daerah kekuasaan Sultan Kilij Arslan. Ketika itu, Sultan Kilij Arslan bersama-sama pasukan tenteranya berada di kawasan lain bagi mematahkan pemberontakan. Kini semangat tentera Salib semakin berkobar-kobar apabila kota Nicea sudah berada di depan mata. Melihat kedatangan rombongan tentera Salib, pasukan penjaga kota keluar dan menyerang.

Pasukan penjaga kota berjaya mengusir tentera Salib dari kota Nicea. Orang Frank kembali ke Civetot dengan membawa barang rampasan lalu menipu dengan menceritakan kejayaan mereka. Dengan penipuan itu,

mereka cuba mempengaruhi anggota-anggota lain, dan berjaya membuatkan pasukan Jerman terpengaruh.

Serangan orang Frank itu diketahui oleh Sultan Kilij Arslan yang berada di perbatasan negeri. Dengan segera beliau kembali ke ibu kota. Beliau mengatur strategi dan memerintahkan pengintip bagi menyiasat kedudukan pasukan Salib itu.

Pasukan Jerman pula sudah semakin tertarik dengan kemenangan besar orang Frank. Mereka segera berangkat menuju ke kota Nicea dengan kekuatan 6 000 orang tentera. Mereka tiba di sebuah kubu di Xerigordon yang ditinggalkan. Mereka berpendapat, kubu itu sesuai dijadikan benteng pertahanan dalam strategi menawan bandar Nicea. Kubu itu juga digunakan sebagai pangkalan bagi menyerang kawasan desa berdekatan.

Selepas serangan orang Frank, pengintip Turki Seljuk mengintai setiap pergerakan pasukan Salib. Berdasarkan maklumat yang diperoleh, Sultan Kilij Arslan dan pasukan tenteranya berangkat ke tempat itu. Melihatkan pasukan Salib berada di dalam kubu itu, tentera Turki Seljuk segera melakukan pengepungan.

Tentera Salib Jerman terkejut apabila sedar mereka terperangkap. Selepas beberapa hari terkepung, mereka semakin resah kerana masih tidak ada tanda-tanda tentera Turki Seljuk akan berundur. Keadaan mereka semakin lemah tanpa makanan dan minuman. Bahkan mereka sukar bertahan kerana sumber air benteng itu terletak di bawah bukit, dan dikuasai oleh tentera Turki. Akibat kebuluran, mereka terpaksa minum darah keldai dan air kencing mereka sendiri.

Sultan Kilij Arslan, memberi mereka dua pilihan sama ada memeluk Islam ataupun diserang.

"Apakah pilihan kamu? Menyerah diri ataupun menukar agama?" tanya seorang tentera Salib kepada kawannya.

"Sekiranya kita menukar agama sekalipun, kita tetap dibunuh. Itu hanya tipu muslihat mereka supaya kita menyerah. Tentera Seljuk sangat kejam. Mereka akan bunuh semua musuh yang berjaya ditangkap." jawab tentera itu.

"Tetapi berapa lama kita mampu bertahan? Mungkin jika kita menukar agama, kita akan selamat."

"Jadi, apakah pilihan kamu?"

"Saya mahu menukar agama!"

"Kamu yakin tidak dibunuh?"

"Tiada pilihan lain. Sekurang-kurangnya saya tidak memilih mati!"

"Sekiranya kita dengar nasihat Pendeta Peter, sudah tentu kita tidak berada dalam situasi genting begini," kata tentera yang lain penuh kesal.

"Mereka juga tidak datang membantu kita. Ataupun ini perangkap orang Frank bagi memerangkap kita?"

Penyesalan mereka tidak berkesudahan. Selepas lapan hari menderita, golongan yang bertahan dan enggan menukar agama diserang. Sebahagian daripada pasukan Jerman yang menyerah diri, dihantar sebagai tahanan ke

Khurasan, dan khabar mereka tidak pernah kedengaran lagi.

Orang Frank tidak mengetahui nasib pasukan Jerman, kerana tidak mendapat sebarang berita berkenaan kumpulan itu. Mereka bercadang akan terus menunggu di kem itu.

Sementara itu, Sultan Kilij Arslan memperkukuh pertahanan dan bersiap sedia menghalang kemaraan tentera Salib. Baginya, tidak mustahil pasukan Salib akan kembali menyerang bagi membalas dendam. Tetapi tidak ada tanda-tanda musuh itu akan menyerang.

“Wahai Panglima, di mana markas pasukan Salib berada?” tanya Sultan Kilij Arslan sebaik pengintip yang ditugaskan tiba.

“Pasukan Salib berada di Civetot,” jawab pengintip itu.

“Berapa ramai bilangan mereka? Bagaimana pula dengan kelengkapan perang?” tanya Sultan Kilij Arslan lagi.

“Kurang daripada 30 000 orang tentera, tetapi terdapat kaum wanita dan kanak-kanak dalam pasukan itu. Kebanyakan mereka bukannya tentera yang berpengalaman. Mereka rakyat jelata yang miskin. Mereka juga tidak mempunyai kelengkapan perang yang lengkap.”

Kemudian panglima perangnya mencelah, “Mungkin itu memberi kelebihan kepada kita. Jadi apa perancangan Tuanku?”

“Beta tidak akan bertahan di kota ini. Kita akan berhadapan dengan mereka di luar kota. Sebarkan kemaraan kita ke tempat mereka, dan sebarkan berita yang pasukan mereka sebelum ini berjaya menawan kota Nicea dan Xerigordon. Beta yakin mereka akan mara dan ketika mereka dalam perjalanan ke mari, kita serang mereka.”

“Ràncangan yang sempurna. Saya akan laksanakan perintah Tuanku,” jawab panglima perang itu dengan penuh semangat.

14
Pasukan Salib Bangsawan

Musim panas yang ditunggu sudah tiba. Bermulanya perjalanan rombongan Hugh Vermandois, adik kepada Raja Philip I. Beliau meninggalkan Perancis dalam bulan Ogos menuju ke Itali. Tidak seperti pasukan Salib yang lain, yang memulakan perjalanan melalui darat, beliau memutuskan menggunakan jalan laut, menyeberangi Laut Adriatik menuju ke wilayah Rom Byzantine. Ketika melewati Itali, beliau menerima penghargaan St. Peter di Lucca daripada Paus, lantaran tujuan murninya itu.

Hugh Vermandois berdiri di atas dek kapal sambil memerhati lautan terbentang luas. Angin bertiup nyaman. Cuaca baik mengiringi pelayaran mereka.

Beliau cukup yakin ketibaannya di kota itu nanti akan membuka lembaran sejarah baru. Menjelang bulan September, kapal Hugh Vermandois melewati Bari, selatan Itali dan seterusnya menyeberangi Laut Adriatik tanpa sebarang gangguan.

Sebelum ketibaannya, Hugh Vermandois terlebih dahulu mengutus surat kepada Maharaja Alexius I. Isi kandungan surat itu berbunyi angkuh, menghina Maharaja Byzantine itu.

" Ketahuilah wahai Firaun, saya adalah Raja kepada segala Raja dan lebih baik daripada semua yang berada di bawah langit. Anda kini dibenarkan menyambut saya, semasa ketibaan saya dan menerima saya dengan kemegahan sesuai dengan kebangsawanan saya."

Selepas beberapa minggu merentasi lautan yang maha luas itu, kapal-kapal rombongan Salib itu hampir tiba di Perlabuhan Dyrhachium dalam wilayah Rom Byzantine. Tiba-tiba langit yang cerah dan terang bertukar menjadi awan kelabu yang menakutkan, petanda ribut akan berlaku. Ombak mula meninggi dan menghempas dinding kapal, sehingga anak-anak kapal terpaksa berkerja keras mengawal kapal agar tidak terbalik.

Dada langit bertukar hitam pekat. Ribut kencang mula melanda. Hujan turun mencurah-curah. Panahan petir dan guruh berdentum menggentar tubuh. Bumi bagaikan menggema.

Hujan ribut petir menjadi semakin ganas, dan kapal-kapal teroleng-oleng dipukul ombak. Vermandois berasa tidak enak. Beliau mula berteriak memberi arahan.

Selepas berjam-jam lamanya bergelut dalam ribut taufan, keadaan mulai reda. Malangnya banyak kapal-kapal musnah dan karam. Ramai tentera Salib terkorban. Manakala tentera yang selamat terdampar di tengah lautan termasuk Hugh Vermandois. Ketika terkapai-kapai, mereka diselamatkan oleh John Comneus, anak saudara kepada Maharaja Alexius I. John Comneus memberikan makanan dan pakaian. Seterusnya menghantar rombongan Salib itu ke Konstantinopel dengan pengawalan ketat.

Pada tahun 1096 Masihi, cuaca pertengahan Ogos cukup tenang dan mendamaikan. Pasukan Salib bangsawan yang diketuai Godfrey dari Bouillon, dengan kekuatan 40 000 orang tentera menjadi pasukan pertama meninggalkan utara Perancis menuju ke Tanah Suci melalui Rhine-Danube.

Godfrey Bouillon dan Margrave dari Antwerp adalah bangsawan penting di utara Perancis, berketurunan terhormat dari Charlemagne. Saudara Godfrey Bouillon, iaitu Eustace dan Baldwin Boulogne turut menyertai Perang Salib ini.

Godfrey Bouillon memiliki alasan tersendiri menyertai Perang Salib. Baginya, beliau tidak memiliki masa hadapan yang cerah di Barat. Tanah milik keluargamya disita oleh Raja Henry IV. Namun begitu, beliau seorang yang taat beragama dan mengamalkan hidup sederhana. Saudaranya Baldwin, berbeza dengannya dan berpandangan sekular, tetapi diarah mengabdikan

diri kepada gereja. Disebabkan itu beliau langsung tidak mewarisi tanah warisan keluarga. Namun selepas menyedari jiwanya tidak serasi menjadi gerejawan, beliau kembali kepada keluarganya.

"Seruan Paus Urban II adalah bagi membantu Maharaja Rom Byzantine menentang Turki Seljuk, sekaligus menawan kota Baitulmuqaddis daripada tangan orang Islam. Apa pula tujuan abang menyertai Perang Salib ini? Saya tidak fikir abang mahu membantu Rom Byzantine," tanya Baldwin kepada abangnya yang turut serta dalam ekspedisi itu.

"Dalam kita membantu Rom Byzantine, kita juga akan mendapat hak yang sepatutnya menjadi milik kita."

"Maksud abang?"

"Tanah Suci itu kepunyaan orang Kristian, bukannya milik orang Islam mahupun orang Yahudi. Penaklukan Jerusalem oleh orang Kristian, dan penabalan maharaja Kristian di sana dikatakan akan memulakan hari kiamat, iaitu ketika orang Yahudi akan memeluk agama Kristian."

Baldwin tidak menyanggah kata-kata abangnya itu. Perkara itulah yang dipelajarinya ketika mengabadikan diri di gereja.

Perjalanan ke Timur memerlukan perbelanjaan yang besar, dan Godfrey Bouillon tidak cukup kaya bagi membiayai ekspedisinya ke sana. Lantaran semangat yang menggunung tinggi, beliau sanggup menjual ladang kepunyaannya kepada Rosay dan Stenay di Meuse. Hasil wang itu, beliau dapat mengumpulkan beribu-ribu

kesateria, termasuklah golongan bangsawan dari Perancis Utara.

Perjalanan mereka berjalan lancar. Pasukan Godfrey dan Baldwin mempunyai persiapan yang teratur dan lebih berhati-hati. Pemimpin pasukan bertegas memastikan tentera tidak melakukan perkara-perkara yang tidak sepatutnya. Oleh sebab itu, mereka berjaya menghindari ancaman daripada penduduk tempatan di kawasan yang mereka lewati.

Sesudah menempuhi perjalanan jauh, akhirnya mereka tiba di perbatasan Hungary. Pasukan itu terpaksa berhenti seketika. Seorang utusan dihantar menghadap Raja Colomon agar diberi keizinan melalui negeri itu.

Utusan itu pulang dan segera bertemu dengan Godfrey Bouillon, lalu menyampaikan amanat Raja Colomon.

"Tuan Jeneral, kita ada masalah!" lapor utusan itu.

"Masalah? Adakah mereka tidak membenarkan kita melalui negeri mereka?"

"Benar. Sebelum ketibaan kita, pasukan Salib Gottschalk, Volkmar, dan juga rombongan Pangeran Emicho bersikap kejam dengan membunuh orang Yahudi. Semestinya baginda tidak lagi mempercayai pasukan Salib, kerana bimbang kejadian serupa berlaku."

"Nampaknya Raja Colomon mencurigai kita, jadi perjalanan ini terpaksa dihentikan buat seketika. Perintahkan orang-orang kita berkhemah di luar perbatasan Hungary dan pastikan mereka tidak bertindak sesuka hati," perintah Godfrey.

Tindakan Godfrey Bouillon itu membuatkan Raja Colomon murka, lalu cuba mengusir selama tiga minggu, namun Godfrey dan pasukannya tetap bertahan.

"Sekiranya perjalanan ini tertangguh lama, ia akan memberi kesan kepada pasukan kita, terutamanya bekalan makanan. Sukar bagi kita mendapatkan bekalan dalam keadaan sekarang. Apatah lagi kedatangan kita tidak dialu-alukan. Kita mesti berbuat sesuatu. Apa yang harus kita lakukan?" ujar Balwin mula bimbang.

Godfrey Bouillon sedar keadaan itu. Sebagai ketua beliau perlu bertindak segera menyelesaikan masalah itu tanpa berlaku sebarang pertumpahan darah.

"Baiklah, saya sendiri akan bertemu dengan Raja Colomon, dan membincangkan perkara ini."

Godfrey Bouillon nekad menghadap Raja Colomon di istana. Tetapi pertemuan itu tidak seperti yang diharapkannya. Raja Colomon bertindak lebih tegas dan tidak mudah membenarkan pasukan Salib itu melalui negerinya.

"Beta kecewa dengan pasukan Salib sebelum ini yang bertindak tanpa rasa perikemanusiaan terhadap rakyat Hungary. Negeri kami dimusnahkan dan rakyat beta dibunuh! Bagaimana beta mahu mempercayai pasukan Salib lagi selepas perkara yang berlaku?" luah Raja Colomon.

"Saya tahu, tidak semudah itu Tuanku mengizinkan kami meneruskan perjalanan melalui negeri ini. Tetapi sepanjang perjalanan, kami belum pernah menimbulkan

sebarang masalah kepada penduduk tempatan. Kami bukanlah perompak seperti yang Tuanku fikirkan."

"Pasukan Salib sebelum ini bertindak seperti manusia yang tidak bertamadun. Jadi, apa jaminan yang dapat diberikan kepada beta, yang kejadian buruk itu tidak akan berlaku lagi?"

Otak Godfrey Bouillon ligat memikirkan caranya. Kemudian, Raja Colomon memberikan satu cadangan yang membuatkan Godfrey Bouillon termangu

"Apa?" Baldwin terkejut besar sambil berjalan mundar-mandir.

"Tidak! Saya sama sekali tidak bersetuju. Bagaimana dengan keselamatan saya?"

"Kita tiada pilihan lain. Tindakan ini hanya sebagai jaminan rombongan kita akan berkelakuan baik. Raja Colomon berjanji akan mengembalikan kamu sebaik kita tiba di perbatasan Byzantine."

Selepas berfikir masak-masak, dan demi perjuangan suci, akhirnya beliau terpaksa akur, walaupun beliau sendiri tidak bersetuju dengan keputusan itu. Godfrey Bouillon akhirnya dengan sukarela menyerahkan saudaranya itu kepada Raja Hungary sebagai jaminan rombongannya akan berkelakuan baik.

Sesudah mendapat keizinan daripada Raja Colomon, rombongan Godfrey bergerak melalui Hungary dalam kawalan ketat tanpa sebarang kejadian yang tidak diingini. Setiba di sempadan Rom Byzantine, Baldwin

dikembalikan kepada Godfrey oleh Raja Colomon seperti yang dijanjikan.

Dari Belgrade, rombongan itu terus ke Nis. Di kota itu, mereka disambut dengan baik. Pasar-pasar yang disediakan, menyediakan segala keperluan pasukan Salib. Kemudian, mereka berangkat ke Sofea dan Philippopolis.

“Bukankah Pak cik bermusuhan dengan empayar Rom Byzantine, bagaimana pula Pak cik bersetuju membantu mereka?” tanya Tancred, anak saudara Bohemund.

“Inilah peluang keemasan kita. Dahulu saya bersama-sama datuk kamu memerangi wilayah Rom Byzantine. Malangnya, usaha kami gagal. Kali ini, Paus Urban II menyeru supaya membantu Maharaja Alexius I. Walaupun kami bermusuhan, itu tidak bermakna saya melepaskan akan peluang keemasan ini. Cita-cita saya sudah tentu mahu menakluki Rom Byzantine, dan mereka akan tunduk kepada saya,” tutur Bohemund penuh semangat dan berkeyakinan.

Bohemund, bangsawan Itali itu adalah kesateria yang membentuk kerajaan kecil di Itali. Beliau daripada keturunan orang Normand yang pernah menakluki Sisilia dan Itali Selatan. Ketika menakluk kota Amalfi, beliau terdengar akan seruan gerakan Salib.

“Rom Byzantine adalah negeri yang kaya, tanah yang subur dan pembangunannya jauh lebih maju berbanding Eropah. Sudah tentu negeri itu menarik untuk ditawan,” kata William, saudara kepada Bohemund.

"Benar. Rom Byzantine sebuah wilayah yang cukup indah, bagaikan syurga dunia. Wanita-wanita di sana juga cantik dan lebih menawan berbanding wanita Eropah," kata Bohemund sambil ketawa.

"Benarkah? Sekiranya begitu saya mahu turut serta," kata William bersemangat.

Gelagat pemuda itu mengundang ketawa mereka.

"Bagaimana pula dengan kamu? Apa tujuan kamu mahu turut serta ke sana?" tanya Bohemund kepada anak saudaranya, Tancred.

"Seruan perang suci ini adalah jawapan kepada kegelisahan yang saya alami. Peperangan demi agama, mati syahid. Itu impian saya," jawab Tancred. Baginya, apabila mendengar tentang perang Salib, seluruh tenaganya memuncak, rohaninya hidup kembali.

Kata-kata Tancred itu membuatkan ketawa Bohemund terhenti.

"Dengarnya bukan kita sahaja yang turut serta, tetapi Godfrey dan Hugh Vermandois juga sudah memulakan pelayaran mereka ke Konstantinopel. Mereka antara bangsawan yang menyahut seruan Paus," beritahu William.

"Tidak mungkin kamu berdua melupakan saya!" celah satu suara.

Kedua-dua mereka berpaling. Richard Salerno, jejaka muda dan sepupu Bohemund mencelah. Richard Salerno pernah menyertai bapa saudaranya, Robert Guiscard menakluki Sicily.

"Sudah tentu tidak. Tetapi benarkah kamu akan turut serta?" tanya Bohemund yang ingin mendapatkan kepastian.

"Wahai sepupuku, adakah kamu sudah melupakan ketangkasan saya di medan perang?"

Bohemund ketawa besar. "Bagus. Kamu bertiga antara orang terpenting dalam peperangan ini dan sememangnya kesateria handalan. Tambahan pula Richard dan Tancred dapat bertutur dalam bahasa Arab, ini memudahkan komunikasi kita di sana nanti." Kebolehan Richard dan Tancred bertutur bahasa Arab dipelajari semasa berperang di Sicily.

Semangat Bohemund semakin berkobar-kobar. Perang suci yang dilaung-laungkan bukan seperti visi Paus Urban II. Bagi dirinya, seruan itu pembuka pintu bagi mendapatkan sebuah kerajaan di Timur Tengah. Matlamatnya itu bermula selepas gagal menakluki wilayah Rom Byzantine pada 1080-an bersama-sama ayahnya, Robert Guiscard.

Musim panas pada September 1096 Masihi, Bohemund dari Taranto berdiri di hadapan sekalian para panglimanya. Sebagai kesateria perang, beliau menyahut seruan Paus Urban II bagi bergabung bersama pasukan tentera Salib. Jubah peraknya dicarik menjadi pita-pita dan dijadikan tanda Salib, kemudian diserahkan kepada para panglimanya yang bersemangat. Pita-pita itu diikat di lengan mereka.

Bohemund berteriak lantang, “Bukankah kita orang Frank? Bukankah para moyang kita datang ke sini dari Francia dan membebaskan tanah ini hanya dengan tangan? Sungguh memalukan!”

Teriakannya itu disambut penuh bersemangat oleh para pengikutnya.

Angin berhembus nyaman. Ribuan kapal sudah memenuhi permukaan perlabuhan Brindisi. Sebelum berlayar ke Timur, beliau menyaksikan pasukan tentera Salib Norman berbaris di sepanjang perlabuhan Brindisi. Mereka bersenjata lengkap dan terlatih. Mereka antara golongan bangsawan yang kaya, dan mampu membiayai perjalanan bala tentera ke Timur.

Semasa Richard Salerno menyeberangi laut Adriatik, kapalnya diserang dan ditawan oleh armada Byzantine kerana dianggap sebagai kapal lanun. Beliau dibebaskan dan menyertai tentera Salib utama lalu berarak melalui Bulgaria dan Hungary. Dalam ekspedisi itu, pasukan Bohumend terlibat dalam pertempuran kecil dengan tentera Rom Byzantine. Perjalanan tetap diteruskan ke Konstantinopel, dan Bohemund memutuskan mendahului mereka dan meninggalkan pasukannya yang diketuai oleh Tancred.

Seruan Paus Urban II selepas Persidangan Clermont memberi peluang kepada Raymond Toulouse berkhidmat demi agama. Perasaannya sudah tidak sabar-sabar lagi mahu berjuang di medan perang suci. Kesungguhannya begitu kental, hingga beliau menjual hampir

seluruh kekayaannya bagi menampung pembiayaan perjalanannya. Bahkan beliau juga bersumpah tidak akan pulang lagi ke tanah air.

Toulouse adalah anatara daerah yang kaya, dan Raymond benar-benar menggunakan kekayaan yang ada dengan sebaiknya. Selain bercita-cita berjuang dalam perang suci, Raymond juga berjaya menarik ramai pengikutnya supaya turut serta. Pasukan tentera Raymond adalah pasukan Salib yang terbesar dan terkuat ketika itu.

Raymond turut membawa isterinya Elvira, dan puteranya yang masih kecil. Bahkan, atas perintah Paus sebelum ini, rombongannya itu turut disertai Biskop Adhemer. Tidak seperti pasukan sebelum ini, pasukan Salib Raymond ini adalah rombongan yang pertama diberkati oleh kepausan di selatan Perancis,

Dalam bulan Oktober, pasukan Salib diketuai Raymond bersiap-siap mahu berangkat meninggalkan Perancis menuju ke Timur Tengah.

“Wahai Tuan, peperangan ini tidak semudah yang disangkakan. Hanya Tuhan sahaja yang mengetahui nasib kami di sana nanti. Dengan angkatan perang yang ada, tidak mencukupi bagi kami menentang pihak musuh. Oleh itu, saya mohon Tuan mendapatkan bantuan daripada angkatan armada laut Genoa di Timur Tengah. Bantuan tentera yang ramai penting ketika berhadapan dengan musuh.” Raymond mengingatkan Paus Urban II soal bantuan itu.

“Baiklah, saya akan uruskan tentang bantuan armada Genoa. Pastikan kamu pulang membawa kejayaan,” pesan Paus Urban II.

Kemudian Paus Urban II tampil di hadapan pasukan tentera Salib dan memberi ucapan.

"Wahai tentera Tuhan, saya bekalkan kamu semua dengan iman, doa dan semangat juang memerangi musuh Tuhan di kota Jerusalem. Sematkan ketaatan kamu kepada Tuhan, jangan sampai hilang semangat demi perjuangan suci. Jadilah kamu tentera Tuhan yang tidak takutkan apa-apa. Percayalah, darah yang mengalir dari tubuhmu adalah suci, dan darah yang tumpah dari tubuh musuhmu dibenarkan. Berangkatlah kalian dengan restuku!" Ucapan Paus Urban II itu cukup menyentuh hati para pejuang. Kemudian Paus itu menyentuh ubun-ubun kepala setiap daripada mereka sebagai tanda restu.

Bagi mereka, dengan adanya Biskop Adhemer dan restu Paus, semuanya menjadi mudah dan lancar. Ramai rakyat jelata turut serta dalam rombongan kali ini. Sebilangan besar anggota tentera Raymond terdiri daripada rakyat jelata, dan bukannya perajurit yang berpengalaman.

Raymond memilih jalan darat menuju ke Konstantinopel. Rombongannya memulakan perjalanan dari selatan Perancis ke utara Itali. Selanjutnya mereka melalui laluan sukar dan sulit dengan memasuki wilayah Serbia, sehingga akhirnya kekurangan bekalan. Sesudah masuk ke wilayah Rom Byzantine, terjadi pula pertengkaran dan pertempuran-pertempuran kecil.

Dalam salah satu pertempuran itu, Biskop Adhemar luka parah. Dalam pertempuran yang lain pula, Raymond hampir tewas tetapi mereka dapat mengharungi cabaran

itu. Akhirnya pasukan itu sampai di Thessalonica pada awal April. Di Roussa, mereka tidak disambut seperti yang diharapkan. Akibat bekalan makanan sudah kehabisan, seperti biasa tentera Salib merompak dan mengambil hasil tanaman penduduk tempatan hingga mengakibatkan orang Rom Byzantine marah.

15
Tibanya Pasukan Salib Bangsawan

Sudah dua bulan pasukan Salib yang diketuai oleh Peter Si Pertapa bertahan di wilayah Nicea. Selepas berlakunya beberapa siri pertempuran, berita Sultan Kilij Arslan datang bersama-sama pasukan tenteranya ke Civetot sangat membimbangkan Peter Si Pertapa. Beliau segera mengkhabarkan berita itu kepada pemimpin Salib yang lain.

"Saya berpendapat lebih baik saya kembali ke Konstantinopel, dan memohon bantuan daripada Maharaja Alexius, selain mendapatkan bekalan, kerana bekalan kita sudah berkurangan," cadang Peter.

"Tidak. Saya tidak akan menunggu bantuan Maharaja Alexius. Hanya pengecut sahaja yang akan berbuat demikian. Kami tetap akan bergerak ke Nicea

dan akan berhadapan dengan tentera Seljuk," tungkas Geoffrey Burel yang mempunyai sokongan kuat dalam kalangan pengikutnya.

"Tetapi keadaan ini berbahaya. Saya bimbang ramai pengikut kita terkorban. Sultan Seljuk dengan pasukan tenteranya dalam perjalanan ke mari."

"Sekiranya Pendeta tidak mahu ikut, terpulanglah. Kami tetap dengan keputusan mahu memerangi kota Nicea. Kami tidak takut dan tidak semudah itu kami berundur," katanya dengan angkuh.

"Wahai Pendeta, bukankah Tuan juga yang menyalakan semangat Perang Salib sehingga kita semua berjaya sampai di sini, tetapi mengapa Tuan pula yang gentar? Bukankah kita berperang demi agama? Dan keyakinan orang soleh tidak akan tergugat dengan dugaan seperti ini?" sindir Rainlan dengan nada sinis.

Peter Si Pertapa terdiam. Timbul bibit peneysalan kerana tidak menurut nasihat Maharaja Alexius I. Kemudian beliau bertanya pula kepada Walter, dan jawapan yang diterima juga serupa. Beliau mengeluh kecewa. Kini beliau sudah kehilangan kuasa. Tiada sesiapa mahu mendengar nasihatnya. Firasatnya sudah jauh menyimpang. Keyakinannya kian pudar dan harapannya juga lenyap sama sekali.

Dua perisik Turki menunggang kuda menuju ke Civetot, menyebar khabar angin yang orang-orang Jerman berjaya menawan Xerigordon dan juga kota Nicea. Berita itu sampai kepada pengetahuan pasukan Salib. Mereka bersorak gembira menyambut berita itu. Mereka ingin segera ke sana bagi berkongsi harta rampasan.

Walaupun pasukan Salib mendapat berita gembira, tetapi hati Peter Si Pertapa tidak begitu tenteram. Beliau seperti dapat meneka sesuatu yang bakal berlaku. Walter mendapatkan Peter yang duduk termangu. Roti barli keras dan wain hanya dipandang tanpa disentuh.

"Wahai Pendeta, sepatutnya kita meraikan berita ini dengan gembira. Pasukan Jerman sudah berjaya menawan kota Nicea, jadi usaha kita sudah hampir tercapai."

"Adakah kamu berasa begitu?" soalnya yakin.

"Bukankah ini tujuan kita datang ke mari? Kita sepatutnya bersatu dan berganding bahu memerangi Turki Seljuk."

"Malam tadi saya bermimpi buruk. Mungkin ada petanda tidak baik. Menurut firasat saya, kita akan menghadapi kesukaran yang tidak pernah dijangkakan dan mungkin membawa kepada kehancuran," luah Peter.

"Mimpi itu hanya mainan tidur. Pendeta seharusnya mendoakan kita mencapai kejayaan seterusnya menakluki Tanah Suci," kata Walter sebelum beredar.

Oktober, 1096 Masihi

Pagi itu, 20 000 orang tentera Salib meninggalkan Civetot dan berarak ke Nicea. Sebelum berangkat, mereka sempat menyusun strategi peperangan yang lebih teratur. Kali ini, mereka meninggalkan golongan wanita, kanak-

kanak dan orang tua di kem, bagi memudahkan mereka berhadapan dengan tentera Seljuk.

Tiga batu dari kem, anggota tentera yang terdiri daripada kesateria berkuda mendahului pasukan dan bergerak melewati lembah. Mereka terpaksa melalui sebatang jalan yang sempit di sebuah lembah berhutan berhampiran Kampung Dracon.

Sedang mereka berarak, tiba-tiba ada anggota tentera Salib yang rebah. Kemudian muncul ribuan anak panah yang datang dari setiap penjuru hutan. Walaupun panik dengan serangan hendap itu, mereka tetap cuba melawan tetapi tidak berupaya. Tentera Turki Seljuk membunuh kuda-kuda dan menggempur para kesateria Salib sehingga mereka terpaksa kembali kepada pasukan utama. Hanya segelintir sahaja yang terselamat.

"Ayuh, kita berundur!" perintah Geoffrey Burel kepada bala tenteranya. Kuda yang dipacu berpatah balik semula menuju ke sebuah benteng di pinggir pantai. Geoffrey Burel berjaya melarikan diri bersama-sama dengan 3000 anggota tentera Salib. Tetapi mereka tidak mampu mendapatkan perlindungan di benteng itu, kerana tidak ada kekuatan pertahanan lagi.

Berita berkenaan tragedi buruk itu sampai ke Konstantinopel. Lalu Maharaja Alexius I mengirimkan armadanya bagi membantu pasukan Salib. Di bawah pimpinan Constantine Katakalon, kapal-kapal dari Rom pun belayar menuju ke Nicea. Bagi Maharaja Alexius I, beliau berasa bertanggungjawab mengirimkan bantuan dan membawa mereka yang selamat kembali ke kota Konstantinopel.

Pasukan Salib yang terselamat, termasuk Peter Si Pertapa dan para pengikutnya dibawa kembali ke Konstantinopel. Jelas sekali, dengan hanya semangat kental tidak cukup bagi membebaskan Gereja Makam Suci. Peter Si Pertapa ternyata tidak sesuai memimpin pasukan yang besar itu.

Usai pertempuran, pasukan Turki Seljuk bersorak gembira kerana berjaya mengalahkan tentera Salib. Dengan kemenangan di Civetot itu, mereka beranggapan pasukan Salib bukanlah ancaman besar dan tidak perlu ditakutkan sama sekali. Kaum wanita dan kanak-kanak yang berada di Kem Civetot dijadikan tawanan oleh Sultan Kilij Arslan. Bagi orang-orang Kristian pula, kekalahan rombongan pertama membawa kesan yang besar.

April, 1097 Masihi

Perlabuhan Rom Byzantine kelihatan sibuk dengan para pedagang yang menjalankan urusan perniagaan dan aktiviti harian. Sebuah kapal besar Eropah yang diketuai Bohemund Toranto tiba di perlabuhan itu. Ramai orang berkumpul bagi melihat ketibaan kapal angkatan Salib itu. Keadaan di perlabuhan itu menjadi sesak. Sebaik Bohemund menjejakkan kaki menuruni kapal, orang ramai saling berbisik sesama mereka. Namun, rombongan Bohemund terus menuju ke istana Maharaja Alexius I.

Maharaja Alexius I terus menyinga sebaik sahaja mengetahui ketibaan Bohemund bersama-sama

rombongannya. Beliau terkejut dan tidak senang hati dengan kehadiran pangeran Barat itu.

"Berani dia menjejakkan kaki ke istana beta. Pasti kedatangannya berniat jahat!" herdik Maharaja Alexius I sambil berjalan mundar-mandir tidak tentu arah.

"Apa tindakan yang akan Tuanku ambil?" tanya seorang pembesar.

"Bohemund musuh ketat beta. Dia pernah datang ke Byzantine dari Macedionia bersama-sama ayahnya bagi menguasai Rom Byzantine ini. Sudah pasti beta curiga dengan kehadirannya kali ini."

Kemudian jeneral perang tampil kehadapan lalu berkata, "Perintahkan kepada saya, sama ada mengusir ataupun membunuh Pangeran Barat itu!"

"Tidak. Beta tidak akan berbuat demikian. Nanti beta dikatakan pengecut dan takut kepada dia. Beta akan lihat sejauh mana tindak-tanduknya," kata Maharaja Alexius I. Beliau yakin segala niat buruk Pangeran itu akan terbongkar.

Kehadiran Bohemund memang tidak dialu-alukan. Orang-orang Yunani di Konstantinopel menganggap, orang-orang Normandy adalah musuh utama mereka, terutamanya selepas serangan pasukan Itali yang diketuai Robert Guiscard dan Bohemund dahulu. Sehingga kini mereka masih menaruh perasaan curiga kepada Bohemund yang sedaya supaya menampilkan sikap baik.

Bagi Bohemund Toranto pula, beliau sendiri tidak mahu dipandang rendah oleh Maharaja Rom Byzantine itu.

April, 1097 Masihi

Lebih kurang dua minggu kemudian, pasukan Raymond Toulouse tiba di kota itu. Beliau segera menghadap Maharaja Alexius I dan kedatangannya itu diterima baik oleh Maharaja Rom Byzantine.

Sudah berpuluh ribu tentera berkemah di luar pintu kota. Dalam sekelip mata, Maharaja Rom Byzantine mempunyai kira-kira 4000 sehingga 8000 anggota kesateria, dan hampir 55000 orang tentera berjalan kaki.

Tentera Salib yang berada di kota Konstantinopel berasa kagum dengan kesuburan dan kemakmuran negara itu. Bangunan-bangunannya lebih hebat daripada bangunan yang terdapat di negara Eropah. Mereka berpendapat pengembaraan ke kota terkenal itu tidak sia-sia, walaupun terpaksa menempuhi rintangan yang tidak sedikit. Sebilangan daripada tentera itu sudah berada di Konstantinopel sejak musim dingin, dan mereka sangat bersemangat untuk bertempur.

Setiap bulan ada sahaja pasukan Salib tiba dan berkumpul di kota itu. Bilangan mereka yang kian meningkat semakin merumitkan keadaan. Masalah timbul apabila pasukan Salib mula berkelakuan buruk. Saban hari hubungan orang Latin dengan Yunani semakin

tegang. Ada sahaja pertengkaran yang berlaku. Begitu juga suasana di pasar dan sepanjang jalanan kota, sering terjadi pergaduhan. Terutamanya di kalangan orang Frank yang berasa tidak puas hati terhadap penduduk kota yang tidak menyediakan keperluan mereka.

Maharaja Alexius I memandang ke luar kota dari anjung istananya yang berdinding kukuh itu. Dari situ, jelas kelihatan lautan manusia membanjiri tanah yang terbentang di luar kota. Timbul rasa kurang senang dalam hatinya.

"Wahai Tuanku, keadaan di luar kota sudah tidak aman lagi. Penduduk tempatan juga diserang kebimbangan kerana kerap terjadi pergaduhan dengan tentera Salib. Tidak semua tentera Salib mempunyai wang bagi membayar keperluan mereka. Orang Yunani pula mengenakan harga yang cukup mahal." Sambung perdana menteri itu lagi.

"Patik bimbang akan berlaku lebih banyak pergaduhan. Lagi pula, tentera Salib sudah cukup ramai berada di kota ini. Malah, mereka berebut-rebut mahu memasuki kota sehingga para pengawal kota pun sukar mengawal mereka. Penduduk kota juga sudah tidak senang duduk kerana mereka sering menimbulkan masalah." lapor Perdana Menteri apabila diaju pertanyaan oleh Maharaja.

Maharaja menganggguk kepala dan berkata, "Perintahkan peraturan yang mereka dibenarkan memasuki kota dalam jumlah terbatas, dengan diiringi pengawalan yang ketat. Beta tidak mahu mereka itu menimbulkan kekecohan di dalam kota pula."

"Sebelum ini, beta menganggap pasukan Salib adalah pasukan yang berkebolehan bagi mengambil kembali wilayah Rom Byzantine, tetapi sebaliknya pula yang berlaku. Ternyata kehadiran mereka ini sangat membimbangkan beta."

Perdana Menteri hanya mendengar tanpa berkata apa-apa.

"Beta mengerti sikap orang Barat yang cenderung mempertahankan wilayah taklukannya demi kepentingan sendiri. Dengan rombongan yang begitu ramai, tidak mustahil mereka mempunyai muslihat tersendiri."

"Maksud Tuanku, mereka akan merampas tanah jajahan sekiranya berjaya mengalahkan Turki Seljuk?"

"Perkara itulah yang beta bimbangkan. Beta perlu bertindak supaya tanah jajahan kita tidak jatuh ke tangan orang-orang barat. Beta akan mengadakan satu perjanjian dengan mereka," cadang Maharaja Alexius I.

"Tindakan itu adalah satu langkah yang wajar, Tuanku. Selain itu, pasukan Salib ini akan berfungsi sebagai proksi Byzantine," ujar perdana menteri lagi.

"Beta setuju. Persoalannya, adakah mereka akan tunduk dengan perjanjian itu nanti? Mereka ini bukannya seperti Pendeta Peter yang datang demi agama. Tetapi mereka terdiri daripada pemimpin-pemimpin, golongan bangsawan yang tidak mudah kita perkotak-katikkan," ujar Maharaja Alexius I, bimbang.

"Sedangkan harimau lapar dapat dijinakkan, inikan pula mereka. Saya yakin mereka bukan sahaja mahu

membantu kita, tetapi ada tujuan lain. Kita mesti berhati-hati dengan mereka."

"Beta nampak satu cara yang dapat menundukkan mereka." Maharaja itu masih tidak kering idea.

"Tuanku sudah fikirkan caranya?"

"Sudah tentu. Bekalan makanan adalah sumber terpenting untuk mereka. Tanpanya, mereka tidak dapat bertahan lama. Hanya kitalah harapan mereka bagi mendapatkan sumber makanan itu. Sebagai balasannya, mereka terpaksa mengikut kemahuan kita. Beta fikir cara itu berkesan."

"Tuanku memang bijaksana," puji Perdana Menteri itu. "Sekiranya mereka bersetuju, kita bukan sahaja dapat merampas kembali tanah jajahan yang hilang, tetapi mereka juga dapat dikawal di bawah kekuasaan tuanku. Tetapi bagaimana pula dengan Hugh Vermandois? Sampai bila beliau diletakkan di bawah jagaan biara?" tanya Perdana Menteri lagi.

"Pangeran Hugh orang yang angkuh. Beliau akan ditempatkan di situ sehingga beliau bersumpah 'Vassalage', iaitu sumpah taat setia kepada beta sebagai Maharaja Rom Byzantine. Beta tidak akan lepaskannya sekiranya beliau enggan berbuat demikian."

16
Perjanjian Vassalay

"Apa? Perjanjian 'Vassalay'?" semua pemimpin Salib terkejut.

"Ya. Perjanjian Vassalay adalah perjanjian sumpah setia. Beta adakan perjanjian itu sebagai perlindungan ke atas wilayah jajahan beta. Demi kepentingan empayar Rom Byzantine, beta mahu para pemimpin Salib berikrar dan bersumpah setia bahawa semua wilayah Byzantine yang diambil, akan diserahkan kembali kepada kekaisaran Yunani," jelas Maharaja Alexius I dengan tegas.

Jelas perjanjian sumpah itu mendapat reaksi kurang senang dalam kalangan pemimpin Salib.

Kemudian Godfrey Bouillon pula bersuara, “Kami datang ke sini sememangnya bagi membantu Tuanku merampas kembali tanah jajahan daripada Turki Seljuk. Adakah Tuanku meragui kedatangan kami?”

“Sudah tentu beta menghargai bantuan kamu, tetapi dalam kalangan kamu terdapat juga musuh beta. Adakah patut beta mempercayai kamu semua tanpa berbuat apa-apa?”

Bohemund diam membisu. Beliau tahu maharaja itu masih sangsi dengan kehadirannya. Para pemimpin Salib saling berpandangan sesama sendiri.

“Sekiranya kami tidak setuju?” tanya seorang pemimpin Salib.

“Rombongan Salib datang sejauh ini tanpa membawa keperluan dan bekalan makanan yang mencukupi. Jadi, kalian hanya bergantung pada budi bicara beta sebagai pemerintah bagi menyediakan keperluan kepada semua tentera Salib.”

“Jadi bagaimana kalian dapat bertahan sekiranya beta menghentikan sumber itu? Adakah kalian mampu bertahan walau sehari? Seminggu? Sebulan?” ujar Kaisar itu lagi.

“Jadi, Tuanku mengugut kami? Jika begitu kami juga akan pulang semula ke tanah air,” balas Godfrey Bouillon dengan tegas dan keras.

“Seorang raja mesti bijak bertindak mengikut keadaan, bukannya menurut kata hati. Sekiranya kalian berada di tempat beta, pasti kalian bertindak serupa. Beta yakin kalian tidak datang hanya untuk membantu beta, tetapi

pasti ada muslihat lain," kata Maharaja Rom Byzantine itu dengan serkap jarangnya.

"Wilayah mana harus kami takluk?" tanya Raymond Toulouse bagi meredakan sedikit ketegangan.

"Nicea, wilayah itu adalah sasaran pertama. Kota itu berada di Asia Kecil yang ditakluki Turki Seljuk di bawah pemerintahan Sultan Alp Arslan. Kota itu penting kerana menjadi tempat pertemuan bersejarah Majlis Ekumenikal Pertama pada tahun 325 H. Dengan menakhluk Nicea, kita juga dapat menebus kembali kekalahan pasukan Salib Rakyat yang diketuai Peter Si Pertapa."

Terang Maharaja Alexius I itu lagi, "Selepas kota Nicea ditawan, kita akan menakluk kota Antokiah pula, seterusnya Ma'arat, dan Jerusalem."

"Bagaimana dengan kedudukan Pangeran Hugh?" Godfrey Bouillon mengambil kesempatan bertanyakan soal pangeran itu.

"Pangeran Hugh akan beta lepaskan selepas beliau berikrar taat setia kepada beta. Sekiranya beliau enggan berbuat demikian, beta terpaksa menahannya sehingga beliau bersetuju," jawab Maharaja Alexius I lagi.

Godfrey Bouillon berang tetapi beliau tidak mampu berbuat apa-apa.

"Sekiranya kami bersetuju, apa ganjaran yang akan kami dapat?" tanya Robert II Flanders pula.

"Sebagai ganjaran persetujuan, kami akan membekalkan kelengkapan perang tentera, serta keperluan makanan sepanjang perjalanan ke Jerusalem.

Ekspedisi ini akan mengambil masa yang lama kerana jarak perjalanan yang jauh. Jadi tanpa bantuan daripada beta keadaan kalian pasti sukar. Sekiranya kalian memilih sebaliknya, kami juga tidak akan memberi apa-apa pertolongan termasuklah tidak akan menjamin keselamatan kalian sepanjang berada di sini."

"Pasukan Salib yang diketuai Pendeta Peter Si Pertapa telah dikalahkan oleh pasukan Turki Seljuk semasa cuba menyerang Nicea. Tanpa bantuan kami, sudah tentu tidak ada seorang pun daripada mereka yang hidup," terang Maharaja Alexius I dengan tegas.

Mereka berbincang sesama sendiri. Kemudian Robert II Flanders tampil dan menyatakan keputusannya.

"Saya dengan rela hati bersetuju mengadakan perjanjian sumpah setia ini. Saya melakukannya kerana hubungan baik Tuanku dengan ayah saya sebelum ini." Robert orang pertama yang menyatakan kesediaannya terhadap perjanjian itu.

"Kamu yakin dengan ikrar janji yang kamu meterai ini?" tanya Bohemund kepada Robert ketika mereka beredar dari istana.

"Ya. Maharaja dan ayah saya mempunyai hubungan yang baik," jawabnya.

"Hubungan yang baik, bagaimana?"

"Ayah saya pernah berkhidmat dengan Maharaja Alexius semasa datang berziarah pada tahun 1080-an. Sejak itu, hubungan yang terjalin berterusan. Itulah sebabnya saya bersedia membantu beliau, dan dalam

masa yang sama menyahut seruan Paus Urban II," jawab Robert II Flanders dengan jujur.

Semua pemimpin mengeluh. Perbincangan itu berlarutan tanpa persetujuan. Selain Bohemund, Godfrey Bouillon, dan Raymond Toulouse, pemimpin lain juga masih mempertimbangkan Perjanjian Vassalay tersebut, kerana enggan menuruti kehendak Kaisar Rom Byzantine itu.

Rundingan terus diadakan antara kedua-dua pihak, namun belum juga mencapai kata sepakat. Sejak isu sumpah setia itu, keadaan menjadi semakin tertekan dan bertambah buruk. Orang-orang Norman tidak menerima perjanjian itu, dan pergaduhan pula semakin kerap berlaku.

Beberapa minggu telah berlalu, Maharaja Alexius I mula mencari jalan supaya pasukan Salib beredar. Sebelum mereka menjadi ancaman, beliau terpaksa meringankan tekanan di kotanya yang makin terganggu sejak kehadiran mereka. Dalam situasi itu, cara terbaik menghindari kekecohan itu adalah dengan mengirim pasukan Salib menyeberang Selat Boshporus. Tetapi pemimpin Salib masih enggan menyatakan ikrar setia. Beliau sedar dan mesti melakukan sesuatu dengan segera.

Perdebatan diadakan antara kedua-dua belah pihak bagi mencari jalan penyelesaian, akibatnya berlaku kejadian yang tidak dijangkakan. Tancred memukul anak Maharaja Alexius I kerana tidak dapat mengawal kemarahannya. Kali ini Maharaja Rom Byzantine itu tidak berdiam lagi.

"Ini sahaja cara yang dapat mengubah pendirian mereka, dan sudah tentu pasukan Salib itu tidak dapat bertahan lama. Beta yakin mereka terpaksa bersetuju."

Di kem pasukan Salib, Bohemund mundar-mandir. Sekali-sekala beliau merengus kasar. Tancred, William, dan Richard Salerno hanya memerhati dan tidak ada perbualan yang berlangsung antara mereka. Pergaduhan antara tentera Salib dengan penduduk tempatan mencetuskan kebimbangan mereka. Tanpa bekalan makanan dan minuman, keadaan pasukan Salib bertambah buruk. Pada hemat Maharaja Rom Byzantine pula, mereka tiada pilihan selain terpaksa membuat ikrar itu.

"Keadaan begitu tegang. Maharaja telah menyekat bekalan makanan kepada tentera kita. Dengarnya pertempuran hampir meletus di luar kota," lapor William kepada Bohemund.

"Tindakan itu diambil gara-gara Tancred memukul anaknya. Beliau menggunakan cara ini bagi memaksa kita berikrar kepadanya, dan kita tidak ada pilihan," ujar Bohemund kurang senang sambil merenung ke arah anak saudaranya, Tancred.

"Saya dan Richard bersepakat tidak akan bersetuju dengan perjanjian itu," jawab Tancred dengan serius.

Katanya lagi, "Saya tidak menyesal dengan tindakan saya itu. Nampaknya Maharaja sudah merancang perjanjian ini sejak awal lagi. Tujuan kita datang ke negeri ini bukanlah untuk terikat dengan perjanjian bodoh seperti itu. Jelas terbukti, Maharaja Alexius mahu

mempergunakan kita sbagi merampas tanah jajahannya kembali. Mungkin juga kehadiran kita telah menjadi satu ancaman baginya!"

"Saya setuju. Kita bukan boneka Maharaja Alexius. Sudah jelas beliau mempergunakan kita bagi merebut kembali wilayah-wilayah yang ditawan Turki Seljuk. Bahkan kehadiran kita adalah atas dasar seruan Paus Urban II," jawab Richard Salerno pula.

"Benar. Mungkin perjanjian itu dibuat kerana beliau berasa terancam dengan kedatangan kita. Beliau seperti dapat menghidu tujuan kedatangan pak cik, dan sudah tentu beliau tidak duduk senang. Jadi apa keputusan pak cik?" Tancred mengaju persoalan itu kepada bapa saudaranya itu.

Bohemund menarik nafas panjang dan kemudian dilepaskannya perlahan-lahan. Beliau terpaksa menentukan satu keputusan yang sukar. "Sesudah memikirkannya, pak cik terpaksa bersetuju dengan perjanjian itu."

Jawapan Bohemund itu membuatkan Tancred terkejut. "Saya sangka pak cik bersependapat dengan kami berdua."

"Sekiranya ini satu-satunya cara bagi mencapai cita-cita, pak cik setuju. Pak cik mahu tunjukkan tingkah laku yang baik kepada Maharaja supaya beliau tidak mencurigai tujuan kita. Lagi pula, beliau cukup berkuasa dan mampu buat apa-apa sahaja, seperti yang dilakukannya sekarang," jawab Bohemund yang sukar membuat keputusan itu.

"Keputusan kami berdua tidak akan berubah," kata Richard Salerno. Tancred bersetuju.

Godfrey Bouillon tenang. Perbincangan yang berlangsung masih tidak mencapai kata putus.

"Apakah keputusannya, saudaraku Godfrey?" tanya Baldwin Boulogne.

"Maharaja Alexius memang bijak. Beliau berbuat begitu bagi melindungi kepentingan dan wilayahnya. Tetapi tindakannya itu dilihat bagi mengawal pergerakan kita," balas Godfrey Bouillon yang ternyata kurang selesa.

"Bagaimana jika kita meneruskan perjalanan ke Jerusalem tanpa bantuan Maharaja Alexius?" cadang Baldwin.

Sekiranya kita berangkat tanpa bantuan Rom Byzantine, pasti sukar kita meneruskan perjalanan tanpa bekalan makanan dan kelengkapan perang. Kita juga tidak tahu kekuatan pihak musuh, dalam waktu yang sama harus menyesuaikan diri dengan bentuk muka bumi yang asing," balas Godfrey Bouillon.

"Saudaraku Eustace pula, bagaimana?" Baldwin mengaju pertanyaan kepada saudara sulungnya itu.

"Sekiranya ini takdir kita, demi agama dan atas nama perang suci, saya setuju walaupun ini bukan pilihan yang terbaik. Sekarang Maharaja Alexius sedang menekan orang-orang kita dengan menyekat bekalan makanan, hal ini pasti akan mencetuskan pertempuran antara tentera Rom Byzantine dan pasukan Salib. Sudah tentu ia menimbulkan masalah besar kepada kita nanti." Jawapan Eustace itu ada benarnya.

Sementara itu, Raymond Toulouse kelihatan tenang. Tidak seperti sahabatnya yang lain. Beliau tidak cepat melatah.

"Pangeran Raymond pula bagaimana? Adakah bersetuju dengan syarat ikrar setia itu?" Biskop Adhemar meminta pandangan pemimpin itu.

"Nampaknya mereka lebih bijak daripada kita. Tujuan saya datang ke mari bukan hanya membantu Maharaja Rom Byzantine, tetapi mahu mati di Tanah Suci demi agama. Jawapan saya ada pada Maharaja Alexius."

"Maksud Pangeran?"

"Sekiranya Maharaja setuju dengan tawaran yang dikemukakan, pasti saya tidak akan menolak. Lagi pula, beliau dalam keadaan terdesak sekarang."

Para pemimpin Salib datang menghadap Maharaja Alexius I yang sudah setia menanti. Selepas berlaku beberapa pertengkaran, pasukan Salib sedar tindakan mereka itu tidak membawa apa-apa kebaikan.

"Wahai Tuanku yang arif, kami tahu Tuanku menggunakan kejadian yang berlaku bagi mengugut kami supaya menerima sumpah ikrar itu. Jadi, kami tidak ada pilihan selain terpaksa bersetuju." Godfrey Bouillon menyatakan persetujuan.

Maharaja Alexius I tersenyum gembira. "Bagus, bagaimana pula dengan pemimpin yang lain?"

Bohemund Toranto tampil kehadapan dan turut menyatakan persetujuan. “Saya tahu, Tuanku mencurigai kedatangan saya kerana permusuhan kita sebelum ini. Saya juga bersedia menerima ikrar taat setia ini supaya dapat menghilangkan rasa curiga Tuanku terhadap saya.”

Maharaja Rom Byzantine bertambah gembira kerana musuh ketatnya sudah tunduk dengan kemahuannya. Tetapi beliau masih mengambil langkah berhati-hati. Kemudian, Raymond Toulouse pula datang menghadap.

“Bagaimana pula Pangeran Raymond, adakah kamu bersetuju dengan syarat beta?” Pertanyaan itu diajukan kepada pangeran dari Toulouse itu.

Raymond Toulouse sudah bersedia, sekurang-kurangnya bagi berunding tentang persoalannya dengan Maharaja.

“Wahai Tuanku, saya tidak akan bersumpah, sebaliknya mencagarkan diri saya jika Tuanku sendiri memimpin Perang Salib,” kata Raymond pula. Hanya Raymond yang mengelak bersumpah, bahkan dengan pintar mencagarkan dirinya sendiri kepada Maharaja Alexius I.

Maharaja Alexius I terkejut, “Mencagarkan diri? Apa maksud kamu?”

“Sekiranya Tuanku memimpin pasukan perang, saya sedia berkhidmat dengan Tuanku.”

Maharaja Rom Byzantine itu menolak. “ Beta takkan mengetuai pasukan Salib, sebab itu beta meminta bantuan dari Barat bagi mendapatkan semula tanah jajahan yang dirampas oleh Turki Seljuk. Ternyata kamu

semua bersetuju dan datang ke negeri ini. Jadi beta tidak perlu menurut tuntutan kamu sebaliknya kamu yang mesti menurut kehendak beta."

"Baiklah, sekiranya begitu saya tidak akan membuat perjanjian, sebaliknya menjadi rakan sekutu Tuanku. Saya akan memastikan wilayah yang kami takluki diserahkan kepada Tuanku."

"Rakan sekutu?"

"Benar. Tuanku meragui kesetiaan Bohemund dan saya pula tidak mempunyai hubungan yang baik dengannya. Mungkin kita dapat menjadi rakan sekutu dan memastikan wilayah yang ditakluki nanti akan jatuh ke tangan Tuanku," terang Raymond. Beliau memang enggan bersumpah setia, dan mahu Maharaja Rom Byzantine itu mempercayai kesetiaan dirinya.

Maharaja Alexius I memikirkan tawaran Raymond Toulouse itu, dan akhirnya bersetuju kerana beliau menyenangi pemimpin Salib itu berbanding para pemimpin yang lain. Pada pertemuan pertama, hubungan yang baik sudah terjalin, kedua-dua mereka menjadi sekutu yang berkongsi ketidakpercayaan kepada Bohemund. Sejak awal lagi, Raymond Toulouse tidak menyenangi sikap Bohemund yang kelihatan jelas mahu menguasai pasukan Salib

Pada bulan April, langit terbuka mengiringi perjalanan rombongan Salib yang meninggalkan Konstantinopel. Mereka menuju ke kota Nicea dengan harapan yang mengunung tinggi. Panglima Tatikios menunggang kuda dan mengetuai pasukannya yang seramai 2,000 orang tentera berjalan kaki. Maharaja Alexius I bersetuju

mengirim sepasukan tentera Rom Byzantine bagi menemani pasukan Salib merentasi Asia Kecil.

Pasukan Salib dibahagikan kepada dua kontinjen yang mengikut laluan yang berbeza. Pasukan yang diketuai Bohemund dan Godfrey Bouillon mara ke Nicea melalui wilayah Bithynia. Pasukan Raymond Toulouse dan Robert II Flanders pula melalui Civetot. Sementara itu, Tancred dan Richard Salerno yang enggan bersumpah setia pada Maharaja Alexius, menyeberangi Selat Bosphorus secara rahsia.

Peter Si Pertapa gembira apabila dikhabarkan kedatangan pasukan Salib Eropah ke Nicea. Sebaik pasukan itu tiba di Nocomdia iaitu antara kota terbesar wilayah itu, Peter Si Pertapa yang bersembunyi keluar menyambut kedatangan mereka. Beliau bersama-sama saki-baki tentera yang terselamat, menghabiskan musim sejuk di sana dengan penuh kesukaran.

Malam yang dingin, hanya unggun api yang marak menjadi pemanas badan yang kesejukan. Peter Si Pertapa duduk sambil meneguk wain, beliau benar-benar kenyang selepas menikmati makanan yang disediakan. Sudah beberapa hari mereka terpaksa berlapar dan tidak berani keluar dari tempat persembunyian, kerana tentera Turki Seljuk sentiasa berkeliaran. Peter menceritakan kejadian yang menimpa pasukannya.

"Kerajaan Seljuk mempunyai pasukan tentera yang hebat dan tangkas. Sekiranya saya mendengar nasihat Maharaja Alexius dahulu, sudah pasti kejadian ini tidak berlaku. Oleh itu, kita mesti menjadi pasukan yang lebih

bagus daripada mereka." Peter Si Pertapa melahirkan kekesalan berdasarkan pengalaman yang dilaluinya.

"Bagaimana pula dengan kaum wanita dan kanak-kanak? Adakah mereka dibunuh?"

"Tidak. Kaum wanita dan kanak-kanak tidak dibunuh tetapi dijadikan tawanan perang."

"Kali ini pasti kemenangan berada di pihak kita," kata Godfrey Bouillon yakin.

"Pangeran yakin?" tanya Peter Si Pertapa sinis.

"Sudah tentu. Pasukan gabungan kita lebih ramai daripada mereka. Mustahil mereka dapat melepaskan diri. Tambahan pula kita lengkap dengan peralatan perang yang lebih moden dan canggih."

Keesokan paginya, mereka memulakan perjalanan. Peter Si Pertapa bergabung menyertai pasukan Salib dan meneruskan rancangan mereka menawan kota Nicea.

Selepas hampir dua minggu merentasi Asia Kecil, pasukan Raymond Toulouse dan Robert II Flanders menjadi pasukan pertama tiba di Nicea. Pasukan Bohemund dan Godfrey Bouillon masih belum tiba.

Kini mereka berdiri di hadapan kota Nicea, sebuah kota yang menakjubkan. Tasik Ascanius yang membentuk benteng semulajadi membuatkan kota itu tidak pernah putus sumber air. Di hadapan pintu kota pula terdapat sebuah parit yang dipenuhi air, menyekat pintu masuk dari tiga sisi. Dinding kota itu pula begitu tinggi dan sukar dipanjat.

Mei, 1097 Masihi

Kira-kira seminggu pemergian pasukan Salib, pasukan tentera Flemish tiba di Konstantinopel tanpa terlibat dalam sebarang pergaduhan dengan penduduk setempat. Pasukan yang diketuai oleh Robert Normandy itu menyusul ke kota Nicea selepas berjanji taat setia dengan Maharaja Alexius.

17
Kota Nicea Dikepung

Mei, 1097 Masihi

Petang Rabu itu, pasukan Raymond Toulouse berjaya menjadi pasukan pertama tiba di luar di kota Nicea. Mereka membina khemah tidak jauh dari kota. Namun, sesudah tiga hari berkubu di situ, mereka masih tidak berjaya memasuki kota yang dikawal ketat malah bergelut dengan masalah kekurangan makanan. Sukar bagi mereka mendapat bekalan makanan kerana wilayah itu di bawah pemerintahan Turki Seljuk. Setiap masa ada sahaja pergaduhan kerana berebutkan makanan.

Selepas ketibaan pasukan Bohemund, keadaan yang tertekan itu kembali pulih kerana pasukan itu

membawa bekalan makanan yang banyak. Lantas mereka merancang bagi mengepung kota Nicea.

"Sudah beberapa kali kami cuba menyerang kota itu tetapi gagal," kata Panglima Tatikios sambil menunjukkan peta kota itu.

"Kita robohkan dinding kota itu," cadang Bohemund dengan angkuh.

"Itulah sebaik-baiknya," sokong Godfrey Bouillon.

"Jangan sesekali memandang rendah keupayaan mereka. Kota itu kukuh, dan sentiasa dikawal ketat. Kita mesti fikirkan cara terbaik bagi menawan kota itu." Sikap pemimpin Salib itu tidak disenangi oleh Panglima Tatikios.

"Sekiranya begitu, apa cadangan Panglima?" tanya Bohemund.

"Bagi menawan kota ini tidaklah semudah yang kamu sangkakan. Jadi, saya sarankan kita mulakan dengan mencari laluan pergunungan untuk menghampiri kota Nicea. Saya akan menggunakan 3000 orang tentera untuk membuka laluan supaya kita dapat mara ke sana. Sekiranya berjaya, kita akan menemui pintu masuk ke kota itu." Saranan Panglima Tatikios itu dipersetuju.

Pemimpin Salib mengarahkan bala tentera mereka mengepung dan membuat tinjauan di sekitar kota Nicea. Mereka juga mencari-cari laluan bagi menembusi kota itu. Bohemund membina kem di Utara, Godfrey Bouillon berada di Timur, manakala Raymond Toulouse dan Biskop Adhemar membina kem di sebelah selatan kota Nicea. Waktu itu Sultan Kilij Arslan berada di luar kota.

Mei, 1097 Masihi

Kota Nicea berterusan dikepung. Tentera Salib cuba memecah pintu kota yang diperbuat daripada besi tetapi tidak berjaya. Mereka mencuba pelbagai cara termasuklah menggunakan manjanik. Tentera Salib juga membina menara bagi melepasi dinding yang teguh itu. Namun, usaha mereka masih gagal menemui jalan buntu.

Penduduk kota mula berasa bimbang kerana diserang bertubi-tubi oleh pasukan Salib. Namun, mereka cukup yakin kota itu tidak mudah ditawan. Sumber makanan mereka mencukupi bagi bertahan beberapa bulan.

Mei 1097 Masihi

Hari yang tenang bertukar gempar. Pasukan Pembela Turki Sallied, iaitu angkatan bersenjata yang bertahan di sebuah benteng dari dalam kota melakukan serangan. Berlaku pertempuran kecil, namun tentera kota itu dapat dikalahkan, dan 200 tentera mereka terkorban. Ternyata mereka tersilap percaturan. Kedatangan tentera Salib kali ini, bukan seperti pasukan Salib yang diketuai Peter Si Pertapa. Kali ini, mereka lebih ramai serta lengkap dengan senjata perang.

Bagi pasukan Salib pula, sukar bagi mereka mendekati kota itu kerana dihujani peluru dari mesin perang yang

terletak di atas menara. Itu menyukarkan mereka bagi bergerak ke hadapan.

Sultan Kilij Arslan merengus kasar sebaik mengetahui berita serangan pasukan Salib ke atas kotanya. Ternyata beliau tersilap perhitungan. Semasa mengetahui kedatangan pasukan Salib ke kota Nicea, beliau tetap meneruskan peperangan bagi menawan Melitene (Malatya,) kerana Komander Gabriel dari kerajaan Danishmends juga berhasrat menawan Melitene. Disebabkan itu ancaman pasukan Salib dipandang sepi.

"Tuanku, mereka sedang mengepung dan berusaha menawan kota Nicea. Kali ini, mereka datang bersama-sama puluhan ribu tentera yang lengkap bersenjata," lapor panglima perang sejurus meminta Sultan kilij Arslan pulang ke kota Nicea.

"Nampaknya tentera Salib kali ini benar-benar mahu menguasai Nicea. Kemenangan kita sebelum ini, membuatkan beta beranggapan pasukan Salib bukanlah ancaman besar," tuturnya kesal.

"Wahai Tuanku, penduduk kota sudah tentu dalam ketakutan, dan sekarang mereka tidak mampu berbuat apa-apa. Bagaimana kita akan pulang sedangkan kota sudah pun dikepung?" tanya panglima perang yang kerisauan.

"Beta akan menghantar dua utusan ke dalam kota, bagi memberitahu rakyat jelata yang beta takkan membiarkan mereka bersendirian. Kita akan menolong mereka dengan pasukan tentera yang besar. Tidak semudah itu kota Nicea jatuh ke tangan tentera kafir!"

"Jadi apa perlu kita lakukan sekarang? Bagaimana pula dengan usaha kita menawan Melitene?" tanya panglima perang itu lagi.

"Kita masih belum berjaya menawan Melitene, jadi beta memutuskan kita kembali segera ke kota Nicea. Beta tidak akan biarkan mereka menawan kota itu dengan mudah. Kumpulkan pasukan tentera dan kita berangkat ke Nicea dengan segera," perintah Sultan itu.

"Menjunjung perintah, Tuanku."

Walaupun beliau sedar peperangan yang bakal tercetus mengundang sesuatu yang diluar jangkaannya, namun tidak sekali-kali beliau membiarkan kota itu jatuh ke tangan musuh sebelum berjuang.

Mei, 1097 Masihi

Tentera Salib sudah melimpahi Kota Nicea. Mustahil bagi Sultan Kilij Arslan berjaya menggempur pasukan yang cukup ramai itu. Lalu beliau mengatur strategi dengan membahagikan pasukannya kepada dua kumpulan. Sebahagian tentera Turki Seljuk mara ke Selatan, ke arah kem Raymond Toulouse. Sekiranya berjaya, mereka akan masuk ke dalam kota Nicea melalui pintu gerbang Selatan. Sebuah kumpulan lagi turun dari gunung lalu bertempur melawan pasukan Godfrey Bouillon di bahagian Timur.

Apabila Raymond Toulouse melihat orang-orang Turki mara ke arah pintu gerbang, beliau menyerang

garang dan cuba mengalahkan mereka. Pertempuran sengit itu berlarutan sehingga malam. Tentera Seljuk bermati-matian berjuang tetapi kekuatan mereka tidak setanding pihak lawan. Sesudah bertempur habis-habisan, ramai tentera Seljuk terbunuh dan ditawan manakala tentera yang terselamat terpaksa berundur, termasuklah Sultan Kilij Arslan sendiri.

Menjelang keesokan harinya, mereka mendapati kedua-dua pihak mengalami kerugian besar. Banyak harta emas dan perak tentera Seljuk dirampas. Kekalahan itu mengecewakan Sultan Kilij Arslan, namun beliau tidak berputus asa.

"Wahai Tuanku, sukar bagi kita menembusi benteng tentera Salib. Usaha kita masih tidak membuahkan hasil. Saya cadangkan kita meminta bantuan dari luar." Panglimanya memberi cadangan.

"Tidak ada yang akan membantu kita. Ramai pemimpin yang mempunyai masalah dalaman dan saling bertelagah sesama sendiri. Mereka juga tidak berminat menghulurkan bantuan kepada kita," jawab Sultan Kilij Arslan, nada suaranya kedengaran kecewa.

"Kota Nicea diibaratkan sebagai jambatan bagi memasuki kota seterusnya, tidakkah mereka terfikir sekiranya kota Nicea berjaya ditawan wilayah mereka akan turut terancam?" kata Panglima perang itu lagi.

"Mereka hanya mementingkan diri sendiri dan menyangka, mereka mampu menangani masalah wilayah mereka tanpa pertolongan sahabat-sahabat mereka. Oleh itu, kita sendiri mesti berusaha mempertahan tanah air

kita sendiri. Dalam keadaan seperti ini, hanya Allah satu-satunya tempat kita bergantung harapan. InsyaAllah, dengan izin Allah kita mampu mempertahan kota Nicea dengan usaha perjuangan kita sendiri," ucap Sultan Kilij Arslan penuh yakin.

"Baiklah. Kami setia bersama Tuanku sehingga ke titisan darah terakhir!" sahut Panglima itu.

Tiga hari selepas kekalahan itu, Sultan Kilij Arslan terus merancang menyerang pihak lawan. Kali ini, beliau kembali mengumpulkan anggotanya yang terselamat dengan bantuan tentera Segar. Sultan Seljuk bersama-sama pasukannya menetapkan taktik serangan supaya lebih berkesan. Bergulung-gulung tali dibawa bagi digunakan dalam serangan nanti. Mereka kembali berjuang dengan penuh semangat. Tentera Salib pasti akan dikalahkan, dan dibawa ke Khurasan sebagai orang tawanan.

Di sebalik gunung, kem tentera Salib kelihatan tenang. Tiba masa yang sesuai Sultan Kilij Arslan memberi arahan kepada pasukan berkudanya. Mereka menuruni gunung tanpa disedari musuh dan ketangkasan tentera berkuda Turki Seljuk, mereka akhirnya berjaya merempuh kem Bohemund. Ramai yang ditangkap dan dipenggal kepala. Kemudian pasukan berkuda Turki Seljuk membaling dan melastik kepala musuh yang terputus itu ke dalam kem lawan. Tindakan itu berjaya menakutkan tentera musuh.

Hanya selepas tengah hari, Godfrey Bouillon tiba dengan pasukannya seramai bagi mengukuhkan pertahanan Bohemund. Pasukan itu juga turut bergabung dengan pasukan Raymond Toulouse dan

Hugh Vermandois. Ketibaan mereka disambut dengan pertempuran hebat. Ramai tentera Salib dibunuh oleh tentera Turki Seljuk. Melihat kerugian pasukan Salib, tentera Turki Seljuk menjadi lebih mara dan agresif sehinggakan tentera Salib terpaksa berundur ke arah tebing sungai yang cetek.

Pertempuran itu berlanjutan kira-kira tujuh jam. Kemudian Raymond Toulouse dengan para tenteranya tiba dan melancarkan serangan mengejut sehingga seluruh rusuk pasukan Turki Seljuk menjadi kucar-kacir dan terpaksa berundur.

Awal Jun, pasukan diketuai Tancred, Robert Normandy, Stephen Blois, dan Roger Ville tiba. Ini menambahkan bilangan dan meningkatkan kekuatan tentera Salib yang sedia ada. Selepas pertempuran itu, pasukan Salib menyusun semula strategi perang mereka. Bohemund, Tancred, Robert Normandy, dan Stephen berada di sayap sebelah kiri, manakala Raymond Toulouse, Robert II Flanders di tengah-tengah. Godfrey Bouillon dan Hugh Vermandois pula berjaga-jaga di sayap sebelah kanan. Kini mereka bergabung dan membentuk barisan pertempuran dengan lebih kukuh.

"Hari ini, sekiranya Tuhan mengkehendaki, kalian semua akan menjadi kaya!" teriak seorang pemimpin Salib dengan lantang. Kata-kata itu menaikkan semangat tentera Salib untuk terus bertempur.

Pertempuran bermula. Pada awal serangan, Robert Normandy begitu rakus menyerang tentera Turki Seljuk, tetapi mereka tidak mampu mengusir tentera lawan sehingga pasukan Biskop Adhemar tiba pada

waktu petang. Mereka bersembunyi di sebalik bukit berseberangan sungai. Kemudian pasukan pemanah melepaskan ribuan panah yang mengejutkan tentera Turki Seljuk dari belakang.

Sesudah itu, pasukan Biskop Adhemar menuju ke kem Sultan Kilij Arslan dan menyerang tentera Turki Seljuk dari belakang. Api mula marak apabila tentera Salib menghujani kem itu dengan panah berapi. Tentera Seljuk pula hanya mampu berlindung di sebalik perisai mereka. Akibat serangan ganas itu, Sultan Kilij Arslan dan pasukannya terpaksa meninggalkan kem dan berundur dari medan perang. Kem Turki Seljuk jatuh ke tangan pasukan Salib.

"Walupun kita berjaya mengusir tentera Turki Seljuk, tetapi mereka begitu mahir menggunakan taktik sembunyi dan serang. Mereka juga tangkas memanah sambil menunggang kuda. Satu taktik yang berkesan. Kita mesti mencari jalan supaya dapat melemahkan mereka."

"Mereka menggunakan taktik perang gurun dengan gaya berperang yang lincah. Mereka adalah pemanah-pemanah ulung yang mampu memanah sambil berkuda. Taktik perang muslim bukan dengan menunggu layaknya catur, tetapi mereka menyerang dalam gelombang, yang datang bertubi-tubi menyerang pasukan lawan," terang Panglima Tatikios berkaitan taktik serangan tentera Seljuk.

"Pasti mereka juga ada kelemahan sehingga berjaya diusir. Begitu juga dengan kota itu yang pasti mempunyai kelemahan. Apakah Panglima mengetahui kelemahan kota itu?"

Panglima Tatikios berkata, "Satu-satunya cara adalah dengan mengali terowong supaya kita dapat masuk ke kawasan kota."

"Tetapi bagaimana caranya?"

"Kerja penggalian itu perlu dilakukan pada waktu malam supaya tidak diketahui mereka," jawab Panglima itu membuatkan semua pemimpin Salib berpakat menggali dinding kota.

Pada tengah malam yang pekat, rancangan menggali terowong dijalankan tanpa disedari pengawal kota. Sementara itu, Raymond Toulouse dan Biskop Adhemar membina menara pengepungan yang besar. Namun usaha mereka itu gagal. Pengawal benteng kota menyedari terowong yang digali, lalu pasukan Salib mengubah taktik serangan mereka.

Maharaja Alexius I tidak mengiringi pasukan Salib, tetapi memutuskan bagi ikut berarak di belakang mereka. Setiba di kem di Pelecanum yang berdekatan, beliau mendirikan khemah lalu menjalankan rancangan yang diaturnya.

Jeneral Manuel Boutoumites yang lengkap dengan baju besi datang menghadap. Beliau adalah jeneral terkemuka Byzantine, diplomat dan seorang pembantu Maharaja yang dipercayai. Jeneral Manuel Boutoumites juga memain peranan penting sebagai duta maharaja dalam misi yang dikuasai pasukan Salib. Malah kredibilitinya dipandang tinggi oleh Maharaja Alexius sehingga digelar

sebagai 'orang kepercayaan tunggal Maharaja Rom Byzantine'.

"Wahai Jeneral, sejak awal lagi beta meragui kepercayaan pemimpin tentera Salib. Kedatangan mereka bukan sekadar membantu, tetapi pasti ada agenda tersembunyi. Beta khuatir sekiranya tentera Salib merampas Nicea dan memusnahkan kekayaan beta. Perasaan khuatir beta makin bertambah dengan adanya musuh beta iaitu Bohemund," luahnya bimbang.

"Wahai Tuanku, perintahkan apa-apa sahaja tugas kepada patik, pasti akan patik laksanakan demi memuaskan hati Tuanku," balas Jeneral Manuel penuh hormat.

"Beta menyerahkan satu tanggungjawab yang besar kepada kamu, iaitu menjamin bandar itu tidak jatuh ke tangan mana-mana pasukan Salib. Lakukan apa-apa sahaja usaha supaya kota itu kekal menjadi milik kita kembali. Tetapi ingat, rahsiakan rancangan ini daripada sesiapa, terutamanya pihak tentera Salib. Beta mahu kota Nicea ditawan tanpa berlaku pertumpahan darah."

"Baiklah. Saya akan lakukan seperti yang diperintahkan."

"Jadi apa perancangan kamu?" soal Maharaja Alexius I.

"Pertama sekali, saya akan mengutus surat kepada kerajaan Seljuk supaya menyerah diri kepada kita dengan menawarkan perjanjian. Antaranya, pengampunan kepada seluruh penghuni kota."

"Adakah kamu fikir mereka akan menerima tawaran itu? Setahu beta Sultan Kilij Arslan bukan seorang yang pengecut."

"Sekiranya mereka enggan, tawaran kedua akan menyusul."

"Apa tawaran kedua itu?"

"Sultan Seljuk pasti tidak mahu berlakunya pembunuhan beramai-ramai, sekiranya tentera Salib berjaya menawan kota itu. Sudah tentu mereka akan memikirkan soal tawaran kita itu nanti," jawab Jeneral Manuel dengan bijaknya.

Maharaja Alexius I mengangguk setuju dengan rancangan panglima kepercayaannya itu. "Beta percaya dengan kebijaksanaan kamu. Segera laksanakannya."

Tanpa berlengah, Jeneral Manuel Boutoumites mengutus sepucuk surat kepada kerajaan Turki Seljuk tanpa pengetahuan pemimpin tentera Salib. Malangnya surat balasan yang diterima tidak seperti yang diharapkan. Tetapi Jeneral Manuel masih tidak berputus asa dan terus mengutus surat kepada kerajaan Turki Seljuk .

Hampir sebulan kota itu dikepung, namun tidak ada tanda-tanda bendera putih akan dikibarkan. Keadaan pasukan Salib kian buruk kerana bekalan makanan dan minuman yang sudah hampir kehabisan.

"Sudah lama Nicea berada dalam pengepungan, tetapi masih tidak ada apa-apa perubahan. Sedangkan keadaan orang-orang kita kian meruncing. Kita mesti mencari jalan supaya pasukan mereka menyerah kalah," kata Godfrey Bouillon bimbang.

“Hanya tinggal satu sahaja cara yang ada,” celah Panglima Tatikios.

“Bagaimana caranya?” tanya mereka hampir serentak.

“Tasik Ascanius.”

“Tasik Ascanius?”

“Ya. Tasik Ascanius menjadi sumber bekalan air ke dalam kota itu, dan apabila kita menyekat pengairan tasik itu, pasti kota itu kehilangan sumber utama, dan dapat ditawan sepenuhnya.”

“Baiklah, sekiranya begitu kerahkan semua bala tentera menyekat aliran tasik itu. Mereka pasti mengalami kesukaran kerana terputus sumber bekalan.”

Tasik Ascanius yang tenang mula bergolak. Seluruh tentera Salib dikerah mengangkut batu-bata besar ke dalam tasik itu. Mereka berhempas–pulas menyekat aliran air tasik itu daripada masuk ke dalam kota. Namun usaha mereka gagal kerana kedalaman tasik itu tidak dapat disekat dengan batu sahaja.

Maharaja Alexius I berasa lega apabila tentera Salib gagal menyekat Tasik Ascanius. Oleh itu, beliau segera bertindak dengan menghantar baj bagi membantu tentera Salib menyekat tasik Ascanius. Tujuan bantuan itu hanyalah sebagai menutup rancangan tersembunyinya supaya tidak disedari oleh tentera Salib.

18
PAKATAN RAHSIA

17 Jun, 1098 Masihi

Kehadiran baj itu diketahui oleh pemimpin Salib, tetapi mereka menyangka kedatangan baj itu merupakan bantuan daripada Maharaja Alexius I. Sementara itu, penghuni kota mula resah apabila Tasik Ascanius berjaya disekat menyebabkan mereka kesempitan sumber bekalan, untuk mendapat bantuan dari luar kawasan pula ternyata sukar dan hampir mustahil.

Jeneral Manuel Boutoumites berterusan mengirim surat tawarannya kerana yakin dengan ketiadaan Sultan Kilij Arslan kota Nicea tidak mempunyai pilihan lain selain menyerah diri. Pada masa sama, pemimpin Seljuk sudah berusaha keras merobohkan pertahanan pasukan

Salib, namun nasib yang baik masih tidak berpihak kepada mereka.

Gabenor Nicea tidak mempunyai pilihan, lalu menerima tawaran Jeneral Manuel Boutoumites. Beliau menjemput jeneral Rom Byzantine itu memasuki kota. Mereka mengadakan rundingan secara rahsia, dan jeneral itu menunjukkan chrysobull daripada Maharaja Rom Byzantine kepada Gabenor itu. Jeneral Manuel Boutoumites menawarkan hak keistimewaan kepada isteri dan adik sultan yang berada di dalam kota, selain jaminan keselamatan terhadap penghuni kota.

Rundingan secara rahsia itu berlangsung selama dua hari. Gabenor Nicea terpaksa bersetuju dengan perjanjian itu selepas mempertimbangkan syarat-syaratnya. Bagi gabenor itu ,lebih baik menyerahkan kota itu tanpa pertumpahan darah kepada Maharaja Rom Byzantine berbanding kerajaan asing lain. Mendengarkan berita itu daripada Jeneral Manuel Boutaoumites, Maharaja Alexius I menjadi begitu senang hati.

"Perjanjian yang ditawarkan tidak ada pertumpahan darah. Malah, kota itu tidak jatuh ke tangan tentera Salib," ucapnya dengan nada gembira.

"Saya hanya menjalankan tugas. Sekarang hanya menunggu perintah Tuanku untuk kita memasuki kota Nicea. Menurut Gabenor Nicea, tentera Rom Byzantine dibenarkan masuk melalui pintu tasik. Satu-satunya kawasan yang dikawal oleh tentera kita tanpa diketahui oleh tentera Salib," kata Jeneral Manuel Boutoumites.

"Bagus, beta mahu kota Nicea ditawan esok. Aturkan satu serangan di pintu masuk kota itu bagi mengaburi

tentera Salib, dan pastikan tindakan memasuki kota itu tidak diketuai sehinggalah kota Nicea sah berada dalam tangan kita."

"Jadi, beta mahu kamu menyertai tentera Salib dan membuat serangan langsung di luar dinding kota. Manakala Jeneral Manuel Boutoumites juga akan berpura-pura melakukan hal yang sama. Cara ini akan kelihatan seolah-olah tentera Rom Byzantine menawan bandar itu melalui pertempuran," terang Maharaja Alexius I kepada Jeneral Manuel Boutoumites dan Panglima Titikois dengan pintarnya.

"Bila pula kita akan masuk ke dalam kota?" tanya Panglima Tatikios.

"Pada waktu subuh. Selepas kepenatan bertempur semalaman, sudah tentu mereka tidak menyedari apa-apa yang berlaku."

"Baik, Tuanku. Kami akan membuat persediaan rapi supaya rancangan kita berjalan seperti yang dirancangkan." Kemudian kedua-dua orang harapannya beredar.

Jun, 1097 Masihi

Subuh yang hening dan gelap, pasukan Rom Byzantine berarak secara rahsia memasuki pintu kota melalui tasik tanpa sebarang halangan. Rancangan berjalan lancar. Sementara itu, tentera Salib tidak menyedari rancangan sulit yang diatur.

Tiba waktu yang dinanti, Jeneral Manuel Boutoumites bersama-sama Maharaja Alexius I memasuki kota Nicea dengan selamat. Kota itu kemudiannya diserahkan kepada Rom Byzantine oleh gabenor kota Nicea. Isteri dan anak-anak Sultan Kilij Arslan ditangkap dan diletakkan dalam pengawasan. Secara rasminya kota Nicea sudah jatuh ke tangan tentera Rom Byzantine. Bendera kerajaan Seljuk diturunkan dan diganti dengan bendera Rom Byzantine.

Matahari pagi terpancar dengan terang dan garang. Suasana pagi yang tenang bertukar gamat. Tentera Salib yang bangun pada pagi itu terkejut apabila terlihat bendera Rom Byzantine berkibar megah di atas tembok kota.

“Kita sudah ditipu! Maharaja Alexius sendiri melanggar angkat sumpah yang dilakukannya!” bentak Bohemund berang.

“Maharaja telah menikam kita dari belakang. Dalam diam-diam beliau merancang menawan kota Nicea tanpa pengetahuan kita,” kata pemimpin Salib yang lain pula.

“Jadi bagaimana? Adakah kita patut serang kota Nicea dan rampas wang serta bekalan dari kota itu, dan terus meninggalkan Nicea?" tanya yang lain pula.

“Ayuh kita bertemu dengan Maharaja Alexius, dan minta penjelasan daripadanya,” ajak Godfrey Bouillon. Mereka bersetuju.

Sejumlah bala tentera Salib bergerak memasuki kota. Sebaik tiba di pintu utama, mereka dilarang masuk jika tidak diiringi oleh tentera Rom Byzantine. Syarat itu

ditetapkan oleh Jeneral Manuel Boutoumites yang diberi gelaran 'Duke Nicea'. Sebagai langkah keselamatan, beliau juga menetapkan hanya sepuluh orang tentera Salib dibenarkan memasuki kota itu. Hal itu menimbulkan perselisihan antara pihak Rom Byzantine dengan pasukan Salib.

Maharaja Alexius I dengan megah duduk di singgahasana yang pernah menjadi takhta Rom Byzantine suatu ketika dahulu. Kedatangan pemimpin Salib disambut baik, bahkan beliau sudah menyangka kehadiran mereka.

"Kami benar-benar kecewa kerana Tuanku sendiri melanggar perjanjian angkat sumpah. Tuanku meminta bantuan daripada kami bagi memerangi Turki Seljuk, tetapi sebaliknya kami ditipu!" tutur Godfrey Bouillon, mewakili rasa tidak puas hati pasukan Salib.

"Beta mengambil tindakan ini supaya tentera Salib tidak mencerobohi wilayah ini, dan merampasnya daripada beta. Kota ini adalah kota agung pertama empayar Rom Byzantine." kata Maharaja itu.

"Sekiranya begitu, cukuplah kali ini. Kami tidak akan membantu Tuanku memerangi Turki Seljuk lagi. Kami sudah dikhianati!" tambah Tancred pula.

Maharaja Alexius I terkejut dengan tindakan pemimpin Salib itu. Kemudian beliau berkata, "Beta tahu kalian marah dengan tindakan beta, tetapi beta berjanji selepas kota Nicea, kota Antokiah yang menjadi sasaran seterusnya tidak akan diganggu. Beta serahkan kepada pasukan Salib. Tetapi kalian mesti akur dengan perjanjian sumpah setia yang diikrarkan."

"Bagaimana kami akan mempercayai kata-kata Tuanku sesudah hal ini terjadi?" bidas mereka kembali.

"Kalian jangan bimbang. Beta tidak akan mungkir janji. Oleh itu, beta akan berikan hadiah-hadiah lumayan kepada para pemimpin Salib sebagai permohonan maaf. Apakah permintaan kalian?" pujuk Maharaja itu.

"Kami berharap mendapat pampasan yang setimpal, kerana sepatutnya kami layak menerima rampasan dari kota ini," ujar Godfrey Bouillon membalas rasa tidak puas hatinya.

"Baiklah, beta akan hadiahkan kalian wang, kuda serta beberapa pemberian lain. Beta juga akan siapkan bekalan untuk pasukan Salib menawan kota Antokiah. Selain itu, beta juga berhasrat menawarkan jawatan tentera Rom Byzantine kepada pasukan tentera Salib." Maharaja Alexius I cuba memujuk pemimpin Salib dengan hadiah lumayan dan beberapa tawaran.

Hadiah lumayan itu tidak menggembirakan para pemimpin Salib, tetapi mereka percaya akan memperolehi lebih banyak harta sekiranya pasukan Salib sendiri menawan kota itu.

"Bagaimana dengan kaum Muslimin di kota ini? adakah mereka akan dijatuhi hukuman bunuh?"

"Tidak. Mereka bersedia menerima tawaran perjanjian, oleh itu beta membebaskan mereka tanpa tebusan. Isteri Sultan Kilij Arslan dan ahli keluarganya yang berada dalam tahanan dan akan dihantar ke Konstantinopel," jawab Maharaja Alexius I.

“Tetapi, bukankah kaum Muslimin menganiaya orang Kristian? Disebabkan itu kita tidak perlu menghormati tawanan Islam. Bukankah dengan tindakan kejam itu Tuanku meminta bantuan kami untuk memerangi mereka? Tetapi mengapa pula Tuanku bertindak sebaliknya?” bidas pemimpin Salib.

“Mereka itu wajib dibunuh!”

Maharaja Alexius I terpempan. Beliau tersepit dengan tindakannya sendiri.

“Kami berpegang dengan perjanjian yang ditawarkan. Tanpa tawaran itu, tidak mungkin kota ini dapat ditawan. Dengan adanya tawanan ini, Kilij Arslan tidak akan menyerang kota ini lagi,” jawab Maharaja Rom Byzantine itu.

Jawapan Maharaja itu ternyata tidak memuaskan hati, bahkan mengundang kemarahan mereka. Para pemimpin Salib berasa cukup kecewa. Namun mereka tidak berkuasa menghalang keputusan itu.

Sebelum pulang, Jeneral Manuel Boutoumites menahan Tancred dan Richard Salerno, dengan tidak membenarkan mereka meninggalkan kota selagi tidak bersumpah Vassalage. Hal ini kerana, mereka berdua tidak berbuat demikian semasa di Konstantinopel. Tancred dan Richard Salerno terpaksa berbuat demikian.

Kemarahan Sultan Kilij Arslan tidak dapat dibendung lagi. Jatuhnya kota Nicea ke tangan Maharaja Alexius I memberi tamparan hebat kepadanya. Tetapi jaminan

keselamatan maharaja itu terhadap ahli keluarganya dan penghuni kota, meredakan sedikit kemarahan hati sultan. Sultan Kilij Arslan bangkit bersama-sama semangatnya.

"Kumpulkan bala tentera kita dan berundur ke benteng lain." Beliau memberi arahan kepada panglima perang.

"Tetapi tuanku, kita mesti merampas semula kota Nicea. Kita tidak boleh pergi begitu sahaja," bantah Panglima perang itu.

"Beta yakin, selepas ini mereka akan ke kota yang lain pula. Kota Nicea adalah jambatan yang memudahkan mereka menawan kota-kota Islam lain. Oleh itu, kita mesti bekerja keras dan memastikan tidak ada lagi benteng yang dapat ditembusi."

"Bagaimana pula nasib keluarga Tuanku? Tuanku yakin Maharaja Alexius akan menjamin keselamatan ahli keluarga dan penduduk kota?" tanya Panglima itu lagi.

"Beta yakin beliau berpegang pada janji. Beliau juga tidak mahu kota itu jatuh ke tangan tentera Salib yang bersifat ganas. Disebabkan itulah beliau membuat perjanjian rahsia dengan gabenor kota. Sekiranya penduduk ditawan oleh tentera Salib, nasib mereka juga belum tentu terjamin."

"Tuanku masih tidak mahu cuba meminta bantuan dari wilayah-wilayah Islam? Kejatuhan kota Nicea sepatutnya membuka mata mereka, supaya membantu kita menyekat kemaraan tentera Kristian. Jika pasukan itu terus mara,tidak mustahil wilayah-wilayah mereka

akan jatuh ke tangan tentera Salib itu, bukannya Rom Byzantine," ujar penasihat beliau.

Sultan Kilij Arslan nekad, nyawa dan darahnya sanggup diperjudikan demi mempertahankan agama dan wilayahnya daripada dinodai. Takkan semudah itu Sultan Kilij Arslan membiarkan tentera Salib merampas wilayahnya. Kekalahan itu memaksa beliau berundur ke benteng lain sambil menyusun kekuatan dan taktik baru.

Danishmend Gazi terkejut mendengar berita yang disampaikan. Walaupun Sultan Kilij Arslan adalah musuhnya, namun berita kejatuhan kota Nicea itu bukanlah khabar yang disenanginya. Beliau yang mengasaskan Beydi Danishmends, iaitu sebuah dinasti yang berkembang pesat selepas pertempuran Manzikert. Pengaruhnya juga mula menguasai kawasan utara Asia Kecil seperti Neocaesarea, Tokat, Sivas, dan Euchaita.

"Benarkah hal yang ayahanda katakan ini? Bukankah mereka itu musuh kita?" tanya puteranya yang terkejut.

"Benar katamu. Mereka musuh kita, tetapi mereka tetap saudara seagama. Sultan Kilij Arslan adalah pejuang Islam sebenar. Malangnya, tidak ada pemimpin Islam yang membantu ketika tentera Salib menyerang kota Nicea. Sekarang kota itu telah jatuh ke tangan musuh."

"Jadi apa keputusan ayahanda?" tanya puteranya lagi.

"Ayahanda kecewa dengan wilayah-wilayah Islam lain tidak memberi bantuan memerangi musuh Islam,

sedangkan bantuan ketetenteraan dari Eropah untuk pasukan Salib datang mencurah-curah. Kita tidak patut berdiam diri hanya kerana perbezaan politik. Menjadi kewajipan kita membantu mereka. Kita akan menjadi sekutu Sultan Kilij Arslan bagi menghapuskan pasukan Salib!" Danishmend Gazi sudah membuat keputusan.

"Bagaimana sekiranya selepas kita membantu mereka, Sultan Kilij Arslan memerangi kita pula? Adakah perlu kita membuat satu perjanjian dengan beliau terlebih dahulu?" soal Komander Gabriel yang kurang berpuas hati dengan hasrat pemimpin itu.

"Tidak. Dinasti Seljuk dan Dinasti Danishmend berperang kerana hanya ingin menakluli wilayah Malatate sebagai tanah jajahan, tetapi kali ini isunya berbeza. Kita mahu mempertahankan wilayah ini daripada tentera Salib yang lebih besar pengaruhnya berbanding empayar Rom Byzantine. Sekiranya peperangan ini berlarutan, tidak mustahil seluruh Turki akan ditawan oleh tentera Salib yang sememangnya berniat memerangi Islam."

"Tetapi saya tidak bersetuju dengan rancangan, Tuan," bantah Komander Gabriel.

"Ini adalah keputusan muktamad saya!" katanya tegas. Tidak ada lagi yang berani mempersoalkan keputusan itu.

Selepas kejatuhan Kota Nicea ke tangan empayar Rom Byzantine, Danismends Gazi iaitu musuh Sultan Kilij Arslan memutuskan menjadi sekutu Sultan Seljuk itu bagi menghalang kemaraan tentera Salib. Namun, kedua-dua pemerintah itu tidak mengharapkan bantuan

daripada sahabat-sahabat Islam lain, yang sibuk dengan kemelut dalaman masing-masing.

Semangat Sultan Kilij Arslan kembali membara apabila mendapat persetujuan Hasan Cappadocia. Selain dari Danishmendids yang diketuai oleh Putera Turki Ghazi ibn Danishmend, beliau juga mendapat bantuan ketenteraan dari Parsi dan Albania Kaukasia. Mereka bergabung bagi menghalang kemaraan tentera Salib ke Asia Kecil.

Bantuan dari beberapa negara Islam lain benar-benar membuatkan kekuatannya kembali memuncak. Mereka mula merangka strategi. Sultan Kilij Arslan yang bertindak sebagai pemimpin utama tentera, menunjukkan lakaran posisi serangan yang bakal diambil.

"Jika diteliti taktik tentera Salib, mereka berperang dengan gaya klasik. Pada barisan pertama, diletakkan pasukan tentera pemanah, diikuti dengan tentera berjalan kaki, dan selanjutnya pasukan berkuda. Cara mereka berperang adalah dengan bertahan dengan serangan musuh. Sekiranya pasukan pemanah hampir tewas dan berundur, pasukan di belakangnya mulai menyerang maju. Ketika inilah para kesateria mereka mulai bertempur berhabis-habisan dengan musuh."

"Mereka juga ada kelemahan yang ketara," celah seorang daripada mereka.

"Apakah kelemahan itu?"

"Pasukan Salib terkenal dengan baju perangnya yang berat, dan membuatkan pergerakan mereka kurang lincah."

“Namun disebabkan baju berat itu juga mereka kuat dalam mempertahankan diri. Inilah antara punca pasukan kita gagal memukul mundur pasukan musuh.”

“Oleh itu, kita mesti aturkan satu serangan sehingga mereka tidak dapat bergerak,” cadang Sultan Kilij Arslan.

“Bila kita akan menyerang mereka?” Putera Ghazi ibn Danishmend bertanya tanda tidak sabar.

"Secepatnya. Selepas kejatuhan kota Nicea, beta yakin pasukan Salib akan menawan pula kota Antokiah," jawab Sultan Seljuk itu.

19
Perang Dorylaeum

Suasana dalam kem agak tegang. Perasaan marah, kecewa dan rasa dikhianati masih menebal dalam kalangan pemimpin Salib. Mereka duduk berbincang dan merancang tindakan seterusnya.

“Kota Antokiah adalah sasaran seterusnya, kerana terletak di laluan menuju ke Jerusalem. Kali ini, kita akan jadikan kota itu milik kita agar mudah mara ke wilayah seterusnya. Pastikan kita tidak ditipu lagi oleh Maharaja Alexius,” kata Bohemund yang masih berang dengan tindakan Maharaja Rom Byzantine itu. Beliau berasa kesal kerana telah bersumpah setia dengan maharaja itu, tetapi beliau tidak bersuara kerana bimbang akan menimbulkan permusuhan yang lebih teruk antara mereka.

"Adakah kita akan membawa Panglima Tatikios bersama-sama? Sejak dikhianati Maharaja Alexius, sukar bagi mempercayai panglima itu lagi, kerana tidak mustahil beliau juga terlibat dalam rancangan perampasan kota Nicea," kata Robert Normandy.

"Saya juga sependapat. Tetapi, tanpa Panglima Tatikios mustahil kita dapat meneruskan perjalanan ke sana. Selain bentuk muka bumi yang berbeza, kita juga tidak tahu cara menangani serangan tentera Turki Seljuk. Kita tiada pilihan selain membawanya bersama-sama kerana beliau lebih arif. Tetapi, pastikan gerak-gerinya sentiasa diperhati," kata Raymond Toulouse pula. Beliau juga tidak berpuas hati dengan perkara yang dilakukan oleh Maharaja Alexius I.

"Bila kita akan berangkat?" tanya Robert lagi.

"Esok. Kumpulkan makanan secukupnya dan bawa bekalan yang sepatutnya. Saya cadangkan kita berpecah kepada dua kumpulan," cadang Bohemund Toranto.

"Mengapa pula?"

"Sebagai tindakan berwaspada. Kedua-dua pasukan dipisahkan dengan jarak beberapa batu antara satu sama lain. Sekiranya diserang, pasukan kita akan sentiasa mendapat sokongan dan pertolongan." Semuanya mengangguk mendengar cadangan itu.

Jun, 1097 Masihi

Keesokan harinya, pasukan Salib berangkat meninggalkan kota Nicea. Disebabkan kesangsian mendalam terhadap kerajaan Rom Byzantine, pasukan itu meninggalkan kota Nicea dengan lebih awal dan meneruskan misi mereka menawan kota Antokiah.

Pasukan pertama yang lebih lemah berangkat terlebih dahulu. Pasukan yang diketuai oleh Bohemund itu mempunyai kira-kira 10 000 orang tentera, 500 daripadanya adalah golongan kesateria, 1 500 orang terdiri daripada tentera bersenjata, kira-kira 8 000 tentera berjalan kaki, dan 2 000 anggota pasukan berkuda. Tancred, Robert Curthose, Robert II Flanders, dan Panglima Tatikios berada di barisan hadapan pasukan itu.

Kemudian diikuti pasukan kedua yang diketuai oleh Godfrey Bouillon. Baldwin Boulogne, Raymond Toulouse, Stephen Blois, dan Hugh Vermandois berada di bahagian belakang.

Selain itu, terdapat juga sebilangan tentera Salib yang bersetuju menjadi tentera Rom Byzantine, dan berkhidmat membaik pulih bangunan yang rosak akibat pertempuran.

Pasukan gabungan Sultan Kilij Arslan pula terdiri daripada sekutunya Hasan Cappadocia, Danishmendids yang diketuai Putera Turki Ghazi ibn Danishmend, Parsi, dan Albania Kaukasia. Kesemua pasukan itu berjumlah 30,000 orang. Mereka terlebih dahulu berangkat ke sana sebelum kedatangan tentera Salib, dan merancang

melancarkan serangan hendap besar-besaran terhadap tentera Salib berhampiran Dorylaeum.

"Tempat ini sesuai. Dahulu Dataran Dorylaeum berada di bawah kekuasaan Rom Byzantine, tetapi berjaya dirampas selepas kekalahan mereka dalam Perang Mankizert. Semoga tempat ini memberi semangat kepada kita bagi menewaskan tentera Salib pula," ujar Sultan Kilij Arslan dengan bersemangat.

Jun, 1097 Masihi

"Wahai Tancred, adakah kamu sedar kita sedang diintip oleh tentera Seljuk?" tanya Bohemund. Beliau terasa seperti diekori dan terlihat bayang-bayang tentera musuh yang mengikuti mereka.

"Benarkah? Jadi, apa yang perlu kita lakukan?" Tancred terkejut.

"Kita buat seperti tidak ada apa-apa. Jangan biarkan mereka tahu kita menyedari kehadiran mereka. Lebih baik kita segera melepasi kawasan berbukit, takut kita diserang hendap," arah Bohemund. Tancred hanya bersetuju.

Sesudah melalui perjalanan panjang mereka singgah di sebuah kawasan padang rumput yang luas dan menghampar hijau, Dataran Dorylaeum. Tanah lapang itu terletak di utara Sungai Thymbres dan amat sesuai

bagi mendirikan kem. Dorylaeum juga merupakan sebuah bandar purba di Asia Kecil yang diambil oleh Turki Seljuk pada tahun 1071 Masihi.

Selepas berarak selama tiga hari, Bohemund memutuskan membina kem di situ kerana mudah mendapat sumber air dari sungai berdekatan. Walaupun dipisahkan dari pasukan Raymond Toulouse, dua pasukan Salib itu tetap kekal dalam jarak beberapa batu antara satu sama lain. Bohemund menugaskan beberapa orang tentera bagi mengawal kawasan itu, sebagai langkah berjaga-jaga. Beliau mengambil kesempatan dengan berehat secukupnya selepas melalui perjalanan yang melelahkan. Perjalanan sejauh 85 batu itu memakan masa selama empat hari.

Julai 1097 Masihi

Pada waktu subuh itu, usai menunaikan solat, pasukan bersekutu Turki bersiap sedia dan bergerak menghampiri kem musuh. Sementara itu, kem pasukan Salib kelihatan diterangi api jamung dan sekitar kem dikawal dengan ketat. Kerana bimbang akan perangkap dan taktik musuh, bersekutu Turki memerhati dan memastikan pasukan Salib yang lain tidak berada berhampiran. Selepas yakin keadaan terkawal, mereka mula melancar serangan dengan penuh berhati-hati.

Tiba-tiba kem yang tenang itu menjadi gempar. Anak panah, damak, dan lembing melayang mencari sasaran. Jeritan mula kedengaran. Pasukan bersekutu Turki mula

mengeluarkan bunyi siulan dan jeritan yang mereka gunakan ketika menyerang musuh. Bunyi suara itu kedengaran kejam dengan laungan pertempuran yang tidak henti-henti, seperti gendang yang dipalu. Subuh itu bakal menjadi satu mimpi ngeri!

Bohemund yang sedang lena terjaga apabila terdengar riuh-rendah di luar khemah. Beliau tahu mereka telah diserang musuh. Lantas beliau menyarung baju besi dan pedang yang sedia tersisip di tangan. Beliau segera keluar dan memacu kudanya.

"Pak cik, kita diserang!" teriak Tancred.

"Jangan bimbang. Pak cik akan lindungi kamu! Cepat kumpulkan semua kesateria kita!" perintah Bohemund.

Semua kesateria sudah berkumpul dan Bohemund melaung kata-kata pencetus semangat.

"Hari ini, sekiranya Tuhan mengkehendaki, kalian semua akan menjadi kaya!" kata Bohemund dengan lantang.

Bermula dari saat itu, kesateria Norman pantas bertindak balas menahan dan menangkis serangan mengejut itu. Bohemund memerintahkan para tenteranya mengangkut air dari sungai bagi memadam api yang membakar khemah. Beliau tidak mempunyai masa yang banyak bagi mengatur orang-orangnya, yang bingung dan masih keliru dengan situasi itu.

Tentera berbersekutu Turki mendapati barisan kesateria Salib lebih handal. Mereka lantas mengalih strategi dengan menyerang tentera berjalan kaki terlebih

dahulu. Kemudian perajurit Islam, yang digelar 'orang besi' dengan lengkap bersenjata meluru seperti peluru dan terus bertempur. Tentera Salib menjadi tidak keruan. Seterusnya, tentera berbersekutu Turki mengatur strategi, dengan menyerang menggunakan pasukan pemanah.

Pagi sudah mula terang tetapi pertempuran terus berlanjutan. Pertahanan kem pasukan Salib sudah rapuh. Tentera berkuda berbersekutu Turki mara merempuh ke dalam kem, lalu menyerang tentera berjalan kaki yang tidak dapat melarikan diri. Pasukan Salib keliru dan panik sehingga gagal membentuk formasi perang. Melihat situasi itu, Bohemund cuba melindungi mereka dengan mengarahkan para kesateria membentuk barisan pertahanan.

Melihat situasi itu, Bohemund pantas menghantar utusan bagi meminta bantuan daripada pasukan Salib di bahagian belakang. Tancred dan pemimpin Salib yang lain cuba mengekalkan tentera mereka, dan menghadapi serangan tentera berbersekutu Turki itu. Mereka sedaya upaya bertahan daripada anak panah yang tidak putus-putus jatuh seperti hujan.

Masa berlalu pantas, dalam masa sejam lebih daripada 2 000 tentera Salib menjadi mangsa anak panah. Kebanyakan mangsa adalah tentera berjalan kaki. Keadaan itu membuatkan pasukan Salib mula berundur ke arah tebing sungai.

Bohemund segera mengarahkan pasukan kesateria membentuk formasi bulatan yang besar dengan perisai. Pada masa yang sama melindungi pengikut-pengikutnya yang panik dengan serangan pemanah api tentera

berbersekutu Turki. Bohemund menempatkan wanita dan kanak-kanak di sepanjang tebing sungai yang dilindungi oleh tanah paya yang tinggi. Kawasan tebing sungai itu turut dilindungi oleh tentera Salib, tetapi tanah paya yang lembut menyukarkan kesateria berkuda terus bertahan. Mereka turun dari kuda dan membentuk bulatan sebagai perlindungan daripada tujahan anak panah.

Keadaan kem itu sungguh tragis. Bohemund dapat menyaksikan banyak tenteranya mati ditikam anak panah dan lembing. Darah tidak pernah berhenti memancut. Keadaan yang tergambar sungguh mengerikan. Tentera Salib sudah kehilangan semangat. Mereka seperti kambing biri-biri, mereka tidak dapat melarikan diri dan berasa tidak ada harapan lagi untuk hidup.

Pasukan tentera di bawah pimpinan Biskop Adhemar mara menuju ke Dorylaeum apabila mendapat berita itu. Setibanya di sana, semangat perjuangan mereka melonjak naik. Pasukan Salib disusun semula dan pertahanan dibina kembali. Biskop Adhemar memecahkan tenteranya kepada beberapa pasukan. Kini pasukan tentera yang dipimpin oleh Biskop Adhemar sudah bersiap sedia menyerang dari rusuk belakang.

Bohemund dan pasukannya pula mengambil kedudukan di bahagian hadapan. Apabila semua tentera Salib sudah bersedia dengan kedudukan masing-masing, pasukan pemanah Biskop Adhemar melancarkan serangan anak panah dari arah belakang tentera lawan. Tentera bersekutu Turki masih belum menyedari kehadiran pasukan bantuan itu. Tambahan pula mereka begitu sibuk menggempur musuh yang sudah kehilangan punca.

Hujan anak panah yang jatuh bertubi-tubi mengejutkan tentera bersekutu Turki. Suasana serta merta menjadi kucar-kacir. Jeritan Biskop Adhemar yang memerintahkan para tenteranya mengatur serangan jelas kedengaran. Pemanah kuda Sultan Kilij Arslan pula masih tidak mampu menembusi barisan pertahanan musuh mereka. Bahkan, pasukan Salib mula menggempur dari setiap sudut membuatkan pasukan bersekutu Turki tersepit.

Kemudian Biskop Adhemar menggempur formasi Turki Seljuk, dan berlaku pula pertempuran sengit di situ. Tentera bersekutu Turki kelam-kabut dengan serangan mengejut itu.

Melihat keadan itu, Sultan Kilij Arslan tahu sekiranya pertempuran itu diteruskan mereka akan ditimpa musibah. Lalu beliau mengambil keputusan berundur, "Perintahkan bala tentera kita berundur!"

Sebaik menerima perintah itu, bala tentera bersekutu Turki berundur dari medan perang. Mereka diarah berpecah mencari tempat berlindung supaya sukar dikejar tentera Salib.

Senja hampir berlabuh. Dataran Dorylaeum yang berbalam-balam sudah menjadi padang jarak padang terkukur. Timbunan mayat yang bergelimpangan menjadi permaidani menutupi permukaan tanah.

"Dosa-dosa tentera Salib menyebabkan kejayaan tentera bersekutu Turki pada awal pertempuran, tetapi apabila mereka mengakui berdosa dan berdoa, Tuhan telah mengembalikan kekuatan dan keberanian mereka untuk berhadapan dengan musuh," tutur Biskop Adhemar

sambil melihat dataran yang dilimpahi darah merah, dan timbunan mayat. Sementara tentera yang terselamat tersandar keletihan selepas bertempur sepanjang hari.

"Ini adalah satu mukjizat luar biasa yang dikirimkan Tuhan kepada kita. Sesungguhnya kita adalah tentera Tuhan!" ucap Raymond Toulouse penuh terharu. Beliau juga berkeyakinan ekspedisi mereka itu direstui Tuhan.

"Benar. Perjuangan ini nyata tidak sia-sia," ujar Godfrey Bouillon gembira.

Mereka juga percaya, kemenangan yang datang tiba-tiba itu adalah satu kejadian yang luar biasa. Peristiwa itu mengubah pandangan mereka berkaitan misi Perang Salib.

Sultan Kilij Arslan merengus. Kekecewaannya kian bertambah. Selepas kekalahan di kota Nicea, beliau sekali lagi kalah di Dorylaeum. Namun beliau masih belum berputus asa. Sambil mengadakan perbincangan kembali, wajahnya berkerut mencari jalan menghalang kemaraan tentera Salib.

"Apa lagi yang patut kita lakukan? Terus menunggu sehingga mereka menawan wilayah seterusnya ataupun kita bangkit semula membentuk pasukan baru?" tanya Hassan Cappadocia.

"Tuanku, mengikut perkiraan kami, pasukan Salib sedang menuju ke Antokiah. Kemaraan mereka mesti dihalang segera," kata panglima perang.

"Itu mustahil. Pasukan mereka cukup besar dan kita tidak boleh memandang rendah keupayaan mereka. Sudah ramai tentera kita terkorban dan mustahil dapat menentang mereka," balas Putera Turki Ghazi ibn Danishmend itu.

"Kita minta bantuan daripada wilayah kejiranan kita. Mereka mungkin membantu kita," cadang pemimpin Parsi.

"Beta sudah minta bantuan daripada mereka. Jawapan mereka tetap sama. Mereka enggan membantu," jawab Sultan Seljuk itu dengan nada mendatar.

"Jadi, apa rancangan Tuanku kali ini?" tanya mereka.

"Hanya ada satu jalan sahaja yang dapat menghalang kemaraan mereka."

"Bagaimana caranya?" tanya Sultan Seljuk itu

"Kita lancarkan Perang Bumi Hangus."

"Perang bumi hangus?!" Mereka terkejut.

"Perang bumi hangus adalah strategi terakhir yang bertujuan menghancurkan kemampuan bertempur pihak lawan dalam jangka masa panjang," kata Hassan Cappadocia lagi.

"Sekiranya kita bertindak demikian, seluruh wilayah kita akan musnah. Ia juga memberi kesan berpanjangan kepada rakyat jelata. Tindakan itu nanti membuatkan penduduk tempatan terpaksa menanggung penderitaan." bantah pemimpin lain.

"Benar, kata kalian. Tetapi ini sahaja satu-satunya cara yang ada. Ketika kerajaan Romawi diserang oleh pasukan Carthage di bawah pimpinan Hannibal Barca, Konsul Fabius menggunakan strategi bumi hangus. Fabius memusnahkan sumber daya logistik dan kemudahan asas, dengan membakar desa-desa dan ladang gandum yang dilalui pasukan Cartaghe. Strategi Fabius berjaya memaksa pasukan Cartaghe mundur."

"Tetapi… kami masih ragu-ragu".

"Seperti yang kita tahu, mereka tidak mempunyai bekalan yang mencukupi. Mereka memperolehi bekalan itu hasil rompakan dan rampasan daripada penduduk tempatan. Beta fikir, cara begitu dapat menyekat kemaraan mereka. Akhirnya mereka akan mengalah dan pulang ke tanah air mereka. Kita berusaha, selebihnya Allah yang menentukannya." Sultan Kilji Arslan cuba mempertahan cadangannya.

"Bagaimana sekiranya kita merancang serangan sekali lagi ke atas pasukan Salib?"

"Beta akui kekalahan pasukan kita cukup teruk. Beta tidak mahu lagi mengorbankan nyawa orang-orang kita. Tambahan pula, bilangan tentera yang ada tidak mampu menandingi pasukan dari Barat itu."

Sesudah berbincang dengan panjang lebar, akhirnya mereka bersetuju dengan cadangan Sultan Kilij Arslan. Mereka sedar, perjuangan itu kadang-kadang pahit apabila terpaksa mengorbankan kepentingan diri dan rakyat jelata. Seluruh tentera dikerah merosakkan logistik seperti jalan-jalan dan jambatan. Malah bekalan minuman dan ladang-ladang tanaman juga dibakar.

20
Edessa Ditakluk Baldwin

Meredah panas terik matahari memberi cabaran besar kepada pasukan tentera Salib. Keadaan mereka bertambah teruk apabila kekurangan bekalan makanan dan minuman. Hal ini kerana tentera Turki Seljuk sudah menghancurkan sumur-sumur, dan membakar ladang-ladang sepanjang jalan Asia kecil. Namun pasukan Salib tetap meneruskan perjalanan tanpa berundur walau seinci.

"Wahai Tuan Bohemund, keadaan tentera kita sangat kritikal. Sepanjang perjalanan kita tidak memperoleh sedikit pun makanan. Sultan Kilij Arslan melancarkan perang bumi hangus bagi membinasakan kita. Kini seluruh tentera kita sudah tidak berdaya dan lemah," lapor Richard Salerno.

“Bagaimana dengan bekalan makanan kita?” tanya Bohemund.

“Tidak mencukupi bagi menampung semua tentera kita. Apa yang harus dilakukan sekarang?”

“Tujuan Sultan Seljuk itu supaya kita mengalah, tetapi tidak semudah itu. Walaupun sukar, kita tetap akan teruskan perjalanan ke Antokiah," jawab Bohemund yang tetap bersemangat.

Kemudian beliau berpaling dan bertanya kepada Panglima Tatikios. “Berapa jauh lagi perjalanan kita ke kota Antokiah?”

“Sekiranya keadaan begini, mungkin mengambil masa selama sebulan. Sudah tentu tentera kita sukar bertahan,” jawab Panglima Tatikios.

Para pemimpin Salib sendiri tidak dapat berbuat apa-apa. Tetapi mereka sepakat meneruskan perjalanan itu.

“Wahai Tuanku, nampaknya usaha kita tidak berhasil. Pasukan Salib tidak mahu mengalah. Mereka terus menuju ke ke Iconium.”

Sultan Kilij Arslan merengus hampa. Usahanya melancarkan perang bumi hangus ternyata tidak berkesan.

“Saya cadangkan kita halang perjalanan mereka ketika mereka tiba di Heraclea. Saya fikir, kita masih sempat memintas mereka di sana. Dalam keadaan tentera Salib

yang kelaparan, mungkin kita mampu menghalang dan mengalahkan mereka." Jeneral itu memberi cadangan.

"Satu cadangan yang bagus. Buat persiapan segera. Kerahkan pasukan tentera kita di Heraclea bersiap sedia!" perintahnya tegas.

Ogos, 1098 Masihi

Hampir sebulan merentasi perjalanan panjang, akhirnya tentera Salib sampai di Iconium pada pertengahan bulan Ogos. Semasa di sana mereka mendapat bantuan makanan, tetapi masih tidak mencukupi. Kemudian mereka meneruskan perjalanan ke destinasi seterusnya.

Semasa tiba di Heraclea, tiba-tiba pasukan Salib diserang oleh tentera Turki Seljuk. Dalam keadaan tidak berdaya, tentera Salib masih terus bertahan. Pertempuran singkat itu dimenangi oleh pasukan Salib yang berjaya mengusir tentera Seljuk. Akibat pertempuran itu, ramai antara tentera Salib yang tercedera dan terbunuh sedangkan mereka tidak mempunyai bekalan ubat-ubatan.

Akibat pelbagai kesukaran dan desakan, semangat pasukan Salib seperti jatuh ke dalam gaung. Ada antara mereka berhasrat mahu pulang ke tanah air, dan meninggalkan perjuangan suci itu. Peter Si Pertapa dan Biskop Adhemar berusaha memulih dan mengembalikan semangat tentera mereka. Kedua-dua pendeta itu sering memberi motivasi kerohanian, membuatkan ramai tentera membatalkan hasrat mereka.

Berita kekalahan pasukan Turki Seljuk mengecewakan Sultan Kilij Arslan. Percaturannya sekali lagi tersilap. Beliau mengakui kekuatan tentera Salib, walaupun pasukan itu serba kekurangan namun semangat mereka cukup kental.

"Beta tidak akan berputus asa. Beta bersumpah demi Allah, sekiranya bukan hari ini, kelak beta akan tetap berusaha menghancurkan tentera Salib. Beta takkan mengalah. Sekiranya bukan beta yang membinasakan mereka, pasti akan ada utusan Allah lain yang akan menghancurkan mereka."

"Semoga termakbul doa Tuanku, akan datang pembela Islam yang diutuskan Allah bagi mengembalikan syiar Islam," sahut seorang pembesar dengan perasaan hiba.

"Beta akan terus berjuang selagi nyawa di kandung badan!" ujar Sultan Kilij Arslan bersemangat pahlawan, pantang kalah sebelum berjuang.

Pasukan Salib berhenti rehat di sebuah kawasan lapang. Mereka merompak dan merampas harta penduduk tempatan bagi mengisi perut. Tindakan mereka itu tidak dapat dihalang oleh para pemimpin tentera, kerana mereka juga terpaksa berbuat demikian.

Di situ juga, para pemimpin Salib sibuk berbincang mengenai laluan yang akan diambil bagi menuju ke

Antokiah, sambil melihat peta laluan yang dibentangkan oleh Panglima Tatikios. Panglima itu juga mencadangkan jalan yang patut mereka lalui. Tancred tidak bersetuju, masing-masing mempunyai pendapat sendiri tentang laluan yang bakal mereka ikuti.

Tancred yakin jalan yang dianjurkan oleh Panglima Tatikios adalah salah, dan mengagak laluan tersebut itu hanyalah perangkap. Namun, ramai dalam kalangan pemimpin Salib bersepakat mengikut laluan yang dicadangkan oleh Panglima Rom Byzantine itu.

"Saya bersetuju dengan Tancred," sokong Baldwin.

"Jadi, kamu mahu mengikuti Tancred?" tanya Godfrey Bouillon sambil memandang ke arah adiknya itu.

"Ya. Saya akan mengikuti laluan yang sama dengannya. Selepas kejadian di kota Nicea, saya tidak percaya dengan Panglima Tatikios lagi. Lebih-lebih lagi di sepanjang jalan, ladang-ladang sudah dibakar dan sumber air pula telah diracun. Dengan mengambil laluan lain, mungkin kita akan mendapat bekalan makanan dan minuman. Abang tidak mahu turut serta?" ajak Baldwin.

"Tidak. Abang akan mengikut haluan yang dicadangkan. Sekiranya kamu ingin mengikuti cara kamu sendiri, abang tidak akan menghalang," jawab Godfrey sambil menepuk bahu adiknya sebagai tanda bersetuju.

Februari 1098 Masihi

Keesokan harinya, Tancred dan beberapa bangsawan tentera Salib mendahului pasukan utama mengubah haluan menuju ke Antokiah. Baldwin bersama-sama pengikutnya mengikuti Tancred dari belakang.

Sementera itu, pasukan utama meneruskan perjalanan menuju Caesarea di wilayah Cilicia. Mereka sampai di kota itu pada akhir September tanpa sebarang masalah. Seterusnya mereka melanjutkan pula perjalanan ke Marash pada awal Oktober.

Cuaca benar-benar mencemburui perjalanan pasukan Salib, apabila musim sejuk tiba. Ia memberi cabaran yang bukan sedikit. Dalam kesejukan, mereka terpaksa meredah salji dengan keadaan serba kekurangan. Tentera Salib yang berkaki ayam terpaksa membalut kaki mereka dengan kulit kayu. Dalam perjalanan itu juga, isteri Baldwin jatuh sakit, lalu meninggal dunia. Disebabkan itu Baldwin menangguh perjalanan buat sementara waktu.

Namun, Tancred tetap meneruskan usaha menuju ke kota seterusnya. Sepanjang perjalanan, penduduk tempatan yang terdiri daripada orang-orang Armenia dan Jacobite menerima kehadiran tentera Salib dengan baik.

Kemudian Tancred dan para pengikutnya menuju ke Kota Tarsus yang dikawal oleh orang Turki. Di situ berlaku pertempuran kecil tetapi dapat di atasi oleh pasukan Tancred. Tancred kemudiannya sampai di Edessa lebih awal. Ketibaan mereka dikota itu juga dialu-alukan

oleh penduduk tempatan yang terdiri daripada orang Yunani dan Armenia.

"Edessa sebuah kota yang dapat kita tawan. Penduduk di sini menyambut baik kedatangan kita. Lagi pula saya mendapat maklumat yang berguna," kata seorang pengikutnya.

Tancred tertarik lalu bertanya, "Apakah maklumat yang kamu dapat?"

"Majoriti penduduk Kota Edessa adalah orang Armenia. Mereka bermusuhan dengan penguasa kota yang bernama Toros dan berbangsa Yunani. Mungkin faktor ini memudahkan kita menakluk kota ini. Selain menawan Tanah Suci kita juga dapat mengembangkan pengaruh."

"Benar kata kamu itu. Mereka juga bersahabat dengan kita. Itu satu cadangan yang baik." Tancred bersetuju untuk menawan kota itu.

Edessa, kota yang tenang itu menyambut kedatangan Tancred bersama-sama pasukan Salib yang besar. Toros, penguasa kota Edessa turut menyambut kedatangan mereka dengan tangan terbuka. Hubungan yang terjalin itu membuatkan Toros turut menyenangi pemimpin muda itu.

Belum lama Tancred menguasai kota itu, Baldwin tiba dengan jumlah tentera yang lebih besar. Dalam pada itu, kehadiran Baldwin disenangi penguasa dan

juga penduduk kota. Bahkan beliau turut melibatkan diri dalam politik Armenia, sehinggakan bersedia menjadi pahlawan bagi orang-orang Armenia. Timbul rasa kecewa di hati Tancred.

"Nampaknya Baldwin lebih dipandang tinggi oleh penduduk kota dan juga penguasa Toros. Beliau telah diangkat sebagai pahlawan kota. Jadi, sukarlah kita menawan kota ini," lapor seorang panglima tentera kepada Tancred.

"Benar. Mungkin Baldwin mahu menakluk kota ini bagi dijadikan kota pertama negeri Salib. Beliau mempunyai bilangan tentera yang cukup besar, dan dapat menawan kota ini dengan mudah. Sukar bagi saya menandinginya," balas Tancred sambil mengusap dagunya.

"Jadi, apa perancangan Tuan yang seterusnya? Adakah kita akan terus berada di sini?" tanya seorang bangsawan.

"Mustahil untuk saya mendapatkan kepercayaan di kota ini, kerana mereka lebih menyanjungi Baldwin. Jadi saya berpendapat, lebih baik kita tinggalkan kota ini dan bergabung kembali dengan pasukan utama, dan meneruskan misi utama kita," putus Tancred. Semua para bangsawan dan kesateria bersetuju.

Tancred bersama-sama pasukannya berangkat meninggalkan kota Edessa, lantas memberi peluang besar kepada Baldwin yang melihat situasi itu dengan lapang dada. Keterampilannya yang lebih menonjol memudahkan beliau memenangi hati penduduk tempatan. Dengan peluang itu, timbul keinginannya bagi menawan kota itu.

“Sekarang Tancred bukan lagi ancaman kepada Tuan. Pemergiannya memudahkan tuan mendapatkan kota ini tanpa persaingan,” kata pengikutnya.

“Nampaknya penguasa Toros dan penduduk tempatan menyenangi saya, jadi mudah bagi saya menempatkan diri dalam kalangan mereka. Lagi pula Toros dan orang Armenia tidak sebulu. Jelas penguasa itu tidak disenangi ramai.”

“Adakah Tuan akan mengambil peluang ini bagi menawan Edessa bersendirian?”

“Selepas kematian isteri saya, saya tidak berhasrat hendak pulang ke Eropah lagi. Di sana saya sudah tidak punya sesiapa. Disebabkan itu, saya berhasrat mengembangkan pengaruh di sini, dan ini adalah pembuka jalan kepada saya bagi menjadi seorang penakluk,” katanya dengan tegas dan yakin.

Baldwin datang menghadap Toros. Kedatangannya disambut mesra. Banyak perkara yang dibualkan.

“Saya tahu, pasukan Kerbogha pimpinan Mosul akan datang membantu mempertahankan kota Antokiah sekiranya ditawan tentera Salib. Dalam perjalanan ke Antokiah pasti mereka melalui Edessa. Oleh itu, saya berpendapat lebih baik kita hancurkan mereka terlebih dahulu,” kata Toros.

“Sejauh mana kekuatan pasukan Kerbogha? Sehingga kita mesti menghancurkan mereka,” tanya Baldwin sambil menghirup segelas minuman.

“Kerbogha terkenal sebagai pahlawan bagiIslam yang handal dan amat digeruni empayar Rom Byzantine.

Kekuatannya cukup untuk menghancurkan pasukan Salib," jawab Toros.

Baldwin tersenyum sumbing. "Saya akan menunjukkan kekuatan pasukan Salib sehingga mereka dibinasakan dengan mudah."

Toros ketawa besar lalu berkata, "Sebab itu saya menyenangi kamu. Kamu kesateria sejati. Tidak gentar. Saya yakin kita mampu menghancurkan mereka dengan mudah ketika dalam perjalanan ke Antokiah nanti."

Katanya lagi kepada Baldwin, "Saya sudah memikirkan semasak-masaknya. Saya mahu kamu menjadi anak saya. Tetapi dengan satu syarat."

Baldwin terkejut dengan tawaran itu. "Apa syaratnya?"

"Syaratnya, sekiranya kamu bersedia membantu saya mempertahankan kedudukan saya di Edessa. Saya akan serahkan segalanya kepada kamu."

"Sebenarnya, saya tidak disenangi oleh ramai penduduk kota ini. Jadi, dengan adanya kamu, hubungan yang tidak rapat dapat disatukan. Hal ini kerana kamu juga disenangi mereka," sambung penguasa itu lagi

Tanpa berfikir panjang, Baldwin bersetuju dan menerima tawaran itu. Beliau mula tinggal di Edessa bersama-sama tujuh orang kesateria yang sudi mengikutinya. Kebanyakan para kesateria Salib itu tidak bergabung dengan Baldwin kerana mahu meneruskan perjalanan menuju ke Tanah Suci.

Malam itu, beberapa pembesar Armenia datang bertemu dengan Baldwin. Para pembesar itu menyatakan

permintaan besar mereka. Baldwin sedikit terpempan apabila mendengarkannya.

"Kenapa saya pula dipilih? Apa kelebihan saya?" tanya Baldwin.

"Wahai kesateria Salib yang gagah perkasa, kami tidak mahu lagi hidup dibawah kuasa Toros. Sebelum ini, kami tidak berupaya menggulingkannya kerana tidak ada orang yang berkemampuan dan berani menandinginya. Kini Tuan sudah mendapat kepercayaan Toros, dan ini memudahkan rancangan bagi menjatuhkan dia daripada takhta," kata pembesar Armenia separuh umur itu.

Baldwin diam. Tidak ada kata-kata jaminan keluar dari mulutnya. Beliau sendiri masih ragu-ragu. Tetapi sekiranya benar, rancangan itu akan menjadi batu loncatan kepada dirinya bagi menguasai kota itu dengan mudah.

Kemudian seorang daripada mereka mencelah apabila melihat Baldwin masih ragu-ragu. "Tuan jangan bimbang. Sekiranya Tuan bersetuju, kami sudah bersepakat melantik Tuan menjadi penguasa kota. Kami menyokong pasukan Salib dan bersedia membantu Tuan menawan kota-kota pemerintahan Islam."

"Beri masa kepada saya untuk memikirkannya," pinta Baldwin.

Sementara itu, semasa dalam perjalanan bagi bergabung dengan pasukan utama, Tancred bersama-sama pasukannya terlibat dalam pertempuran singkat di Mamistra. Namun, persengketaan itu berakhir dengan perdamaian, kerana pasukan itu sedar mereka

tidak akan mendapat kedudukan penting di Cilicia. Hal itu menjadi bukti, terdapat dalam kalangan anggota pasukan Salib yang tertarik dan berniat menguasi kawasan di Timur melalui peperangan ini.

Sebulan telah berlalu, Baldwin sudah bersiap sedia. Beliau menerima cadangan dan tawaran pembesar Armenia itu dengan hati terbuka. Baldwin dan orang-orang Armenia bersepakat menjatuhkan Toros, seterusnya mengangkat Baldwin sebagai pemegang tahta. Mereka mengatur beberapa rancangan sebelum memulakan serangan.

Mac, 1098 Masihi

Istana yang aman menjadi gempar dengan tiba-tiba. Orang Armenia dan Jacobite yang bersenjata, menyerang istana dan berlaku pertempuran sengit dengan tentera Toros. Pertempuran itu berlarutan sehingga tentera Toros terpaksa melarikan diri. Sementara itu, di istananya Toros mundar-mandir. Beliau benar-benar gelisah. Orang-orang Armenia sudah ramai menguasai kediamannya itu.

"Wahai Tuan penguasa, kita perlu beredar segera. Mereka sudah memenuhi ruang istana," kata pembesar dengan cemas.

"Baldwin akan datang membantu saya," kata Toros. Yakin.

"Dia sudah berpaling tadah! Bahkan dia bersama-sama orang Armenia bersepakat menentang Tuan."

"Mustahil!" jerkah Toros yang terlalu berang.

"Benar Tuan. Baldwin yang merancang semua ini. Dia mahu menguasai kota ini daripada Tuan."

"Tetapi dia sudah berjanji mahu membantu saya." Toros masih enggan mempercayai kebenaran itu.

"Baldwin hanya mahu mendapat kepercayaan Tuan sebelum menggulingkan Tuan daripada takhta."

Toros terduduk dan masih tidak mahu berganjak. Sementara itu, para pembesar sudah meninggalkan Toros dan seluruh istana dikepung oleh orang Armenia. Toros mengurung diri dI Dalam biliknya. Tetapi pintu bilik yang dikunci itu berjaya dirempuh dan dia berhadapan dengan sekumpulan orang Armenia yang lengkap bersenjata. Toros cuba melarikan diri melalui jendela, namun dapat ditangkap lalu dibunuh.

Timbul juga rasa penyesalan dibenak Baldwin, namun, beliau tetap berpuas hati kerana bakal dilantik sebagai pengganti Toros. Cita-cita dan impiannya sudah tercapai.

Tiga hari selepas kejadian itu, Baldwin Boulougne dengan rasmi dilantik menjadi penguasa Edessa. Pertabalan itu juga menjadikan Edessa sebagai negara pertama pasukan Salib. Ia dianggap sebagai permulaan yang membawa kebaikan sehingga diadakan pesta bagi meraikan pelantikan itu. Suasana begitu meriah dengan penduduk kota yang bersuka ria. Baldwin duduk di

singgahsana dengan makhota yang terletak megah di kepalanya. Ketika itu juga, para bangsawan dan para kesateria datang menghadap.

"Kami minta maaf kerana tidak dapat bersama-sama dengan Tuan disini. Kami tetap akan melaksanakan tujuan asal dengan meneruskan perjalanan ke Tanah Suci," beritahu seorang kesateria.

Wajah Baldwin bertukar keruh sebaik mendengar hajat para pengikutnya itu. Kemudian beliau berkata, "Sekiranya itu yang kalian mahukan, saya tidak dapat menghalang. Saya juga sudah membuat keputusan bagi mentadbir dan menetap di Edessa, malah tidak berhajat bergabung semula dengan pasukan utama bagi menawan Jerusalem. Sampaikan salam kepada saudara-saudara saya. Katakan kepada mereka, saya sedia membantu sekiranya mereka memerlukan bantuan," kata Baldwin kepada pengikutnya. Baldwin tidak dapat menghalang beberapa orang bangsawan dan kesaterianya, meneruskan tujuan utama mereka menawan Tanah Suci Baitulmuqaddis.

21
Mara Ke Kota Antokiah

"Tentera Salib dalam perjalanan ke Antokiah? Berapakah bilangan mereka?" tanya gabenor Yashigan, dia cuba bertenang.

"Belum pernah saya melihat bala tentera seramai ini, tidak terhitung jumlahnya. Kota Nicea sudah ditawan. Apakah tindakan kita, Tuan? Perlukah kita serang mereka?" tanya jeneral, bimbang.

"Ayah, sebelum mereka mara ke kota ini, ada baiknya kita serang mereka terlebih dahulu," cadang anaknya, Shams ad-Dawla.

"Jangan," bantah gabenor itu. "Misi mereka menuju ke Baitulmuqaddis, dan Antokiah berada di laluan itu. Jadi, kota ini juga akan ditawan. Walaupun kota ini

cukup teguh tetapi kekuatan kita tidak setanding dengan mereka. Saya akan dapatkan bantuan daripada Duqaq bagi membantu kita mengusir pasukan Salib," ujarnya. Berbanding Sultan Kilij Arslan, Gabenor Yashigan mempunyai hubungan yang lebih baik dengan beberapa pemimpin wilayah Islam.

"Sebagai tindakan berjaga-jaga, saya mahu orang Yunani dan Armenia yang beragama Kristian diusir keluar dari kota ini. Arahkan juga Paderi Patriak Ortodoks dipenjara, dan John Oxite pula diusir dengan segera." Gabenor itu memberi arahan.

"Mengapa pula? Selama ini kita hidup aman damai tidak kira agama," tanya pembesar. Hairan.

"Dalam situasi ini, saya tidak mempercayai mereka. Tidak mustahil ada antara mereka yang menjadi tali barut tentera Salib bagi membantu menawan kota ini. Perintahkan semua penduduk kota bersiap sedia menyimpan bekalan makanan," perintahnya tegas. Semua arahan gabenor itu segera dilaksanakan. Walaupun di bawah pentadbiran Islam, majoriti penduduk Antokiah adalah beragama Kristian.

Gabenor Yashigan turut memerintahkan seluruh tenteranya mengawal sekeliling kota dengan bersenjata lengkap. Walaupun kota itu dibina dengan kukuh, tetapi itu bukanlah penentu kota itu kebal.

Kabus nipis kelihatan menutupi bahagian puncak gunung, dan ditengah-tengahnya kota Antokiah berdiri kukuh di lereng-lereng lembah Orontes. Pemandangan yang cukup mempesonakan. Tidak ada kota yang mampu menandingi keindahan kota Antokiah.

Keluasannya meliputi lebih daripada 3.5 batu persegi, dan dikelilingi dinding dengan 400 buah menara. Sebatang sungai mengalir di sepanjang dinding utara bandar itu, sebelum memasuki Antokiah dari barat laut dan keluar ke timur.

Gunung Silpius menjadi benteng, dan merupakan puncak tertinggi di Antiokiah. Sebahagian kubu kota Antokiah dibina daripada gunung Silpius ini. Kota Antokiah pernah berada dibawah pemerintahan Maharaja Justinian I pada abad ke-6. Kota Antokiah juga bertukar tangan daripada kekuasaan empayar Rom Byzantine, kepada jajahan pasukan Islam hasil daripada pengkhianatan, bukannya disebabkan kelemahan pertahanan.

Yashigan memerhati penduduk-penduduk Kristian Ortodoks meninggalkan kota dengan kawalan para tentera. Selama ini, beliau seorang yang bertolenrasi dengan penduduk Kristian, namun sikap itu berubah apabila mengetahui kehadiran tentera Salib ke kota itu. Orang Islam, Arab, Turcopolitans, Syria, Armenia serta beberapa kaum lain yang beragama Islam bersatu hati, dan berganding bahu mempertahankan kota itu.

Bahkan bantuan ketenteraan yang dimintanya daripada kerajaan Islam lain seperti Toghtekin, Kerbogha, Khalifah Baghdad, Parsi, serta laksamana dari Homs telah diterima. Yashigan gembira dan kembali bersemangat mempertahankan kota itu.

Duqaq dan Ridwan adalah anak kepada Tutush. Selepas kemangkatan Tutush pada tahun 1095 Masihi, kedua-dua anaknya saling bersaing bagi menguasai

Aleppo dan Damsyik. Yashigan tidak berpihak kepada Ridwan kerana tidak menyukai Janah ad-Dawla, dan sebaliknya beliau bersekutu dengan Duqaq.

Gabenor Yashigan dan Ilghaz iaitu gabenor Baitulmuqaddis, pernah menyertai pasukan perikatan bersama-sama Duqaq menentang Ridwan semasa mendapatkan kota Aleppo. Ridwan dan sekutu-sekutunya menyerang wilayah Yashigan dan Damsyik, tetapi berjaya ditewaskan oleh Duqaq dan Ilghazi yang datang membantu Antokiah.

Pada tahun 1097 Masihi pula, berlaku pertelagahan antara Ridwan dengan Janah ad-Dawla, tetapi Yashigan bersedia menjalankan hubungan baik dengan Ridwan. Bagi mengeratkan hubungan itu, Yashigan mengahwinkan anak perempuannya dengan Ridwan. Mereka merancang mahu menyerang Shaizar, namun rancangan itu dibubarkan apabila mendapat berita berkenaan kedatangan tentera Salib.

Oktober, 1097 Masihi

Selepas meredah perjalanan panjang dalam musim sejuk, tentera Salib semakin mendekati wilayah Antokiah. Dari jauh kelihatan sayup-sayup kota Antokiah. Sesekali mereka terpegun melihat kehebatan kota yang tampak luar biasa itu. Mereka mulai akur dengan kesukaran yang tidak terjangka ketika menawan kota itu nanti.

Hari itu, pasukan Salib tiba di luar bandar Antokiah. Di luar kota itu terdapat sebuah jambatan yang merentasi

Sungai Orontes sejauh 12 batu. Robert II Flanders dan Biskop Adhemar mendahului barisan hadapan merentasi jambatan itu, dan membuka laluan kepada bala tentera mereka bagi terus mara. Selepas itu, pasukan itu bersama-sama Robert Normandy, Stephen II Blois, dan Raymond Toulouse mengambil kedudukan di luar Gate Dog di lereng Orontes bagi menembusi pertahanan kota itu.

Bohemund pula mengambil barisan hadapan di selatan tebing sungai, lalu menuju ke kota Antokiah. Mereka dengan mudah menakluki dua menara penjaga kota dan bergerak maju ke dinding kota. Kemudian tentera Salib yang dibahagikan kepada beberapa kumpulan, ditugaskan oleh Bohemund berkhemah di luar Gate Saint Paul yang berhampiran sudut utara tembok kota.

Bahagian barat pula dikawal oleh Hugh. Selain itu, Godfrey Bouillon pula ditempatkan di Gate Duke di barat laut tembok kota. Saat itu bermulalah episod pengepungan terhadap kota Antokiah. Namun kota itu masih kekal di bawah kawalan Yashigan.

Dalam suasana yang lengang itu hanya terdengar desiran tiupan angin. Burung-burung yang terbang berlegar di langit Antokiah seakan-akan mengkhabarkan berita yang bakal melanda penghuninya. Pada masa yang sama, pasukan Salib berusaha mengatur rancangan dengan teliti supaya pengepungan tersebut tidak memakan masa yang panjang.

“Kota itu kelihatan kukuh sekali. Mustahil dapat kita dekati buat masa ini. Selagi kita tidak berjaya memasuki kota itu, kita akan terus mengepung sehingga

bekalan makanan dan air minuman mereka habis," kata Bohemund sambil memandang ke arah kota yang tersergam teguh itu.

"Sekiranya kota ini berjaya ditawan, siapa pula yang akan memerintah kota ini? Adakah akan diserahkan kepada kerajaan Rom Byzantine? Seperti ikrar taat setia kepada Maharaja Alexius." Persoalan itu mula dibangkitkan.

"Tidak!" jawab Bohemund bingkas.

"Mengapa pula?" tanya Raymond Toulouse.

"Mereka mengkhianati kita. Jadi ini bukan masanya kita memegang kepada janji lagi. Biar pemerintah Antokiah yang tentukan." Ramai bersetuju dengan Bohemund.

"Saya tidak setuju," bantah Raymond tegas. "Kita mesti berpegang pada ikrar taat setia terhadap Maharaja Alexius. Kita datang ke sini bagi membantu mereka memerangi Turki Seljuk."

Berlaku perbalahan antara Bohemund dan Raymond Toulouse. Mereka tetap berkeras menegakkan pendapat masing-masing. Bohemund tahu pemimpin dari Perancis itu adalah sekutu Maharaja Rom Byzantine. Pemimpin-pemimpin lain menjadi serba-salah.

Walaupun terdapat perselisihan antara para pemimpin Salib, Kota Antokiah terus dikepung siang dan malam. Kota itu mempunyai enam pintu, tiga di dinding utara dan satu pada setiap pintu selatan, timur, dan barat.

"Ternyata kota ini sukar sekali ditawan. Kedudukan geografinya begitu strategik. Terdapat gunung-gunung yang mengelilinginya di sebelah utara dan timur, dan ada sungai juga yang membatasinya. Jadi saya mahu mencadangkan satu taktik berkesan yang pernah digunakan oleh tentera Rom Byzantine." Panglima Tatikios meluahkan cadangannya.

"Perjelaskan cadangan Panglima, kami mahu dengar."

"Di luar kota ini terdapat sebuah bukit, iaitu Bukit Gaston yang terletak di atas puncak berbatu, dengan cerun curam dan lembah terpencil. Itu merupakan satu-satunya jalan strategik ke kota Antokiah. Selain itu, kawasan itu juga berdekatan dengan bahagian selatan laluan Belen, yang turut dikenali sebagai 'Syrian Gates' dan melalui pergunungan Nur. Kedudukannya penting kerana mengawal laluan dari Antokiah sehingga ke pantai. Melalui pantai ini, kita akan mendapat bantuan yang dihantar melalui jalan laut," terang Panglima Tatikios sambil menunjukkan lakaran peta yang ada ditangannya. Tetapi para pemimpin Salib tidak menyambut baik cadangannya itu. Mereka berpendapat cadangan panglima itu hanyalah satu muslihat.

Kemudian, para pemimpin Salib duduk berbincang tanpa melibatkan Panglima Tatikios.

"Satu caranya adalah dengan menyekat jalan-jalan yang menghubungkan kota itu dengan dunia luar." Bohemund memberi cadangan.

"Terangkan cadangan saudara itu," pinta Roberts II Flanders.

"Begini, satu pasukan akan bersiap sedia di Baghras kira-kira 12 batu jauhnya, dan dari sana adakan sekatan jalan. Manakala pasukan lain pula akan terus menyerang kota itu." Mereka semua bersetuju.

Raymond Toulouse dan pasukannya bersendirian menyerang kota Antokiah. Tetapi rancangan mereka ternyata gagal.

Dalam dua minggu pertama pengepungan, tentera Salib dapat menawan kawasan sekitarnya. Tetapi pasukan penyerang memilih mempertahankan tembok kota dan menyukarkan pihak musuh melancarkan serangan.

Masalah paling besar yang dihadapi oleh pasukan Salib, adalah mereka sentiasa terdedah kepada serangan pasukan pangawal kota. Pasukan Salib juga sering dihujani peluru api yang dilontar oleh tentera Antokiah.

Pasukan Salib yang ditugaskan mencari makanan juga kerap diserang, dan menyukarkan pasukan Salib mendapatkan bekalan. Kesempatan itu juga diambil Yashigan dengan menghantar pasukannya ke jambatan bagi menyerang dan menjatuhkan tentera Salib. Namun usaha itu masih tidak berhasil.

Biskop Adhemar dan Raymond Toulouse memutuskan bagi membina kem berhampiran dengan jambatan itu. Mereka juga tidak henti-henti memusnahkan jambatan itu menggunakan tukul, tetapi usaha tersebut sia-sia kerana binaan strukturnya yang sangat kukuh.

Memandangkan usaha meroboh jambatan gagal, pasukan Salib menjadikan jambatan itu sebagai tempat perlindungan daripada serangan pertahanan kota.

Namun tentera Turki Sortied berjaya menghalau mereka. Tidak lama kemudian, tiga menara pengepungan dibina bertentangan dengan Gate Dog. Seterusnya, tentera Salib berjaya membuat sekatan bagi menghalang serangan tentera Turki Sortied di atas jambatan itu.

November, 1098 Masihi

Sebanyak 13 buah kapal dari Genoa tiba di Perlabuhan St. Symeon di Pantai Mediterranean, yang jauhnya sembilan batu dari kota Antokiah. Pelabuhan itu dipilih menjadi tempat pemunggahan barang bagi membekalkan bantuan kepada tentera Salib. Laluan dari Antokiah ke St. Symeon berdekatan dengan tembok kota.

Pasukan Bohemund membina satu pertahanan di luar Gate St. Paul, di dinding Antokiah Timur Laut sebagai perlindungan daripada serangan pertahanan kota.

Dikenali sebagai 'Malregard', kubu itu dibina di atas bukit dan terdiri daripada benteng tanah. Pertahanan pasukan Salib diperkukuhkan lagi oleh Tancred dan para tenteranya yang mendirikan khemah di sebelah barat.

Hampir dua bulan mengepung kota Antokiah, masih belum ada tanda-tanda pasukan Salib akan menyerah kalah. Sedangkan ketika itu, bekalan makanan sudah hampir habis, ditambah dengan ketibaan musim sejuk. Pembela kota Antokiah pula sering melancarkan

serangan dari dalam kota, sekali lagi situasi menjadi mimpi ngeri kepada tentera Salib.

Sekali lagi pasukan Salib dilanda ujian apabila Godfrey Bouillon jatuh sakit dan hanya terbaring lemah. Mereka juga dilanda kebuluran. Walaupun terdapat penduduk Kristian tempatan yang menjual makanan kepada mereka, tetapi harganya terlalu tinggi. Ia langsung tidak dapat menampung keperluan puluhan ribu tentera Salib. Sekiranya keadaan terus berlarutan pasti ramai yang mati kelaparan.

Sementara itu suasana di dalam kota tenang, dan penghuninya menjalankan aktiviti harian seperti biasa.

"Sahih maklumat yang kamu terima ini?" tanya Yashigan kepada perisiknya.

"Ya, tuan Gabenor. Terdapat perselisihan dalam kalangan pemimpin Salib. Raymond Toulouse dan Bohemund Taranto bersaing bagi merebut kota ini."

Yashigan mengucap-usap dagunya lalu berkata, "Nampaknya mereka tidak bekerjasama antara satu sama lain. Mungkin perselisihan antara mereka memberi peluang baik kepada kita."

"Ayah, sudah hampir dua bulan kota ini dikepung. Tidak adakah cara untuk kita keluar daripada kepungan ini?" tanya Shams ad-Daulah, gundah.

"Tentera bantuan menggunakan strategi pengepungan supaya tentera Salib tidak mendapat bekalan makanan dari luar. Mereka kehabisan makanan dan keadaan bertambah teruk dalam musim sejuk ini. Perbanyakan

serangan ke atas kubu-kubu mereka diluar kota," arah gabenor itu lagi.

"Mereka hanya mampu menyerang dinding kota sahaja. Nampaknya mereka tidak mempunyai kelengkapan perang bagi mengasak pertahanan kita," kata Shams ad-Dawla lagi.

Disember, 1098 Masihi

Cuaca dingin tidak terkata. Bekalan makanan sudah habis. Lalu Bohemund dan Robert II Flanders, bersama-sama dengan hampir 20 000 orang tentera keluar mencari bekalan makanan di hulu Sungai Orontes. Mereka merampas barangan daripada penduduk tempatan.

Yashigan menerima laporan berkenaan tindakan Bohumend dan para tenteranya. Itulah saat-saat yang dinanti-nantikannya. Ketiadaan pasukan itu memberi kelebihan kepada gabenor itu bagi mengusir pasukan Salib yang berada di luar kota. Lantas beliau merancang menyerang kem Raymond Toulouse. Beliau menunggu sehingga malam menjelang sebelum menyerang musuhnya itu secara mengejut.

Tidak ada cahaya bulan menemani malam itu. Kedinginannya masih tidak berkurang. Kem Raymond Toulouse yang berada di seberang sungai kelihatan tenang. Pasukan pertahanan Antokiah, keluar dari kota bagi melancarkan serangan ke atas kem pasukan Salib yang terletak di barat daya kota.

Serangan anak panah yang bertubi-tubi mengejutkan ribuan tentera dari Barat itu. Raymond Toulouse yang menyedari serangan itu tidak berlengah lagi. Mereka membalas serangan.

Dalam pertarungan itu, pertahanan tentera Salib hampir lumpuh tetapi Raymond Toulouse kembali bangkit dengan mengatur serangan. Beliau hampir berjaya dan mengejar tentera Antokiah sehingga ke jambatan yang menjadi pintu masuk kota.

Seterusanya, sebahagian pasukan Raymond Toulouse berjaya masuk ke dalam kota. Tanpa diduga, seorang kesateria berkuda terjatuh dan kudanya berlari meninggalkan kota. Situasi itu membuat pasukan Raymond yang berada di bahagian belakang menjadi bingung dan terkeliru. Mereka memutuskan berundur kembali. Akibat serangan mengejut Gabenor Yashigan, kota itu hampir ditawan oleh pasukan Salib.

31 Disember, 1098 Masihi

Pasukan bantuan, tentera Duqaq berada di Shaizar dan sedang menuju ke Antokiah. Duqaq mendapat maklumat yang tentera Salib berada berdekatan, dan itulah peluang yang ditunggu-tunggunya.

Pagi akhir tahun itu cuaca masih buruk. Pasukan Duqaq berarak ke arah tentera Bohemund Toranto dan Robert II Flanders, lalu dua pasukan itu bertembung di Kampung Albara. Pasukan Robert II Flanders yang berada di hadapan terus-menerus diserang, ramai tentera Salib tertewas.

Bohemund segera datang membantu dengan satu strategi. Beliau sengaja menunggu pasukan Duqaq itu berkumpul kembali sebelum menyerang. Dalam serangan itu, ramai tentera Duqaq terkorban, dan pasukan Salib kembali memperoleh kemenangan walaupun turut kehilangan banyak tentera.

Bohemund mengambil keputusan bagi kembali ke Antokiah tanpa bekalan makanan. Hari itu turut berlaku gempa bumi. Keadaan tidak begitu teruk tetapi sudah cukup menggerunkan mereka.

Suasana tegang. Tiada yang bersuara. Yashigan juga buntu. Kekalahan Duqaq tidak dijangka sama sekali. Sekejap beliau duduk, sekejap beliau berjalan mundar-mandir di hadapan singgahsananya. Dia tahu yang tentera Salib tidak akan mudah mengalah, dan beliau sendiri tidak yakin dengan pertahanan kotanya itu.

"Kita minta bantuan daripada Ridwan pula," cadang seorang pembesar tua.

"Tetapi... mahukah beliau membantu kita? Sedangkan hubungan sebelum ini tidak begitu baik," kata pembesar yang lain pula.

"Kita mesti cuba minta bantuan daripada mereka. Masakan kita mahu berdiam diri saja?" desak pembesar tua itu tegas.

"Baiklah. Saya akan memohon bantuan daripada Ridwan," kata Yashigan. Beliau tidak ada pilihan lain.

22
Masih Dalam Kepungan

Sambil berdoa, Biskop Adhemar memandang ke luar khemah dan memerhati hujan mencurah-curah. Selepas gempa bumi, hujan tanpa henti itu memburukan musim sejuk. Hati biskop itu tidak senang. Sudah berminggu-minggu hujan turun tanpa henti. Timbul dalam benaknya, sama ada kejadian gempa bumi yang baru berlaku itu juga petanda Tuhan tidak lagi berpihak kepada mereka. Pasukan Salib menderita kerana berada dalam keadaan basah, lapar, dan kecewa. Unggun api bagi memanaskan tubuh pula tidak dapat dinyalakan, kerana semua bahan api juga basah. Ramai tentera yang jatuh sakit.

"Selepas gempa bumi, hujan pula turun tidak berhenti, adakah ini petanda tidak baik?" Pertanyaan

Raymond Toulouse mematikan lamunan Biskop Adhemar.

"Tuhan sentiasa bersama kita, tetapi mungkin ini petanda nasib tidak menyebelahi kita kerana kesalahan yang dilakukan ke atas pihak musuh sepanjang penaklukan," jawabnya tenang.

"Tuan biskop, tindakan apa yang perlu kita lakukan? Kita tidak boleh berterusan begini. Saya kasihan melihat orang-orang kita. Sudahlah kekurangan makanan, terpaksa pula menghadapi musim sejuk yang dahsyat ini. Tidak mustahil ramai yang akan mati," ujar Raymond Toulouse, suaranya jelas kebimbangan.

"Kita semua perlu kembali pada iman. Perintahkan semua tentera Salib berpuasa selama tiga hari berturut-turut, supaya tertebus dosa-dosa yang dilakukan."

"Baiklah. Saya juga terfikir itulah jalan yang terbaik. Saya akan perintahkan seluruh tentera kita berpuasa." Perintah itu tidak dibantah.

Beberapa hari berlalu, mereka bertindak mengorbankan kuda-kuda tunggangan menjadi makanan mereka. Kini, hanya tinggal 700 ekor kuda yang masih ada. Kumpulan tentera Salib miskin, yang paling terjejas teruk.

Januari 1099 Masihi

Peter Si Pertapa mengharap tahun baru itu membawa sinar harapan kepada pasukan Salib. Ramai tentera kehilangan tenaga dan pudar semangat. Pasukan itu mengalami kebuluran yang serius, dan muncul pula wabak penyakit yang meragut nyawa para tentera. Beliau sendiri sudah nekad dan mengambil keputusan muktamad. Beliau tidak sanggup lagi menderita akibat situasi pengepungan yang menyeksakan itu

Suatu hari, Peter Si Pertapa bersama William the Carpenter secara diam-diam meninggalkan kota Antokiah. Mendengar pembelotan itu, Bohemund menghantar orang-orangnya menangkap mereka berdua dan membawa mereka kembali. Peter diampunkan, manakala William dihukum dan bersumpah untuk kekal dalam perang Salib sehingga tamat.

Sebagai pemimpin, Bohemund juga tidak sanggup lagi melihat tenteranya menderita, menanggung kelaparan, kesejukan, dan serangan penyakit demi perjuangan suci. Maharaja Alexius I pula tidak menghantar apa-apa bantuan seperti yang dijanjikan. Sepanjang perjalanan bermula dari Konstantinopel sehingga ke Antokiah, beliau berusaha berkelakuan baik supaya tidak disalah anggap. Namun semua usahanya sia-sia.

Bohemund yang lengkap berpakaian perang berdiri di hadapan bala tenteranya sambil berucap.

"Wahai bala tentera Salib, saya mengisytiharkan supaya kita berundur dan berhenti mengepung Antokiah. Saya sudah tidak sanggup melihat kamu semua menderita dan mati kebuluran. Saya akan pulang ke Itali!"

Ucapan itu tiba-tiba menyedarkan bala tentera yang kehabisan semangat, bahkan menggoncang jiwa, dan membangkitkan kekuatan mereka bagi mendapatkan Antokiah walau dengan apa-apa cara sekalipun.

"Tidak. Kami tidak akan berundur. Kami sedia berjuang!!" teriak tentera Salib. Suasana bergema.

Gema teriakan itu membuatkan Bohemund gembira. Bala tenteranya merayu supaya beliau tidak meninggalkan mereka, terutamanya dalam keadaan yang tidak stabil itu. Beliau berjaya memancing semangat para tenteranya untuk berjuang semula.

Dalam kalangan tentera Salib pula, telah timbul khabar angin yang dibawa oleh Bohemund , bahawa Panglima Tatikios mengadakan hubungan rahsia dengan penguasa Seljuk bagi menghancurkan mereka. Hal itu menyebabkan ramai tentera Salib marah dan berang.

Panglima Tatikios mula gentar dengan tuduhan palsu itu. Beliau takut dibunuh oleh Bohemund dan pengikut Salib yang tidak menyenanginya. Oleh itu, beliau bersama-sama bala tenteranya segera melarikan diri melalui pelabuhan Suwaida ke Pulau Cyprus. Usaha menangkap panglima itu tidak berjaya.

"Tanpa Panglima Tatikios, tidak ada lagi pengaruh Rom Byzantine dalam pasukan kita. Kini sayalah satu-satunya panglima dalam pasukan ini. Kita juga mendapat banyak pengajaran semasa pengepungan Nicea, jadi tidak ada alasan untuk kita menyerahkan Antokiah kepada empayar Rom Byzantine itu," kata Bohemund dengan lega dan gembira.

"Jadi khabar angin bahawa Panglima Tatikios itu hanya dusta?" soal Richard Salerno.

"Ya. Saya tidak mahu ada tali barut Rom Byzantine dalam pasukan kita," jawab Bohemund.

"Situasi ini pasti akan menimbulkan persaingan kuasa antara Rom Byzantine dengan orang Eropah," ujar Tranced.

"Kegagalan sebelum ini berjaya ditebus. Saya tidak akan melepaskan peluang lagi. Malah tidak berhasrat menyerahkan kota ini kepada Maharaja Alexius. Saya mahu menakluki dan menjadikan kota Antokiah kota pemerintahan saya," katanya bersungguh-sungguh.

"Semoga impian Pak Cik Bohemund tercapai. Seterusnya, matlamat utama kita ke Baitulmuqaddis terlaksana," balas Tranced penuh harapan.

Sementara itu, berita Panglima Tatikios yang melarikan diri telah diketahui oleh Raymond Toulouse. Beliau mengetahui hal itu adalah muslihat Bohemund bagi merampas kota Antokiah demi kepentingan diri. Namun Raymond Toulouse nekad akan menghalang rancangan itu.

Panglima Tatikios datang menghadap Maharaja Alexius I. Beliau menjelaskan kepada Maharaja Rom Byzantine itu tentang apa yang berlaku. Mendengarkan hal itu, Maharaja Alexius I terasa dadanya berat dan sesak. Bagi Maharaja itu, keberanian dan kelicikan Bohemund sudah terang lagi bersuluh, hal ini membuatkan dendamnya

terhadap bohemund kian menebal. Kepercayaannya terhadap tentera Salib juga terus lenyap.

Februari muncul meninggalkan musim sejuk diganti dengan ketibaan musim bunga. Mentari bersinar terang. Kicauan burung mula kedengaran di dada langit. Keadaan pasukan Salib pula sudah pulih dan bertambah baik.

Awal Februari, pasukan bantuan daripada Ridwan dari Aleppo tiba di Biseigers, dan sudah pun mengambil alih Harim. Di situ pasukan Ridwan membuat persiapan bagi menyerang Antokiah.

Bohemund pantas mengatur persiapan sebaik menerima berita kedatangan pasukan bantuan itu. Beliau menghantar semua kesateria pasukan berkuda yang berjumlah kira-kira 700 anggota bergerak di bahagian hadapan. Pasukan berjalan kaki pula kekal di bahagian belakang sebagai pertahanan kota Antokiah.

9 Februari, 1099 Masihi

Pagi itu, pasukan Ridwan bergerak ke arah jambatan. Tentera Salib pula berpindah kedudukan pada malam sebelumny,a dan bertahan di kawasan yang berhampiran jambatan besi. Mereka mahu menghalang kemaraan pasukan bantuan itu ke kota Antokiah. Kini kedua-dua pasukan itu saling berhadapan.

Laungan Allahuakhbar! bergemuruh seiring dengan pertempuran sengit. Bunyi gemerincing mata pedang

yang saling bertingkah sungguh menggerunkan, apatah lagi dicampur dengan jerit pekik para tentera. Pada awal pertempuran, sudah ramai tentera daripada kedua-dua pihak terkorban.

Ridwan sedar mereka tidak mungkin dapat melintasi jambatan itu, lalu beliau merancang membawa tentera Salib keluar dari medan pertempuran. Tentera Ridwan bergerak meninggalkan medan perang, diikuti tentera Salib ke medan yang lebih sempit berhampiran sungai dan tasik Antokiah. Malangnya rancangan itu tidak berjaya, Ridwan masih gagal mengepung tentera Salib.

Dari dalam kota, Yashigan memerhati pertempuran kedua-dua pihak yang bermusuhan itu. Gabenor itu segera memerintahkan pasukan tenteranya menyerang pasukan berjalan kaki Salib yang berada di luar kota. Serangan Yashigan tidak berhasil apabila pasukan Ridwan telah dikalahkan, pasukannya berundur semula ke dalam kota.

Pertempuran itu antara pertempuran yang terkejam. Mayat-mayat bergelimpangan. Tanah bertukar menjadi lautan darah.

Masa berlalu. Sudah lima bulan kota Antokiah dikepung. Belum ada tanda-tanda pihak Antokiah mahu menyerah. Manakala, pasukan Salib pula gembira apabila dikhabarkan armada laut akan menghantar bekalan senjata dan makanan kepada mereka.

4 Mac, 1099 Masihi

Edgar Atheling yang diusir oleh Raja England mengetuai sebuah armada Inggeris, dan tiba di St. Symeon bersama-sama bekalan bantuan, tetapi semasa dalam perjalanan dari perlabuhan ke Zefanya, mereka telah diserang oleh orang Turki Sallied. Mereka hampir kehilangan semua bekalan tersebut.

Bohemund dan Raymond Toulouse segera berangkat ke perlabuhan bagi mengiringi bekalan yang tersebut. Mereka lebih berhati-hati selepas serangan itu, dan mahu memastikan bekalan itu selamat. Malangnya semasa dalam perjalanan, mereka juga diserang oleh orang Turki Sallied. Disebabkan itu mereka kehilangan sebahagian bekalan. Pasukan itu terpaksa kembali semula ke Antokiah.

Godfrey Bouillon sangat terkejut sebaik mendengar berita tentang dua sahabatnya yang terbunuh dalam pertempuran. Beliau segera menyediakan pasukannya bagi membantu. Namun, semasa dalam perjalanan, beliau bersama-sama pasukannya juga diserang oleh pembela Turki Sallied dari kota.

Kepulangan pasukan Bohemund dan Raymond Toulouse tepat pada masanya, apabila terserempak dengan pasukan Godfrey Bouillon yang sedang bertempur sengit. Bohemund dan Raymond Toulouse bersama-sama pasukan mereka turut membantu menentang pasukan musuh.

Pembela Turki Sallied terpaksa berundur, namun dikejar oleh tentera Salib sehingga ke dinding kota. Pertempuran itu memberikan satu kejayaan kepada

tentera Salib apabila berhasil mengorbankan lebih kurang 1 500 orang pihak lawan.

Pemimpin Salib dapat menarik nafas lega meskipun bantuan yang diterima hanyalah sebahagian, tetapi sekurang-kurangnya dapat menambahkan bekalan mereka sepanjang pengepungan mereka ke atas kota Antokiah.

Al-Afdal bin Badar Al-Jamili adalah perdana menteri Mesir daripada Khalifah Fatimiyah. Beliau sudah lama memusuhi Bani Seljuk. Pemerintahan Fatimiyah mulai menjadi lemah semenjak kebangkitan Bani Seljuk. Apabila mengetahui pasukan Salib mengepung kota Antokiah, beliau menganggap perkara tersebut sebagai peluang keemasan bagi merampas kota Baitulmuqaddis.

Ketika itu, Baitulmuqaddis berada dibawah pemerintahan Artuqid iaitu sebuah dinasti yang menguasai Asia Kecil Timur.

Al-Afdal segera menghantar pasukan tentera ke kota suci itu. Selepas pertempuran dahsyat, Baitulmuqaddis berjaya ditawan dan Al-Afdhal mengambil alih kota itu daripada kerajaan Seljuk. Malah pemimpin itu turut mengusir Sokman dan Ilghazi, iaitu anak kepada Gabenor Artuq yang telah meninggal dunia pada tahun 1091 Masihi. Iftikhar Ad-Daulah dilantik sebagai gabenor kota suci itu.

Kehadiran pasukan Salib ke Antokiah tidak diendahkan oleh Al-Afdhal, kerana beliau menganggap

pasukan itu hanyalah saudagar Rom Byzantine. Pasukan dari Barat itu juga akan dipergunakan bagi menakluki kota Antokiah dari Turki Seljuk.

"Pasukan Salib sedang menawan kota Antokiah dan menurut maklumat, mereka akan ke Baitulmuqaddis selepas itu. Kita mesti menghalang mereka," beritahu seorang pembesar.

"Mungkin ini juga memberi kebaikan kepada kita," kata Al-Afdal pula.

"Kebaikan? Bagaimana pula?" tanya pembesar itu kurang mengerti.

"Mereka akan menjadi sekutu kita, kerana mereka juga memusuhi Turki Seljuk. Oleh itu, hantar utusan kita menemui pemimpin pasukan Salib. Aturkan satu rundingan kerjasama dengan mereka. Sekiranya mereka bersetuju, bermakna kita dapat menakluki seluruh Asia Kecil dari Turki Seljuk dengan mudah."

"Tetapi Tuan, adakah semudah itu?"

"Sekiranya mereka bersetuju dengan rundingan ini, saya akan memberi tawaran yang tidak mungkin ditolak," tutur Perdana Menteri itu yakin.

Pada bulan April, utusan Fatimiyah dari Mesir tiba di kem tentera Salib dengan harapan menggunung bagi menjalin hubungan perdamaian.

Kedatangan tetamu itu disambut oleh pimpinan pasukan Salib. Peter Si Pertapa yang fasih berbahasa Arab dilantik sebagai perunding. Pasukan Al-Afdhal

begitu hairan melihatkan rahib Kristian itu berpakaian compang-camping dan tidak terurus.

Tujuan kami datang adalah bagi menjalinkan perdamaian dengan pasukan Salib. Kami juga berhasrat dan bersedia bergabung dengan pihak Tuan. Untuk pengetahuan Tuan, tentera Salib hanyalah wakil upahan Rom Byzantine. Hal ini sudah jelas terbukti, Maharaja Alexius hanya mempergunakan kalian bagi kepentingan sendiri. Lihat saja perkara yang berlaku kepada kota Nicea." Utusan itu memulakan bicara.

"Katakan, apa tujuan sebenar Tuan?" kata Peter Si Pertapa.

"Kami mahu membuat tawaran kepada pihak Tuan."

"Tawaran?"

"Kita sama-sama memerangi Bani Seljuk, dan kami sudah pun menawan Baitulmuqaddis. Oleh itu, kami bersedia menyerahkan Syria kepada tentera Salib, sekiranya kamu bersetuju tidak menyerang Fatimiyah."

"Tujuan kami datang ke sini adalah untuk membebaskan orang Kristian daripada penindasan orang Islam. Malah kota Baitulmuqaddis adalah tujuan utama kami datang ke sini. Mengenai tawaran ini, saya tidak dapat memutuskannya kerana perlu mendapat keputusan daripada para pemimpin Salib. Tetapi saya yakin pemimpin kami tidak akan menerima tawaran ini," jawab Peter.

"Sebelum memberi jawapan, sila pertimbangkan tawaran kami ini terlebih dahulu. Kami sedia menunggu

jawapan daripada pihak Tuan," ujar utusan Fatimiyah penuh berharap.

Di kem, Peter Si Pertapa menyampaikan tujuan kedatangan utusan Fatimiyah kepada para pemimpin Salib.

"Tidak. Kita tidak akan menerima tawaran mereka. Kita datang ke mari bukannya bagi bersahabat, tetapi matlamat utama kita adalah mendapatkan Gereja Makam Suci di Jerusalem!" bentak Bohemund yang tidak bersetuju.

"Saya berpendapat, kerajaan Fatimiyah hanya mengambil kesempatan terhadap kejadian di Antokiah dengan merampas Jerusalem daripada kerajaan Seljuk. Dengan mengadakan hubungan perdamaian dan mengumpankan Syria kepada kita, mereka sangka niat buruk mereka itu dapat membutakan kita," kata Godfrey Bouillon pula dengan penuh sinis.

Peter Si Pertapa kembali menemui utusan Fatimiyah sesudah mendapat kata putus.

"Sesungguhnya Tanah Suci itu milik kami. Pemimpin Salib tidak bersetuju dengan tawaran kamu itu. Oleh sebab itu, bersiap sedialah kerana kami akan datang mengambil alih kota itu daripada tangan kaum Muslimin," tegas Peter Si Pertapa. Utusan Fatimiyah pulang dengan rasa kecewa.

Akhir April, pasukan Kerboga dengan bala tentera yang besar berarak ke Antokiah selepas mendapat keizinan

daripada Khalifah Baghdad, iaitu al-Mustazhir dan Sultan Barkiyaruq Seljuk. Kedua-dua pemimpin itu menganjurkan penubuhan pakatan besar Islam bagi mengusir tentera Salib. Kali ini, Duqaq juga turut bergabung dengan pasukan itu. Beliau merancang bagi menyerang Edessa yang ditawan oleh Baldwin terlebih dahulu, sebelum membebaskan kota Antokiah.

Selepas menempuh perjalanan yang panjang, beliau memerintahkan bala tenteranya membina markas.

"Panglima, bukankah kita menuju ke Antokiah, mengapa pula kita berhenti di sini? Sedangkan perjalanan masih jauh" tanya seorang panglima.

"Sebelum menyerang Antokiah, kita mesti terlebih dahulu menawan kota Edessa. Jika tidak, kita akan terperangkap di tengah-tengah dua pasukan musuh semasa pertempuran nanti, kerana tentera Salib dari Edessa pasti akan datang membantu. Oleh itu, kita mesti merampas kota Edessa terlebih dahulu." Kerbogha mengatur strategi.

Sementara itu, Baldwin sangat terkejut apabila diberitahu yang pasukan Kerboga sudah menghampiri dan memulakan pengepungan terhadap kota Edessa. Namun Balwin enggan mengalah, dan tetap akan mempertahankan kota itu walaupun kekurangan anggota tentera. Sungguhpun jumlah tenteranya lebih kecil berbanding dengan pasukan Kerbogha, tetapi beliau tetap disokong oleh rakyat Armenia sehingga pasukannya menjadi kuat dan bersemangat.

Selepas hampir tiga minggu mengepung kota Edessa, Kerboga memutuskan meneruskan perjalanannya ke Antokiah. Beliau bimbang kelewatannya memberi bantuan mengundang malapetaka kepada kota Antokiah.

23
Perebutan Kota Antokiah

Langit awal bulan Mei terang-benderang. Kota Antokiah masih tidak dapat dibolosi biarpun diserang berkali-kali. Bohemund merenung dalam-dalam ke arah kota itu, dan akhirnya beliau mengakui dan sedar, betapa mustahil menawan kota kukuh itu jika menggunakan kekerasan. Buktinya, bulan April berlalu tanpa sebarang kejayaan.

Pada masa sama, situasi di dalam kota Antokiah semakin buruk. Kepungan yang berpanjangan itu membimbangkan Yashigan. Namun sedikit pun tidak terlintas dalam hatinya akan menyerah kalah.

Semangatnya kembali berkobar-kobar, apabila mendapat berita yang Kerbogha akan datang membantunya dengan pasukan yang besar. Kali ini

bantuan ketenteraan Islam Kerbogha dari Mosul lebih besar.

Pasukan Salib sibuk membuat persiapan menawan kota Antokiah sebelum ketibaan pasukan Kerbogha. Sekiranya tidak ada persiapan rapi, nyawa mereka pasti terancam. Mereka juga bernasib baik kerana pasukan itu berada di Edessa selama tiga minggu yang sia-sia.

Bohemund resah seperti kucing kehilangan anak. Sudah tiba masanya beliau bertindak bagi memerintah Antokiah. Bohemund mencapai lakaran pelan kota dan diperhati dengan teliti. Beliau mengadakan mesyuarat agar dapat membincangkan cara menawan kota itu dengan segera.

"Pak cik yakin rancangan ini berjaya?" tanya Tancred yang kurang yakin.

"Sudah tentu. Saya sendiri akan lakukannya sebelum pasukan Kerbogha tiba. Kita tidak boleh tunggu lagi. Segera perintahkan pasukan kita bersiap sedia," perintah Bohemund kepada Tancred.

Jun, 1099 Masihi

Stephen Blois dan sebahagian tentera Perancis menamatkan pengepungan terhadap kota Antokiah. Mereka sudah berputus asa selepas mendengar berita kemaraan pasukan Kerbogha.

Apabila malam menjelang, Bohemund bersendirian menyamar sebagai tentera biasa dan menghampiri

dinding kota. Tujuannya adalah bagi mencari anggota tentera Antokiah yang dapat bersengkokol dengannya. Hanya itulah sahaja cara yang mungkin dapat menawan kota kebal itu.

Sudah lama Bohemund mundar-mandir di dinding kota Tower of the Two Sisters, kemudian beliau ditegur seorang lelaki yang memperkenalkan dirinya sebagai Firuz. Lelaki tersebut merupakan seorang kapten dari barisan penjaga kota itu, dan berbangsa Armenia Muslim. Perbualan itu akhirnya membawa kepada pertukaran maklumat antara mereka. Malam itu juga, Bohemund menemui orang dalam yang dapat membantunya menawan Antokiah.

Hasil daripada risikan Bohemund, lelaki itu menyimpan dendam terhadap Yashigan. Kesempatan itu digunakan Bohemund sebaiknya dengan memberi rasuah berupa wang dan emas. Lelaki itu akhirnya mengkhianati kotanya sendiri.

"Saya akan bukakan tingkap menara ini supaya orang-orang kamu dapat masuk tanpa disedari tentera kota. Tunggu isyarat daripada saya," kata Firuz sebaik menerima wang daripada Bohemund.

Perhubungannya dengan Firuz itu dirahsiakan. Bohemund sudah mengatur strategi bagi menjadi penguasa di Antokiah. Mereka juga merancang menyerang kota itu habis-habisan sebelum pasukan Kerbogha datang membantu Yashigan.

Malam itu, Firuz menghantar isyarat kepada Bohemund supaya bersiap sedia memasuki kota. Bohemund bersama-sama pasukannya tiba di dinding kota, dengan membawa tangga bagi memanjat menara The Tower of the Two Sister. Seramai 60 orang tentera menyusup masuk melalui tingkap menara itu.

Kehadiran pasukan Salib itu mengejutkan pengawal kota dan berlaku pertempuran hebat di benteng kota itu. Suasana malam yang sepi itu bertukar menjadi kelam-kabut. Pengawal benteng berjaya ditewaskan. Pintu St. George dibuka, berduyun-duyun tentera Salib diketuai Bohemund memasuki ke dalam kota seperti air bah yang melimpah ruah.

Sambil menyerbu, para tentera Salib berteriak lantang, "Tuhan mengkendaki ini!"

Kemasukan pasukan Salib ke kota Antokiah mengundang pertempuran sengit. Panah berapi berterbangan bersimpang-siur dan menjunam mengenai mangsa. Malam itu, kedengaran hanya bunyi gemerincing mata pedang para tentera. Suasana benar-benar tidak terkawal, ditambah dengan api yang marak membakar isi kota. Tentera Antokiah semakin kehilangan punca, mereka tidak dapat menahan serangan rakus tentera Salib yang kian menggila.

Bendera Toronto berkibar di benteng kota. Sebahagian kota berjaya ditawan oleh Bohemund. Dalam pertempuran itu, ramai tentera kota terbunuh. Seluruh tempat digeledah. Jeritan penduduk yang ketakutan lenyap di hujung mata pedang tentera Salib. Sebahagian penduduk Kristian kota turut bergabung dengan pasukan

Salib dan bertindak membunuh orang Islam, termasuk adik Firuz sendiri.

Yashigan terpempan. Hatinya sedih kerana kota yang dipertahankannya selama ini telah kalah. Beliau tidak mampu membendung kemaraan tentera Salib yang sudah memenuhi segenap ruang kota. Para pembesar yang sudah berkumpul menggesa gabenor itu menyelamatkan diri mengikut pintu rahsia. Yashigan tidak ada pilihan lain dan terpaksa mengalah, beliau berundur dari Antokiah dengan diiringi para pengawal peribadinya.

Sementara itu, Shams ad-Daulah berjaya mengumpul beberapa anggota tentera dan turut berundur ke benteng kota Citadel, tanpa menyerah.

Menjelang pagi, mayat-mayat penduduk kota bergelimpangan di jalanan. Bau hanyir darah menusuk rongga hidung. Akhir petang, lebih ramai penduduk dibunuh termasuk orang Kristian.

Selepas sembilan bulan kota Antokiah dikepung, akhirnya kota itu jatuh ke tangan tentera Salib, kecuali benteng Citadel yang masih kekal di tangan Shams ad-Daulah. Kemenangan itu menggembirakan pemimpin Salib yang sudah berusaha keras mendapatkan kota itu. Seluruh kota dibersihkan daripada mayat-mayat yang bergelimpangan dan mereka berterusan memperkuat pertahanan dinding kota sebagai persediaan menghadapi serangan pasukan Kergobha.

Sementara itu, sekumpulan pasukan berkuda memacu kencang di tengah-tengah padang pasir. Tiba-tiba seekor daripada kuda itu terjatuh lalu tersembam ke tanah. Penunggang kuda itu ditinggalkan. Beliau

adalah Yashigan, Gabenor Antokiah yang melarikan diri daripada serangan tentera Salib. Malangnya, beliau ditinggalkan pengawalnya kerana mustahil bagi membawanya dalam keadaan tercedera. Ketika ditinggalkan bersendirian, beliau ditemui oleh orang Armenia lalu dipenggal kepalanya dan dihantar kepada Bohemund sebagai hadiah.

Kota Citadel masih bertahan. Shams ad-Daulah tidak mahu menyerah kalah. Berita kematian ayahnya itu sangat mendukacitakannya, namun tidak sekali-kali beliau akan melarikan diri. Kedatangan pasukan Kerbogha memberinya semangat bagi terus mempertahankan kota itu.

"Wahai jeneral, bagaimana sekiranya pasukan Kerbogha tewas di tangan tentera Salib? Adakah Panglima mahu menyerah diri?" tanya seorang pengikutnya.

"Kita masih ada harapan. Sekiranya itulah yang terjadi, kita tiada pilihan lain selain menyerah diri. Tetapi kita berdoa semoga pasukan Kerbogha berjaya menawan kota ini," jawabnya tenang.

Pada masa sama, pasukan bantuan Maharaja Alexius I dalam perjalanan menuju ke Antokiah, tujuan mereka adalah bagi membantu pasukan Salib. Empayar Rom Byzantine telah berjaya mengambil-alih wilayah barat Asia Kecil, dan beliau tidak mahu Antokiah jatuh ke tangan pemimpin Salib. Kaisar Rom Byzantine itu begitu yakin pasukan Salib akan menyerahkan kota itu

kepadanya seperti yang dijanjikan walaupun Bohumend sudah membatalkan sumpahnya itu. Semasa dalam perjalanan itu, beliau bertemu dengan pasukan Stephen Blois yang sedang pulang ke Konstantinopel.

"Apakah benar hal yang kamu katakan ini?" Maharaja Alexius I benar-benar terkejut.

"Benar Tuanku. Pasukan Kerbogha dari Mosul akan tiba bila-bila masa. Tentera Salib tersepit di tengah-tengah kerana belum berjaya menawan kota. Mustahil pasukan Salib dapat memerangi mereka dalam keadaan tidak berdaya. Mereka hanya menunggu masa ditimpa kekalahan," beritahu Stephen.

Maharaja Alexius I menjadi serba-salah. Beliau khuatir bagi berhadapan dengan pasukan Kerbogha itu. Beliau memerintahkan pasukannya berpatah balik kerana tidak sanggup mengambil risiko yang yang mengancam kedudukan pasukannya.

Pasukan Kerbogha tiba selepas dua hari Antokiah ditawan. Pengawal Salib dari benteng kota berteriak sejurus melihat pasukan itu makin menghampiri kota. Pasukan dari Mosul itu mara ke kota Antokiah bersama-sama peralatan senjata yang lengkap dan bilangan tentera yang besar.

Setiba di luar kota itu, suasana lengang dan tidak kelihatan tentera Salib yang mengepung kota, lalu memutuskan berkhemah di luar kota. Selama tiga hari beliau mempersiapkan pasukan pengepungan di sekitar kota Antokiah. Kini giliran tentera Salib pula berusaha bertahan.

Kerbogha memulakan serangan ke atas kota Antokiah, dan serangan bertubi-tubi itu ditangkis bermati-matian oleh pasukan Salib. Pasukan dari Barat itu masih mampu bertahan walaupun kekurangan anggota tentera, bahkan serangan itu masih tidak melumpuhkan kota tersebut.

"Wahai Jeneral, mereka masih bertahan walaupun sudah diserang. Apa yang harus kita lakukan?" tanya Ahmed ibn Merwan, panglima perang.

"Kita akan terus mengepung kota sehingga mereka mengalah. Saya yakin mereka akan mengalah juga. Mustahil mereka dapat bertahan lama. Mereka pasti kelaparan dan akhirnya menyerah," jawab Kerbogha yakin.

Sementara itu, Kerbogha terus membedil kota dan menekan pasukan Salib melalui serangan bertalu-talu. Sedangkan tentera Salib mulai kelaparan. Timbul rasa kecewa dalam kalangan mereka, ternyata anggapan bagi memulihkan hidup selepas tertawannya kota Antokiah tidak tepat sama sekali. Para tentera Salib terpaksa menghadapi kesengsaraan yang lebih teruk, apabila hampir kehabisan bekalan makanan meskipun berjaya merampas kota itu.

Namun begitu, selama sembilan bulan pasukan Salib mengepung kota Antokiah, bantuan daripada Maharaja Alexius I masih belum juga tiba. Hal itu seperti mengsahihkan dakwaan mereka, yang kaisar Rom Byzantine itu sudah mengkhianati mereka buat kali kedua.

Kini, pasukan Salib terpaksa mempertahankan 400 menara yang berada di sepanjang dinding kota tanpa anggota tentera yang mencukupi.

Pelbagai cabaran terpaksa dihadapi oleh pasukan Salib sepanjang dua tahun mengembara di bumi Timur. Semuanya demi kelangsungan hidup dan perjuangan membela agama. Akibat pelbagai tekanan, ramai tentera Salib yang membelot dan melarikan diri. Para pengawal yang mengawasi gerbang kota cuba menghalang tindakan mereka.

Peter Si Pertapa dihantar oleh Bohemund bagi berunding dengan Kerbogha. Rundingan itu ternyata gagal kerana Kerbogha enggan tunduk dengan permintaan pasukan Salib. Peter kembali membawa khabar duka dan mereka bersepakat melancarkan serangan pada keesokan harinya.

Bohemund memecahkan pasukan tenteranya kepada enam bahagian. Satu pasukan di bawah pimpinannya, lima pasukan yang lain dipimpin oleh Hugh Vermandois dan Robert II Flanders, Godfrey Bouillon, Robert Normandy, Biskop Adhemar, dan Tancred serta Gaston IV Bearn. Raymond Toulouse pula ditugaskan menggempur kubu pertahanan Kerbogha yang diketuai Ahmed ibn Merwan.

24
PEREBUTAN KUASA

Jun, 1098 Masihi

Pintu kota dibuka, muncul Raymond Aguilers membawa tombak suci dan mengetuai barisan hadapan pasukan Salib. Kemudian diikuti Robert II Flanders dan Hugh Vermandois yang mengetuai pasukan pertama daripada enam pasukan. Melihat keadaan itu Kerbogha menjadi teragak-agak kerana harapannya mahu menyerang mereka sekaligus tidak menjadi. Beliau juga sedar yang itu hanyalah satu perangkap. Lantas beliau berpura-pura berundur dan menarik tentera Salib ke kawasan yang lebih sukar.

Pasukan pemanah sudah siap bersedia menanti tentera Salib. Sebelum tentera Salib sampai ke kawasan Kerbogha, Duqaq dan pemimpin Islam

yang ada bertindak mengkhianati Kerbogha dengan memerintahkan tentera mereka kembali ke tanah air. Pembelotan ini mengurangkan bilangan tentera bagi menentang pasukan musuh. Tindakan mereka itu mengecewakan Kerbogha, namun beliau tidak patah semangat.

Setibanya tentera Salib di satu kawasan, mereka dihujani panah oleh pasukan pemanah Kerbogha dan berjaya dikalahkan, termasuklah pasukan yang diketuai Biskop Adhemar. Seterusnya pasukan Kerbogha membakar hamparan rumput bagi menghalang kemaraan tentera Salib, malangnya taktik itu tidak berjaya.

Kemudian mereka menggunakan pasukan berkuda bagi menyerang pasukan Salib. Pasukan berkuda Salib diperintah bagi menyerang tentera Islam yang sedang berlindung di balik perisai. Pasukan Kerbogha menjadi kelam-kabut apabila dirempuh oleh pasukan berkuda Salib, ditambah pula dengan serangan tentera berjalan kaki. Oleh itu, ramai tentera Islam terbunuh dan tercedera, namun tentera yang masih hidup tetap melawan.

Pertempuran itu berlangsung singka,t tetapi begitu dahsyat. Darah, kepala, anggota tubuh turut berterbangan ke udara. Saat itu, pasukan Kerbogha sudah berpecah dan kucar-kacir. Gelombang Salib benar-benar menenggelamkan seluruh lawan.

Melihat pasukannya sudah tidak mampu bertahan, Kerbogha segera memerintahkan pasukan tenteranya meninggalkan medan perang. Akhirnya kubu dibawah arahan Ahmed ibn Merwan menyerah kalah kepada

Bohemund, bukannya kepada Raymond Toulouse yang ditugaskan menawan kubu itu. Perkara tersebut seperti sudah dirancang tanpa pengetahuan Raymond Toulouse.

"Mengapa pula Ahmed ibn Merwan menyerah kalah kepada Bohemund sedangkan jeneral ditugaskan menawan kubu itu?" pengikut Raymond Toulouse tidak berpuas hati.

"Mereka merancang sejak awal lagi. Pasti ada pakatan antara kedua-dua belah pihak."

Pasukan Salib berterusan membunuh tentera Kerbogha dengan penuh kebencian. Seluruh pasukan Islam seramai 30,000 orang hancur, manakala baki tentera Islam terpaksa berundur. Apabila pasukan Kerbogha meninggalkan Antokiah, tentera Salib kembali ke dalam kota dengan penuh kegembiraan.

Sementara itu, Shams Ad-Daulah akur. Kekalahan pasukan Kerbogha memaksanya menyerah kalah. Sebelum ini, beliau cuba bertahan bagi menunggu kemaraan pasukan bantuan itu. Ternyata kini beliau sudah tidak mampu mempertahankan kota itu.

John VII Oxite, Paderi Ortodoks Antokiah yang dipenjarakan oleh Yashigan sudah dibebaskan. Sepanjang berada di penjara, beliau digantung pada dinding dan kakinya dipukul dengan batang besi.

Kemudian, John VII Oxite dilantik sebagai paderi besar setelah gereja didirikan semula. Sementara itu, sebuah gereja Latin turut dibina, dan Peter Narbonne yang ditahbiskan oleh John dilantik sebagai paderi gereja

itu. Jadi, terdapat dua gereja yang sengaja ditubuhkan bersebelahan.

Bohemund Toranto dan Raymond Toulouse berjaya menduduki istana Yashigan. Bohemund turut mengawal sebahagian bandar dan juga di bahagian benteng. Beliau juga bertindak membahagikan orang Frank, Provencals, dan orang Norman. Masing-masing mahu menonjolkan status dan berusaha mencapai cita-cita peribadi. Hal ini menjadi punca kepada perbalahan dalaman yang memang sedia bergolak.

Semua pemimpin Salib berkumpul bagi memilih penguasa kota Antokiah, selain memutuskan hukuman ke atas Shams Ad-Daulah. Suasana menjadi tegang apabila terjadi pertengkaran mengenai bakal pemerintah Antokiah. Bohemund telah menguasai banyak jajahan di Antokiah, manakala Raymond Toulouse pula memiliki pengaruh besar di kawasan barat daya Antokiah. Masing-masing tidak mahu mengalah bagi menerajui kota itu. Pertelagahan itu berlarutan tanpa kesudahan.

"Kota ini mesti diserahkan kepada Maharaja Alexius seperti yang dijanjikan sebelum berangkat. Tidak ada antara kita diakui sebagai penguasa kota ini," ujar Raymond. Godfrey Bouillon, Tancred, Robert II Flanders, dan pemimpin-pemimpin lain terpaksa akur dan bersetuju dengan permintaan dan tekanan Raymond Toulouse walaupun enggan berbuat demikian pada mulanya.

"Kita mesti berpegang pada janji. Selayaknya kota ini diserahkan kepada Maharaja Alexius," sokong Biskop Adhemar pula.

“Tidak!” bantah Bohemund tegas.

“Sayalah yang selayaknya memerintah Antokiah, kerana telah berjaya menawan kota ini. Mengapa saya mesti serahkan kota ini kepada Maharaja Alexius? Sedangkan beliau dahulu memungkiri janji. Maharaja Alexius sendiri sudah berpatah balik ke Konstopintel apabila mengetahui kemaraan pasukan Kerbogha. Saya juga sudah membatalkan sumpah taat setia kepadanya dan tetap berkeras tidak akan menyerahkan kota itu.”

“Saya menguasai sebelah barat daya Antokiah, dan tidak akan menyerahkannya kepada kamu. Pendirian saya tidak akan berubah. Kamu juga bersekongkol dengan panglima perang Kerbogha sedangkan kubu itu di bawah tanggungjawab saya. Jelas kamu tamak kuasa!” Dari mula Raymond Toulouse dan Bohemund tidak mempunyai hubungan yang baik. Jadi, beliau akan melakukan apa-apa sahaja bsgi memastikan Bohemund tidak memiliki kota itu.

Api kebencian Raymond Toulouse makin marak, apabila keinginannya diberi kehormatan semasa mengambil alih benteng kota Antokiah daripada tangan anak Yashigan tidak kesampaian. Beliau benar-benar berasa terhina.

“Saya ada pendapat sendiri,” celah Shams Ad-Daulah. Semua mata memandang ke arah lelaki yang berada di hadapan mereka. Beliau terus menyuarakan pendapatnya apabila tidak ada sesiapa membantah. “Kota ini hanya layak diserahkan kepada Bohemund. Bukan Raymond.”

“Mengapa pula?” tanya mereka.

"Mengikut peraturan dalam mana-mana peperangan, siapa yang terlebih dahulu memacakkan bendera di kawasan pihak lawan dialah selayaknya yang menang. Jadi dalam hal ini, Bohemund orang yang layak kerana beliau terlebih dahulu menakluki kota dan mengibarkan benderanya di benteng kota berbanding pasukan lain," terang Shams Ad-Daulah.

Bohemund gembira. Penjelasan Shams Ad-Daulah itu memperkukuhkan lagi kedudukannya di mata pemimpin Salib yang lain. Kemudian Bohemond sendiri mengiktiraf kota itu sebagai miliknya, walaupun beliau tidak mempunyai hak berbuat demikian. Tetapi disebabkan beliau menguasai kebanyakan tanah jajahan Antokiah, mereka tiada pilihan lain selain akur dengan keputusan itu.

Ogos, 1098 Masihi

Kota Antokiah dilanda kesedihan apabila Biskop Adhemar meninggal dunia kerana dijangkiti penyakit. Kota itu dilanda wabak itu selepas dua bulan ditawan. Ramai tentera yang mati akibat daripada wabak itu. Kini mereka terasa kehilangan ketua agama yang dihormati itu, kerana selama ini dialah yang bertindak sebagai orang tengah dan mengamankan pemimpin-pemimpin bangsawan yang bersengketa.

Kemelut pertelagahan bertambah parah selepas kematian biskop yang dihormati itu. Tidak ada

sesiapa lagi yang mampu meleraikan pertengkaran sesama pemimpin bangsawan. Dalam pada itu, timbul desas-desus yang Arnulf berkemungkinan besar dilantik sebagai duta Paus. Selepas kematian Biskop Adhemar, beliau bertanggungjawab terhadap pasukan Salib bersama-sama rakannya, Peter Narbonne.

Pada bulan September, sepucuk surat diutus oleh Raymond Toulouse kepada Paus Urban II, bagi menyampaikan berita kejayaan mereka menakluk kota yang pertama. Raymond meminta Paus Urban II mengambil alih kota tersebut.

Surat Raymond dibalas semula oleh Paus Urban II yang ternyata gembira dengan kejayaan itu. Beliau memberi kata-kata perangsang supaya semangat jihad mereka tidak luntur bagi menawan Baitulmuqaddis pula. Tetapi permintaan Raymond itu ditolak, dan beliau menyatakan enggan berbuat demikian. Antokiah diserahkan kepada mereka sepenuhnya untuk diperintah

"Selepas kota Antokiah ditawan, kita perlu menawan kawasan luar kota, supaya tidak ada saki-baki tentera Islam yang bangkit menentang. Halang kemasukan penduduk luar memasuki kota, bimbang ada tentera musuh menyusup masuk. Pastikan bekalan makanan diuruskan oleh orang-orang kita sendiri, terutamanya ketika mendapatkan bekalan dari luar kota," arah Bohemund kepada Panglimanya.

Kemudian Tancred dan Richard Selerno datang menghadap. Wajah Bohemund kelihatan berseri-seri dan gembira menyambut kedatangan mereka berdua.

“Wahai Pak cik, sekarang pak cik sudah menjadi penguasa kota Antokiah, jadi apakah perancangan Pak cik? Adakah ingin meneruskan ekspedisi kita ke Jerusalem ataupun sebaliknya?” tanya Tancred ingin tahu.

"Pak cik masih belum membuat keputusan lagi. Buat masa ini, pak cik mahu mengukuhkan kedudukan kota dengan mengambil seluruh kawasan sekitar,” ujar Bohemund.

“Nampaknya, cita-cita Pak cik telah menjadi kenyataan.” Kedengaran Bohemund ketawa besar.

“Sekiranya Pak cik tidak dapat meneruskan matlamat kita ke Tanah Suci, Pak cik tidak akan menghalang kamu berdua melakukannya. Pak cik tahu kamu berdua pemimpin yang berwibawa dan mampu meneruskannya tanpa Pak cik.”

“Baiklah. Sekiranya begitu kami akan terus berkhidmat kepada Pak cik sepanjang kami berdua berada di sini,” ujar Tancred.

“Bagus. Pak cik mahu kamu berdua membantu saya melancarkan gerakan menawan kota ketika musim panas ini.”

Bagi memperkukuhkan kedudukan kota, Bohemund melancarkan gerakan menawan kota pada penghujung musim panas. Akhirnya mereka berjaya mengambil seluruh kawasan sekitar Antokiah. Kini mereka mempunyai bilangan kuda yang lebih banyak, yang diperoleh daripada tentera Islam, dan juga merampas daripada penduduk di luar kota.

Bumi Antokiah mula berubah dan beralih kuasa kepada orang Eropah Barat. Sebelum ini, wilayah Antokiah kerap menjadi rebutan antara empayar Rom Byzantine dengan empayar Islam.

Walaupun tentera Salib sudah menawan Antokiah, namun para petani Islam masih enggan memberi makanan kepada mereka. Kesateria dan tentera yang miskin menjadi resah kerana dibelenggu kelaparan dan tidak ingin terus tinggal di Antokiah, tetapi mahu meneruskan perjalanan ke kota suci, tetapi pemimpin mereka masih bertelagah.

"Visi St. Andrew datang lagi mengunjungi saya malam tadi," adu Peter Bartholomew kepada Raymond Toulouse.

"Kali ini apakah visi yang kamu terima?" tanya Raymond berminat.

"Menurut visi yang saya diterima sebaiknya kota itu diserahkan kepada Bohemund."

Raymond Toulouse terdiam. Selama ini beliau mempercayai visi yang disampaikan oleh lelaki buta itu. Kali ini beliau kelihatan ragu-ragu. Peter Bartholomew tahu pemimpin itu kurang senang dengan visi yang disampaikannya.

"Menurut visi daripada St. Andrew lagi, Biskop Adhemar yang selama ini tidak mempercayai saya akan masuk neraka. Tuan pun berada dalam posisi yang tidak begitu baik."

Selepas kematian Biskop Adhemar, tidak ada sesiapa lagi yang berpihak kepadanya. Kemelut perebutan kuasa membuatkannya tersepit. Beliau juga terfikir dan

menimbang bagi memberi haknya kepada Bohemund. Beliau sedar, tanpa sokongan padu daripada pasukan lain mustahil untuk menguasai kota itu.

Empat bulan kemudian, iaitu awal bulan November, Raymond Toulouse akhirnya memberi bahagian yang ditawannya kepada Bohemund demi meneruskan keamanan dalam pasukan Salib itu. Beliau juga tidak ingin membuatkan tenteranya tersepit antara kelaparan dan pertengkaran mereka. Visi yang disampaikan oleh Peter Bartholomew kepadanya membuatkan beliau nekad melepaskan kota itu.

Suasana dalam kota tenang. Di penempatan tentera Salib, kelihatan sekumpulan kaum wanita dan kanak-kanak tinggal dalam keadaan daif. Sudah beberapa bulan kota Antokiah ditawan, tetapi hidup mereka masih tidak berubah. Beberapa orang wanita sedang memasak makanan dan kaum lelaki hanya duduk berbual. Kanak-kanak yang tidak mengerti apa-apa berlari keriangan. Tidak jauh dari situ beberapa orang sedang bergaduh berebutkan makanan. Tidak ada pihak yang meleraikan pergaduhan itu. Malah perkara seperti itu sudah menjadi pemandangan biasa.

"Sampai bila kita mahu berterusan begini? Tidak ada apapun yang berubah. Malah lebih teruk ketika hidup di negara sendiri," keluh seorang lelaki.

"Sekiranya begini keadaan kita, nampaknya akan bertambah teruk. Masih belum dengar ura-ura pasukan

kita akan meninggalkan kota ini. Para pemimpin saling bertelagah berebutkan kota, kita pula tersepit di tengah-tengah."

"Kita mesti bertindak segera supaya dapat meninggalkan kota ini, jika tidak kita akan mati kebuluran."

"Tetapi bagaimana?" tanya mereka.

"Kita adakan mogok."

"Saya setuju. Tetapi jika tidak berkesan, bagaimana?"

"Penguasa Bohemund lebih berminat memperkukuhkan kota ini daripada meneruskan perjalanan ke kota suci. Ramai pemimpin Salib menyokong Bohemund tetapi Raymond pula tidak mempunyai hubungan baik dengan mereka. Jadi kita lantik Raymond menjadi ketua kita. Saya rasa beliau mesti bersetuju." Cadangan itu dipersetujui.

"Mari kita berjumpa dengan Pangeran Raymond. Kita beritahu cadangan kita ini."

Mereka bersetuju. Tentera-tentera Salib pada peringkat bawahan tidak sanggup menunggu lagi. Mereka bersepakat menawarkan jawatan kepemimpinan tentera kepada Raymond Toulouse.

Raymond Toulouse menerima pelantikan tersebut selepas mendapat visi daripada Peter Bartholomew.

"Wahai Tuan, saya lihat pasukan kita tidak mendapat sokongan daripada pemimpin Salib yang lain. Selepas kematian Biskop Adhemar, tidak ada lagi yang menyokong Tuan. Sejak pemilihan penguasa kota

Antokiah, sudah jelas menunjukkan pengaruh Tuan belum cukup menonjol."

"Sekiranya Tuan tidak dapat mempengaruhi pemimpin Salib yang lain, Tuan tidak akan muncul sebagai pemimpin berkaliber dan disanjungi seperti Bohemund dan Godfrey," kata seorang pengikut Raymond Toulouse ketika mereka berbincang.

"Tidak seperti Bohemund. Kepimpinannya cukup terserlah dan berjaya mempengaruhi pemimpin yang ada. Sekiranya kita berangkat tanpa mendapat sokongan pemimpin yang ada, sukar bagi Tuan menakluki mana-mana kota."

"Kata-kata kalian itu memang benar. Pengaruh saya tidak begitu kuat. Bahkan hubungan kami pula tidak rapat gara-gara saya bersekutu dengan Maharaja Alexius. Mereka pula melihat saya ini kaya kerana mampu membiayai ekspedisi ini tanpa masalah. Namun, tiada pemimpin Salib mahu turut bergabung dengan saya bagi meneruskan perjalanan ke Jerusalem," kata Raymond mengakui kata-kata pengikutnya itu. "Jadi apa cadangan kamu?"

"Antara pemimpin yang ada, Robert II Flanders mungkin dapat berkerjasama dengan Tuan."

"Alasan apa yang kamu ada hingga beranggapan sedemikian?"

"Robert II Flanders sanggup bersumpah setia kepada Maharaja Alexius tanpa bantahan berbanding yang lain. Mungkin pemimpin itu bersependapat dengan

Tuan. Cuma Tuan kena melakukan perkara yang dapat membuatkan beliau berpihak kepada Tuan."

Raymond Toulouse memahami kata-kata pengikutnya itu. Lalu beliau melakukan sesuatu yang mampu menarik pemimpin Salib itu berpihak kepadanya, bukan Bohemund.

"Raymond menawarkan saya 6 000 sous supaya mengikutinya berangkat ke Jerusalem," beritahu Robert II Flanders kepada Tancred. Tindakan Raymond itu benar-benar membuatkannya marah. Pemimpin itu cuba merasuahnya agar mengikutinya.

"Jadi kamu menerimanya?" tanya Tancred.

"Sudah tentu tidak. Raymond tersilap, wang bukan segala-galanya. Walaupun saya bersumpah setia kepada Maharaja Alexius, tidak bermakna saya berpihak kepadanya," balas Robert II Flanders.

"Beliau terdesak kerana tidak ada sesiapa antara kita berpihak kepadanya. Malah, beliau juga cuba merasuah pemimpin Salib yang lain. Sudah tentu beliau rasa tercabar apabila kita bersetuju melantik Bohemund menjadi penguasa Antokiah," kata Richard Salerno pula.

"Ataupun mungkin beliau tali barut kepada Maharaja Alexius. Ini kerana beliau begitu menyokong tindakan Maharaja Rom Byzantine itu, ketika menawan kota Nicea. Beliau langsung tidak mempertikaikan tindakan Maharaja itu."

"Mungkin juga. Tetapi yang nyata Raymond antara pemimpin Salib yang kaya dan berkemampuan

membiayai ekspedisi Perang Salib ini," ujar Gaston Bearn pula.

"Saya dan Godfrey sudah berbincang akan meninggalkan Antokiah pada bulan Februari tahun hadapan. Sekiranya mahu, kalian boleh turut serta," beritahu Robert II Flanders.

Sedang perbualan itu berlangsung, panglima perang Robert II Flanders datang menyampaikan berita.

"Nampaknya para tentera sudah tidak sanggup menunggu dan meminta Raymond mengetuai pasukan Salib meninggalkan kota Antokiah. Bagaimana, ada antara kamu mahu turut serta?" tanya Robert II Flanders kepada sahabatnya.

"Mungkin saya menyusul selepas keberangkatan Raymond. Saya tidak bercadang bergabung dengannya," ujar Tancred.

"Sekiranya begitu, kita berangkat selepas Raymond meninggalkan Antokiah," balas Robert.

Robert II Flanders dan Tancred bersepakat meninggalkan kota itu selepas keberangkatan Raymond Toulouse. Begitu juga Godfrey.

Jawapan Robert II Flanders dan pemimpin Salib yang lain mendukacitakan Raymond Toulouse. Beliau benar-benar kecewa. Tidak ada helah yang dapat mempengaruhi pemimpin Salib supaya menyertainya.

Dalam bulan November, pasukan Raymond Toulouse meninggalkan kota Antokiah menuju ke Baitulmuqaddis. Tentera Salib berarak dengan berkaki ayam dan berjubah

seperti yang diperintah oleh St. Andrew, dalam visi yang diterima Peter Bartholomew.

Bohemund pula memutuskan bagi menyertai, dan membantu pasukan Salib sesudah keberangkatan pasukan Raymond Toulouse.

25
Tragedi Berdarah Kota Ma'arat

Maarat al-Numaan, sebuah bandar di barat laut Syria, terletak di antara Aleppo dan Haman. Ia juga berhampiran dengan bandar Mati Bara dan Serjilla. Maarat al-Numaan dikenali sebagai 'Arra Yunani' dan 'Marre' dalam kalangan tentera Salib. Bandar ini juga mendapat nama hasil gabungan tradisional dan nama gabenor Islam yang pertama iaitu Nu'man ibn Bashir, sahabat Nabi Muhammad SAW.

Pada akhir November, pasukan Salib tiba di Ma'arat buat kali kedua. Kali pertama pada bulan Julai 1098 Masihi, Raymond Pilet melakukan penyerbuan ke atas kota ini. Dalam penyerbuan itu, pasukan Raymond Pilet berjaya diusir oleh orang Islam, sekaligus menggagalkan niat pasukan Salib bagi menduduki kota Ma'arat.

Semboyan kota Ma'arat bergema. Seluruh penduduk kota segera berkumpul. Itu petanda ada musuh yang hampir.

"Tentera Salib dalam perjalanan ke mari!" teriak seorang pengawal kota.

Semua penduduk terkejut. Mereka mula bimbang. Keadaan serta merta menjadi kecoh.

"Jangan bimbang. Sebelum ini, mereka pernah datang memerangi kota ini tetapi gagal. Saya yakin kali ini mereka akan gagal," kata panglima kota menenangkan keadaan. Kemudian penduduk diminta bersurai.

"Tetapi Panglima, bilangan mereka jauh lebih ramai berbanding sebelum ini," beritahu pengawal kota.

"Pertingkatkan tahap keselamatan kota. Saya akan pastikan mereka tidak dapat mencerobohi kota ini," kata Panglima itu penuh yakin.

"Baik, Panglima!" Perintah Panglima itu dilaksanakan tanpa bantahan.

Selepas berhari-hari meredah padang pasir yang luas dan panas, akhirnya mereka tiba di kota itu. Kini mereka sudah berada di luar kota Ma'arat dan pintu kota tertutup rapat. Suasana kota itu begitu hening. Di atas benteng kota kelihatan pertahanan kota sudah bersiap sedia menunggu kedatangan mereka. Raymond Toulouse memandang kota yang tersergam kukuh di hadapannya.

Kemudian, Raymond Toulouse mengarah tenteranya membina khemah dan kota itu dikepung. Beliau mengarahkan bala tenteranya memperkukuhkan

kepungan, selain mengetatkan kawalan di sekeliling kota. Kota Ma'arat yang tenang sudah mula dikepung oleh ribuan tentera Salib.

Dinding kota itu kelihatan kukuh dan dikelilingi parit yang dalam. Kehadiran tentera Salib itu tidak diendahkan oleh penduduk kota, kerana serangan pertama Raymond Pilet sebelum ini gagal. Dari atas benteng-benteng kota, penduduk mengejek dan melontar batu ke arah tentera-tentera Salib.

"Tentera Salib cukup kuat. Setiap kali bertempur mereka tidak pernah kalah. Kota Antokiah yang kukuh dan sukar dicerobohi berjaya ditawan walaupun mengambil masa yang panjang. Apakah kamu tidak risau sekiranya kota ini menerima nasib yang serupa seperti kota Antokiah?" tanya pengawal benteng kota kepada kawannya, sambil melihat tentera Salib yang berada di luar kota.

Kawannya itu tersenyum nipis sambil menggeleng kepala. "Kota ini dibina dengan kukuh. Perkara yang penting adalah menyediakan bekalan makanan yang mencukupi."

Pengawal itu akur dengan kata-kata kawannya itu. Selepas menerima berita kedatangan tentera Salib, mereka membuat persiapan dengan membawa bekalan makanan, air, dan kelengkapan ke dalam kota.

Seminggu sudah berlalu. Masih tidak ada tanda-tanda pasukan Salib akan mengalah.

"Wahai Jeneral, adakah kita akan terus melakukan pengepungan?" tanya Raymond Pilet kepada ketuanya itu.

"Mengapa pula?" soal Raymond Toulouse pula.

"Musim sejuk sudah makin hampir. Saya bimbang tentera kita tidak mampu mengepung dengan lebih lama, kerana bekalan makanan yang sedikit. Sekiranya pertahanan kota tidak dapat ditembusi, bekalan makanan kita tidak akan cukup " jawab Raymond Pilet.

"Teruskan sahaja pengepungan ini. Cari jalan bagi membolosi kota ini, sekiranya tidak mahu orang-orang kita mengalami kesengsaraan. Mereka tidak akan kebuluruan lagi jika kota itu sudah ditawan. Saya yakin kota itu menyimpan banyak bekalan makanan," kata Raymond Toulouse lagi.

Panglima Raymond Pilet segera mengerahkan para tenteranya supaya terus berusaha. Malangnya semua usaha menemui kegagalan.

Sementara itu, kedudukan pertahanan kota Ma'arat pula tidak begitu kukuh kerana sebahagian besar daripada perajurit kota tidak berpengalaman. Namun, mereka tetap berusaha bertahan.

Beberapa hari kemudian, tentera Salib mula dihimpit kelaparan. Mereka juga jelas tidak bijak mengatur strategi, pasukan logistik pula kekurangan peralatan perang bagi melancarkan serangan.

Gabenor kota Ma'arat semakin resah. Tentera Salib masih tidak berundur. Sesekali beliau membuang pandang ke luar jendela yang menghadap ke arah luar kota. Penduduk kota masih menjalani kegiatan seperti biasa. Walaupun yakin kota itu tidak dapat ditawan,

tetapi tidak ada yang mustahil. Kota Antokiah yang cukup kukuh dapat ditawan, inikan pula kota Ma'arat.

"Wahai Tuan gabenor, benarkah Tuan mahu terus bertahan di sini?" tanya pembesar yang bimbang.

Gabenor itu mengangguk. "Saya akan bersama-sama dengan penduduk kota mengharungi apa-apa sahaja kemungkinan. Saya sudah meminta bantuan daripada sahabat yang berjiran, malangnya tidak ada yang menghulurkan bantuan," keluhnya kecewa.

"Bagaimana sekiranya kita berdamai sahaja dengan mereka? Pasti kita tidak akan diapa-apakan."

"Jadi kalian takut?"

"Bukan itu maksud saya. Saya terdengar khabar, tentera Salib cukup benci dengan orang Islam. Sudah terbukti dengan pembunuhan di dua kota yang jatuh ke tangan mereka. Saya bimbang perkara yang sama akan menimpa kota ini. Jadi lebih baik kita berdamai, pasti tiada yang tercedera."

"Benar, Tuan. Keutuhan kota ini bukan jaminan kota ini akan selamat. Begitulah yang terjadi pada kota Antokiah. Lagi pula, pertahanan kota bukannya terdiri daripada kesateria handalan. Mereka tidak berpengalaman dalam pertempuran. Saya bimbang akan terjadi malapetaka kepada kota ini," kata pembesar yang lain pula.

"Itu bukan alasannya. Sultan Kilij Arslan dan Gabenor Yashidan juga tewas, tetapi tidak semudah itu mereka tunduk dengan kemahuan tentera Salib. Jadi, saya juga akan berbuat demikian," kata Gabenor itu nekad.

Para pembesar mengeluh. Mereka berusaha memujuk gabenor kota itu tetapi tidak berjaya.

Hampir dua minggu berlalu, Bohemund Toranto bersama-sama pasukan tenteranya tiba dan turut sama mengepung kota itu. Mereka bergabung tenaga membina menara pengepungan bagi menembusi tembok pertahanan kota. Namun masih gagal. Raymond Toulouse bertekad mengarah tenteranya berterusan mengepung kota itu sambil mencari jalan lain bagi menawannya.

Disember, 1098 Masihi

Kota Ma'arat tenang seperti malam-malam sebelumnya. Pada sebelah malam, suhu sejuk bagai menggigit tulang sum-sum, mencengkam setiap urat otot. Musim sejuk seperti menyeksa tentera-tentera Salib.

Di luar kota, tentera Salib tidak pernah jemu mencari jalan bagi menembusi kota. Pada tengah malam, mereka melancarkan serangan panah ke benteng kota. Serangan itu langsung tidak diduga oleh pasukan pertahanan kota. Dalam kelam-kabut itu, tentera Salib berjaya memanjat dinding kota dengan menggunakan tali.

Malam itu, malam bertuah buat tentera Salib. Usaha mereka akhirnya membuahkan hasil. Pertahanan kota berjaya ditembusi. Berlaku pertempuran sengit di atas benteng kota itu. Banyak tentera kota itu tewas kerana tidak mempunyai pengalaman.

Bunyi semboyan bergema sebagai petanda kota itu sudah dicerobohi musuh. Seluruh penghuni kota terkejut. Mereka segera mendapatkan perlindungan di masjid. Penduduk yang terdiri daripada kaum lelaki turut bertempur dengan tentera Salib, tetapi tewas.

Menjelang pagi, seluruh kota Ma'arat ditawan sepenuhnya. Bohemund menguasai bahagian tembok dan menara. Sementara Raymond Toulouse pula memenangi bahagian dalam kota.

Kemudian pasukan tentera Salib menggeledah semua rumah serta masjid. Kebanyakan yang mereka temui hanyalah kaum wanita, kanak-kanak serta kaum lelaki yang sudah tua. Mereka tidak apa-apakan. Hanya diarah berkumpul di luar masjid.

Matahari sudah terpacak di atas kepala. Semua penduduk kota Ma'arat sudah ditawan dan dikumpul di tengah kota termasuk gabenor dan pembesar kota. Bohemund menunggang kudanya sambil melihat keadaan penduduk kota. Kemudian beliau turun dari kudanya. Tiba-tiba seorang lelaki bangun menuju ke arah Bohemund. Lelaki itu ditahan oleh tentera Salib.

"Tolong jangan bunuh kami. Kami serahkan semua harta benda kami kepada Tuan," rayu lelaki itu.

"Benar, Tuan. Ambillah harta benda kami tetapi tolong jangan apa-apakan kami," celah lelaki lain pula yang turut merayu.

"Saya tidak akan membunuh kamu, tetapi dengan satu syarat," kata Bohemund.

"Syarat? Apa syaratnya?" tanya gabenor yang sejak tadi hanya berdiam diri.

"Adakah kamu semua sanggup menukar agama dan kepercayaan kamu kepada agama kami?"

Lantas mereka berkata dengan tegas, "Tidak! Kami sanggup mati daripada menukar agama."

"Baiklah, kami akan mentadbir kota ini. Jadi saya menawarkan perjanjian iaitu kamu semua tidak akan diapa-apakan sekiranya menyerah."

"Sekiranya kami enggan?"

"Sekiranya kamu enggan, seluruh penduduk kota akan dibunuh sehingga tiada seorang pun dibenarkan hidup!" ugut Bohemund lantang.

Mereka meminta pandangan daripada gabenor, gabenor bersetuju dengan tawaran perjanjian itu. Akhirnya kaum Muslimin menyerah. Selepas semuanya selesai, mereka dibenarkan pulang ke rumah masing-masing. Gabenor kota pula dibenarkan meninggalkan kota.

Kemudian Raymond Toulouse mengarahkan tenteranya menggeledah gudang makanan, tetapi beliau kecewa kerana sangkaannya meleset. Kota Ma'arat bukanlah kota yang kaya. Bekalan yang ada masih tidak dapat menampung keperluan tenteranya yang besar, apatah lagi musim sejuk sudah tiba. Oleh itu, sebahagian besar tentera dan kesateria Salib memilih meneruskan

perjalanan ke Baitulmuqaddis. Tindakan itu diambil kerana kekurangan makanan selain tidak mahu tersepit di tengah pertelagahan antara pemimpin Salib. Namun, masih ramai tentera Salib yang tinggal di kota itu.

Raymond Toulouse telah mengubahsuai beberapa masjid yang terdapat di dalam kota itu menjadi gereja. Tetapi semuanya tidak berakhir seperti dirancang. Tentera Salib telah mengingkari janji apabila melakukan rompakan dan bertindak ganas terhadap orang awam. Penghuni kota cuba melawan dan tercetus pertempuran. Keadaan bertukar menjadi tegang dan ramai yang dibunuh.

Kegilaan tentera Salib menjadi-jadi. Mereka membunuh penghuni kota secara membabi buta. Dinding-dinding kota dipenuhi percikan darah. Jalan-jalan di sekitar kota juga sudah bertukar menjadi merah. Tentera Salib berkeliaran di serata tempat mencari sisa-sisa nyawa penduduk. Kota itu sudah menjadi neraka.

Bohemund berusaha meleraikan keadaan, tetapi tidak berjaya. Bilangan tentera yang ramai itu menyukarkan kawalannya. Keadaan itu hanya dapat dihentikan selepas beberapa hari kemudian. Kelihatan mayat-mayat yang bergelimpangan sudah membusuk.

Sekumpulan tentera Salib berkumpul memanaskan badan di hadapan unggun api. Bekalan makanan untuk tentera bawahan sudah kehabisan. Setiap masa ada sahaja pergaduhan yang berlaku kerana berebutkan makanan.

"Makanan sudah habis. Kita akan mati kelaparan!" teriak seorang tentera sambil berdiri di hadapan kawan-kawannya yang sudah tidak terdaya.

"Apakah yang patut kita lakukan?"

"Kita tinggalkan tempat ini."

"Sekarang musim sejuk. Kita akan mati kesejukan di luar sana."

"Di sini ini juga kita akan mati kelaparan."

"Kita sudah tidak boleh kemana-mana. Hanya ada satu cara sekiranya mahu terus hidup," kata seorang daripada mereka.

"Bagaimana?" tanya mereka tidak sabar.

Tentera itu menunjuk ke arah mayat-mayat yang bergelimpangan.

"Apa maksud kamu?" Mereka tidak mengerti.

"Sekiranya mahu meneruskan hidup itu sahaja jalan yang ada."

Mereka terpinga-pinga dan saling berpandangan.

"Gila!" Mereka sudah faham perihal yang dimaksudkan oleh kawannya itu.

"Apakah cara yang masih ada?"

Akibat desakan kelaparan dan tidak ada pilihan lain, mereka meluru ke arah mayat-mayat yang bergelimpangan itu. Mayat-mayat itu dilapah dan dipotong menjadi kepingan kemudian direbus dalam periuk dengan api marak. Mayat kanak-kanak pula

dipanggang. Bahkan, daging panggang yang belum cukup masak itu dimakan dengan ganas dan lahap sekali. Tidak terkecuali binatang seperti anjing juga menjadi sebahagian daripada makanan mereka. Daripada sekelompok yang kecil, bertambah menjadi satu kumpulan yang besar. Keadaan itu terus berlarutan.

Melihat suasana yang mengerikan itu, Gaston IV Bearn segera menghalang tetapi larangannya langsung tidak diendahkan. Baginya perbuatan itu adalah kesalahan yang tidak dapat dimaafkan.

"Kita mesti halang perbuatan orang-orang kita daripada terus memakan mayat. Itu satu tindakan gila!" kata Gaston IV Bearn berang. Walaupun beliau pernah bertempur di medan perang, tetapi belum pernah beliau berada dalam kelompok mengejikan seperti itu.

"Kami sudah menghalang perbuatan mereka, tetapi tidak dapat berbuat apa-apa lagi. mereka bertindak begitu kerana terlalu lapar." kata komandan.

"Perbuatan keji itu mesti dihentikan segera. Sebagai pemimpin, kalian berkuasa menghentikan keadaan ini. Jika terus begini, saya tidak sanggup berada di kota ini lagi," kata Gaston IV Bearn kepada Raymond Toulouse dan Bohemund dengan nada kesal.

"Gudang makanan yang ada tidak cukup bagi menampung orang-orang kita. Jadi, mereka terpaksa bertindak demikian," kata Raymond Toulouse.

Raymond Toulouse dan Bohemund mengetahui perbuatan pasukan tentera bawahannya, tetapi mereka

tidak dapat berbuat apa-apa. Tenteranya kini sudah menjadi kanibal.

"Saya cadangkan kita segera meninggalkan kota ini, dan meneruskan perjalanan ke kota Jerusalem. Lagi cepat kita menakluki kota suci itu, lebih cepat kita mengakhiri penderitaan tentera-tentera kita," cadang Godfrey Bouillon pula. Cadangan itu dipersetujui.

Beberapa hari kemudian, keadaan sudah terkawal. Kota berdarah itu sudah tidak berpenghuni. Tentera-tentera Salib dikerah membersihkan kota. Tulang-temulang serta mayat yang bergelimpangan ditanam diluar kota. Penduduk Kristian diluar kota dibenarkan kembali menghuni kota itu.

Kota Ma'arat kini di bawah pemerintahan pemimpin Salib. Walaupun Raymond Toulouse terlebih dahulu menawan kota itu, tetapi beliau tidak berminat memerintah kota itu. Baginya, kota Ma'arat tidak mempunyai kepentingan kepadanya. Baitulmuqaddis tetap menjadi matlamat utamanya.

"Raymond akan berangkat menuju ke Jerusalem, adakah kamu akan turut serta?" tanya Tancred kepada Robert Normandy ketika mereka duduk berbincang.

"Memang saya tidak senang dengannya, tetapi beliau cukup kaya bagi membiayai perjalanan tenteranya ke sana. Tanpa pembiayaan, sukar bagi meneruskan perjalanan ke sana. Lagipun di sini tidak ada apa-apa lagi. Kamu fikir bagaimana pula? Ataupun kamu berminat menyertai Bohemund?" tanya Robert Normandy kepada Tancred.

"Bohemund tidak mahu meneruskan perjalanan ke sana. Beliau mahu kembali dan memerintah Antokiah. Jadi saya memutuskan bagi mengikuti Raymond atas tujuan utama, iaitu menawan kota suci," jawab Tancred.

"Kalau begitu, saya juga akan menyertai Raymond bersama-sama kamu," kata Robert Normandy pula.

"Bagaimana pula dengan Godfrey dan Robert Flanders?"

"Kami berdua tidak akan turut serta," jawab mereka berdua. "Kami mungkin akan menyusul kemudian."

"Nampaknya, sebahagian daripada tentera kita akan mengikuti Baldwin yang sudah memerintah Edessa. Mereka tidak mahu lagi dihimpit penderitaan di medan perang," ujar Godfrey Bouillon .

"Sekiranya begitu, bilangan ahli pasukan kita akan menjadi sedikit. Dengan jumlah ini, adakah cukup untuk kita memerangi pihak Fatimiyah di Jerusalem?"

"Jangan bimbang, Tuhan akan merahmati perjalanan kita nanti. Pasti ada keajaiban yang tidak dijangkakan seperti yang berlaku sebelum ini," balas Godfrey Bouillon dengan suara yang menyakinkan.

Bilangan tentera Salib sudah mula berkurangan. Sebahagian daripada mereka mengubah haluan dengan mengikuti Baldwin ke Edessa, kerana keadaan di sana sudah mulai kukuh. Sebilangan besar yang lain pula mengikuti Bohemund tinggal di Antokiah. Begitu juga dengan orang-orang Norman.

26
Tentera Salib Tiba Di Baitulmuqaddis

Januari, 1099 Masihi

Selepas sebulan berada di kota Ma'arat, Raymond Toulouse memimpin para tenteranya berangkat ke Selatan. Pasukan itu turut disertai oleh Robert Normandy dan Tancred walaupun mereka tidak bersetuju Raymond menjadi pemimpin mereka.

Pada awal Febuari, selepas hampir sebulan Raymond berangkat, giliran Godfrey Bouillon, Robert II Flanders bersama-sama dengan tentera Salib yang tinggal di Latakia pula berarak ke selatan. Walaupun pada awalnya Godfrey Bouillon dan Robert II Flanders enggan mengikuti Raymond. Bohemund pula lebih awal meninggalkan kota dan kembali semula ke Antokiah.

Bilangan tentera Salib yang masih meneruskan perjalanan adalah antara 10 000 orang sehingga 20 000 orang. Mereka meredah padang pasir dengan harapan dapat menawan Baitulmuqaddis. Sepanjang perjalanan ke sana, amir-amir dari wilayah kecil menyambut kedatangan tentera Salib dengan mesra. Mereka bersetuju membayar sejumlah wang sebagai jaminan supaya wilayah mereka tidak diserang. Wang yang diperoleh itu digunakan oleh pasukan Salib bagi membiayai perjalanan mereka.

Pasukan Salib tiba di kota Arqa, lebih kurang 15 kilometer dari Tripoli. Tindakan gabenor dan penduduk kota itu yang enggan menyerahkan wang, menimbulkan kemarahan pemimpin Salib.

“Kota Arqa menolak bekerjasama dengan kita. Kita tawan kota itu sehingga mereka menyerah,” perintah Raymond Toulouse.

“Baiklah. Perintah Tuan akan dilaksanakan,” jawab Panglima Raymond Pilet.

Timbul niat dalam hati Raymond Toulouse bagi menawan Arqa dan menubuhkan kerajaannya di situ, sama seperti Antokiah yang berada di bawah penguasa Bohemund. Pengepungan Arqa, dijadikan langkah pertamanya menawan wilayah itu.

Mac, 1099 Masihi

Godfrey, Robert II Flanders, Tancred, dan Gaston Bearn akhirnya tiba di Arqa dan bergabung dengan Raymond Toulouse bagi mengepung kota Arqa. Namun begitu, kota Arqa masih tetap bertahan.

April, 1099 Masihi

April menyusul. Peter Bartholomew datang menemui Raymond Toulouse dan menceritakan visi pertamanya selepas meninggalkan kota Antokiah. Menurutnya, St. Andrew mengatakan kota itu harus diambil dengan serangan besar-besaran.

Kemudian Raymond Toulose menyampaikan visi itu kepada para pemimpin Salib, tetapi ditentang kerana terdapat pemimpin Salib yang masih meragui Peter Bartholomew.

Peter Bartholomew dipanggil oleh Biskop Arnulf Chocques. Semua para paderi sudah berkumpul.

"Wahai Peter, kami para cendekiawan agama meragui visi yang kononnya kamu terima daripada St. Andrew. Mustahil St. Andrew memilih kamu sebagai penyampai wahyunya. Jadi kami mahu kamu membuktikan kebenaran kata-kata kamu kepada kami."

"Wahai semua cendekiawan agama, saya tidak dapat membuktikan apa-apa. Cukuplah hanya visi yang disampaikan St. Andrew melalui saya itu terbukti benar. Adakah kerana visi itu disampaikan kepada seorang lelaki miskin dan buta, maka Tuan-Tuan semua tidak mempercayainya? Baiklah, sekiranya Tuan-Tuan meragui visi yang disampaikan, ujilah saya," cabar Peter Bartholomew dengan berani dan yakin.

"Bagaimanakah cara untuk kami menguji kamu, wahai Peter?" tanya mereka.

"Bakarlah saya!" jawabnya dengan lantang. "Walaupun saya bukanlah seorang yang jujur tetapi saya cukup percaya dengan visi yang diterima."

"Baiklah. Kami cabar bagi kamu melakukannya. Sekiranya benar, pasti Dia akan melindungi kamu."

Peter Bartholomew menyahut dan nekad menerima cabaran itu walaupun dihalang oleh Raymond Toulouse.

April, 1099 Masihi

Ranting pokok zaitun dan batang pelepah tamar sudah dibakar. Apinya marak menjulang tinggi. Semua tentera sudah berkumpul dan mengelilingi tempat itu. Upacara ujian itu akan berlangsung. Peter Bartholomew sudah bersiap sedia, sambil mengangkat tombak suci itu tinggi-tinggi lalu melompat ke dalam unggun api yang marak itu. Pasukan tentera yang melihat kejadian itu menjerit dan bersorak.

Beberapa waktu kemudian, beliau muncul di tengah-tengah api yang marak itu. Beliau merangkak keluar dari unggun api dalam keadaan tubuhnya parah terbakar. Peter Bartholomew masih hidup walaupun badannya melecur dan parah. Keadaan itu benar-benar mencetuskan kekecohan.

Peristiwa itu menjadi bualan hangat. Peter Bartholomew meninggal dunia selepas 12 hari tidak sedarkan diri. Ada juga golongan yang percaya Peter Bartholomew keluar dari unggun api tanpa cedera, tetapi didorong masuk semula ke dalam api itu. Selepas kematian Peter Bartholomew, Raymond Toulouse masih menyimpan tombak suci itu, walaupun ramai tentera percaya yang tombak itu adalah palsu.

Ketika pengepungan itu berterusan, berlaku pertelagahan antara Tancred dengan Raymond Toulouse. Kesannya, Tancred meninggalkan pasukan Raymond dan bergabung dengan Godfrey Bouillon.

Mei, 1099 Masihi

Selepas sebulan tentera Raymond Toulouse mengepung kota itu, mereka gagal dan terpaksa mengalah.

Raymond Toulouse tidak dapat menunggu lebih lama lagi. Kini pasukan Salib terpisah kepada dua pasukan yang tidak sehaluan. Dalam perjalanan menuju ke Baitulmuqaddis, Amir Tripoli mengirimkan banyak hadiah kepada pasukan Salib supaya kota itu tidak

diserang. Hal ini memudahkan perjalanan mereka tanpa apa-apa masalah.

Selepas Stepen Blois pulang ke Konstantinopel, tiba giliran Hugh Vermandois pula berpatah balik sebelum sempat sampai di Baitulmuqaddis. Kesukaran dan penderitaaan yang dialami sepanjang ekspedisi itu memberi tekanan hebat kepada bangsawan baron itu.

Gabenor Baitulmuqaddis, Iftikhar Ad-Daulah kelihatan tenang. Kehadiran pasukan Salib memang dijangkakan selepas tawaran mereka ditolak setahun lalu.

"Utuskan surat kepada Mesir, beritahu kita perlukan bantuan. Tentera Salib dalam perjalanan menawan kota Baitulmuqaddis," arah Iftikhar ad-Daula kepada pembantunya. Mesir mempunyai angkatan tentera yang kuat.

"Sebelum itu, perintahkan penghuni Kristian keluar dari kota supaya tidak ada yang menjadi tali barut tentera Salib nanti. Perintahkan juga semua penghuni kota menyimpan sebanyak mungkin bekalan makanan sebelum kedatangan tentera Salib. Ini sebagai langkah berjaga-jaga kerana saya mahu semua telaga dan ladang-ladang di luar kota diracun."

"Diracun?"

"Ya. Apabila kota ini dikepung oleh tentera Salib, mereka tidak akan dapat bertahan lama. Dengan itu, usaha pengepungan kota ini pasti gagal. Saya akan

lakukan apa sahaja bagi melindungi kota ini daripada diceroboh."

"Baik, Tuan Gabenor." Perintah Gabenor kota itu segera dilaksanakan.

Surat meminta bantuan sudah diutus ke Mesir. Penghuni yang beragama Kristian telah diusir dan mengosongkan kota. Hanya orang Yahudi sahaja yang dibenarkan tinggal di dalam kota itu. Binatang ternakan dari padang rumput sudah dibawa masuk ke dalam kota. Persiapan diatur dengan teliti. Kini mereka sudah bersiap sedia menghadapi peperangan sambil menunggu bantuan dari Mesir.

Dalam pada waktu yang sama, Perdana Menteri al-Afdal terkejut sebaik selesai membaca surat yang baru diterimanya. Ternyata pasukan Salib memang bermatlamat menawan kota suci itu. Beliau segera mengambil tindakan dengan mempersiapkan bala tentera dan senjata, namun perjalanan ke Baitulmuqaddis memakan masa. Bagi melegakan pengepungan itu, beliau menghantar utusan kepada Maharaja Alexius I di Konstantinopel dan meminta maharaja itu melengahkan penawanan kota itu.

Apabila Maharaja Alexius I menerima surat itu, beliau terkejut mengetahui tentera Salib sudah memulakan perjalanan ke Baitulmuqaddis. Lalu beliau menghantar utusan meminta supaya pasukan Salib menunggu sehingga pasukannya menyertai mereka. Ketika itu tentera Salib baru sahaja meninggalkan kota Arqa. Raymond Toulouse bersetuju, tetapi tidak pemimpin Salib yang lain.

"Kami tidak setuju!" bantah pemimpin Salib yang lain.

"Kita datang ke Timur Tengah kerana permintaan Maharaja Alexius, jadi tidak salah kita menunggu kehadiran beliau dan bersama-sama menawan kota Jerusalem," kata Raymond Toulouse.

"Tidak," bantah Godfrey Bouillon tegas. "Kami tidak lagi percaya kepada Maharaja Alexius. Matlamat kita adalah bagi merampas kembali kota suci itu. Tidak mustahil Maharaja Alexius sekali lagi memperdayakan kita. Usaha kita akan menjadi sia-sia."

Raymond Toulouse kecewa. Tiada pihak yang menyokongnya. Mereka mula bertengkar kerana mempertahankan pandangan masing-masing. Raymond Toulouse bersetuju menunggu kedatangan pasukan tentera Rom Byzantine, dan satu pihak lagi berpendapat sebaliknya.

"Bagaimanakah pula dengan yang lain?" tanya Raymond Toulouse.

"Kami bersependapat dengan Godfrey," jawab mereka.

Raymond Toulouse tiada pilihan, melainkan terpaksa bersetuju. Mereka bersepakat tidak memenuhi permintaan itu kerana kesangsian yang belum padam terhadap Maharaja Rom Byzantine. Utusan Maharaja Alexius I pulang membawa khabar duka. Beliau tidak mampu berbuat apa-apa lagi. Beliau sendiri tidak mungkin dapat menandingi pasukan tentera Salib yang jauh lebih kuat.

Perjalanan pasukan Salib diteruskan hingga ke Beirut, Tyre, Acre, dan tidak ada satu pun daripada kota-kota

tersebut menentang pasukan itu. Pasukan Salib juga tidak merancang menyerang kota-kota itu. Mereka tiba di Tripoli pada 13 Mei dan disambut baik oleh pemerintah bandar selain turut diberikan wang serta kuda.

Pasukan Salib menuju ke Selatan dengan menyusuri pantai, dan tiba di Beirut pada 19 Mei. Pasukan itu tiba di Tirus pada 23 Mei sebelum meneruskan perjalanan dengan lancar hingga ke pedalaman di Jaffa. Dari Jaffa mereka melewati pula Ramallah pada 3 Jun tahun yang sama. Ia sebuah perkampungan yang cantik. Tanah yang subur menjadikan permandangannya menghijau. Ia bersebelahan dengan perkampungan Lud. Kota itu didirikan oleh Khalifah Al-Walid bin Abdul Malik dari Bani Umayyah, bersama-sama kaum Muslimin pada tahun 716 H.

Jun, 1099 Masihi

Selepas beberapa hari berjalan di bawah terik matahari, pasukan Salib tiba di wilayah Betlehem. Betlehem bermakna rumah roti. Kota itu terletak sekitar 10 kilometer di sebelah selatan. Kota itu juga dikelilingi bukit bukau yang menganjur ke arah timur Gurun Yudea. Di kiri kanan jalan terbentang luas ladang-ladang gandum, ladang anggur, dan pohon-pohon zaitun yang tumbuh subur, selain terdapat beberapa buah perkampungan kecil.

Dipercayai Betlehem merupakan kota kelahiran Jesus dari Nazaret. Di kota itu juga terdapat gereja pertama

yang dibina oleh Konstantine Agung pada 330 Masihi. Gereja itu berdiri megah di tengah-tengah Betlehem, di atas sebuah gua yang digelar 'Holy Crypt'. Mengikut kepercayaan, di situlah tempat Jesus dilahirkan. Gereja itu juga merupakan gereja Kristian tertua ketika itu. Pada 637 Masihi, tidak lama selepas Baitulmuqaddis direbut oleh tentera Muslim, Khalifah Umar bin Al-Khattab mengunjungi Betlehem dan berjanji serta memberi keizinan yng 'Gereja Kelahiran' itu boleh digunakan oleh penganutnya.

Setibanya di kota itu, Godfrey Bouillon menghantar Tancred dan Gaston Bearn bagi menawan kota itu. Kedatangan mereka disambut baik oleh penduduk kota. Tranced didatangi ketua-ketua dari kota Bethlehem, dan mereka menyampaikan hajat mereka.

"Kami tidak mahu lagi berada di bawah pemerintahan Turki Seljuk. Tuan dihantar oleh Jesus bagi membantu kami membebaskan kota kelahiran suci Jesus daripada mereka," kata seorang daripada mereka.

"Walaupun berada di bawah pemerintahan Islam, kami bebas menjalankan kegiatan agama kami. Tetapi agama Islam tetap menjadi agama yang memerintah. Lagipun Maharaja Alexius sudah tidak lagi mampu mempertahan agama Kristian, hingga banyak wilayah di bawah empayar Rom Byzantine ditawan oleh kerajaan Turki Seljuk," kata mereka lagi.

"Saya fikir itu satu tawaran yang menarik. Selama ini tidak ada lagi penduduk kota yang meminta kita supaya menakluki kota mereka. Hal ini akan memberi peluang

kepada kamu bagi menjadi ketua, itupun jika kita berjaya menundukkan orang Seljuk," kata Gaston bersetuju.

Sesudah bertempur dengan tentera Seljuk, akhirnya kota itu jatuh ke tangan pasukan Salib. Ketika kota Bethlehem berada di bawah pemerintahan tentera Salib, biara baru dibina bersebelahan dengan biara di sebelah utara Gereja Nativityh. Di bawah kuasa Kristian dari Barat, paderi-paderi Greek yang lama dipecat dan diganti dengan paderi Latin. Tindakan itu menimbulkan kemarahan penduduk setempat, tetapi mereka tiada pilihan.

Jun 1099 Masihi

Di bawah terik mentari padang pasir, tentera Salib yang berjumlah 20 000 orang berjalan memijak pasir berbahang dengan berkaki ayam. Keadaan mereka sungguh lemah. Kaki-kaki mereka luka teruk, terutamanya bagi golongan tentera yang memakai perisai besi yang berat. Dalam perjalanan itu, mereka tiba di Bukit Montjoie dan mendaki sehingga sampai ke puncaknya. Di hadapan mereka terbentang kota kubah dan dindingnya yang berkeemasan dan seperti madu, itulah 'kota suci Baitulmuqaddis'.

Dari Clermont Perancis, mereka menuju ke Tanah Suci yang diagung-agungkan. Ekspedisi mereka selama tiga tahun sudah merentasi perjalanan sejauh 3 000 batu. Bilangan tentera Salib yang pada mulanya sebanyak

60 000 orang, berkurang kepada 12 000 tentera sahaja. Bilangan itulah yang selamat tiba di Baitulmuqaddis.

Pemimpin Salib bermesyuarat bagi mengatur strategi menawan kota Baitulmuqaddis. Dinding setinggi 40 sehingga 50 kaki menyukarkan kota itu ditembusi. Lantas pasukan pengepungan dibentuk dengan segera.

"Kini giliran kita menyerang kota Jerusalem. Mereka sudah mengetahui kejayaan kita menawan kota Antokiah dan kota Ma'arat. Jadi, mereka pasti membuat persiapan lebih rapi," kata Raymond Toulouse.

"Bilakah kita akan bertindak?" tanya pemimpin Salib tidak sabar.

"Dalam masa terdekat," jawab Raymond Toulouse.

"Bagaimana pula dengan kota ini? Siapa yang bertanggungjawab menjaganya nanti?" soal Robert Normandy.

Mereka saling berpandangan antara satu sama lain. Kemudian Godfrey Bouillon berata, "Itu kita akan bincangkan nanti."

Raymond Toulouse juga bersetuju dengan Godfrey Bouillon.

27
SERANGAN AKHIR

Robert Normandy mengambil kedudukan bersama-sama tenteranya di sepanjang dinding bahagian utara, di Pintu Bunga dan Herod Gate. Robert II Flanders mengambil tempat di Pintu Gerbang Kolum yang juga dikenali sebagai St. Stephen ataupun Damascus Gate. Godfrey Bouillon pula berada di sudut barat laut bandar di Pintu Jaffa, manakala Raymond Toulouse ke selatan. Tancred yang baru tiba kemudian menyertai Godfrey Bouillon dengan membawa ternakan biri-biri yang diperolehi dari Betlehem.

Peter Si Pertapa memandang kota itu dengan penuh keghairahan. Cita-citanya sudah termakbul. Kemudian beliau duduk berhampiran sekumpulan tentera yang

sudah penat dan tidak terdaya. Botol minuman saling bertukar-tukar tangan.

Tiba-tiba salah seorang daripada mereka bertanya kepada Peter Si Pertapa. Waktu itu pasukan utama pimpinan Raymond Toulouse sudah tiba di Baitulmuqaddis.

"Tuan, mengapakah kita mesti bersusah payah merebut kota ini, sehingga ramai yang terkorban dan sengsara?" tanya seorang tentera kepada Peter Si Pertapa. Ramai daripada mereka tidak mengetahui kepentingan kota itu, kerana tujuan utama mereka adalah semata-mata demi menghindari kemiskinan dan membasuh dosa-dosa silam.

"Benar, Tuan Pendeta. Kami melihat kota ini sama seperti kota-kota yang telah kita tawan. Walaupun berjaya menawan kota yang ada, kami masih lagi kelaparan dan terpaksa mengharungi kesengsaraan. Janji-janji bagi memperolehi kesenangan hanyalah dusta semata-mata," kata yang lain pula.

"Kota ini mempunyai kepentingan kepada umat Kristian. Kita mesti menawan kota ini supaya dapat menguasai Timur Tengah. Sesudah kota ini berjaya ditawan, barulah kalian dapat menikmati kesenangan. Tiada kesenangan sebelum mendapat kemenangan ini," jawab pendeta itu.

7 Jun, 1099 Masihi

Hari itu cuaca cukup tenang. Kota impian semakin hampir. Tentera Salib mengucap syukur kerana mereka selamat tiba. Selama dua tahun, mereka terpaksa

menempuh perjalanan panjang dicampur dengan pelbagai rintangan dan kesengsaraan.

Perjalanan jauh itu disulami keringat, air mata, dan darah. Mereka saling berpeluk kegembiraan. Semangat yang kian runtuh kembali bergelora membakar jiwa mereka. Daripada 7 000 orang kesateria yang mengambil bahagian dalam perang Salib, hanya 1 500 orang sahaja yang masih tinggal.

"Tuhan mengkendakinya!" teriak mereka dengan lantang sambil air mata terharu bercucuran.

Peter Si Pertapa antara orang yang paling gembira. Perjuangannya untuk sampai di kota suci itu, dan merampasnya daripada orang Islam bakal terlaksana. Beliau memandang kota itu dengan penuh keazaman.

Kota Baitulmuqaddis terletak di kawasan pergunungan yang tidak mempunyai banyak hutan. Tetapi terdapat sumber air, seperti kolam Siloam. Selain itu, terdapat mata air di lembah kaki Gunung Zion yang mengalir masuk ke dalam Sungai Kedron dan turut melalui lembah Jehosaphat.

Terdapat banyak saluran tangki yang menyalurkan air ke dalam kota. Ketika musim hujan, bekalan air tidak putus-putus, dan mencukupi bagi menampung keperluan penduduk kota dan juga binatang ternakan.

"Wahai Tuan Gabenor, tentera Salib sudah berada di luar kota dan mengepung Baitulmuqaddis," beritahu panglima perang Fatimiyah.

"Berapakah bilangan tentera Salib itu?" tanya Gabenor kota.

"Mereka berjumlah lebih kurang 1 500 orang kesateria dengan hampir 12 000 orang tentera pejalan kaki. Jumlah itu dengan mudah dapat dikalahkan oleh tentera Mesir yang jauh lebih besar dan kuat."

Seorang pembesar mencelah. "Wahai Tuan Gabenor, saya cadangkan supaya kita mengadakan rundingan damai dengan mereka."

"Saya tahu niat sebenar mereka. Tujuan mereka adalah membantu empayar Rom Byzantine. Mereka mahu menawan kota Baitulmuqaddis, sekaligus mengukuhkan kuasa Kristian Barat di Timur Tengah ini. Jadi, saya tidak mahu kota ini jatuh ke tangan mereka."

"Tuan Gabenor yakin kita akan berjaya?"

"Bersama kita berdoa kepada Allah supaya membantu kita melindungi kota suci ini daripada tentera kafir," tuturnya penuh harapan yang mengunung tinggi.

Kota Baitulmuqaddis berterusan dikepung. Mereka cuba memecah masuk tetapi tidak berjaya kerana pintu itu cukup kukuh. Ditambah pula, ketika itu tentera Salib kekurangan peralatan seperti manjanik, dan pelantik besar bagi merobohkan dinding kota. Sementara itu, Raymond Toulouse mendapati lembah yang mereka duduki, jauh dari dinding kota.

Dua hari selepas berkhemah di situ, mereka berpindah ke Gunung Sion berdekatan bahagian timur dan tenggara Baitulmuqaddis yang tidak dikepung.

"Tuan jeneral, kita bakal menghadapi kesukaran dan saat-saat getir sekiranya keadaan begini terus berlarutan," lapor Panglima Raymond.

"Apakah maksud kamu?"

"Semua ladang dan telaga sudah diracun!"

"Apa? Diracun?" soalnya yang sangat terkejut.

"Benar, Tuan Jeneral. Mereka sengaja meracun ladang dan telaga supaya kita tidak mempunyai bekalan makanan dan akhirnya mengalah."

Ada riak kecewa terpancar pada raut wajah Raymond Toulouse, sambil dahinya berkerut seribu.

"Kita sudah pun tiba sejauh ini, dan kota suci sudah berada di depan mata, mustahil saya akan berundur. Perkara yang berlaku ini sama seperti di Antokiah, tetapi akhirnya kita berjaya," Kata Raymond Toulouse

"Mustahil tentera kita dapat bertahan. Lebih teruk sekarang ini musim panas," ujar Panglima Raymond lagi.

"Saya percaya mereka hanya meracuni air di sekitar luar kota. Jadi, cari kawasan air secepat mungkin." Tidak semudah itu Raymond Toulouse berputus asa. Nekadnya bulat.

Kelihatan ratusan tentera Salib berlari berduyun-duyun menuju ke kolam Siloam di dinding bahagian Selatan. Mereka tidak mengendahkan kemungkinan kolam itu diracun, kerana kehausan yang tidak tertahan hingga hilang pertimbangan. Tentera Salib saling bergaduh dan bertelagah bagi menghampiri kolam itu. Akibatnya, tempat itu menjadi sesak dan berlaku tolak-menolak sehingga banyak tentera yang terjatuh ke dalam kolam. Dalam sekelip mata sahaja kolam itu dipenuhi ribuan manusia.

Masing-masing saling berebut menadah mulut ke pancuran mata air. Ramai yang terjatuh dan mati dipijak ribuan tentera. Manakala tentera yang tidak terdaya dibiar terdampar di tepi kolam. Ada pula dalam kalangan mereka merayu dan meminta air daripada orang yang lebih bernasib baik. Namun tidak dipedulikan, kerana masing-masing memperjuangkan kepentingan diri terlebih dahulu.

Mereka terpaksa mencari bekalan air yang terletak jauh dari luar kota. Malahan konvoi membawa air kerap diserang oleh pertahanan kota. Ramai tentera Salib mati dalam serangan mengejut itu.

Nasib mereka sama seperti di Antokiah. Selain bekalan air, mereka juga mengalami kekurangan sumber makanan. Jadi, Pasukan Salib meneruskan ikhtiar hidup dengan memakan daun-daun kayu, dan terpaksa mengorbankan kuda tunggangan mereka yang kian berkurang bilangannya.

Daripada pihak lawan di kota pula, tidak terdapat tanda-tanda akan menyerah kalah. Namun, pasukan Salib tetap berusaha mencari jalan masuk ke kota Baitulmuqaddis itu.

Jun, 1099 Masihi

Barisan pemimpin Salib berarak ke Bukit Zaitun untuk menunaikan haji. Bukit itu terkenal sebagai 'Bukit Suci'. Sebelum sampai ke puncak, mereka melewati sebuah

Taman Gethsemane yang terletak di kaki Gunung Zaitun. Taman itu dianggap suci dan dikenali oleh penganut Kristian sebagai tempat Nabi Isa bersama murid-muridnya berdoa, dan beribadah pada malam hari selepas peristiwa 'Santapan Terakhir' (The Last Supper), iaitu sebelum peristiwa penyaliban Nabi Isa. Gereja Ortodoks pula percaya, Taman Gethsemane adalah tempat Maryam meninggal sebelum diangkat ke langit dari Gunung Zion.

Dari kaki bukit, barisan pemimpin itu meneruskan perjalanan mendaki Bukit Zaitun, sebuah pengunungan di timur Baitulmuqaddis, dengan tiga puncak yang membentang dari arah utara ke selatan. At-Tur adalah puncak tertinggi dan digelar sedemikian kerana di lerengnya terdapat perkebunan zaitun. Ketika berada di atas bukit itu, pemimpin Salib bertemu dengan seorang pertapa tua yang menggesa mereka menyerang bandar itu pada keesokan harinya.

"Itu mustahil," bantah seorang pemimpin Salib. "Kami tidak mempunyai peralatan perang bagi melancarkan serangan besar-besaran.

"Tuhan akan memberikan kamu kemenangan sekiranya kamu mempunyai iman yang cukup," kata pertapa itu sebelum beredar pergi.

"Adakah kalian percaya dengan suruhan pertapa itu?" tanya seorang tentera sekembalinya mereka dari Bukit Suci.

"Saya setuju. Pertapa itu mungkin petunjuk yang diutuskan Jesus untuk membantu kita," jawab Biskop Arnulf Malecorne.

"Mengapa Tuan biskop yakin pertapa tua itu adalah utusan Jesus?"

"Bukit Zaitun itu bukit suci. Saya cukup yakin kata-katanya itu adalah benar. Hanya keimanan yang kuat dapat membantu kita," jawab biskop itu lagi.

"Jadi, apakah cara yang kita ada?" tanya Robert II Flanders.

"Kita bina tangga dan memanjat dinding kota, seterusnya memasuki ke dalam kota seperti kota Antokiah," cadangnya.

Jun, 1099 Masihi

Pada awal pagi hari ketujuh pengepungan kota, tangga-tangga sudah sedia diletak pada dinding kota. Beribu-ribu tentera Salib memanjat kota itu selepas diarahkan oleh Raymond Toulouse. Sementara itu, tentera Baitulmuqaddis yang berada di atas benteng kota segera mencurahkan minyak ke permukaan dinding luar kota supaya menjadi licin dan menghalang kemaraan tentera Salib. Tangga-tangga itu kemudiannya ditolak dan ramai tentera Salib yang terkorban. Walaupun bilangan tentera Salib sedikit tetapi mereka memiliki keberanian yang luar biasa.

Dalam masa yang sama, serangan diteruskan dengan melontar batu dan anak panah berapi ke arah menara. Namun masih juga tidak berjaya. Semuanya menemui

jalan buntu. Ramai tentera yang tewas. Namun orang Islam tetap bersemangat mempertahankan kota itu.

Tentera Salib tidak berputus asa. Serangan itu berterusan sehingga kepetang. Akibatnya ramai yang tercedera dan serangan itu terpaksa dihentikan. Kemenangan yang dijanjikan oleh Tuhan tidak tercapai. Malah mereka mengalami kerugian yang besar pula.

"Ternyata kata-kata pertapa tua itu dusta!" tutur Godfrey Bouillon sambil menanggalkan baju perisainya.

"Serangan itu akan berjaya jika semua pemimpin tidak berhenti awal, kerana rasa takut dan malas. Sekiranya tidak, pasti akan berlaku keajaiban," kata Biskop Arnulf tidak berpuas hati.

"Tentera kita sudah tidak berdaya dan tidak mampu lagi bertahan. Jika diteruskan, pasti lebih ramai yang terbunuh. Sepatutnya kita tunggu dahulu persiapan yang lebih teratur," kata Tranced pula.

"Keyakinan tentera-tentera kita sudah jatuh. Ramai yang mahu menamatkan Perang Salib dan pulang ke rumah." kata yang lain pula.

"Kita terburu-buru."

Selain keyakinan para tentera yang sudah hilang, pemimpin-pemimpin Salib juga masih saling bermusuhan.

Peter Desiderius melihat keadaan tentera Salib dengan pandangan resah. Semangat dan tenaga pasukan Salib sudah hilang. Tidak seperti mula-mula tiba di kota itu, ditambah pula dengan kekurangan makanan

dan minuman. Malah, cuaca panas menyukarkan lagi keadaan. Kali ini mereka berhadapan dengan tugas yang sukar. Usaha bagi menawan kota itu seperti sangat mustahil.

Malam tadi, Peter Si Pertapa menerima visi daripada Tuhan, dan roh Biskop Adhemar muncul memberi petunjuk kepadanya. Beliau menyampaikan visi itu kepada Biskop Arnulf, dan ketua agama itu bersetuju bagi menceritakan visi tersebut kepada seluruh pasukan tentera.

"Wahai tentera Salib, saya dipilih Jesus bagi menerima visi daripada Tuhan, meminta kalian supaya berpuasa lapan hari dan kemudian berarak dengan berkaki ayam di sekeliling kota. Sekiranya dilaksanakan perintah itu, nescaya kota ini akan jatuh ke tangan kita selepas sembilan hari. Misalnya, seperti Joshua dalam Bible semasa mengepung Jericho, visi Tuhan itu satu kebenaran. Ayuh, kita lakukan seperti yang diperintahkan itu." Kata-kata visi itu mengembalikan semangat yang hampir runtuh.

Seruan itu mendapat sambutan. Namun, ada juga dalam kalangan mereka yang masih kurang yakin termasuklah beberapa orang pemimpin.

Julai, 1099 Masihi

Pada hari Jumaat itu, pasukan Salib sudah bersedia. Perarakan berlangsung seperti yang diperintahkan. Paderi memegang panji mezbah sambil membaca ayat-

ayat suci. Bersama-samanya juga terdapat tombak suci yang sepatutnya disimpan di Antokiah, dan tulang lengan St. George yang dicuri dari sebuah biara di Rom Byzantine. Seramai 15 000 tentera Salib berarak dengan berkaki ayam, dan berpuasa demi mendapatkan kota Baitulmuqaddis. Bagi mereka, berpuasa adalah jalan terbaik untuk mendapat pahala.

Ritual itu diiringi dengan bunyi terompet dan genderang perang. Semasa perarakan itu berlangsung, tentera kota yang berada di atas benteng bukan sahaja mengejek tetapi bertindak membaling batu dan kayu. Kemudian, pasukan Salib itu bergerak secara senyap di sekitar dinding kota dengan berpakaian biasa sambil menyanyikan ayat-ayat dari kitab Zabur.

Sesudah upacara perarakan itu selesai, seluruh pasukan bersatu di Bukit Zaitun. Di sana, para paderi termasuk Peter Si Pertapa, Raymond Aguilers, dan Biskop Arnulf Malecorne mengadakan ceramah bagi menyemarakkan lagi semangat pasukan tentera. Kata-kata semangat itu memberi kekuatan baru kepada pasukan Salib, bagi mendapatkan kota idaman mereka

28
Jatuhnya Baitulmuqaddis

Bantuan dari Barat sudah tiba, enam buah kapal berlabuh di Jaffa. Dua buah kapal dari Genoa, empat buah kapal yang lain dari Inggeris. Terdapat juga bantuan bekalan makanan, peralatan senjata, tali, dan perkakasan yang diperlukan bagi membina menara pengepungan.

Apabila mengetahui ketibaan bantuan itu, Pangeran Geldemar Carpenel, iaitu anak buah Godfrey Bouillon membawa 50 orang kesateria dan 50 orang tentera berjalan kaki ke Perlabuhan Jaffa. Tujuannya adalah bagi memastikan bekalan itu selamat tiba ke Baitulmuqaddis.

Sesudah keberangkatan Geldemar Carpenel, pasukan yang diketuai oleh Raymond Pilet pula menyusul, bersama-sama dengan 50 orang kesateria

bagi membantu mengukuhkan pasukan itu. Kemudian, William Ramleh daripada pasukan Raymond Toulouse turut menyusul.

"Tuan Gabenor, bantuan pasukan Salib sudah tiba di Perlabuhan Jaffa. Mereka membawa bekalan makanan dan senjata bagi memerangi kita. Kita mesti menghalang bantuan itu daripada sampai ke sini sebelum bantuan dari Mesir tiba," lapor panglima Fatimiyah itu.

"Bagus. Inilah peluang kita. Kita mesti bertindak lebih awal daripada mereka. Hantar segera pasukan kita ke pelabuhan itu dan halang kemaraan mereka. Jangan biarkan pasukan Salib kembali ke sini!" perintah Iftikhar ad-Daula. Mereka mula menyusun strategi bagi memastikan serangan kali ini berjaya.

Iftikhar Ad-Daulah memerintahkan tentera menggempur dan memusnahkan pasukan bantuan itu.

Pasukan Fatimiyah sudah bersedia menunggu di Ramallah, yang terletak beberapa batu dari Jaffa, jalan utama ke Baitulmuqaddis.

Di dataran Ramallah, pasukan Geldemar dikepung oleh oleh tentera Fatimiyah. Mereka diserang oleh anak panah dan dikepung. Geldemar, ketua pasukan pemanah dan anggota tenteranya membalas serangan tentera Fatimiyah. Dalam pertempuran itu, lima kesateria muda termasuk Achard Montemerle dan semua pemanah terbunuh, dan hanya 30 anggota Geldemar yang terselamat.

Medan pertempuran itu diselubungi habuk pasir tebal yang mengaburkan pandangan. Tiba-tiba di

sebalik gumpalan habuk itu muncul 50 orangtentera kesateria berkuda. Pasukan itu diterajui oleh Raymond Pilet. Terkejut dengan serangan itu, pasukan berkuda Fatimiyah melarikan diri. Namun mereka dikejar dan berlaku pertempuran sengit, sehingga 200 tentera Fatimiyah terbunuh. Pasukan Salib turut merampas kuda dan senjata milik musuh mereka.

Sebelum itu, pasukan armada Mesir tiba di Perlabuhan Jaffa tetapi diserang oleh pasukan armada tentera Salib. Kehebatan armada tentera Salib itu berjaya menundukkan armada Mesir. . Pihak tentera Salib yang masih memerlukan kayu, akhirnya merungkai dua buah kapal tentera Mesir yang terkandas.

Baitulmuqaddis terletak di tengah-tengah padang pasir, dan terdapat sebuah hutan kira-kira 20 batu dari situ. Robert II Flanders dan Tancred membawa satu pasukan ke Samaria bagi mendapatkan lagi bekalan kayu. Mereka bertindak menebang pokok-pokok hutan, namun kayu yang diperoleh masih tidak mencukupi.

Semasa berada di hutan, Tancred menemui sebuah gua dan bercadang berehat buat seketika. Ketika memasuki gua itu, ada 400 keping kayu di dalamnya. Beliau gembira dengan anugerah yang mengejutkan itu.

Pasukan Salib pulang membawa unta yang sarat dengan kayu. Orang Frank dengan bantuan jurutera Genoa, mula membina dua menara pengepungan yang besar dan pelantak bagi membuka pintu kota.

Di luar kota, seluruh tentera berhempas-pulas meneruskan kerja membina menara pengepungan dalam cuaca panas. William Embriaco yang mempunyai

kemahiran membina menara pengepungan, begitu sibuk memerhati para pekerjanya melakukan tugasan. Mereka bekerja siang malam tanpa mendapat upah, kecuali tukang-tukang kayu yang profesional.

Raymond Toulouse juga tekun memerhati para pekerjanya bekerja. Beliau membayar upah mereka dengan menggunakan wangnya sendiri, tetapi orang-orang yang bekerja di menara lain dibayar dengan kutipan wang rakyat.

"Kita mesti segera menyiapkan menara ini, kerana pasukan bantuan dari Mesir dalam perjalanan ke Jerusalem. Kita hanya mempunyai masa satu bulan lagi sebelum mereka tiba," arah Godfrey Bouillon .

"Angkatan tentera Mesir terkenal sebagai pasukan yang kuat, dan kita bakal berhadapan dengan kemaraan mereka. Semoga ada keajaiban membantu kita seperti sebelum ini," tutur Robert Curthose.

"Keajaiban itu hanya kebetulan. Sebenarnya, pasukan kita memang mampu mengatasinya dengan strategi dan taktik yang lebih rapi," kata Robert Normandy pula.

"Kota ini nampaknya jauh lebih kukuh daripada dua kota sebelum ini,. Sudah tentu mengambil masa yang lebih lama untuk kita takluki. " kata Robert II Flanders gusar.

"Pelbagai cara sudah kita lakukan. Hanya tinggal cara ini sahaja. Apabila menara pengepungan siap, pasti kota ini dapat ditawan," kata Godfrey penuh yakin.

Kemudian Godfrey Bouillon mengemukakan cadangan, "Kita mesti membawa jentera-jentera dan

peralatan perang menghampiri kota secara senyap. Sekiranya mereka menyedari pergerakan kita, sukar kita menghampiri dinding kota. Oleh itu, saya cadangkan kita membawa semua peralatan perang pada waktu malam." Cadangan itu diterima semua.

Julai, 1099 Masihi

Menara pengepungan itu setinggi dinding kota. Peralatan perang yang lain juga disusun dalam posisi strategik. Semua menara pengepungan digerakkan menghampiri kota. Batu-batu yang digunakan sebagai peluru manjanik juga sudah tersedia. Tugas-tugas itu dilakukan dalam gelap dan memerlukan usaha yang berganda. Mereka bertungkus-lumus, dan berhati-hati kerana bimbang diketahui pengawal kota.

Malam itu, Raymond Toulouse sentiasa berada di sepanjang dinding Selatan. Beliau meneruskan usaha mengisi parit dengan batu-batu besar supaya lebih mudah membawa menara pengepungan menghampiri dinding menara. Tetapi pekerjaan itu agak sukar baginya. Lalu beliau mengumumkan kepada sesiapa yang berjaya mengangkat tiga batu besar masuk ke dalam parit, akan menerima satu dinar. Masing-masing berlumba-lumba mengangkat batu itu dan kerja itu selesai dalam masa yang singkat.

Godfrey Bouillon, Robert Normandy, dan Tancred memilih bagi menyerang dinding utara yang terletak di timur Pintu Herod. Tentera Salib bekerja keras memecah dinding luar. Runtuhan dinding itu jatuh ke dalam parit dan menutupi parit tersebut. Dalam pada itu, pertahanan kota segera menghalang tindakan itu dengan panah berapi. Tentera Salib hanya mampu mengelak dengan perisai.

Walaupun menjelang petang, mereka terus bertungkus-lumus menggerakkan menara ke dinding kota. Apabila hari merangkak senja, barulah Raymond Toulouse bersama-sama para tenteranya berjaya melakukan tugasan itu.

Tancred berjalan mundar-mandir. Gaston Bearn pula hanya memerhati.

"Wahai Tancred, apa yang kamu fikirkan?" tanya Gaston yang sejak tadi melihat sahabatnya itu.

"Saya memikirkan cara bagi memasuki kota itu. Saya mahu menjadi orang pertama yang memasuki kota itu sebelum orang lain," beritahu Tancred.

"Jadi apa perancangan kamu?"

"Rancangan itulah yang saya sedang fikirkan. Kamu ada cadangan?" tanya Tancred pula.

"Bagi saya, menjadi orang pertama yang memasuki kota itu tidak penting. Perkara yang lebih mustahak adalah mencari cara mengalahkan pertahanan kota."

Tancred mengakui kebenaran kata-kata sahabatnya itu.

Malam itu, pasukan Salib meneruskan usaha dengan mara ke menara dan merapat ke tembok. Mereka terpaksa menahan serangan panah dan bola api yang dilemparkan oleh pasukan pertahanan kota. Usaha itu kelihatan kurang berjaya tetapi mereka langsung tidak mengalah.

Pagi itu, Godfrey Bouillon dan pasukannya berjaya merapatkan sepenuhnya menara ke bahagian utara dinding kota.

Tanpa berlengah, pasukan Salib segera naik ke menara dan melompat ke dalam benteng. Berlaku pertempuran sengit. Kemaraan tentera Salib tidak dapat dihalang menyebabkan ramai pengawal kota tewas. Dengan mudah tentera Salib membuka gerbang kota dari dalam. Pasukan Salib yang berada di luar merempuh masuk seperti empangan pecah.

Manakal menara-menara pengepungan yang berada berhampiran dengan dinding kota musnah, apabila pertahanan kota terus membedil menggunakan lastik api yang luruh bagaikan hujan batu. Tembikar yang penuh dengan minyak dilontar, dan apinya terpercik ke merata-rata tempat sehingga membakar sesiapa yang berdekatan.

Tindakan pertahanan kota itu juga dibalas oleh tentera Salib. Anak panah yang direndam dalam minyak, dinyalakan dan dibidik ke arah menara kota. Akibatnya, menara kota terbakar. Pengawal kota bergegas memadamkan api yang mula marak itu dengan air dan cuka.

Selain itu, mereka merendam bebola jerami di dalam minyak dan lilin supaya ia lebih lama terbakar. Bebola jerami itu dilempar ke dalam kota.

Di sebelah utara pula, para tentera Salib terperangkap dan disekat semasa menuju ke menara kota. Raymond Toulouse juga masih tidak dapat mara ke menara.

Namun, itu semua belum mencukupi bagi tentera Salib. Pertahanan kota masih utuh.

Godfrey Bouillon mengarahkan para tenteranya meneruskan serangan dengan menggunakan bebola jerami dan kapas berapi. Serangan itu dilakukan terhadap benteng utara, berdekatan pintu Herod. Berpuluh-puluh bola jerami dilontar ke atas benteng dan mengeluarkan asap tebal, menyebabkan pengawal kota mengalami pedih mata dan lemas. Ramai penduduk kota melarikan diri.

Orang Frank berjaya membina tangga bagi memanjat kota, dan dua orang kesateria Flemish iaitu Litold dan Gilbert Tournai, yang mengetuai kontinjen Lotharingian berusaha keras memanjat dinding kota.

Tetapi usaha itu menjadi sukar apabila mereka dibedil oleh pertahanan kota. Namun, Godfrey Bouillon dan Eustace Boulogne tetap berusaha memanjat benteng tersebut itu.

Apabila tengah hari, barulah tentera Salib berjaya berjaya memanjat dinding kota tanpa apa-apa halangan. Letold dan Gilbert Tournai menjadi orang terawal yang berhasil naik ke benteng kota.

Kemudian Godfrey Bouillon, Eustace Boulogne, Robert II Flanders, dan Robert Normandy juga berjaya menapak di benteng. Sesudah berhasil merebut bahagian benteng itu, orang-orang dari Lorraine dengan segera menaikkan tangga. Tancred juga berbuat demikian. Namun, harapannya bagi menjadi orang pertama memasuki kota tidak tercapai.

Godfrey Bouillon pula berjuang di Column Gate, bagi membuka pintu masuk kepada pasukan utama. Kemudian kedengaran teriakan lantang memecah kekecohan di benteng kota.

“Tuhan membantu kita!" teriak tentera Salib sambil berlari memasuki kota.

Pertahanan kota yang melihat keadaan itu serta merta patah semangat. Mereka segera meninggalkan benteng kota. Penduduk-penduduk kota juga melarikan diri mencari perlindungan.

Raymond Toulouse dan para pengikutnya terus menerus menyerang, tanpa mengetahui Godfrey Bouillon sudah berjaya memasuki bahagian kota itu, sehinggalah mereka melihat pengawal kota melompat dari benteng.

Serta-merta mereka bersorak gembira lalu bergegas masuk ke dalam kota, dan mengejar serta membunuh musuh-musuh mereka. Ramai penduduk bersembunyi di Menara Daud, manakala yang lain melarikan diri ke masjid dan Kuil Sulaiman.

Godfrey Bouillon mengarahkan tentera-tenteranya membuka Colum Gate agar memudahkan kemasukan tentera Salib yang lain. Pada masa sama, beliau terlihat kelibat Biskop Adhemar dalam kalangan tenteranya yang bergegas membuka pintu. Beliau cukup yakin jelmaan biskop itu akan membantu pasukan mereka.

"Tuhan menghendakinya! Tuhan mengehendakinya!" teriak tentera Salib. Semangat mereka sudah terbakar. Seluruh kota bergema bagaikan guruh. Sehinggakan burung pun takut mendekati kota itu.

29
Baitulmuqaddis Berdarah

Apabila tentera Salib menakluki dinding Selatan, Iftikhar ad-Daulah menyedari semuanya sudah berakhir, namun beliau menetapkan pendirian bagi berperang sehingga titisan darah terakhir. Pertahanan kota perlu bangkit semula, biar taruhannya adalah nyawa.

"Tuan Gabenor, Menara Daud diserang habis-habisan!" lapor seorang panglima termengah-mengah.

"Perintahkan orang-orang kita terus bertahan. Jangan benarkan tentera musuh mara ke dalam kota itu!" perintahnya tegas.

"Tetapi kemaraan tentera Salib tidak dapat ditahan lagi. Mereka sudah menawan bahagian selatan. Orang-orang kita sudah tidak mampu bertahan. Ramai yang dibunuh. Begitu juga dengan penduduk kota."

"Dengan apa-apa cara sekalipun, kita tidak boleh mengalah!" Iftikhar ad-Daulah sedar apabila kehilangan Menara Daud, bermakna harapannya semakin menipis. Namun, beliau tidak hilang arah dan memerintah tenteranya supaya tidak berhenti berjuang.

Raymond Toulouse kemudian beliau membuat tawaran kepada pihak Fatimiyah, dengan membenarkan Gabenor Iftikhar ad-Daulah dan orang-orangnya meninggalkan kota. Raymond Toulouse yakin bahawa kota itu tidak akan dapat dipertahankan lagi. Tetapi mereka mesti menyerahkan Menara Daud kepadanya. Sekiranya tidak, lebih ramai penduduk kota dibunuh!

Tawaran itu merunsingkan Iftikhar ad-Daulah. Fikirannya berserabut antara mempertahan kota, ataupun menyelamatkan nyawa penduduk yang tidak berdosa.

"Wahai Gabenor, kita terpaksa mengalah. Sekiranya kita terus bertahan lebih ramai penduduk kota akan dibunuh," kata seorang pembesar.

Iftikhar ad-Daulah mengeluh berat. "Bagaimanakah nasib penduduk kota yang lain? Masakan saya sanggup berbuat demikian."

"Sekiranya tuan tidak menerima tawaran itu, lebih banyak nyawa yang akan terkorban. Kita tidak mampu berbuat apa-apa lagi. Serahkan sahaja Menara Daud kepada mereka," pujuk pembesar itu walaupun keberatan.

"Saya tidak sanggup. Biarlah saya bersama-sama mereka di sini, kalian saja pergi dari sini," balas Iftikhar dengan lemah.

"Tidak!" bantah pembesar itu. "Nasib penduduk bergantung kepada tuan. Raymond mahu Tuan sendiri meninggalkan kota dan menyerahkan Menara Daud kepada mereka. Kita akan memperkukuhkan semula angkatan tentera, dan merampas kembali kota ini bersama-sama bantuan dari Mesir," tegas pembesar itu

Iftikhar Ad-Daulah menghampiri jendela. Keadaan di luar sudah tidak terkawal lagi. Tentera Salib berjaya mengepung Menara Daud. Penduduk kota dibunuh tanpa belas simpati.

Pemandangan itu tidak sanggup ditontonnya lagi. Beliau mengalih pandangan dari jendela. Kelopak matanya dibasahi air jernih, sukar sungguh beliau membuat keputusan.

"Tuan mesti buat keputusan sekarang." desak pembesar itu lagi.

"Sampaikan kepada Raymond, saya ada satu permintaan. Saya bersedia menyerahkan Menara Daud sekiranya beliau sendiri menjamin keselamatan saya dan para pengikut," kata Gabenor itu.

"Baiklah, saya akan sampaikan permintaan Tuan dengan segera." Pembesar itu segera beredar.

Permintaan itu disampaikan kepada Raymond Toulouse dan dipersetujui oleh pemimpin Salib itu. Malam itu juga mereka bertolak. Tindakan Gabenor itu, membuatkan penduduk kota berang dan menuduhnya

sebagai pengecut, kerana membiarkan penghuni kota menghadapi serangan tentera Salib bersendirian.

"Tidak guna kita mempertahankan kota ini lagi, sedangkan gbenor sudah lari meninggalkan kota. Kita terpaksa bersendirian mempertahankan kota Baitulmuqaddis ini. Lebih baik kita menyerah sahaja!" kata pertahanan kota yang berang dengan tindakan Gabenor itu.

"Jika menyerah kalah, kita tetap akan mati. Ramai penduduk kota telah dibunuh. Jadi lebih baik mati bertempur daripada disembelih!" jawab yang lain.

Selepas Gabenor Iftikhar Ad-Daulah meninggalkan kota, berlaku kejadian pembunuhan yang kejam dan dahsyat. Mereka tidak berhenti mengejar dan membunuh orang Islam sampai ke Kuil Sulaiman, sehinggakan seluruh kuil itu dipenuhi dengan darah.

Tentera Salib juga membunuh setiap orang yang mereka temui. Mereka memasuki dan menggeledah rumah-rumah dan mengheret keluar penghuninya. Kaum wanita dan gadis-gadis turut diperkosa. Para pemimpin Salib tidak mampu mengawal tindakan tentera bawahan mereka. Sepanjang malam itu, tentera Salib kemabukan darah.

Sementara itu, kaum muslimin yang masih hidup berlindung di The Dome of the Rock, berhampiran Masjid al-Aqsa yang dikuasai oleh Tancred.

Apabila pagi tiba, tentera Salib masih mencari penghuni kota. Mereka kemudiannya memasuki Masjid Al-Aqsa, walaupun bendera yang dikibarkan di situ jelas

menandakan penghuni masjid tersebut mesti dilindungi. Namun, semua penghuninya tetap dibunuh. Tidak ada yang terlepas termasuk wanita dan kanak-kanak.

Jeritan dan tangisan anak kecil adalah suara yang menyemarakkan lagi kegilaan pasukan Salib. Darah bergenangan memenuhi lantai masjid, mayat-mayat bergelimpangan. Orang Yahudi yang berlindung di Sinagog juga menerima nasib yang sama. Mereka dibakar hidup-hidup dalam rumah ibadat itu. Tidak ada seorang pun yang terselamat. Bahkan tentera Salib dengan rakus memusnahkan monumen orang-orang Kristian Ortodoks.

Kekejaman mereka seperti tidak bernoktah apabila tentera Salib membelah mayat-mayat, kerana mereka ada orang Islam yang menelan emas untuk disembunyikan. Namun, apabila tidak ada emas yang ditemui, mayat tersebut dibakar. Mereka yakin emas, yang ada di dalam tubuh akan cair dan mengalir ke tanah.

Gaston dan Tancred sangat kecewa dengan kejadian itu. Mereka tidak dapat berbuat apa-apa bagi menghalang tindakan tersebut. Jalan-jalan di dalam kota yang dipenuhi darah hanyir, dan tubuh-tubuh manusia bergelimpangan, menjadi permaidani menyambut kehadiran pemimpin tentera Salib.

Ramai dalam kalangan pemimpin Salib tidak menyenangi kejadian yang berlaku itu. Sebaliknya, semua pendeta pula merestui segala tindakan kejam para tentera terhadap orang Islam dan Yahudi.

Tanred bangun lalu berkata, "Tindakan ini gila! Ini bukan caranya. Kita mesti hentikan pembunuhan yang sedang berlaku!"

"Mereka itu orang kafir yang wajar dibunuh. Darah mereka halal ditumpahkan!" bantah Biskop Arnulf.

"Panji yang saya serahkan, berkibar di bumbung masjid sebagai tanda tempat tersebut tidak boleh diceroboh, tetapi tentera Salib sendiri melanggar peraturan itu. Saya tidak dapat menerima hal ini. Ini satu tindakan yang tidak berhati perut!" kata Tancred berang.

"Kami sudah cuba menghalang, tetapi mereka seperti sudah kerasukan," lapor seorang komandan.

"Paus Urban II sendiri menghalalkan cara ini. Inilah yang dikatakan seruan jihad," sambung biskop itu lagi.

"Kalian akan memperolehi penebusan dosa serta pahala di kerajaan Syurga. Begitulah ucapan Paus Urban II ketika Persidangan Clermont. Sebelum ini, umat Kristian dibunuh secara kejam dengan membelah perut dan mengeluarkan usus mereka, jadi adakah tindakan kita ini tidak adil?" Biskop Arnulf tetap bertegas membela kejadian yang berlaku.

Tancred segera beredar dengan perasaan marah dan kecewa diikuti oleh Gaston.

Suasana kota masih tegang. Tentera Salib menguasai kota Baitulmuqaddis dengan penuh kebanggaan. Walaupun penyembelihan masih berlaku, paderi-paderi tetap berkumpul dalam perarakan suci. Mereka melaung dan menyanyi sambil berjalan ke kuil Gereja Makam

Kudus melalui darah yang mengalir di kaki mereka. Kini terlangsai sudah hutang mereka.

17 Julai, 1099 Masihi

Selepas dua hari, keadaan kota menjadi aman. Para komandan berjaya mengawal tentera bawahan mereka. Itupun selepas hampir semua orang Islam dan orang Yahudi dibunuh. Kota suci itu berbau busuk dengan mayat-mayat bergelimpangan. Kemudian kota itu dibersihkan dengan mayat dibuang ke luar kota.

Kaum Kristian yang diusir sebelum ini, kembali menghuni kota. Tentera-tentera Salib bergembira. Tidak ada sekelumit pun penyesalan dalam hati mereka. Dengan tertawannya kota itu, berakhirlah perjalanan yang panjang dan jauh. Penderitaan yang mereka lalui sudah dibayar dengan darah penduduk kota itu.

Para pemimpin Salib berbincang bagi menentukan pemimpin yang layak memerintah Baitulmuqaddis. Namun tidak ada sesiapa yang bersetuju dengan calon–calon yang dipilih. Masing-masing mengingini takhta pemerintahan kota itu. Perbincangan itu ditangguh tanpa kata putus.

Dalam kalangan pemimpin Salib pula, mereka berpendapat antara yang paling layak adalah Raymond Toulouse dan Godfrey Bouillon.

"Sesudah kami berbincang, kami bersepakat menawarkan kedudukan tertinggi kota ini kepada

Raymond. Beliau akan memerintah kota ini sekiranya beliau bersetuju," ucap jurucakap majlis.

Semua mata tertumpu kepada Raymond Toulouse. Jawapannya amat dinantikan.

Raymond Toulouse berdiri lalu berkata, "Hanya Jesus yang berhak menjadi raja di Jerusalem. Saya tidak akan memakai mahkota emas di tempat Al-Masih yang memakai mahkota duri." Raymond Toulouse menolak tawaran itu.

Selepas penolakan Raymond Toulouse itu, mereka membuat tawaran serupa kepada Godfrey Bouillon pula. Godfrey Bouillon menerima tawaran itu tetapi dengan gelaran yang berbeza.

"Saya menolak diangkat menjadi raja, tetapi menerima tawaran itu dengan menggunakan gelaran sebagai 'Advocatus Sancti Sepulchri.'" Gelaran serupa digunakan di wilayah utara Perancis. Seorang advocate yang bertanggungjawab diberi hak kekuasan bagi sebuah kota ataupun daerah oleh tuan mereka.

Upacara pelantikan Godfrey Bouillon sebagai penguasa di Baitulmuqaddis berlangsung penuh adat istiadat. Kini Baitulmuqaddis secara rasmi berada dibawah jajahan pasukan Salib Barat. Namun begitu, Raymond Toulouse masih enggan menyerahkan Menara Daud yang berjaya ditawannya kepada Godfrey Bouillon.

Selepas dipujuk, akhirnya Raymond Toulouse bersetuju menyerahkan kawasan itu kepada kuasa seorang biskop, walaupun pada mulanya beliau sendiri nahu menguasai Menara Daud.

Bermulah kekuasaan kerajaan Kristian Barat di bumi Timur Tengah, di bawah pemerintahan Godfrey Bouillon. Malangnya, pemerintahannya singkat sahaja. Setahun selepas kota Baitulmuqaddis ditawan, Godfrey Bouillon meninggal dunia dan saudaranya, Baldwin diangkat menjadi raja di kota itu. Riwayat hidup Godfrey Bouillon menjadi lagenda selepas beberapa tahun kematiannya.

RUJUKAN

Atlas Perang Salib, Sami bin Abdullah al Maghluts, penerbit almahira, Jakarta, 2009.

Perang Suci, Karen Armstrong penerbit Adiwarna Kuala lumpur 2011

Perang Salib, Mustafa Suhaimi penerbit Progressive Publishing House Sdn Bhd Ulu Klang Selangor Darul Ehsan 1993

Salahuddin Al Ayubi Pahlawan Perang Salib, Dr Mahmud Syalabi penerbit visi Madani 1998

Tokoh-tokoh Perang Salib, Muhamad Ali Fakih penerbit Najah Jakarta 2011

NOVEL SEJARAH ISLAM

PERANG ARAB-ISRAEL 1973

978-967-408-106-5

Sem. Malaysia (RM18.00)

Sabah/Sarawaak (RM20.00)

Online Bookstore: www.bookcafe.com.my

NOVEL SEJARAH ISLAM

HAMZAH BIN ABDUL MUTTALIB

978-967-408-100-3
Sem. Malaysia (RM24.00)
Sabah/Sarawaak (RM27.00)
Online Bookstore: www.bookcafe.com.my

NOVEL SEJARAH ISLAM

ABU ZHAR AL GHIFARI

978-967-5783-69-2

Sem. Malaysia (RM24.00)
Sabah/Sarawaak (RM27.00)

Online Bookstore: www.bookcafe.com.my

NOVEL SEJARAH ISLAM

AMRU AL AS

978-976-408-114-0
Sem. Malaysia (RM24.00)
Sabah/Sarawaak (RM27.00)
Online Bookstore: www.bookcafe.com.my

SEBUAH FIKSYEN SEJARAH
MU'MIN JARNI
PAHLAWAN - PAHLAWAN
MAMLUK
PERAJURIT SALAHUDDIN AL-AYUBI